

KECERDASAN EMOSI DALAM NOVEL REMAJA

WAN NORLIDZA BINTI WAN MOHD ZAIN

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

KECERDASAN EMOSI DALAM NOVEL REMAJA

WAN NORLIDZA BINTI WAN MOHD ZAIN

**TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **WAN NORLIDZA BT WAN MOHD ZAIN** No. K.P: **670115-03-5100**
No. Pendaftaran : **JHA050006**
Nama Ijazah : **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**
Tajuk Tesis : **KECERDASAN EMOSI DALAM NOVEL REMAJA**

Bidang Penyelidikan : **KESUSASTERAAN MELAYU MODEN**

Saya dengan sesungguh dan sebenarnya mengaku bahawa :

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa-apa jua bentuk atau dengan apa-apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

.....
Tandatangan Calon

.....
Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui dihadapan,

.....
Tandatangan Saksi

.....
Tarikh :

Nama : **PROF. MADYA DR. HASHIM BIN ISMAIL**
Jawatan: PENSYARAH/PENYELIA TESIS

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti komponen-komponen kecerdasan emosi dalam novel-novel remaja dan pengaruh komponen kecerdasan emosi terhadap pembentukan sahsiah remaja dalam novel kajian. Kehadiran komponen kecerdasan emosi dapat dikesan melalui peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh watak yang pastinya mempunyai kaitan dengan latar belakang watak dan tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh remaja tersebut. Remaja yang pandai mengurus emosi pastinya memiliki sifat remaja unggul iaitu mempunyai keimanan yang kukuh, akhlak yang mulia dan disanjung oleh semua orang. Terdapat tiga objektif yang dicapai dalam kajian ini iaitu, mengenal pasti kehadiran komponen kecerdasan emosi pada watak-watak yang terdapat dalam teks kajian, menganalisis kecerdasan emosi yang terdapat pada watak-watak protagonis remaja berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam teks kajian dan menilai pengaruh dan kepentingan komponen kecerdasan emosi terhadap pembentukan sahsiah unggul watak protagonis remaja dalam teks terpilih. Kajian ini berlandaskan Teori Kecerdasan Emosi yang dipelopori oleh Mayer dan Salovey (1990) dan Teori Kecerdasan Emosi oleh Daniel Goleman (1995/1999). Selain itu, Pendekatan Tauhid juga diguna pakai untuk melihat aspek-aspek kerohanian Islam dalam diri remaja. Satu Model Kecerdasan Emosi (MKE) telah dibentuk untuk menganalisis dan mengupas komponen-komponen kecerdasan emosi yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih. Model Kecerdasan Emosi (MKE) kajian ini dibahagikan kepada tiga komponen iaitu Komponen Kesedaran Peribadi, Komponen Kesedaran Sosial dan Komponen Kesedaran Rohani. Komponen Kesedaran Peribadi dibahagikan kepada tiga ciri iaitu mengenal emosi sendiri, mengurus emosi, dan motivasi kendiri. Analisis untuk komponen ini dibuat berdasarkan perlakuan watak-watak remaja apabila menghadapi konflik. Komponen Kesedaran Sosial melihat hubungan watak remaja dengan pihak lain iaitu terdapat ciri-ciri yang diperturunkan iaitu empati dan kemahiran sosial. Komponen Kesedaran Rohani pula terbahagi kepada aspek akhlak dan akidah. Aspek akidah melihat hubungan watak remaja dengan penciptaNya manakala aspek akhlak pula akan melihat amalan-amalan kebaikan mereka. Kajian ini telah menemukan beberapa dapatan penting hasil daripada analisis yang menggunakan Model Kecerdasan Emosi (EMK) yang dibentuk. Pertama, keseluruhan novel remaja yang dikaji telah dimantapkan dengan komponen-komponen kecerdasan emosi yang terdapat dalam model kajian. Seterusnya, dapatan kajian juga telah membuktikan bahawa watak-watak utama remaja dalam kajian dapat melalui kehidupan mereka dengan tenang dan tabah kerana mempunyai kemahiran mengendalikan emosi dengan positif. Hal ini secara tidak langsung telah memaparkan ciri-ciri remaja yang berakhlak tinggi. Dapatan seterusnya telah menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh watak-watak remaja adalah pada tahap yang tinggi kerana mempunyai kemahiran untuk menguruskan emosi dan menjalinkan hubungan baik dengan pihak lain. Keunggulan sahsiah watak-watak remaja protagonis terbukti apabila mereka sentiasa disanjung dan diberi kepercayaan oleh watak-watak lain. Dapatan-dapatan ini dengan jelas membuktikan bahawa komponen kecerdasan emosi memainkan peranan penting kepada pembentukan sahsiah remaja yang unggul seperti yang diaspirasikan oleh negara.

ABSTRACT

This research is to observe Emotional Intelligence components in youth novels, focusing on the influence of these components on the development of their personas' personalities. The presence of these components are indicated by the incidents encountered by the novels' characters that had links to their background and Emotional Intelligence levels. Model youths who have command over their emotions are those with strong religious belief, excellence personalities, and are held in high esteem others. The three objectives of this research are to provide the evidence of the Emotional Intelligence components existence in the characters' personalities, to analyse the characters and their characteristics based on the adopted Emotional Intelligence model (EIM) , and to explain the influence as well as the importance of Emotional Intelligence (EIM) components on these youths' personalities development. This research is based on the Emotional Intelligence Theory proposed by Mayer and Salovey (1990) and Daniel Goleman's Emotional Intelligence Theory (1995/1999). The Monotheism Approach is also utilised to ascertain the characters' Islamic spirituality. An Emotional Intelligence Model (EIM) was developed to analyse and discuss the Emotional Intelligence components use in the chosen novels. The three components of Emotional Intelligence are the components of Spiritual Awareness, Personal Awareness, and the Social Awareness. The Personal Awareness component three characteristics are the awareness of personal emotion, emotional management, and self motivation. The analysis of this component is made based on the characters' behaviours upon facing conflicts. The Social Awareness component looks into the youth character's relationship with others in the forms of empathy and social relationship. The emotional awareness component analysis is carried out on the characters' too. The Spiritual Awareness component consists of the moral and the religious conviction aspects. The religious convictions aspect looks into the characters' relationships with their Creator while the moral aspect looks into their honorable societal contributions. This research has some important findings gathered from the analysis of the texts using the formulated Emotional Intelligence Model. Firstly, all the youth novels studied were reinforced with the identified Emotional Intelligence Components. The findings prove that the main characters in the study live their lives serenely and patiently because they are endowed with all three of the Emotional Intelligence components. Besides, it indicates them as having high moral values characters too. The next finding indicates the emotional intelligence possessed by the characters are of high scale because they are skillful in managing their emotions and be able to interact with others amicably. The excellence personalities of the youth characters were established by the portrayal of admiration and trust by the other characters in the stories. And, these findings also prove that Emotional Intelligence plays important role in the development of excellence personalities in youth characters as aspired by our Nation.

PENGHARGAAN

Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Dengan nama Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji selawat dan salam kasih kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarganya, para sahabatnya serta pengikut mereka dalam kebaikan sehingga ke hari pengadilan.

Syukur alhamdulillah dengan berkat dan limpah kurnia Allah SWT, penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Kejayaan menyiapkan tesis ini menuntut banyak pengorbanan bukan sahaja dalam diri sendiri malah daripada individu-individu tertentu yang sedia berkongsi pengalaman dalam setiap masalah yang dihadapi. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia tesis iaitu Prof. Madya Dr. Hashim bin Ismail. Kesabaran dan segala tunjuk ajar, bimbingan, panduan serta nasihat beliau amat bermakna dan disanjung tinggi. Sesungguhnya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas segala budi baik yang diberikan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga khas buat pensyarah-pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya khususnya kepada Dr. Tengku Intan Marlina kerana banyak memberi galakan dan sokongan serta bantuan sepanjang kajian ini dijalankan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ini juga ditujukan khas kepada ahli keluarga tercinta dan rakan-rakan karib yang disayangi. Tanpa doa dan semangat serta dorongan yang kalian berikan, usaha ini mungkin tidak akan berhasil. Penghargaan ini juga ditujukan Pengarah IPG Kampus Bahasa Melayu dan rakan-rakan di Jabatan Pengembangan Kebudayaan Melayu dan kerana memahami, memberi semangat tanpa jemu dan sentiasa memberi ruang kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan sekerja di IPG Kampus Bahasa Melayu kerana

sudi berkongsi idea dan sentiasa memberi sokongan kepada saya. Kepada pihak Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, UM, Perpustakaan Jabatan Persuratan Melayu UKM, Perpustakaan Jabatan Bahasa Moden UPM, Perpustakaan UUM, Perpustakaan USM dan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), terima kasih juga diucapkan kerana memberi kerjasama dan menyediakan segala kemudahan yang diperlukan.

Terima kasih sekalung budi kepada semua pihak yang memberi sokongan terutamanya kepada keluarga tercinta, sahabat sejati, rakan-rakan sekerja dan juga pensyarah-pensyarah yang sudi memberi dan meminjamkan buku kepada saya. Hanya Allah jua yang mampu membalas budi baik kalian. Sesungguhnya kejayaan menyiapkan tesis ini ialah hasil daripada doa dan dorongan daripada kalian.

Terima kasih, Wassalam.

Wan Norlidza bt Wan Mohd Zain
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

7 SEPTEMBER 2015

KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	10
1.3	Objektif Kajian	18
1.4	Kepentingan Kajian	19
1.5	Batasan Kajian	22
1.6	Definisi Operasional	24
1.6.1	Emosi	25
1.6.2	Kecerdasan	28
1.6.3	Kecerdasan Emosi	33
1.6.4	Remaja	36
1.6.5	Novel Remaja	41
1.7	Kajian Terdahulu	47
1.8	Kaedah Kajian	62
1.90	Pendekatan Kajian	63
1.10	Organisasi Bab	65
1.11	Kesimpulan	68

BAB 2 KERANGKA TEORITIS

2.1	Pengenalan	69
2.2	Fisiologi Emosi	70
2.3	Ciri-ciri Emosi	71
2.4	Hubungan Emosi dengan Otak dan Kognitif	74
2.5	Teori Kecerdasan Emosi	80
2.5.1	Model Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990)	82
2.5.1.1	Konstruk Kecerdasan Emosi Mayer dan Salovey	85
2.5.2	Model Kecerdasan Emosi Menurut Daniel Goleman (1995/ 1999)	92
2.6	Pendekatan Tauhid	111
2.7	Model Kecerdasan Emosi (MKE)	118
2.7.1	Keterangan Mengenai Model Kecerdasan Emosi (MKE)	124
2.8	Kesimpulan	127

BAB 3 ANALISIS KOMPONEN KESEDARAN PERIBADI

3.1	Pengenalan	128
3.2	Definisi Kesedaran Peribadi	129
3.3	Ciri-ciri Komponen Kesedaran Peribadi	132
	3.3.1 Mengenal Emosi	133
	3.3.2 Mengurus Emosi	140
	3.3.3 Motivasi Kendiri	147
3.4	Kesimpulan	154

BAB 4 ANALISIS KOMPONEN KESEDARAN SOSIAL

4.1	Pengenalan	158
4.2	Definisi Kesedaran Sosial	158
4.3	Ciri-ciri Komponen Kesedaran Sosial	160
	4.3.1 Empati	161
	4.3.2 kemahiran Sosial	169
4.4	Kesimpulan	175

BAB 5 ANALISIS KOMPONEN KESEDARAN ROHANI

5.1	Pengenalan	177
5.2	Definisi Rohani dan Kerohanian	177
5.3	Komponen Kesedaran Rohani	182
5.4	5.3.1 Akidah dalam Komponen Kesedaran Rohani	185
	5.3.1.1 Menjauhi Perbuatan Syirik Terhadap Allah SWT	188
	5.3.1.2 Berjihad ke Jalan Allah	197
	5.3.1.3 Melaksanakan Ibadah Secara Bersungguh-sungguh	207
	5.3.2 Akhlak dalam Komponen Kesedaran Rohani	222
	5.3.2.1 Berhemah Tinggi dalam Pergaulan	224
	5.3.2.2 Bersabar Menghadapi Dugaan	228
	5.3.2.3 Berani dan Optimistik	232
5.4	Kesimpulan	236

BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN

240

BIBLIOGRAFI

247

LAMPIRAN

260

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Kes Kanak-kanak dan Remaja Terlibat dalam Jenayah 2005-2008	11
Rajah 2.1	Struktur Otak Manusia (Sumber: Diubahsuai daripada http://www.sofiatopia.org/index.htm)	75
Rajah 2.2	Model Kecerdasan Emosi oleh Mayer & Salovey	84
Rajah 2.3	Model Four Branch (Salovey, P., Brackett. M. A & Mayer. J. D., 2007)	91
Rajah 2.4	Model Kecerdasan Emosi oleh Goleman	98
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual	122
Rajah 2.5	Model Kecerdasan Emosi (MKE)	130
Rajah 2.6	Model Kecerdasan Emosi Kajian Ini. (Model Kecerdasan Emosi yang telah Diubah suai daripada Teori Kecerdasan Emosi Barat dan Pendekatan Tauhid)	123
Rajah 3.1	Ciri-ciri Komponen Kesedaran Peribadi	139
Rajah 4.1	Ciri-ciri Komponen Kesedaran Sosial	160
Rajah 5.1	Komponen Kesedaran Rohani	185
Rajah 5.2	Ciri-ciri Akidah dalam Komponen Kesedaran Rohani	187
Rajah 5.3	Ciri-ciri Akhlak dalam Komponen Kesedaran Rohani	224

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Kes Kanak-kanak dan Remaja Terlibat Jenayah 2005-2008	11
Jadual 1.2 Novel-novel Remaja Hadiyah Sastera Kumpulan Utusan dari Tahun 2000 hingga 2009	24

SENARAI SINGKATAN

HSKU	Hadiah Sastera Kumpulan Utusan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KOMSAS	Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu
MKE	Model Kecerdasan Emosi
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PURNAMA	Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Isu tentang masalah sosial dan keruntuhan akhlak yang dilakukan oleh golongan remaja sering dibincangkan. Keadaan ini semakin membimbangkan kerana remaja yang terlibat dalam kes-kes jenayah kebanyakannya masih berada di bangku sekolah ataupun di institusi pengajian tinggi. Isu berkaitan keganasan dan aktiviti yang tidak bermoral yang dipaparkan itu memberi gambaran bahawa terdapat kepincangan dalam proses pembesaran dan juga proses pembelajaran yang dilalui oleh remaja yang terlibat dalam kes-kes tersebut sehingga tidak mampu membezakan perbuatan yang mereka lakukan itu baik atau sebaliknya. Hal ini secara tidak langsung dikaitkan pula dengan sistem pendidikan yang diterima di negara ini. Walaupun hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) amat jelas iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI) berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan namun sejauh manakah keberkesanan kandungan FPK itu dilaksanakan terus dipersoalkan kerana kes jenayah juvana semakin meningkat dari hari ke hari.

Dalam usaha mencapai matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara, kajian ini akan memberi fokus kepada perkembangan pendidikan dari aspek afektif yang merupakan salah satu domain yang penting dalam membentuk kehidupan

manusia. Jika domain kognitif merujuk kepada kemampuan seseorang individu kepada kebolehan intelek dan kemahiran berfikir, domain afektif pula berkait dengan tujuan pendidikan yang menekankan sikap, nilai atau perasaan dalam menghadapi realiti kehidupan. Aspek afektif merujuk kepada emosi sebagai ekspresi luaran, yang merangkumi perasaan, persepsi positif dan negatif, kognisi (pemikiran subjektif yang mengiringi sensasi) dan cetusan perlakuan (ekspresi wajah muka, gerak badan dan pelbagai tindakan yang berkait dengan perasaan) (Bret et. al, 2003).

Selama ini masyarakat sering meletakkan kecerdasan intelektual (IQ) sebagai rujukan kepada kecemerlangan seseorang individu kerana dengan memiliki kecerdasan intelektual (IQ), seseorang itu boleh menyambung pelajaran ke peringkat universiti dan mampu memegang jawatan yang tinggi dalam kerjaya. Golongan yang memiliki IQ yang tinggi juga dianggap berpeluang meraih kejayaan yang lebih baik berbanding rakan-rakan lain yang kurang berjaya dalam bidang pelajaran kerana kemampuan IQ yang rendah. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini masyarakat dunia sering dikejutkan dengan isu tentang individu yang berkedudukan tinggi dalam status kerjayanya disebabkan memiliki IQ yang tinggi namun kandas dalam kehidupannya disebabkan kepincangan-kepincangan yang dilakukan seperti aktiviti rasuah kolar putih, skandal seks, pembunuhan dan sebagainya. Ketinggian IQ bukanlah satu jaminan bagi seseorang manusia untuk hidup bahagia malah ada dalam kalangan golongan bijak pandai hidup tersisih daripada orang lain dan tidak mempunyai ramai kawan yang membahagiakan hidupnya. Hal ini membuktikan bahawa kecerdasan intelektual (IQ) yang tinggi belum mampu menjadikan seseorang individu itu berjaya meraih kejayaan cemerlang dalam hidupnya.

Walaupun seseorang remaja itu memiliki tahap kecerdasan intelektual yang hebat namun isu keruntuhan moral dalam kalangan remaja yang cemerlang dalam

pelajaran juga sering berlaku. Hal ini berkait rapat dengan keadaan emosi mereka yang tidak stabil. Dalam usia yang masih mentah ini, remaja tidak mampu mengendalikan emosi dengan baik terutama ketika mereka dilanda dengan pelbagai tekanan dalam hidup. Apabila wujudnya ketidakseimbangan emosi dalam diri, tercetuslah pelbagai masalah sosial seperti pembunuhan, keganasan, aktiviti maksiat dan sebagainya dalam masyarakat. Golongan remaja sanggup melakukan apa-apa sahaja aktiviti asalkan dapat menggembirakan hati mereka tanpa memikirkan masa depan mereka yang masih panjang. Kemahiran mengawal dan menggunakan emosi secara bijak amat penting dalam diri seseorang bagi menjamin kesejahteraan hidup yang berkekalan. Semenjak Goleman menerbitkan bukunya yang bertajuk “*The Emotional Intelligence*” pada tahun 1995, bidang kecerdasan emosi semakin popular dalam kalangan pengkaji yang berminat untuk memahami perkaitan antara kecerdasan intelektual dan kecerdasan emosi yang bergabung bagi menentukan kejayaan dan kebahagiaan hidup manusia.

Menurut Goleman (1996) *Intelligence Quotient* (IQ) hanya menyumbang sekitar 5 hingga 10 peratus sahaja bagi kesejahteraan hidup seseorang individu. Selebihnya, kesejahteraan hidup seseorang bergantung kepada pelbagai faktor yang lain termasuklah faktor kecerdasan emosi (EQ). Kajian Goleman tentang kecerdasan emosi ini adalah untuk menafikan pandangan ahli psikologi yang terdahulu yang mengagung-agungkan kecerdasan intelektual (IQ) dan mengaitkan kejayaan seseorang individu itu dengan kecerdasan intelektual (IQ) yang tinggi. Ahli psikologi dalam bidang ini berpendapat bahawa kecerdasan intelektual (IQ) adalah faktor genetik dan tidak mungkin dapat diubah oleh pengalaman hidup manusia. Goleman tidak bersetuju dengan pandangan ini kerana telah meletakkan kejayaan dan kegagalan dalam kehidupan sebagai faktor bawaan takdir semata-mata. Melalui kajian yang telah dilakukan, beliau telah mengaitkan perbezaan kejayaan hidup antara manusia adalah dari segi tahap kecerdasan emosi seseorang itu. Kecerdasan emosi merangkumi pengendalian diri, semangat dan

ketekunan serta kemampuan untuk memotivasi diri sendiri. (Goleman, 1995: xiii).

Setiap individu berhak memperoleh kejayaan dan kebahagiaan dalam hidupnya kerana kemahiran-kemahiran kecerdasan emosi ini boleh diajar dan dipupuk kepada sesiapa sahaja terutamanya kepada anak-anak yang sedang melalui proses pendewasaan seperti golongan remaja.

Hal yang sama juga turut diperkatakan oleh Ary Ginanjar Agustian (2002) yang berpendangan bahawa Kecerdasan Emosi (EQ) memainkan peranan jauh lebih penting berbanding Kecerdasan Intelek (IQ) dalam memacu kejayaan seseorang individu. Beliau berpendapat kecerdasan otak (IQ) merupakan syarat minimal untuk meraih kejayaan dalam hidup seseorang sebaliknya jika seseorang itu memiliki Kecerdasan Emosi (EQ) yang tinggi, seseorang itu berupaya berada di puncak kejayaan. Banyak orang yang memiliki Kecerdasan Intelek (IQ) yang tinggi namun gagal dalam persaingan-persaingan yang ditempuhi kerana tidak mampu menangani konflik dalam diri dan juga konflik dengan orang lain. Namun terdapat individu yang mempunyai kemampuan IQ yang sederhana sahaja tetapi berjaya dan maju dalam kerjaya dan kehidupan peribadinya. Menurut Ari Ginanjar Agustian, pendidikan yang terlalu menekankan nilai akademik atau kecerdasan otak semata-mata harus dikurangkan sebaliknya, berikan penekanan terhadap pendidikan yang mengajarkan hal yang berkaitan dengan kecerdasan emosi seperti erti kejujuran, integriti dalam kehidupan, komitmen, ketahanan mental, konsep keadilan, penguasaan diri dan sebagainya. Pendidikan tentang kecerdasan emosi ini mampu membimbing generasi muda atau remaja untuk memiliki kekuatan mental yang tinggi dan tidak mudah mengalah apabila menghadapi konflik dalam kehidupan mereka.

Menurut Goleman (1995), seseorang itu akan bertindak agresif apabila mereka mengalami tekanan yang kuat dalam hidupnya. Tambah beliau lagi, depres atau tahap

tekanan yang tinggi ini berlaku disebabkan oleh penyimpangan emosi dan hal ini akan menyuburkan sifat agresif yang seterusnya akan mendorong individu itu bertindak ganas untuk melepaskan tekanan yang dihadapi. Justeru untuk mengatasi masalah penyimpangan emosi ini, Daniel Goleman telah memperkenalkan satu teori yang dikenali sebagai kecerdasan emosi. Pada tahun 1995, Goleman telah membuat kajian yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dan beliau telah mengeluarkan buku yang bertajuk *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*, untuk menjelaskan hal-hal yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dan telah memperlihatkan cara-cara kecerdasan emosi berperanan penting bagi perkembangan dan pertumbuhan akhlak manusia.

Dalam usaha untuk memupuk kemahiran kecerdasan emosi kepada remaja, karya sastera dianggap sesuai digunakan sebagai medium untuk memantapkan dan meningkatkan kecerdasan emosi dalam diri remaja kerana karya sastera memainkan peranan yang amat besar dalam sejarah pembinaan tamadun manusia. Bagi mengisi keperluan ini, peranan sastera sebagai pembentuk manusia yang bersemangat waja dan bersedia menghadapi cabaran hidup serta mempunyai jati diri yang tinggi tidak mungkin dipinggirkan. Pendidikan sastera diyakini dapat menjadi pemangkin kepada penyakit sosial dan mental yang sedang dihadapi oleh masyarakat pada zaman kini.

Menurut Ali Hj. Ahmad (1990: 89), karya sastera tidak seharusnya semata-mata untuk menghibur dan merehatkan fikiran tetapi harus berfungsi sebagai pendidik akhlak. Sastera harus boleh dijadikan alat untuk membentuk jiwa yang luhur dan hati budi yang mulia serta dapat menyuburkan nilai peribadi diri seseorang. Sastera ialah khazanah unik yang menawarkan bahasa yang kreatif, indah dan berkesan; mengandungi tamsil dan ibarat; menyampai secara tidak langsung sesuatu epistemologi

(tentang data, maklumat dan ilmu), erti serta penikmatan terhadap estetika, panduan serta ajaran moral dan akhlak; unsur-unsur kesenian dan sebagainya.

Kesusasteraan ialah karya yang menyatakan pengalaman dan perasaan manusia, serta di dalamnya terkandung gambaran nilai tentang hidup dan kehidupan, tentang baik dan buruk, tentang benar dan salah, tentang nasionalisme serta kecintaan terhadap tamadun dan bangsa. (Sahlan Mohd Saman, 1996). Dengan mengenali dan memahami hasil karya kesusasteraan, seseorang itu akan memahami manusia dan seterusnya memungkinkan penyerapan sistem nilai yang dapat mengimbangkan pertumbuhan jasmani dan rohani. Karya kesusasteraan bukan sahaja dapat mengisi keperluan kognitif individu malah lebih banyak mengisi keperluan afektif bagi mengimbangi keperluan pembinaan insan yang seimbang dan sepada. (Mohd Yazid Kassim, 2005)

Peranan sastera sebagai pembina moral dan pengasuh etik yang mulia sudah banyak diperkatakan sejak zaman Plato dan Aristotle lagi. Kemampuan sastera mengubah manusia sudah tidak boleh dinafikan lagi kerana sastera merupakan alat untuk manusia menyatakan perasaan dan fikiran melalui kata-kata yang dianggap sebagai penghubung antara jiwa pencipta dengan alam. Perasaan yang terkandung di dalamnya memperlihatkan kebahagiaan, kesedihan ataupun perasaan lain yang dialami. Karya sastera berbeza daripada karya-karya yang lain kerana melalui karya sastera, unsur-unsur perasaan, emosi, harapan, angan-angan serta lambang-lambang tertentu dapat digambarkan.

Hubungan sastera dengan dunia emosi manusia amat rapat. Menurut Aristotle, wacana yang terdapat dalam seni (kesusasteraan) bersifat emotif iaitu dapat membersihkan jiwa seseorang daripada perasaan yang berlebihan dan sekiranya tidak dibersihkan akan menyebabkan seseorang itu mengalami gangguan saraf dan jiwanya. Aristotle menganggap seni (kesusasteraan) merupakan hasil ciptaan istimewa manusia

yang menggambarkan suatu ‘memesis’ kehidupan berdasarkan kreativiti seniman itu sendiri. Aristotle berpendapat bahawa unsur tragedi yang terdapat dalam sesebuah karya boleh memberi kesan katarsis kepada khalayak iaitu boleh menginsafkan seseorang yang membaca karya tersebut. Melalui katarsis, emosi tersebut dapat dileraikan dan menjadikan perasaan seseorang itu lebih seimbang dan tenang.

Mengikut Sigmund Freud, karya sastera ialah alat atau bahan yang amat baik untuk mendidik dan memandu jiwa manusia menjadi lebih tenang dan stabil dalam kehidupan mereka. Pernyataan Freud ini merujuk kepada sifat seorang pengarang atau seniman yang suka berkarya. Beliau berpandangan bahawa karya sastera dapat memberi kepuasan gantian kepada seseorang pengarang dilihat olehnya mengalami penyakit *neurosis* kerana terpaksa menahan keinginan dan keseronokannya. Justeru, untuk melahirkan impian dan keinginan dunia fantasi yang dicipta olehnya seperti mimpi atau angan-angan. Dengan terhasilnya sesebuah karya maka pengarang telah melalui proses pembersihan emosi yang berlebih-lebihan. Dengan itu, seseorang seniman atau pengarang itu boleh kembali berhadapan dengan realiti sekali gus dapat mengimbangkan emosi dan jiwanya. Penyakit *neurosis* pengarang dapat disembuhkan melalui hasil karya yang diciptanya. Frued menganggap pengarang seorang yang *introvert*, suka menyendiri, suka mencipta dan mereka fantasi. Seorang seniman tidak dapat berhadapan dengan realiti kerana kelemahan-kelemahan yang dimilikinya.

Masyarakat silam juga telah memanfaatkan karya sastera sebagai alat untuk menyembuhkan keadaan emosi yang terganggu. Sebagai contohnya dalam upacara perbomohan dalam “Main Puteri”. Sebahagian daripada proses penyembuhan ialah melalui penceritaan yang disampaikan melalui teknik adunan naratif, dialog dan nyanyian. Tok Peteri dan Tok Mindu berperanan sebagai “pakar sakit jiwa”. (Noriah Taslim, 1993). Tradisi perbomohan dalam upacara “Main Puteri” ini hampir sama

dengan konsep katarsis yang dinyatakan oleh Arisotle. Apabila pesakit didendangkan dengan cerita lipur lara yang sarat dengan emosi, cinta berahi, duka lara, pengembaran yang penuh dengan episod yang mendebaran dan menakutkan maka pesakit itu dibersihkan jiwanya daripada segala emosi tersebut. Dengan ini jiwa pesakit akan kembali tenteram daripada tekanan yang berlebihan, (Noriah Taslim, 1993).

Melalui Teori Rasa – Fenomenologi, Suhaimi (1998) juga mengaitkan karya sastera dengan emosi manusia. Mengikut Suhaimi, manusia dipercayai memiliki lapan emosi tetap di dalam minda bawah sedar mereka. Dalam kehidupan biasa, apabila setiap emosi tetap dimanifestasi oleh manusia terdapat tiga unsur yang terlibat iaitu sebab atau punca, kesan (karya) dan perasaan sampingan. “Sebab” ini merujuk kepada rangsangan manakala “kesan” boleh dilihat melalui mimik muka atau tingkah laku. “Perasaan sampingan” pula ialah keadaan mental yang sementara sifatnya yang mengiringi emosi tetap. Perhubungan antara pembaca dengan pengarang diikat oleh persamaan topografi emosi, (Sohaimi Abdul Aziz, 1998).

Dengan adanya hubungan yang erat antara karya sastera dengan dunia emosi manusia maka wajarlah karya sastera menjadi alat atau bahan yang boleh membimbing dan meningkatkan kemahiran kecerdasan emosi. Melalui kemahiran kecerdasan emosi yang tinggi seseorang itu dapat mengenali emosinya sendiri lalu dapat mengawal emosi negatifnya daripada berkembang dan mampu mengalihkan emosi negatif tersebut kepada perkara yang positif. Kecerdasan emosi yang tinggi akan membentuk perisai diri yang dapat mempertahankan seseorang itu daripada serangan emosi yang negatif yang sering melanda manusia zaman ini. (Sohaimi Abdul Aziz, 1998: v) Menurut Sohaimi lagi, kehadiran teori kecerdasan emosi telah membawa kesedaran betapa sikap negatif terhadap emosi menyebabkan manusia itu terjebak di dalam jaringan emosi negatif yang berpanjangan, seperti marah, bimbang dan takut. Apabila emosi negatif

menguasai diri, sudah pasti seseorang itu akan mengambil tindakan yang tergesa-gesa tanpa berfikir panjang dan akibatnya akan memudaratkan diri sendiri. Oleh itu, kemahiran kecerdasan emosi harus dikuasai sepenuhnya kerana kecerdasan emosi yang tinggi akan membentuk perisai diri yang dapat mempertahankan seseorang itu daripada serangan emosi negatif dan seterusnya dapat mewajakan diri untuk menghadapi cubaan dan godaan yang menguasai fikiran. (Sohaimi Abdul Aziz, 1998: v)


Kecerdasan emosi (*Emotional Intelligence atau EQ*) yang telah diperkenalkan oleh Daniel Goleman ini menjadi begitu penting dalam merealisasikan objektif pendidikan dalam domain afektif yang menekankan elemen emosi, perasaan, sikap, nilai, keyakinan dan sistem kepercayaan. Kecerdasan emosi adalah salah satu konsep kecerdasan yang perlu dikuasai oleh setiap individu khususnya golongan pelajar sekiranya ingin berjaya dalam kehidupan kerana seseorang yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mampu menjadi individu yang seimbang dan harmonis seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dengan ini, masalah sosial dan kes jenayah yang melibatkan remaja dapat diatasi sekiranya golongan remaja menguasai sepenuhnya kemahiran kecerdasan emosi. Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kajian terdahulu, kaedah kajian dan pendekatan kajian. Selain itu, bab pertama ini juga akan menjelaskan pendekatan dan teori yang akan diguna pakai sebagai panduan dalam kajian ini dan seterusnya menjelaskan pembahagian bab yang akan dilaksanakan dalam kajian ini.

1.2 Penyataan Masalah

Isu tentang keruntuhan moral, salah laku dan perlakuan anti sosial dalam kalangan remaja membimbangkan banyak pihak. Hal ini wujud disebabkan golongan remaja berada dalam zon yang terdedah kepada pelbagai risiko yang tidak dijangka. Mereka berada pada tahap usia mentah dan berada dalam situasi dipenuhi konflik jiwa, mendedahkan diri mereka kepada pembentukan masa depan melalui pengalaman dan nilai hidup yang dilalui. Berdasarkan profail statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) sepanjang tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008 kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak dan remaja adalah tinggi walaupun berlaku penurunan daripada tahun 2005 yang berjumlah 7201 kes kepada 5955 kes pada tahun 2006 namun pada tahun 2007 kes jenayah yang melibatkan remaja meningkat semula kepada 6763 kes. Manakala pada tahun 2008, kes jenayah remaja menunjukkan penurunan sedikit, iaitu hanya 5562 kes sahaja. Statistik kes jenayah yang melibatkan remaja ini boleh dilihat dalam jadual dan carta di bawah.

Jadual 1.1: Kes Kanak-kanak dan Remaja Terlibat dengan Jenayah Mengikut Negeri dan Jantina Tahun 2005 – 2008

Negeri	2005			2006			2007			2008		
	L	P	Jum	L	P	Jum	L	P	Jum	L	P	Jum
Johor	951	68	1019	772	79	851	857	115	972	468	21	489
Kedah	855	75	930	814	85	899	382	59	441	508	18	526
Kelantan	268	12	280	231	16	247	180	9	189	190	7	197
Melaka	136	17	153	252	32	284	239	54	293	142	17	159
N.Sembilan	207	18	225	284	24	308	177	20	197	162	8	170
Pahang	211	21	232	21	4	25	307	55	362	402	21	423
Perak	619	25	644	376	20	396	456	38	494	376	5	381
Perlis	128	6	134	121	19	140	131	28	159	109	16	125
P.Pinang	254	37	291	391	48	439	396	38	434	360	23	383
Sabah	461	39	500	0	0	0	295	31	326	196	16	212
Sarawak	325	21	346	215	13	228	322	13	335	82	6	88
Selangor	743	64	807	844	67	911	1,019	95	1,114	704	32	736
Terengganu	706	30	736	451	58	509	303	24	327	207	11	218
W.P K.Lumpur	823	81	904	660	58	718	1,005	94	1,099	1316	105	1421
W.P Labuan	0	0	0	0	0	0	21	0	21	33	1	34
JUMLAH	6687	514	7201	5432	523	5955	6,090	673	6763	5255	307	5562



Rajah 1.1: Kes Kanak-kanak dan Remaja yang Terlibat dengan Jenayah
(Sumber: Jadual dan rajah ini diubah suai daripada Profil Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dari Tahun 2006 – 2008)

Statistik JKMM menunjukkan terdapat kenaikan dan penurunan kadar jenayah remaja pada setiap tahun. Walaupun statistik menunjukkan penurunan kadar jenayah namun hal ini perlu diambil perhatian yang serius kerana jenayah tidak sepatutnya dilakukan oleh golongan remaja yang masih muda. Jika keadaan ini tidak dibendung dari awal pasti jenayah yang melibatkan remaja ini akan meningkat dari setahun ke setahun. Salah satu punca berlakunya jenayah adalah disebabkan ketidakseimbangan emosi yang dihadapi oleh golongan remaja yang terbabit.

Ketidakseimbangan emosi bukan sahaja mendorong remaja melakukan jenayah malah mereka juga sanggup menggadaikan nyawa mereka kerana tidak sanggup berhadapan dengan tekanan hidup yang dihadapi. Banyak kes bunuh diri yang melibatkan remaja tempatan dipaparkan dalam akhbar-akhbar tempatan beberapa tahun yang lalu. Antaranya adalah pada 19 Oktober 2004, seorang gadis berusia 20 tahun telah menelan pil penenang sebanyak 100 biji kerana kecewa gagal dalam usahanya menguruskan badan. Perasaan malu dan tertekan dengan kegemukan yang dialami menyebabkan gadis itu membunuh dirinya. Tahun 2006, iaitu pada 14 Mac akhbar Utusan Malaysia telah melaporkan pelajar membunuh diri kerana kecewa dengan peperiksaan SPM yang diterimanya lalu terjun dari bangunan sekolahnya. Kes bunuh diri masih berlaku pada 13 Ogos 2007 iaitu melibatkan seorang pelajar berusia 14 tahun menembak dirinya sendiri kerana tertekan dengan dosa-dosa yang dilakukannya. Kemudian pada 18 November 2007, sekali lagi kes bunuh diri berlaku kesan daripada gagal mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR telah menyebabkan remaja berusia 12 tahun menggantung dirinya kerana kecewa.

Perkara yang membimbangkan kini ialah minat golongan remaja terhadap seks semakin meningkat disebabkan kecanggihan sistem komunikasi memudahkan golongan remaja mendapatkan bahan-bahan lucu untuk memuaskan nafsu mereka. Hal ini

pernah dipaparkan dalam artikel yang bertajuk “Pelajar Kemaruk Klip Video Lucah” pada 24 Jun 2008. Golongan pelajar dianggap sebagai ‘penagih porno’ kerana sanggup memuat turun adegan-adegan lucah dalam telefon bimbit masing-masing. Selain itu, artikel yang bertajuk “Pesta Seks Pelajar IPTA” yang ditulis oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Mohd Fauzi Abdullah dalam Harian Metro pada 14 Julai 2008 telah membuktikan bahawa golongan remaja yang berpendidikan tinggi tanpa segan silu terlibat dalam kegiatan seks bebas ini.

Masalah-masalah yang ditimbulkan oleh golongan remaja ini jelas menunjukkan bahawa remaja kini menghadapi gejolak jiwa yang sangat parah sehingga sanggup melakukan perkara-perkara di luar batas usia dan kemampuan sebenar mereka. Ketidakupayaan mengendalikan emosi dengan baik menyebabkan tercetusnya pelbagai masalah sosial dalam kalangan remaja. Sekiranya tidak diatasi segera, golongan remaja akan hanyut dalam dunia khayalan dan akan mengabaikan masa depan mereka dan masa depan negara akan turut tergadai.

Memandangkan golongan remaja merupakan golongan yang terbesar dan menjadi aset negara, isu pembangunan remaja telah mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Salah satu langkah bijak yang telah diambil oleh mantan Menteri Pelajaran Malaysia, iaitu Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak demi meredakan gejala sosial dalam kalangan remaja adalah dengan menyarankan supaya buku-buku sastera Melayu yang sesuai dipilih sebagai bacaan wajib kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Beliau berpendapat karya sastera seperti novel, cerpen, puisi dan drama tidak boleh diabaikan kerana di dalamnya terkandung unsur-unsur jati diri, nilai budaya dan sejarah ketamadunan sesuatu bangsa, (*Berita Harian*, 24 Julai 1999). Selepas pengumuman tersebut dibuat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah bersetuju untuk menyerapkan komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) ke dalam

mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah bermula pada 1 Mac 2000 kerana pendidikan kesusasteraan diyakini dapat membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Semua pelajar sekolah menengah tanpa mengira aliran diwajibkan membaca teks sastera dan menganalisis kandungan teks tersebut dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Pihak kementerian yakin bahawa karya sastera ini dapat menyokong teras pembentukan individu terutamanya dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai berkaitan dengan aspek intelek dan emosi. Penerapan elemen-elemen seperti ini dalam karya sastera yang terpilih boleh menjadikan pelajar insan yang berfikir tentang kebaikan, kehalusan budi pekerti, kesantunan berbahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan kebenaran, dan seterusnya menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan. Salah satu genre yang dibaca dan dikaji oleh pelajar sekolah menengah dalam komsas ialah novel. Menurut Nik Rafidah (2005: 10), novel-novel yang dipilih sebagai komponen sastera bahasa Melayu mempunyai kriteria-kriteria tertentu yang menjadi landasan bagi menentukan novel yang sesuai untuk golongan remaja. Menurut beliau lagi, kriteria pemilihan novel-novel dalam komsas ini memberi pendedahan kepada golongan remaja untuk memilih novel-novel lain yang sesuai sebagai bacaan tambahan.

Pendedahan karya sastera di sekolah telah memberi kesan yang positif dari segi minat membaca karya sastera dalam kalangan remaja. Namun, hasrat dan aspirasi yang terdapat dalam kata pengantar teks komponen sastera sekolah menengah yang mengharapkan pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan dapat menyokong teras pembentukan individu dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai yang berkaitan intelek dan emosi tidak tercapai sepenuhnya. Sebagai buktinya, masalah sosial dalam kalangan remaja semakin berleluasa berdasarkan statistik yang diambil daripada JKKM.

Walaupun teks sastera yang dibaca dan dikaji oleh pelajar-pelajar sekolah menengah dikatakan bermutu tinggi dan mengandungi banyak unsur pengajaran namun masih wujud krisis moral dalam diri pelajar-pelajar pada masa kini. Justeru, kes salah laku remaja di dalam dan di luar sekolah semakin meningkat. Kebanyakan remaja tidak dapat mengawal diri apabila menghadapi masalah, mengambil keputusan terburu-buru tanpa memikirkan kesan dan akibat, tidak pandai bergaul dan banyak lagi masalah yang dihadapi oleh remaja. Persoalan ini dikaitkan dengan tahap kecerdasan emosi yang rendah dalam diri remaja menyebabkan mereka dibelenggu oleh pelbagai masalah yang sukar diatasi oleh mereka. Timbul persoalan tentang sejauh mana pengarang-pengarang novel yang terpilih itu mengaplikasi kemahiran kecerdasan emosi dalam karya mereka. Jika komponen kecerdasan emosi ini diaplikasi dengan sebaik-baiknya oleh pengarang sudah pasti mesej dan persoalan-persoalan sosial yang digarapkan dalam novel berjaya mendidik para pelajar memiliki sahsiah diri yang baik kerana berjaya menangani emosi mereka dengan cara yang positif.

Selain itu, kebanyakan novel remaja yang dijual di pasaran tidak mementingkan soal kemahiran kecerdasan emosi sebaliknya karya yang dihasilkan adalah untuk menghiburkan dan mengaut keuntungan semata-mata. Sebagai contohnya, novel popular yang membanjiri pasaran sekarang ini yang mendapat sambutan golongan remaja. Banyak novel popular memaparkan isu cinta dan novel ini mendapat sambutan hangat dalam kalangan remaja namun karya-karya seperti ini tidak mencabar minda dan tidak merangsang emosi remaja. Jika hanya novel cinta yang dibaca oleh remaja maka emosi mereka hanya berlegar dalam soal cinta sahaja. Apabila timbul masalah-masalah yang lebih besar dalam soal percintaan, mereka tidak mampu mengatasinya. Misran Rokimin (2006), berpendapat tema cinta dalam novel popular menjadi tarikan golongan muda-mudi untuk membaca novel-novel tersebut secara santai dan untuk hiburan semata-mata tanpa menuntut daya intelektual yang tinggi daripada pembaca.

Berdasarkan pandangan peneliti sastera, Saleeh Rahmat (2006) yang telah merumuskan hasil pandangan tokoh-tokoh sastera yang lain telah mentakrifkan sastera popular sebagai hasil sastera yang tidak menuntut intelektualiti yang tinggi untuk menghazamnya, sastera yang tidak mementingkan aspek moral, sastera yang bercerita secara permukaan sahaja, tidak mengandungi falsafah dan sebagainya. Seharusnya remaja didedahkan dengan kemahiran kecerdasan emosi dalam novel supaya mereka dapat menguruskan emosi dengan baik apabila berdepan dengan apa-apa sahaja masalah dalam kehidupan mereka. Hal ini turut menyentuh oleh A. Aziz Deraman, mantan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam artikelnya yang bertajuk “Kesusasteraan dalam Sistem Pendidikan Membentuk Masyarakat Madani Malaysia”, yang disiarkan dalam Dewan Sastera, Februari 2000.

Dewasa ini sudah diakui bahawa kepintaran emosi (EQ) sama pentingnya dengan kepintaran akal (IQ). Kesusasteraan dapat menyumbang kepada pembinaan kepintaran emosi di peringkat awal. Kemahiran emosi boleh dibentuk daripada bahan-bahan sastera. Karya-karya sastera yang kaya dengan elemen emosi boleh diresapi oleh pelajar melalui pembacaan dan penghayatan yang akan memantapkan kemahiran-kemahiran emosinya.

(A. Aziz Deraman, 2000: 13 -17)

Artikel ini menyentuh tentang pentingnya karya-karya sastera dibaca oleh golongan remaja kerana melalui karya-karya sastera, kemahiran kecerdasan emosi dapat dibentuk dalam diri pembaca. Individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi pasti dapat menangani konflik dengan baik dalam kehidupannya. Justeru, peranan yang dimainkan oleh karya sastera khususnya novel dalam menerap dan memupuk kemahiran kecerdasan emosi dalam kalangan pembaca amat penting kerana karya sastera adalah manifestasi dan refleksi daripada kehidupan sebenar manusia. Pelbagai konflik akan ditemui dalam cerita yang dipaparkan termasuklah konflik kejiwaan yang dialami oleh

watak dan bagaimana watak-watak tersebut menangani masalah emosi mereka apabila berhadapan dengan konflik dapat memupuk kecerdasan emosi pembaca. Berjaya atau tidak watak itu mengharungi kehidupannya adalah bergantung kepada tahap kecerdasan emosi yang dilukiskan pada watak tersebut.

Pihak penerbit juga tidak peka dengan karya-karya yang diterbitkan. Mereka lebih mementingkan nilai komersial daripada nilai yang boleh memupuk kecerdasan emosi remaja. Pihak editor tidak mahir atau tidak tahu tentang aspek kecerdasan emosi menyebabkan novel-novel yang diterbitkan kurang bermutu dan tidak mampu meningkatkan kecerdasan emosi remaja.

Hal ini tidak boleh dipandang remeh kerana ketidakstabilan emosi akan mencetuskan peristiwa-peristiwa yang tidak diingini. Jika fenomena ini tidak diberi perhatian, tidak mustahil keruntuhan moral dalam kalangan remaja tidak dapat dibendung lagi. Kecenderungan remaja menunjukkan emosi yang negatif secara keterlaluan boleh mewujudkan kacau-bilau dalam masyarakat. Remaja tidak harus dibiarkan bebas tanpa kawalan dan bebas melakukan apa-apa sahaja yang disukai mereka. Sebaliknya mereka mesti dikawal dan dibimbing untuk meningkatkan kemahiran kecerdasan emosi agar mereka berupaya menjadi insan yang berjaya dan cemerlang dalam kehidupan yang dilalui.

Menurut Razali, usaha-usaha untuk meningkatkan *Emotional Intelligence Competencies* (EIC) dalam diri pelajar menjadi sangat mudah dan menarik melalui pendidikan kesusasteraan. Contoh-contoh yang didapati melalui idea, pengalaman masyarakat dan sebagainya yang terdapat dalam karya sastera boleh menjadi maklumat yang boleh diproses dan diguna pakai bagi membolehkan peningkatan “*personal competence and social competence*” dalam diri pelajar, (Razali Ismail, 1998: 50).

Menyedari kurangnya kajian tentang kecerdasan emosi yang melibatkan karya-karya sastera terutamanya novel remaja maka wajarlah kajian tentang kecerdasan emosi dalam novel remaja dijalankan. Dengan ini, unsur-unsur kecerdasan emosi dalam novel remaja dapat dikenal pasti dan dapat dididik ke dalam jiwa remaja. Pendidikan tentang kecerdasan emosi perlu dimantapkan supaya remaja yang dilahirkan itu tidak akan menjadi robot yang bukan sahaja mempunyai fikiran yang kreatif dan kritis malah kuat dengan nilai kemanusiaan dan kerohanianya. Kajian ini diharap dapat membuktikan bahawa watak remaja yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi berupaya menjadi remaja yang unggul iaitu, memiliki nilai akhlak yang mulia dan berjaya mengharungi setiap cabaran yang dihadapi serta mampu menjadi pemimpin yang disegani oleh rakan-rakan sebaya dengan mereka. Golongan remaja adalah harapan negara kerana mereka bakal mewarisi pemerintahan pada masa akan datang. Dengan ini wajar kajian ini dibuat sesuai dengan tuntutan pada zaman kini yang bukan lagi memandang kepada kecerdasan intelek semata-mata jika ingin berjaya dalam hidup sebaliknya aspek kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menangani pelbagai konflik dalam kehidupan. Seseorang yang mampu mengendalikan emosinya dengan baik pasti berjaya dalam kehidupannya dunia dan akhirat. Generasi sebeginilah yang ingin kita bentuk sebagai pewaris bangsa.

1.3 Objektif kajian

1. Mengenal pasti kehadiran komponen kecerdasan emosi pada watak-watak yang terdapat dalam teks kajian.
2. Menganalisis kecerdasan emosi yang terdapat pada watak-watak protagonis remaja berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam teks kajian.

3. Menilai pengaruh dan kepentingan komponen kecerdasan emosi terhadap pembentukan sahsiah unggul watak protagonis remaja dalam teks terpilih.

1.4 Kepentingan Kajian

Karya kesusasteraan memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan jati diri remaja kerana elemen-elemen yang terdapat dalam karya sastera seperti ilmu dan kemahiran serta nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi mampu mendidik remaja. Elemen-elemen ini akan menjadikan remaja insan yang berfikir tentang kebaikan dan mempunyai kehalusan budi pekerti serta memiliki daya intelek yang tinggi. Selain itu, remaja akan dididik supaya mempunyai kecekalan hati dan menghargai keindahan seni dan kebenaran. Seterusnya menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan. Dengan ini, sahsiah diri yang baik dalam kalangan remaja dapat dipupuk. Begitu juga dengan pembentukan jati diri kerana karya-karya sastera remaja dapat mencetuskan semangat dan motivasi bangsa ke arah pembangunan sesebuah negara. Selain itu, karya sastera juga berupaya membangkitkan semangat nasionalisma dalam kalangan remaja.

Menyedari hakikat pentingnya peranan sastera pada pembentukan sahsiah remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mewujudkan semula Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (PURNAMA) pada 16 Januari 2006. Penubuhan PURNAMA jelas membuktikan bahawa pentingnya sastera remaja dikembang dan dimantapkan supaya remaja dapat didedahkan dengan karya-karya sastera yang sesuai dan mempunyai nilai-nilai sahsiah yang tinggi terutamanya dari aspek kecerdasan emosi. Menurut Yang Dipertua Majlis Kanak-kanak Malaysia, Tan Sri Zaleha Ismail semasa ucapan melancarkan ‘Sahabat PURNAMA’ pada 28 November 2006, penubuhan PURNAMA bukan sahaja dapat menggerakkan

pembangunan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja di Malaysia, tetapi juga memberi petanda baik dalam usaha kerajaan untuk merealisasikan pembangunan modal insan peringkat awal secara menyeluruh dan meluas. (Akibah Abu Hassan dan Azihani Md Mizan, 2006). Usaha yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini harus dipuji kerana dengan tertubuhnya PURNAMA, kerja-kerja penyelidikan, pendokumentasian, penerbitan dan pemasyarakatan sastera remaja akan menjadi semakin rancak. Kajian ini berupaya mengisi matlamat dan tujuan penubuhan PURNAMA tersebut. Walau bagaimanapun pada bulan Ogos 2010, PURNAMA telah dibubarkan namun ditubuhkan pula Bahagian Buku Kanak-kanak dan Remaja dan Bahagian Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja. Kedua-dua bahagian baharu yang ditubuhkan di Dewan Bahasa dan Pustaka ini memainkan peranan yang hampir sama dengan matlamat penubuhan PURNAMA dahulu malah fungsinya lebih besar terhadap perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja di negara ini.

Kesusasteraan remaja merupakan wahana yang amat penting dalam usaha dan upaya untuk mengisi sebahagian daripada tuntutan keperluan remaja, terutama dari sisi pengisian minda, pembentukan sahsiah, kerohanian, dan pemantapan psikologi. Kajian tentang kecerdasan emosi dalam novel remaja adalah penting untuk memberi maklumat tentang komponen kecerdasan emosi yang terdapat dalam novel remaja. Sebahagian daripada novel-novel remaja yang memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) telah diguna pakai sebagai teks KOMSAS. Kajian ini mampu memberi manfaat kepada para guru khasnya guru yang mengajarkan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu tentang pentingnya komponen kecerdasan emosi dikupas dengan mendalam dalam teks sastera yang dikaji. Dengan ini, para pelajar dapat menghayati jalan cerita dengan mudah dan mengaplikasi kecerdasan emosi dalam kehidupan seharian mereka. Maklumat yang diperoleh dalam kajian ini diharap dapat menyedarkan para guru tentang pentingnya meningkat dan memantapkan kemahiran kecerdasan

emosi dalam diri pelajar supaya pelajar mampu mengendalikan konflik yang dihadapi dan dapat mengawal emosi negatif daripada menguasai diri mereka. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru untuk mencapai objektif pendidikan dalam domain afektif yang merangkumi proses fisiologi, serta perlakuan yang berkait rapat dengan emosi.

Dapatkan kajian ini amat berguna kepada ibu bapa dan ahli masyarakat untuk mengetahui tentang komponen kecerdasan emosi yang boleh membentuk sahsiah remaja menjadi lebih cemerlang dalam kehidupan peribadi dan kehidupan sosial mereka. Jika dahulu, kecerdasan intelek diberi perhatian utama oleh ibu bapa kerana ingin melihat kejayaan cemerlang anak mereka dalam bidang akademik. Namun kini aspek kecerdasan emosi menjadi komponen yang sama penting dengan kecerdasan intelek supaya pembesaran anak remaja menjadi seimbang dan sempurna. Dengan ini, ibu bapa akan menggalakkan anak-anak mereka membaca novel-novel remaja yang bermutu tinggi yang boleh meningkatkan kemahiran kecerdasan emosi dalam diri anak-anak mereka. Apabila anak-anak remaja mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi maka ibu bapa tidak perlu bimbang tentang akhlak anak-anak mereka kerana anak remaja ini akan dapat mengawal diri daripada perkara-perkara yang tidak bermoral jika mereka dibimbing dengan baik dalam aspek kecerdasan emosi. Cara-cara mengawal emosi diperoleh melalui watak-watak protagonis yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dengan mempamerkan sahsiah diri yang unggul.

Bagi penulis novel remaja, dapatan kajian ini diharap berupaya meningkatkan keprihatinan terhadap pentingnya memasukkan komponen kecerdasan emosi untuk menghasilkan karya yang bermutu dan menepati kriteria tertentu serta memenuhi fitrah remaja. Novel remaja yang dihasilkan kelak diharapkan dapat meningkatkan kemahiran kecerdasan emosi dalam diri remaja yang akan membantu mereka menjadi insan yang

lebih cemerlang dalam kehidupan di samping dapat menambah ilmu dan merangsang pemikiran mereka. Dengan ini, secara tidak langsung golongan remaja dibimbing menjadi insan yang bukan sahaja intelek tetapi bijak mengawal emosinya serta dapat mengekalkan tingkah laku-tingkah laku positif dalam diri mereka.

Sudah tiba masanya *Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Sekolah Menengah dan Rendah* disusun semula supaya dapat memasukkan kemahiran-kemahiran kecerdasan emosi sebagai landasan penting di samping menekankan aspek Ketuhanan yang menjadi tonggak utama dalam sistem pendidikan di negara ini. Adunan kedua-dua aspek ini akan dapat melahirkan insan yang seimbang dan holistik seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dapatkan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sesuai dengan keperluan negara pada masa kini yang memerlukan insan yang berkemahiran tinggi dalam menangani perubahan dan krisis secara proaktif malah melangkaui pemikiran.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada novel-novel remaja yang telah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) dari tahun 2000 hingga 2009. Novel-novel yang dipilih ialah novel yang memenangi hadiah utama dalam tempoh satu dekad (10 tahun) HSKU diadakan. Rasional memilih novel bermula dari tahun 2000 hingga tahun 2009 ini juga adalah kerana novel-novel yang memenangi HSKU tidak pernah dikaji dan dianalisis dengan menggunakan Model Kecerdasan Emosi (MKE). Selain itu, bermula pada tahun 2000, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan kajian teks sastera genre novel untuk diajarkan dan dikaji dalam subjek Bahasa Melayu sekolah menengah. Justifikasi pemilihan novel HSKU ini juga dibuat kerana terdapat sebahagian novel yang memenangi HSKU ini dipilih menjadi teks kompasas.

Pemilihan novel-novel HSKU ini juga dibuat berdasarkan usia pertandingannya telah mantap dan telah melebihi 25 tahun mewarnai dunia kesusasteraan negara. Kriteria umum pemilihan HSKU juga mengemukakan syarat-syarat yang jelas bagi meletakkan sesebuah karya itu sebagai pemenang dalam kategori novel remaja. Antara syarat yang perlu dipenuhi bagi memenangi hadiah utama novel remaja dalam HSKU ialah karya harus menggunakan pandangan dunia remaja, dari aspek pengolahan dan pemikiran serta dapat mengemukakan nilai motivasi yang dapat membangkitkan semangat dan memupuk jiwa remaja yang berkualiti dari sudut penyempurnaan akal budi, penampilan sahsiah yang berhemah tinggi dan berjati diri. (Lampiran 1)

Selain itu, kewajaran pemilihan novel HSKU bermula pada tahun 2000 hingga 2009 adalah kerana novel-novel ini dicipta pada alaf baharu. Oleh itu, tema dan persoalan yang diungkapkan sesuai dengan remaja yang hidup pada zaman sekarang. Novel-novel yang dipilih ini mengungkap serta merakamkan pandangan serta pengalaman golongan remaja yang berusia dalam lingkungan 16 hingga 21 tahun iaitu golongan remaja yang sudah mampu menilai kebaikan dan keburukan sesuatu perkara. Novel remaja yang dipilih juga memaparkan watak remaja sebagai watak utama yang sudah boleh memimpin dan membuat keputusan terhadap kehidupan dan masa depan mereka. Penulis juga telah membentuk watak-watak yang pelbagai bukan sahaja watak yang berhati mulia malah terdapat juga watak negatif iaitu yang bertentangan dengan nilai moral dan pendidikan namun telah ditangani dengan bijak oleh pengarang. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya meletakkan batasan kajian dengan menganalisis watak protagonis remaja sahaja dalam teks terpilih. Hal ini adalah kerana pengkaji memberi tumpuan kepada kepentingan kecerdasan emosi dalam membentuk sahsiah dan jati diri yang unggul dalam diri remaja. Pengkaji juga melihat kreativiti pengarang mengaplikasi komponen kecerdasan emosi dalam melahirkan watak protagonis remaja yang

cemerlang dalam kehidupan peribadi dan kehidupan sosial serta keperluan kerohanian watak remaja tersebut.

Senarai novel remaja yang akan digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang tercatat dalam jadual berikut:

Jadual 1.2: Novel-novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan dari Tahun 2000 hingga 2009

Tahun	Tajuk Novel	Pengarang	Pencapaian
2000	Bukan Legasi Lalang	Sri Rahayu Mohd Yusop	Tempat Pertama HSKU tahun 2000
2001	Trilogi Cinta	Siti Jasmina Ibrahim	Tempat Pertama HSKU 2001
2002	1515	Faisal Tehrani	Tempat Pertama HSKU 2002
2003	1511H (Kombat)	Faisal Tehrani	Tempat Pertama HSKU 2003
2004	Advencer Si Peniup Ney	Faisal Tehrani	Tempat Pertama HSKU 2004
2005	Kembara Amira	Amer Hmzah L. Kadir	Tempat Pertama HSKU 2005
2006	Odisi Tanah Kencana	Sri Rahayu Mohd Yusop	Tempat Kedua HSKU 2006
2007	Warisnya Kalbu	Sri Rahayu Mohd Yusop	Tempat Pertama HSKU 2007
2008	Kasih Nan Agung	Sri Rahayu Mohd Yusop	Tempat Pertama HSKU 2008
2009	Impuls/Roh	Sri Rahayu Mohd Yusop	Tempat Pertama HSKU 2009

1.6 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang berkaitan dengan kajian ini wajar dijelaskan terlebih dahulu supaya perbincangan yang seterusnya akan menjadi lancar dan difahami. Antara istilah yang akan dijelaskan dalam bab ini adalah tentang konsep emosi, kecerdasan, kecerdasan emosi, remaja dan novel remaja.

1.6.1 Emosi

Perkataan ‘emosi’ berasal daripada perkataan Greek “*emovere*” yang bermaksud “untuk keluar” kerana emosi dikaitkan dengan suatu keadaan yang dialami oleh manusia dan perlu ditonjolkan keluar untuk memberi kepuasan kepada mereka. Dalam psikologi, emosi ditakrifkan sebagai tindak balas subjektif (perasaan) yang biasanya disertai dengan perubahan fisiologi. Emosi adalah keadaan motivasi yang ditandai dengan bangkitan fisiologi, tingkah laku ekspresif, dan pengalaman dan penilaian mental.

Bagi Goleman (1996), emosi adalah satu keadaan yang dialami oleh manusia yang akan menyebabkan beberapa perubahan pada proses fisiologi, diri dan psikologi akan berlaku. Beliau menyatakan bahawa terdapat ratusan jenis emosi yang wujud dalam diri manusia seperti emosi marah, sedih, takut, bahagia, cinta, malu dan sebagainya. Mayer, Curaso dan Salovey (1999) pula berpendapat bahawa emosi ialah proses dalaman yang memantau dan menyelaras subsistem psikologi seperti kesedaran minda dan tindak balas fisiologi. Corsini Raymond J. (1994) dan Straton & Hayes (1988), memberi takrifan emosi sebagai satu perasaan atau penggabungan perasaan yang bersifat subjektif namun dikawal oleh otak. Manakala Bruno (1984) memberi takrifan bahawa emosi ialah satu keadaan bangkitan yang mengganggu garis dasar hemeostatis. Beliau melihat emosi dari perspektif ini kerana apabila seseorang itu mengalami emosi, hampir keseluruhan keadaan homeostatisnya terganggu dengan pelbagai perubahan fisiologi yang berlaku dalam tubuhnya. Bangkitan fisiologi yang berkaitan dengan emosi akan menyebabkan perubahan dalam suhu kulit, kadar degupan jantung, dan peluh, (Ma’rof Redzuan dan Haslinda Abdullah, 2008). Manakala emosi yang melibatkan pengalaman dan penilaian mental biasanya berlaku secara automatik yang kadang-kadang tidak disedari tindakan itu boleh berlaku. Menurut Norazit Selat (2005), emosi adalah bersifat ‘cultural specific’ kerana pengalaman budaya boleh

mempengaruhi seseorang dalam membuat penilaian kognitif dan hal ini akan mempengaruhi tingkah laku dan tindakan seseorang dalam memaparkan emosi mereka. Emosi juga didefinisikan sebagai ‘rasa yang halus’ atau *‘feeling’* yang melibatkan sentuhan nurani seperti perasaan seronok, sakit, benci, kehairanan, takut dan sebagainya dalam diri manusia, (Mahmood Nazar Mohamed, 1990 : 314). Emosi adalah salah satu ciri jiwa manusia yang boleh berlaku secara naluri bergantung pada sesuatu situasi, (Azhar Simin, 2004).

Menurut Siti Hawa Munji dan Ma’rof Redzuan (1990), emosi merupakan keadaan kompleks dan dalam keadaan tersebut organisma berada dalam keadaan sedar dan gerak balas organisma dapat diperhatikan dan diukur melalui tingkah laku dan komunikasi emosi yang dipamerkan. Komunikasi emosi dapat dilihat melalui ekspresi muka, isyarat perkataan dan lain-lain yang dipaparkan oleh seseorang apabila dikuasai oleh sesuatu emosi tersebut. Walaupun emosi bersifat universal namun semua manusia di dunia tanpa mengira bangsa dan agama akan mengalami emosi tetapi tindakan-tindakan emosi mungkin berbeza mengikut budaya masing-masing.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada kajian-kajian neurobiologi, setiap emosi akan mempengaruhi tubuh manusia dengan suatu tindak balas biologi. Emosi ditakrifkan sebagai perasaan sama ada yang menggembirakan atau tidak. Emosi mengandungi tiga komponen, iaitu perubahan fisiologi, tingkah laku organisma dan kesedaran kognitif. Perubahan fisiologi dan gerak balas organisma dapat diperhati dan diukur apabila seseorang itu mengalami sesuatu keadaan emosi manakala kesedaran kognitif tidak mudah diukur dengan peralatan elektronik. Emosi juga sering digunakan untuk menerangkan tentang tingkah laku terutama sekali tingkah laku yang tidak rasional. Sebagai contoh, seseorang itu akan memukul seseorang yang lain disebabkan emosi marah yang tidak dapat dikawal olehnya. Oleh sebab itu, emosi harus difahami

supaya tidak mempengaruhi tingkah laku seseorang terutamanya yang berbentuk negatif. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1990), secara amnya, emosi manusia mempunyai unsur-unsur yang positif dan negatif. Kegembiraan, keriangan dan kesukaan adalah bentuk-bentuk emosi yang positif manakala kemarahan, kesedihan dan kemurungan melambangkan emosi yang negatif.

Emosi akan mewarnai kehidupan manusia. Tanpa emosi, manusia diibaratkan seperti mesin yang hanya tahu menjalankan tugas apabila ditekan suisnya sahaja. Walaupun semua manusia mempunyai emosi namun tidak bermakna cara mengalami emosi setiap manusia itu sama walaupun menghadapi rangsangan yang sama kerana hal ini bergantung kepada pengalaman lampau, minat, perbezaan personaliti, perbezaan kederiaan dan sebagainya dalam melahirkan emosi masing-masing. Emosi adalah penyambung hidup bagi kesedaran diri dan secara tidak langsung emosi juga yang menghubungkan seseorang itu dengan dirinya dan menghubungkan dirinya dengan orang lain serta dengan alam dan kosmos. (Jeanne Segal, 1997). Menurut Jeanne lagi, kesedaran tentang emosi memungkinkan seseorang itu pulih dalam kehidupan dan kesihatannya, melindungi keluarga dan mengeratkan hubungan kasih sayang dan mencipta kejayaan dalam pekerjaan yang dilakukan.

Walaupun tokoh-tokoh psikologi memberi pelbagai tafsiran tentang maksud emosi namun kebanyakan mereka bersetuju bahawa emosi manusia terbahagi kepada dua jenis iaitu emosi positif dan emosi negatif. Walaupun terdapat pelbagai jenis emosi sama ada emosi positif atau negatif, setiap emosi mempunyai perbezaan mengikut peringkat kekuatannya. Setiap emosi itu mempunyai darjahnya iaitu boleh diletakkan di atas satu garisan kontinuum. Sebagai contoh, emosi marah boleh digambarkan melalui kurang marah di satu ekstrim dan sangat marah di satu ekstrim yang lain.

Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa emosi ialah salah satu ciri jiwa manusia yang boleh mempamerkan perasaan dan tindak balas berdasarkan pengaruh psikologi atau mental seseorang. Selain itu, faktor persekitaran juga mempengaruhi kematangan individu dalam menentukan respon emosi dalam suasana yang berbeza. Sehubungan dengan itu, kajian ini dapat melihat respon emosi berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi kecerdasan emosi.

1.6.2 Kecerdasan

Kecerdasan telah ditakrifkan oleh Wechsler (1958) sebagai “kemampuan menyeluruh seseorang individu secara sedar untuk berfikir secara rasional, dan bertindak secara efektif terhadap persekitarannya. Cherniss (2005, 2000) menyatakan bahawa kecerdasan mempunyai dua elemen iaitu elemen intelek dan bukan intelek yang merangkumi faktor-faktor personal dan faktor sosial” berdasarkan pendapat Wechsler dan kajian Robert Thorndike (1937) seabad sebelum kajian David Wechsler (www.eiconsortium.org, 2005). Wechsler mengenal pasti aspek-aspek kecerdasan bukan kognitif amat penting untuk penyesuaian dan kejayaan dalam hidup. Dalam tahun 1930-an, Thorndike telah menyarankan tentang kecerdasan sosial berdasarkan huraian yang serupa yang digunakan oleh Wechsler. Kajian kedua-dua ahli psikologi ini dikembangkan oleh Gardner (1983); Canton & Kihlstrom (1987, 1985); Goleman (1998); Meyer et al (2003); Salovey et al (2007); dan kini sedang dimajukan lagi oleh lebih ramai lagi pengkaji-pengkaji kontemporari dalam bidang kecerdasan emosi ini. Hal demikian berlaku, sungguhpun ramai dalam kalangan pakar-pakar psikologi yang menyelidik tentang kecerdasan yang sering memberi fokus terhadap aspek-aspek kognitif seperti daya ingatan dan penyelesaian masalah, ada dalam kalangan penyelidik yang mengenal pasti bahawa aspek-aspek bukan kognitif juga penting.

Terdapat pelbagai tafsiran tentang kecerdasan yang diberikan oleh tokoh-tokoh pendidik dan ahli-ahli psikologi. Mengikut takrifan David Wechsler (1975), iaitu seorang pakar psikologi yang mengasaskan satu daripada alat penilaian kecerdasan ini menyatakan bahawa kecerdasan ialah kebolehan seseorang individu memahami alam sekitarannya, dirinya dan kepakaran yang ada padanya yang boleh menolong dia menghadapi cabaran hidup. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kecerdasan merujuk kepada keupayaan-keupayaan kognitif seseorang untuk belajar daripada pengalaman, untuk menaakul dengan baik dan untuk bertindak secara berkesan terhadap desakan-desakan dalam kehidupan sehari-hari. Fischer (1985) pula menekankan bahawa kecerdasan itu amat berkait rapat dengan keadaan sedar aksi seseorang individu itu. Seseorang yang cerdas harus berupaya menyesuaikan segala tingkah lakunya dalam apa-apa bentuk alam persekitarannya dalam keadaan sedar.

Manakala Gardner dalam buku *Multiple Intelligence: The Theory in Practice* (1993) mendefinisikan kecerdasan sebagai:

“... the ability to solve problems or to fashion products, that are valued in one or more cultural or community settings.”

Beliau berpendapat kecerdasan terdiri daripada kemahiran-kemahiran penyelesaian masalah yang membolehkan individu menyelesaikan masalah dan pada masa tertentu mencipta produk yang berfaedah serta kebolehan mencari atau mencipta masalah yang akhirnya menjurus kepada pemerolehan pengetahuan.

Kesukaran pakar-pakar psikologi untuk menerima satu definisi sahaja tentang maksud kecerdasan menyebabkan pelbagai definisi diutarakan tentang kecerdasan. Umpamanya Piaget, mendefinisikan kecerdasan sebagai keupayaan manusia menyesuaikan diri dalam pelbagai suasana persekitaran fizikal atau sosial yang berada di sekelilingnya. Chaplin (1985) pula melihat kecerdasan daripada beberapa aspek, iaitu

kecerdasan ialah kebolehan untuk menyesuaikan diri dalam situasi-situasi yang menekan dengan afektif; kebolehan untuk menggunakan konsep-konsep abstrak dengan berkesan; dan kebolehan memahami kaitan-kaitan dan mempelajarinya dengan cepat. Menurut Mayer & Salovey (1997), kecerdasan merupakan satu set kemampuan dan kebolehan kognitif yang membolehkan manusia mengecap ilmu dan belajar bagaimana untuk menyelesaikan masalah. Robecca (2000) mentakrifkan kecerdasan ialah kebolehan individu memahami alam sekitar, diri sendiri dan kepakaran yang boleh membantu menghadapi cabaran. Bagi Baron (1990) pula, beliau menekankan bahawa kecerdasan amat berkait rapat dengan keadaan sedar dan aksi seseorang kerana beliau berpendapat seseorang yang cerdas berupaya menyesuaikan tingkah lakunya dalam apa-apa jua bentuk persekitaran sama ada dalam keadaan sedar ataupun tidak.

Dalam usaha untuk menjelaskan fenomena tentang kecerdasan ini, beberapa teori telah dikemukakan oleh pakar-pakar psikologi mengenainya. Antara teori yang menerangkan aspek kecerdasan ialah Teori Psikobiologi, Teori Behaviorisme dan Teori Kognitif. Pakar-pakar yang terlibat dalam Teori Psikobiologi percaya bahawa faktor baka dan genetik memainkan peranan penting untuk menentukan tahap kecerdasan seseorang individu. Seorang anak yang ibu bapanya cerdas, mempunyai kebarangkalian tinggi untuk menjadi anak yang cerdas. Manakala Teori Behaviorisme pula berpendapat jika seseorang anak diberi asuhan, stimulasi dan segala bentuk rangsangan yang berkaitan dengan kecerdasan maka anak itu akan menjadi cerdas apabila dia membesar. Walau bagaimanapun faktor pemakanan dan kesihatan mesti diambil kira kerana kanak-kanak yang kurang zat makanan akan terbantut pertumbuhan mentalnya. Selain itu, tokoh-tokoh behaviorisme juga berpendapat anak yang tidak mendapat asuhan serta tidak didedahkan dengan persekitaran yang positif juga akan menghadapi perkembangan mental yang lembap dan akan mempengaruhi tahap kecerdasan mereka. Ciri-ciri alam sekitar yang positif adalah seperti makanan, kesihatan, kualiti stimulasi

yang diberi, keadaan emosi di rumah, pergaulan sosial yang positif dan jenis-jenis tindak balas yang diberi terhadap sesuatu tingkah laku semuanya dapat merangsang perkembangan mental kanak-kanak. Sebagai bukti, kajian yang dijalankan oleh Bayley (1970) mencatatkan yang perbezaan taraf sosioekonomi mempengaruhi tahap kecerdikan seseorang individu dan ini berkaitan dengan faktor-faktor alam sekitar yang telah dinyatakan itu. Steinberg (2003) pakar psikologi kognitif melihat kecerdasan manusia dari segi kebolehan berfikir secara kreatif. Beliau juga telah mengenal pasti bahawa ada segolongan individu lain yang tidak memaparkan pemikiran kritikal ataupun kreatif tetapi mereka ini mempunyai kebolehan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi.

Teori Behaviorisme menyatakan bahawa pengaruh baka dan pengaruh alam sekitar mempengaruhi kecerdasan manakala Teori Kognitif mengaitkan kecerdasan dengan perbezaan individu dengan individu yang lain. Dengan ini, beliau berpendapat bahawa kecerdasan tidak harus dilihat dalam satu bentuk sahaja lalu beliau mengkategorikan kecerdasan manusia dalam tiga jenis dan hal ini dinyatakan dalam Teori Triarkik yang diasaskan oleh beliau.

“Intelligence can be divided into three different kinds of reasoning process (triarchic means “three”). The first is using analytical or logical thinking skills that are measured by traditional intelligence tests. The second is using problem-solving skills that require creative thinking and the ability to learn from experience. The third is using practical thinking skills that help a person adjust to, and cope with, his or her sociocultural environment.”

(Sternberg, 2003)

Komponen kecerdasan yang pertama adalah tentang kebolehan individu memproses informasi yang sedia ada iaitu berupaya berfikir secara analatikal dan kritikal. Komponen kedua ialah kecerdasan pengalaman iaitu individu yang mempunyai

kebolehan membentuk idea-idea baharu dan asli. Dengan ini, mereka berupaya melihat fenomena daripada pelbagai sudut serta memahaminya dengan cepat. Manakala komponen kecerdasan yang ketiga ialah kecerdasan berasaskan kepada kebolehan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai suasana serta situasi. Individu yang mempunyai kecerdasan jenis ini amat praktikal dan mempunyai keupayaan yang menakjubkan dalam hal memanipulasi sesuatu persekitaran bagi mencapai kejayaan yang diidamkan.

Keupayaan kognitif nyata mendasari pengertian kecerdasan semenjak dahulu lagi dan pengertian ini menjadi pegangan yang kukuh oleh sesetengah pakar psikologi dan pandangan ini mempunyai pengaruh yang kuat dan meluas. Menurut Muhammad D. Sensa (2006), kecerdasan adalah kekuatan yang tidak berbentuk material ataupun spiritual. Kecerdasan adalah alat bantu yang penting bagi manusia dan makhluk lain menjalani kehidupan di dunia. Beliau berpendapat bahawa kecerdasan dapat dilihat melalui sentuhan, usapan dan sebagainya. Kecerdasan adalah sebuah potensi yang tersembunyi dan tersimpan dalam diri manusia. Salah satu alat bagi membongkar kecerdasan pada diri manusia adalah al-Quran. Menurut beliau lagi, dengan membaca dan menghayati isi kandungan al-Quran, manusia dapat memahami dan seterusnya mengamalkan secara konsisten dalam kehidupan seharian. Al-Quran adalah kitab yang boleh meningkatkan kecerdasan kerohaniah dalam diri manusia.

Walaupun pelbagai definisi diberikan kepada maksud kecerdasan namun secara umumnya, kecerdasan ialah kebolehan seseorang individu yang melebihi kebolehan orang lain yang sama dengannya, sama ada dalam aspek akademik, cara menyelesaikan masalah, menyesuaikan diri dengan pelbagai bentuk persekitaran dan kebolehan-kebolehan lain yang berbentuk positif. Kecerdasan bukan sahaja bermaksud keupayaan menyimpan pengetahuan semata-mata malah aspek kecerdasan melibatkan keupayaan memperoleh dan menggunakan pengetahuan untuk bertindak balas terhadap situasi-

situasi yang dihadapi dengan baik dan berkesan. Manusia yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi mampu menangani kehidupannya dengan cemerlang.

Kecerdasan berkait rapat dengan akal fikiran manusia. Allah mengurniakan akal kepada manusia supaya manusia dapat berfikir dan boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran di dunia ini. Berbanding dengan haiwan, spesis manusia boleh bertahan lama di dunia kerana manusia itu mempunyai kecerdasan. Dengan adanya akal kurniaan Allah, manusia boleh berfikir dengan cerdas untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dan dapat meneruskan kehidupan dengan baik di dunia.

1.6.3 Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi merupakan kebolehan seseorang individu menggunakan emosi dalam kehidupan dan pekerjaan mereka sehari-hari dengan berkesan. Kecerdasan emosi (EQ) lebih menekankan kepada ciri sahsiah yang dimilikinya. Kecerdasan emosi juga akan membantu individu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi serta berfungsi secara afektif. Kejayaan dalam hidup dikaitkan dengan kecerdasan emosi yang tinggi dan bukan lagi bergantung kepada kecerdasan intelek semata-mata. Kecerdasan emosi mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan hati manusia kerana kecerdasan emosi akan mendorong manusia mencapai potensi dan tujuan unik yang ada dalam aspirasi batin yang terpendam dalam diri manusia sesuai dengan maksud perkataan *motus anima* dalam bahasa Latin yang merujuk kepada perkataan ‘emosi’ iaitu bermaksud ‘roh yang menggerakkan kita’. Emosi adalah maklum balas daripada hati dan bukannya otak. Makluman balas batin ini akan mencetuskan kebijaksanaan dalam melahirkan tingkah laku ataupun reaksi terhadap emosi yang dialami.

Menurut Goleman (1999), kecerdasan emosi adalah kemampuan merasakan, memahami, dan dengan afektif menerapkan daya dan kepekaan emosi sebagai sumber kekuatan, kebolehan menyedari, mengenal pasti dan mengurus emosinya sendiri serta menjalin hubungan yang mesra di samping memiliki motivasi kendiri. Suinn (1980), seorang tokoh dalam psikologi sukan juga telah mengaitkan pencapaian tertinggi seseorang atlit mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan emosi dan kecerdasan emosi atlit tersebut. Hal ini dijelaskan dalam kenyataan yang berikut:

“In this way the emotional state may be placed on a continuum from high to low activation: excited, alert and attentive, related, drowsy, light sleep, deep sleep, coma, and death”.

(Suinn, 1980)

Sekiranya emosi seseorang atlit itu mampu dikawal oleh fikiran yang rasional maka atlit tersebut akan dapat mengawal dirinya semasa bertanding. Jika emosi yang stabil ini dapat terus dikawal, kemudian didorong, ini akan membolehkan seseorang itu menghadapi cabaran-cabaran kritikal dalam pertandingan antarabangsa dan mencapai kemenangan yang diharap-harapkan. Hal ini selari dengan pandangan Goleman (1999) yang menyatakan bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang.

Mayer et al. (1999) pula mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan seseorang untuk mengenal pasti makna-makna emosi dan hubung kaitnya termasuklah kebolehannya menaakul dan menyelesai masalah. Beliau juga berpendapat bahawa kecerdasan emosi juga membolehkan seseorang berfikir secara kreatif apabila menghadapi kekecewaan dan berkemampuan menyelesaikan konflik. Menurut Salovey dan Mayer (1993), kecerdasan emosi merupakan satu jenis kecerdikan sosial yang melibatkan kebolehan untuk mengawal emosi diri sendiri, emosi orang lain untuk

membezakan dalam kalangan mereka dan menggunakan maklumat tersebut untuk melakukan tindakan. Kecerdasan emosi juga ditakrifkan sebagai:

‘... keupayaan untuk menaakul tentang emosi, dan keupayaan emosi untuk mengukuhkan pemikiran. Ini termasuk kebolehan mengenal emosi dengan tepat, mencapai dan menjana emosi bagi membantu pemikiran, memahami emosi dan pengetahuan tentang emosi, serta mengendalikan emosi secara refleksi (renungan) bagi tujuan pengembangan emosi dan intelek.’

(Salovey, Brackett & Mayer, 2004)

Weisenger (1998) pula berpendapat kecerdasan emosi adalah penggunaan emosi secara cerdas iaitu membuatkan emosi tersebut bermanfaat dengan menggunakannya sebagai pemandu perilaku dan pemikiran. Tambah beliau lagi, kecerdasan emosi adalah satu instrumen untuk menyelesaikan masalah terutamanya untuk kepentingan intrapersonal dan interpersonal. Mayer, Salovey dan Caruso (2000) juga mengintegrasikan emosi dan pemikiran dalam konteks hubungan dalam masyarakat. Definisi ini disokong oleh McCallum dan Piper (2000) yang mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai satu konstruk (merangkum emosi, kemahiran personal dan kemahiran sosial) yang mempengaruhi keupayaan keseluruhan individu menguasai cabaran dan tekanan dalam persekitaran. Kecerdasan emosi merupakan aspek pengendalian diri, semangat dan ketekunan serta kemampuan memotivasi diri sendiri dan bertahan menghadapi kegagalan, kesanggupan mengendalikan dorongan hati dan emosi, tidak melebih-lebih kesenangan, mengatur suasana hati dan menjaga supaya beban tekanan tidak melumpuhkan kemampuan berfikir bagi membaca perasaan dalaman orang lain dan berdoa untuk memelihara hubungan dengan sebaik-baiknya, kemampuan untuk menyelesaikan konflik serta untuk memimpin.

Kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam hidup manusia kerana kesedaran emosi akan membuat keadaan jiwa seseorang itu berhati-hati untuk bertindak dan membuat keputusan. Seseorang yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan membuat keputusan yang terbaik untuk dirinya dan diri orang lain. Goleman (1999) menjelaskan bahawa kecerdasan emosi boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa dan berlaku secara berterusan dan sepanjang hidup seseorang itu berlangsung kerana latihan untuk meningkatkan kecerdasan emosi boleh diperoleh melalui pengalaman-pengalaman dan latihan yang diterima sama ada di tempat kerja atau melalui didikan ibu bapa di rumah. Walau bagaimanapun kecerdasan tidak akan bererti apa-apa jika dibiarkan emosi yang berkuasa dan kecerdasan emosi dapat membentuk seseorang itu menjadi lebih manusiawi.

1.6.4 Remaja

Menurut Steinberg (1987) perkataan *adolescence* (remaja) berasal daripada bahasa Latin iaitu *adolscere* bermaksud ‘tumbuh dan berkembang ke arah kematangan’. Oleh itu, Steinberg (1987), berpendapat bahawa perkembangan remaja melibatkan satu peralihan daripada keadaan belum matang ke arah kematangan. Dalam Kamus Webster, remaja disebut *adolescence* yang diambil daripada bahasa Latin *aolescence* yang bermaksud “membesar, membesar ke arah kematangan:, atau ditakrif sebagai:

Adolescence (adolescent/adolescence): to grow towards maturity; Adolescence: more at adult 1. The state or process of growing up: the period of life from puberty to maturity terminating legally at the age of majority. 2. The transition from youth to maturity in the cycle of stream evolution. (New International Dictionary and Seven Language Dictionary, 1971: 4)

Terdapat pelbagai takrifan tentang diri remaja terutama dari segi usia yang dikatakan bermulanya zaman remaja. Akil baligh merupakan detik permulaan seseorang insan menjadi remaja. Pada tahap ini, kanak-kanak lelaki dan perempuan mengalami kematangan organ pembiakan dan individu tersebut sudah berupaya melahirkan zuriat. Kebanyakan pengkaji memberi takrifan kepada usia remaja berdasarkan gabungan aspek pertumbuhan dan perkembangan remaja itu sendiri. Antara pertimbangan yang dilihat adalah berdasarkan pertumbuhan fizik, jantina, mental dan kemampuan berfikir, sikap, emosi, minat, sahsiah, psikologi, sosial dan moral remaja. Menurut Othman Puteh (1998), dari segi undang-undang di negara ini, golongan remaja dikatakan berusia dalam lingkungan 14 tahun ke atas dan di bawah 21 tahun. Menurut beliau lagi, sekiranya terjadi sesuatu kes yang melibatkan pelanggaran undang-undang dalam kalangan individu dalam lingkungan usia ini, maka hukuman yang diterima tidak sama dengan hukuman orang dewasa. Dalam banyak keadaan, remaja bermula daripada akil baligh di antara umur 12 atau 13 tahun dan berakhir apabila individu tersebut melangkah ke usia awal 20-an atau pertengahan 20-an (Papalia dan Olds, 1978).

Mustafa Fahmi (1976: 163) seorang tokoh psikologi daripada Universiti Ibrahim, Kaherah, Mesir mengakategorikan golongan remaja ini kepada tiga bahagian seperti yang berikut:

- Pra remaja iaitu 10 hingga 12 tahun
- Awal remaja iaitu 13 hingga 16 tahun
- Akhir remaja iaitu 17 hingga 21 tahun

Manakala Mohd Salleh Lebar (1994: 97 – 98) pula berpendapat remaja boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat awal remaja dan peringkat remaja. Beliau menyatakan bahawa peringkat awal remaja merujuk kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah iaitu antara tingkatan satu hingga tingkatan tiga dan remaja pada usia

ini dikatakan telah meninggalkan ciri-ciri keanak-anakan apabila mereka sudah mencapai akil baligh. Seterusnya, beliau mengkategorikan kumpulan anak muda yang berusia antara 15 tahun hingga 20 tahun sebagai golongan remaja dan mengalami perubahan dari peringkat zaman kanak-kanak ke peringkat dewasa. Berakhirnya tahap usia remaja sukar ditentukan namun dari pandangan ahli sosial, tahap remaja berakhir apabila individu mampu menyara diri mereka sendiri, mempunyai pekerjaan tetap berkahwin dan membina keluarga.

Perubahan dari zaman kanak-kanak ke zaman remaja turut mempengaruhi perubahan pemikiran dan kognisi remaja. Bukan sahaja pemikiran remaja berubah dari segi daya penaakulan tetapi juga pemikiran abstrak serta mula wujud kognisi sosial iaitu berfikir tentang manusia lain, tentang perhubungan sosial. Apabila individu telah memasuki alam remaja iaitu dalam lingkungan umur sebelas tahun, Piaget menyatakan bahawa perkembangan kognitif manusia masuk ke tahap akhir, iaitu tahap operasi formal. Kanak-kanak yang memasuki tahap ini berupaya berfikir dengan logik serta memahami konsep-konsep yang abstrak. Mereka boleh memahami prinsip-prinsip logik serta memperoleh kefahaman abstrak tentang peristiwa konkrit. Satu lagi perubahan kognitif remaja yang agak ketara iaitu pemikiran egosentrik remaja yang dinyatakan oleh Elkind (1967). Beliau berpendapat bahawa remaja mempunyai satu sifat egosentrisme iaitu sering merasakan perhatian umum sentiasa tertumpu pada diri, tingkah laku, perbuatan dan sifat mereka. Setiap kesilapan yang dilakukan oleh mereka akan kekal dalam ingatan mereka dan menganggap peristiwa tersebut sebagai sesuatu yang memalukan apabila diperhatikan oleh orang lain.

Walau bagaimanapun, menurut Hill dan Palmquist (1978), tanggapan remaja terhadap seseorang individu mula berkembang iaitu remaja berupaya membuat tanggapan spesifik tentang diri dan orang lain berbanding dengan kanak-kanak yang

cenderung membuat tanggapan secara umum sahaja. Selain itu, Hill dan Palmquist juga menyatakan bahawa remaja menjadi kurang egosentrik kerana ia sedar tanggapan yang dibuat terhadap orang lain merupakan tanggapan peribadi dan tidak mungkin akan diterima oleh orang lain. Beliau juga berpendapat remaja mula menggunakan rujukan-rujukan tertentu dalam membuat tanggapan dan penilaian yang dibuat terhadap sesuatu lebih tersusun. Tahap pemikiran mental pula dapat dikenal pasti melalui perkembangan pemikiran formal. Waktu remaja merupakan satu zaman yang amat kompleks kerana pelbagai masalah akan dirasai pada peringkat usia remaja. Antaranya ialah perubahan pada diri, perubahan mental, percubaan-percubaan dalam hidup dan pelbagai bentuk perubahan lagi yang akan dialami dalam zaman remaja. Pada peringkat usia ini, mereka turut melakukan penyesuaian diri yang lebih kompleks dengan keluarga, teman sebaya, guru dan persekitaran sekolah dan kehidupan sosial agar bersesuaian dengan peranannya sebagai remaja.

Selain perubahan struktur fizikal dan kognitif, zaman remaja turut memperlihatkan perubahan dari segi sosial dan emosi. Perkembangan sosio-emosi adalah cantuman perkataan ‘sosial’ dan ‘emosi’. Dalam memperkembang sosio-emosi, remaja perlu mengukuhkan personaliti diri dengan cara membentuk identiti diri, mempunyai nilai hidup, mempunyai imbangan antara diri dan sosial serta mempunyai persepsi yang sihat pada orang lain. (Shahizan, Tsai Chen Chien dan Saw Hooi Chin, 2005). Pada peringkat ini perhubungan remaja dengan ibu bapa, keluarga, kawan-kawan sebaya dan hubungan percintaan amatlah rumit kerana pada masa ini, para remaja mengalami satu proses kesedaran kendiri dan remaja sering memikirkan pandangan orang lain kepada mereka. Hal ini menyebabkan remaja sering berubah pendapat dan bertukar kawan. Masalah egosentrisme remaja juga dikaitkan dengan masalah emosi. Hal ini dikukuhkan dengan pandangan Mustafa Fahmi (1976: 184 – 186) yang menyatakan emosi pada peringkat permulaan remaja adalah keras, lekas naik marah,

berubah-ubah, terlampau mengambil berat tentang diri sendiri, mula membentuk sentimen kepada perkara-perkara yang cantik, kasih dan asyik kepada alam tabii dan peraan seumpama ini dinamakan romantis.

Bagi Erikson (1963) pula, pada peringkat usia remaja, individu akan mengalami konflik peribadi yang dikenali sebagai krisis identiti dan mereka akan mengalami konflik sosial antara pengertian identiti diri dengan kekeliruan peranan yang ada pada mereka. Persoalan-persoalan yang wujud dalam konflik sosial ini akan menyebabkan remaja menghadapi pelbagai kekeliruan dan mengalami kerumitan dalam kehidupan lalu timbul pelbagai emosi dalam diri mereka. Terdapat beberapa motif yang menyebabkan terbitnya emosi remaja, iaitu keinginan untuk diterima oleh rakan sebaya, keinginan untuk mendapatkan kebebasan, dan keinginan seksual dan sebagainya. Remaja sering tertekan dan mengalami gangguan emosi jika kehendaknya tidak disempurnakan. Apabila emosi menguasai diri dan mengalami hidup yang selalu tertekan menyebabkan remaja menjadi pemurung dan suka menyendiri. Menurut Frued jika keadaan ini berterusan, akan membahayakan evolusi jiwa remaja. Mereka mungkin akan bertindak agresif dan akan menolak nilai-nilai yang diasuh oleh orang tua untuk mengatasi konflik dalamannya.

Satu lagi perubahan besar yang dihadapi oleh remaja ialah perkembangan sosial. Remaja mula berusaha untuk mendapatkan kebebasan daripada ibu bapa atau melepaskan ikatan dan kekuasaan keluarga untuk mendapat status dan keselamatan emosi dalam kelompok sebayanya. (Nor Raudah, 2006). Kebanyakan remaja menganggap kawan-kawan sebaya adalah lebih penting daripada keluarga kerana seseorang remaja itu lebih suka berkongsi pandangan, bertukar-tukar cerita dan bertukar-tukar pandangan dengan kawan-kawan sebaya daripada keluarga mereka. Walaupun pada usia remaja, mereka belum lagi mempunyai persediaan lengkap untuk

diri sendiri tetapi sikap egosentrisme yang ada pada diri remaja menyebabkan mereka bertindak sedemikian. Kematangan sosial mereka sebenarnya belum kukuh dan belum sesuai untuk berpisah dengan keluarga namun kebanyakan remaja ingin mendapat perhatian dan penghargaan daripada rakan sebaya berbanding keluarga. Jika remaja itu gagal mendapat kebebasan daripada keluarga dan gagal memasuki diri mereka dalam kelompok rakan sebaya, mereka dianggap remaja yang melalui proses perkembangan sosial yang tidak formal. Hal ini disokong oleh Field et al (1995) yang menyatakan: “sebagai remaja yang menuju ke arah dewasa, mereka makin kurang bergantung pada keluarga mereka”.

Walaupun remaja menganggap mereka tidak lagi bergantung kepada ibu bapa namun peranan ibu bapa dan keluarga masih diperlukan untuk mengawasi setiap pergerakan remaja supaya mereka tidak terjerumus terus ke kancalah yang negatif. Keluarga masih perlu memainkan peranan penting sebagai pelindung kepada anak-anak remaja mereka.

1.6.5 Novel Remaja

Kalimat *novel* berasal dari bahasa Itali iaitu *novella* atau *novellate*, yang bermaksud satu bentuk cerita secara prosa yang panjang dan mempunyai ciri-ciri tertentu yang berbeza dengan hikayat atau *romance* dan bentuk ini sangat baharu dalam kesusastraan. (S. Othman: 1985:4) Novel adalah hasil garapan dalam bentuk kreatif yang di dalamnya terkandung tentang realiti kehidupan manusia sebab itulah novel dikatakan sebagai karya sastera yang bertunjangkan realiti masyarakat. Kesedaran masyarakat terhadap kemiskinan, penindasan, pergolakan oleh situasi politik yang tidak stabil, tekanan penjajah dan sebagainya telah menimbulkan tindak balas dalam bentuk karya kreatif seperti novel. Ini bersesuaian dengan pendapat A. Bakar Hamid, setiap definisi novel

yang telah dipelajarinya menekankan tentang pengalaman manusia. (1980:21) Justeru, manusia akan mencerna peristiwa yang dilihatnya dengan adunan imaginasi dan fantasi supaya sebuah karya kreatif akan berhasil.

Penghasilan novel bukan sekadar cerita biasa tetapi menggambarkan kelakuan watak, latar belakang pelbagai masyarakat dan masalah menerusi cerita yang menggunakan pelbagai teknik. Kebanyakan novel ditulis berdasarkan gambaran realiti masyarakat secara keseluruhannya yang diadun dengan daya kreativiti dan imaginasi pengarang untuk menjadikan sesebuah cerita itu menarik. Kemunculan novel sebagai genre sastera dapat mengangkat gambaran kehidupan realiti ke alam imaginasi lalu tercanai dalam ungkapan-ungkapan wacana dalam novel. (Nor Raudah, 2006)

Novel remaja merupakan hasil karya yang dicipta khas untuk golongan remaja yang berusia sekitar 14 tahun sehingga 21 tahun. Dalam hasil karya ini, remaja yang menjadi objek perbicaraannya. Novel remaja merupakan hasil ciptaan yang mengandungi unsur dan nilai serta perasaan pengkarya terhadap situasi remaja kini yang menuntut pemahaman secara lahiriah dan batiniah. Sudah pasti mesej dan persoalan yang dikemukakan haruslah bersifat informatif, mengajar dan berupaya membina watak remaja pada masa kini. Novel remaja dituntut supaya dapat menampilkan watak-watak taulan dan watak yang bercitra jujur, setia, gigih, lasak, kreatif dan berfikiran rasional dan matang. Dengan sifat mengajar bermakna sastera remaja harus menabur, menanam dan mencambahkan bibit atau nilai murni yang berkaitan dengan keimanan, ketakwaan kepada Allah serta kerukunan hidup beragama sesuai dengan masyarakat kita yang pelbagai, di samping menekankan nilai-nilai kemanusiaan, rasa tanggungjawab dan cinta akan diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. (Othman Puteh, 1998)

Oleh itu, novel remaja terdiri daripada bahan-bahan berkualiti yang dapat memenuhi kehendak, psikologi dan cita rasa remaja pada zaman kini. Novel remaja harus menampilkan mesej yang sesuai dengan peredaran zaman dan sesuai dengan jagat baru. Watak-watak remaja protagonis dalam cereka haruslah menjadi model kepada para remaja pada masa kini. Tampilkan watak yang memiliki citra yang positif dan sesuai dengan generasi yang bakal menempuh Wawasan 2020. Malah watak-watak antagonis yang diwujudkan oleh pengarang haruslah dapat menjadi teladan agar terhindar sikap-sikap yang kurang baik dan menginsafi keterlanjuran perbuatan mereka. Yang paling penting, elemen-elemen yang terkandung dalam novel remaja mampu meningkatkan kecerdasan emosi remaja.

Melihat novel remaja sebagai genre dalam sastera remaja mendekatkan kita kepada gambaran, penilaian dan pengalaman penulis, imaginasi dan realiti kehidupan remaja. Hal ini dikukuhkan dengan kenyataan Shahnon Ahmad yang menyatakan novel adalah gambaran tentang kerencaman daripada kepelbagaian rentak dan tari hidup manusia individu mahupun masyarakat yang dibentuk daripada pengalaman penulis, imaginasi dan realiti. (Ali Ahmad, 1978). Dapatlah disimpulkan bahawa penghasilan novel remaja merupakan hasil penciptaan pengkarya untuk menceritakan tentang kehidupan remaja zahir dan batin. Melalui perasaan-perasaan dan buah fikiran yang dilahirkan dengan bantuan bahasa yang sesuai dengan umur remaja menjadikan novel remaja sebagai satu hidangan yang sesuai untuk menggambarkan atau menceritakan kehidupan yang dilalui oleh golongan remaja. Antara tema yang sering ditonjolkan dalam novel-novel remaja ialah tema percintaan, tema kekeluargaan, tema persahabatan, tema keagamaan, tema kemasyarakatan dan tema perjuangan. Dalam dunia globalisasi atau tanpa sempadan ini telah merancakkan lagi arena penulisan novel remaja dengan melahirkan tema-tema baharu yang berkaitan dengan kemajuan teknologi maklumat dan dunia siber.

Sejarah kewujudan novel-novel remaja dalam kesusasteraan Melayu mula dikesan sekitar awal 1920-an apabila Pejabat Karang Mengarang menterjemah novel-novel remaja yang berbahasa Inggeris sebagai satu bacaan ringan bagi pelajar-pelajar sekolah Melayu. Antaranya ialah novel *Robin Hood* terjemahan daripada *Robin Hood*, novel *Sherlock Holmes* terjemahan *Adventure of Sherlock Holmes* dan novel Pulau Karang terjemahan daripada *Carol Island*. Ketiga-tiga novel ini diterjemahkan oleh Yazid Ahmad. (Abdullah Sanusi, 1966: 46 – 47). Seterusnya pada tahun 1937 pula, Za’ba telah menterjemahkan novel *Anak Raja dan Anak Papa* daripada *The Prince and The Pauper*. Walau bagaimanapun, novel-novel terjemahan ini tidak dapat diterbitkan pada tahun tersebut kerana menghadapi beberapa masalah. Pada tahun 1958 barulah Dewan Bahasa dan Pustaka dapat menerbitkan novel-novel tersebut.

Sekitar tahun 1940-an pula, tidak terdapat satu pun novel remaja yang diterjemahkan. Pendudukan Jepun selama 3 tahun 8 bulan (15 Februari 1942 hingga 14 Ogos 1945) banyak mempengaruhi perkembangan kesusasteraan Melayu. Dalam tempoh tersebut bukan sahaja novel-novel remaja yang tidak diterbitkan tetapi penerbitan novel-novel kategori lain juga tidak ada. Sebaliknya karya berbentuk sajak yang menampilkan mesej propaganda “Asia untuk Asia” dan “Asia Timur Raya Makmur di Bawah Nipon’ mendapat perhatian. (Rahman Shaari dan Nurazmi Kuntum, 1984: 216). Pihak Jepun membenarkan sajak-sajak bertema sedemikian kerana sajak-sajak ini mengandungi mesej yang memperlehkan penjajahan British dan memuji penjajahan Jepun pada ketika itu. Menurut Rahman Shaari dan Nurazmi Kuntum (1984 :222), pada tahun 1946 sehingga 1956 terdapat 118 buah novel yang dihasilkan oleh penulis tempatan tetapi hanya tiga buah novel remaja sahaja yang dikesan muncul pada ketika itu. Novel remaja pertama yang ditulis oleh penulis tempatan ialah novel yang bertajuk *Cincin Rahsia* yang dihasilkan oleh Hashim Amir Hamzah pada tahun 1951. Novel ini dianggap sebagai novel asli penulis tempatan kerana novel ini memenangi

Peraduan Mengarang Cerita-cerita Terpanjang yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1951. (Abdullah Sanusi Ahmad, 1966: 51).

Novel remaja kedua yang dapat dikesan selepas itu ialah novel *Bahagia Sesudah Derita* karya Muhamad Akhir bin Leman dan novel *Ahad* karya Zakaria Salleh. Novel ini juga diperoleh melalui peraduan karang-mengarang yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1956 iaitu selepas lima tahun novel pertama dikesan. Dalam tahun 1950-an perkembangan novel remaja agak perlahan kerana pada tahun ini juga, ASAS 50 (Angkatan Sasterawan 50). Setiap ahli telah disedarkan dengan dasar perjuangan ASAS 50 iaitu memperjuangkan semangat kecintaan kepada negara dan bangsa di samping memberi tumpuan kepada matlamat kemerdekaan negara. Justeru pada ketika ini, golongan penulis hanya menulis karya-karya yang boleh menyedarkan masyarakat tentang perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan dan membebaskan diri daripada kesengsaraan, kemiskinan dan membebaskan diri daripada kuasa kapitalis.

Novel remaja masih lagi sukar diperoleh sekitar tahun 1960-an walaupun negara sudah pun merdeka pada ketika itu. Hanya terdapat empat buah novel remaja sahaja yang dikesan diterbitkan sekitar tahun 1960-an iaitu novel *Jasmin* (1965) oleh Darussalam, *Kanak-kanak Kampung Bahagia* (1967) oleh M. Balfas, *Yang Berat Sama Dipikul* (1969) oleh A. Samad Said. (Abdul Ahmad, 1994). Kebanyakan isu yang diketengahkan pada ketika itu ialah tentang fenomena selepas kemerdekaan. Antara peristiwa yang dimuatkan dalam novel pada ketika itu ialah peristiwa rusuhan di Pangkor 1959, Bukit Mertajam 1964, Singapura 1964, Pulau Pinang 1967 sehingga pada peristiwa 13 Mei 1969. Isu-isu tentang remaja masih tidak mendapat tempat di hati penulis novel pada ketika itu.

Penubuhan GAPENA (Gabungan Persatuan Penulis Nasional) pada 23 Oktober 1970 telah menampakkan satu perkembangan positif dalam penulisan novel remaja kerana GAPENA telah menganjurkan sayembara menulis novel dengan menawarkan hadiah yang agak lumayan kepada pemenang. Antara penulis yang aktif menghasilkan novel remaja pada tahun 1970-an ialah A. Samad Said, Matlob, Arman Sani, Othman Puteh, Nazel Hashim Muhammad, Johan Jaafar dan ramai lagi. Selain GAPENA, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga turut menganjurkan sayembara penulisan novel remaja. Kebanyakan tema yang digarap dalam novel remaja pada tahun 1970an ialah kisah-kisah penyiasatan dan pengembalaan yang dilalui oleh golongan remaja. Selain tu, ada juga tema-tema kekeluargaan yang ditulis dalam novel pada masa ini.

Bermula dekad 1990-an, penulisan novel remaja semakin rancak dan semakin mudah didapati di pasaran kerana pelbagai sayembara menulis novel diadakan. Selain itu, syarikat-syarikat penerbitan tumbuh bagi cendawan dan mengeluarkan pelbagai jenis buku dan novel termasuk novel remaja. Antara sayembara sastera yang sentiasa mendapat tempat di negara ini ialah Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) yang diadakan sejak tahun 1986 sehingga kini. Antara novel yang lahir melalui pertandingan ini ialah novel *Julia* oleh Abu Hassan Morad, *Pas Salju* oleh Talib Samat, *Novel* oleh Jusang Bolong, *Tanah Ini* oleh Gunawan Mahmood, *Ekspedisi* oleh Mohd Ghazali Tocheh dan banyak lagi novel lain yang laris di pasaran.

Perkembangan pasaran novel remaja semakin pesat selepas tahun 2000. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang bertajuk “Sambutan Khalayak Terhadap Novel Melayu di Malaysia” yang dijalankan oleh Mohamad Mokhtar & Hamed (2004) mendapatkan 94.8 peratus responden menyatakan mereka minat membaca novel Melayu dengan 19.7 peratus daripadanya menyatakan bahawa mereka terlalu minat membaca novel Melayu. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa 32.3 peratus daripada responden

membaca novel sebanyak enam hingga 10 judul setahun, 8.5 peratus responden membaca novel antara 11 hingga 15 judul dan, 10.4 peratus membaca lebih daripada 16 judul setahun. Hal ini membuktikan bahawa pasaran novel di Malaysia sangat menggalakkan.

Apabila Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewajibkan komponen sastera dimasukkan dalam subjek Bahasa Melayu, semua pelajar tanpa mengira kaum wajib mempelajari komponen sastera di sekolah. Mulai pada tahun itu, semua pelajar wajib membaca novel dan genre sastera dalam komsas seperti yang diarahkan supaya mereka mudah menguasai komponen sastera yang diajarkan di sekolah. Kalau sebelum ini karya sastera dikatakan terpinggir namun kini tidak lagi setelah karya sastera dimasukkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dengan ini golongan remaja telah diperkenalkan dengan pelbagai genre sastera terutamanya genre novel remaja.

1.7 Kajian Terdahulu

Tinjauan kajian ini dibataskan kepada hasil kajian-kajian lepas terhadap sastera remaja khususnya yang berkaitan dengan analisis teks novel remaja yang menggunakan pelbagai pendekatan dan teori. Kajian-kajian terdahulu dalam bidang kecerdasan emosi juga dibincangkan dalam bahagian ini bagi memantapkan dapatan kajian.

Hasil tinjauan yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) yang membincangkan hal sastera remaja masih berkurangan namun di peringkat sarjana telah banyak dijalankan. Antara kajian peringkat Ijazah Kedoktoran yang mengkaji sastera remaja ialah kajian yang dijalankan oleh Halis Azhan bin Mohd Hanafiah (2014) dan kajian yang dilakukan oleh Jumali Haji Selamat (2001). Kedua-dua kajian ini dilakukan di Universiti Putra Malaysia. Tajuk kajian yang dijalankan oleh Halis Azhan bin Mohd Hanifiah ialah “Dinamika

Tema dalam Novel Remaja di Malaysia". Kajian ini menggunakan Pendekatan Sosiologi Sastera dengan mengemukakan empat gagasan yang terdapat dalam Pendekatan Sosiologi Sastera iaitu gagasan Hippolyte Taine, Georg Lukacs, Lucien Goldman dan Alan Swingewood. Keempat-empat gagasan ini digunakan untuk menganalisis faktor-faktor luar teks yang mempengaruhi penciptaan novel-novel remaja di Malaysia. Kajian ini telah menggunakan 30 buah novel remaja sebagai bahan kajian dalam tesis ini. Novel yang dipilih ialah novel-novel remaja yang pernah memenangi peraduan mengarang atau hasilan novelis prolifik dan juga novel remaja yang mendapat sambutan khalayak. Hasil analisis terhadap novel-novel remaja selama enam dekad yang dijalankan ini didapati bahawa garapan tema dalam novel remaja memang dipengaruhi oleh perubahan-perubahan sosial, ekonomi dan politik yang berlaku sejak awal merdeka lagi. Antara dapatan yang diperoleh ialah novel-novel remaja Malaysia kerap mengungkapkan tema yang sejajar dengan agenda pembangunan negara dan masyarakat pada dekad-dekad awal pembangunan. Selain itu, tesis ini juga merumuskan bahawa antara tema-tema penting yang digarap dalam penghasilan novel remaja selama enam dekad ialah tema yang berkaitan dengan pendidikan, pembangunan, kekeluargaan dan tema pengukuhan nilai-nilai murni dan moral. Penggarapan tema-tema sedemikian sejajar dengan perkembangan luar teks seperti perubahan sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan yang berlaku dalam masyarakat semalam enam dekad tersebut. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah merumuskan bahawa garapan tema bagi sesebuah novel remaja dipengaruhi oleh faktor-faktor luar teks dan melalui tema-tema ini, pengukuhan nilai murni dan nilai moral remaja akan terbimbing secara tidak langsung. Oleh itu, adalah wajar sekiranya watak-watak remaja dalam novel remaja dikaji dan dianalisis dengan menggunakan teori dan pendekatan yang berbeza bagi melihat pembentukan sahsiah watak remaja unggul dalam novel-novel kajian.

Seterusnya kajian Ijazah Kedoktoran yang oleh Jumali Haji Selamat pada tahun 2001 di Universiti Putra Malaysia bertajuk *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel-novel Remaja*. Kajian ini adalah untuk mendapat maklumat dan rumusan tentang cerminan sosial dan penerapan nilai murni dalam novel-novel remaja. Dengan berdasarkan kepada 25 buah novel remaja sebagai bahan kajian. Jumali Haji Selamat, (2001) telah menggunakan Teori Pencerminan dan Pengkaedahan Melayu bagi membuktikan bahawa sosiologi sastera mempunyai hubungan langsung dengan kehidupan manusia. Beliau telah menggunakan 16 nilai murni dan pecahannya untuk menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam novel yang dikaji. Dapatan kajian beliau ialah hampir keseluruhan novel yang dikaji memaparkan nilai-nilai murni yang diterapkan itu, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui watak dan perwatakan dalam karya. Beliau turut berpendapat bahawa pengarang sastera remaja cenderung untuk menghuraikan pernyataan dan permasalahan remaja yang menuntut pelbagai keperluan dan tuntutan jiwa. Persoalan yang dipaparkan dalam data kajian seiring dengan perkembangan psikologi remaja yang merangkumi aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek. Pengarang sastera remaja juga dilihat bertanggungjawab terhadap pertumbuhan sahsiah dan keperibadian remaja melalui unsur kreatif imaginatif yang diungkapkan dalam karya. Oleh itu, setiap penciptaan karya mencerminkan aspirasi remaja yang disesuaikan dengan konsep serta pertumbuhan psikologi remaja yang sentiasa berubah.

Analisis kajian beliau terhadap 16 nilai murni dan pecahannya telah memperlihatkan kepelbagaiannya nilai masyarakat, institusi sosial dan *worldview* sesuatu komuniti atau individu dalam menghayati sebuah kehidupan. Beliau mendapat hampir keseluruhan novel yang dikaji memaparkan nilai murni yang diterapkan sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui watak dan perwatakan dalam karya. Beliau juga berpendapat bahawa hasil kesusastraan yang diilhamkan oleh penulis mampu

menjadi wadah perungkai masalah yang mempengaruhi kehidupan remaja. Selain itu, mampu menjadi wahana dalam menerap dan menyuburkan unsur pembentukan diri remaja kerana sastera dikatakan memiliki nilai kehalusan perasaan dan keindahan atau estetika yang berupaya merubah suasana serta kehidupan sesebuah masyarakat. Jumali (2001) hanya memaparkan nilai murni yang diterapkan secara langsung mahupun secara tidak langsung melalui watak remaja dalam karya dan beliau berpendapat dengan cara ini sudah memadai untuk mempengaruhi kehidupan remaja. Perubahan sikap dalam diri remaja ke arah positif harus ditunjukkan dengan jelas. Justeru, kewajaran kajian yang seterusnya perlu dilakukan bagi melihat perubahan sikap dan respon watak remaja bertindak apabila dilanda konflik dalam kehidupan mereka.

Kajian-kajian pada peringkat sarjana pula telah dilakukan oleh beberapa pengkaji dari Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara pengkaji tersebut ialah Norrodzoh Siren, Omar Mamat, Jumali Hj. Selamat dan Mhd. Shokkeri Hj. Ismail. Norrodzoh Siren telah membuat kajian sarjananya yang bertajuk *Diri: Satu Analisis Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu Terpilih* di Universiti Malaya pada tahun 1997. Dalam kajian ini, beliau melihat suatu pandangan dan penilaian diri melalui wacana kesusasteraan Melayu khususnya sastera remaja. Fokus analisis beliau ialah mengkaji 100 buah novel remaja Melayu terpilih daripada empat penerbitan berbeza. Kajian beliau telah menemukan bahawa hanya karya-karya bernilai boleh membentuk moral remaja. Beliau berpendapat bahawa keseluruhan novel remaja tidak dapat lari daripada memperkatakan kebebasan, perhatian dan perlarian. Hasil kajian yang dibuat juga mendapati bahawa novel yang sesuai dibaca oleh remaja awal ialah novel-novel yang berbentuk sains fiksyen dan novel *adventure* yang dapat menanamkan sifat suka akan cabaran, kebijaksanaan dan bekerja secara kumpulan. Jiwa remaja digambarkan penuh dengan hambatan cabaran dan konflik diri dalam meneruskan kehidupan yang semakin kompleks dan liar oleh pelbagai budaya barat yang boleh merosakkan akhlak

remaja. Analisis dan penilaian yang dibuat dalam kajian ini juga melihat tingkah laku dari sudut penilaian moral dan etika. Dalam novel remaja Melayu, watak protagonis sering digambarkan sebagai watak yang mempunyai moral yang baik terutama dalam novel yang berperanan untuk membentuk nilai-nilai murni dalam diri. Segala tindakan dan keputusan yang dibuat oleh watak remaja bergantung kepada tahap pendidikan dan kematangan remaja. Pendidikan agama yang diajar boleh membantu jiwa remaja menjadi sejahtera dan cemerlang. Menurut beliau, jika kesusasteraan adalah cerminan diri masyarakatnya maka kajian beliau ini memutuskan bahawa sastera remaja khususnya novel remaja Melayu adalah cermin diri bagi masyarakat remaja Malaysia. Kajian yang dijalankan ini memaparkan nilai moral yang ada pada watak-watak remaja yang dianalisis namun pendekatan atau teori yang digunakan tidak menghuraikan tindakan watak remaja dengan sifat dalaman watak seperti cara menangani emosi negatif dan mengawal emosi marah serta bagaimana menangani emosi orang lain apabila dilanda konflik. Dengan ini, kajian yang berkaitan dengan kecerdasan emosi remaja wajar dijalankan untuk melihat keupayaan remaja menangani konflik dalam diri sendiri dan konflik dengan orang lain dengan cara yang berhemah.

Kajian di peringkat sarjana seterusnya yang dijalankan oleh Jumali Haji Selamat tentang *Novel Remaja : Satu Analisis Aspek Sosial* di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1997 mendapat banyak nilai sosial yang merangkumi aspek ekonomi, politik dan budaya telah diketengahkan oleh pengarang sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui karyanya. Setiap aspek yang dikemukakan oleh pengarang dalam karya yang dikaji disampaikan dengan menggunakan teknik dan gaya penulisan yang baik. Ceritanya menarik dan tidak membosankan khalayak pembaca. Dengan itu, pembaca akan dapat meneliti dan menilai aspek-aspek sosial yang diketengahkan oleh pengarang itu untuk menjadi renungan dan panduan. Kebanyakan mesej yang disampaikan kepada kelompok saranan ini adalah bersifat deduktif yang dapat dijadikan

contoh dan teladan dalam mengharungi kehidupan yang mencabar ini. Tema dan persoalan yang dikemukakan oleh pengarang dalam novel-novel remaja yang dikaji menyentuh pelbagai aspek sosial termasuklah soal-soal perniagaan, pertanian, pembangunan tanah, pelajaran dan kepimpinan yang dilihat dari perspektif berbeza. Soal-soal lain seperti agama, kepercayaan, konflik budaya yang menyentuh pertentangan pendapat antara golongan muda dan golongan tua serta nilai kemanusiaan juga diketengahkan oleh pengarang. Hasil kajian ini membuktikan bahawa hubungan sastera dengan masyarakat merupakan satu hubungan yang sukar dipisahkan kerana kedua-duanya mempunyai kaitan rapat antara satu sama lain. Ini jelas dapat dilihat dalam karya yang dikaji kerana kebanyakan karya menyentuh pelbagai persoalan yang sekaligus memperlihatkan suasana realiti kehidupan sesebuah masyarakat. Kajian ini hanya memfokuskan aspek sosial yang berlaku dalam dunia remaja. Justeru, kajian seterusnya yang melihat aspek dalam diri watak remaja wajar dijalankan supaya kehidupan remaja seimbang dan dapat memenuhi keperluan hidup bermasyarakat dengan baik dan harmoni.

Seterusnya, kajian sarjana Mhd. Shokkeri Hj.Ismail (1997/1998) yang bertajuk “Citra Remaja dalam Novel-novel Pilihan 1990 – 1995: Satu Kajian Psikologi” telah melihat citra remaja yang digambarkan dalam novel-novel remaja antara tahun 1990 hingga 1995. Kajian ini dilakukan kerana ingin mengetahui apakah unsur-unsur pengaruh yang sering dikaitkan oleh pengarang novel-novel remaja antara tahun-tahun tersebut ke arah pembentukan citra remaja sama ada citra positif atau citra negatif. Kajian ini juga telah mengkategorikan citra remaja positif dan citra remaja yang negatif. Pengkaji telah membahagikan citra yang positif kepada enam iaitu pemimpin berwibawa, pelajar aktif dan cemerlang, harga diri tinggi, ahli masyarakat penyayang, ahli keluarga yang bertanggungjawab dan insan bertakwa. Manakala citra negatif dibahagikan kepada tiga iaitu cerita jenayah, salah laku agama dan pelajar bermasalah.

Kajian ini juga menemukan unsur-unsur pengaruh dalam memberi sumbangan ke arah pembentukan citra remaja sama ada citra positif atau citra negatif. Unsur-unsur pengaruh bagi citra positif adalah seperti sikap keluarga dan didikan dan faktor rakan sebaya. Manakala unsur-unsur pengaruh citra negatif pula ialah pengaruh keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Menurut pengkaji, seseorang remaja itu mempunyai citra positif dan citra negatif dan ada banyak faktor yang mempengaruhi pembentukan citra diri remaja. Walau bagaimanapun, citra diri remaja sama ada positif atau negatif juga dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman diri remaja itu sendiri seperti kawalan emosi, keimanan dan sikap memahami orang lain juga penting untuk membentuk citra diri remaja. Oleh itu, adalah wajar kajian tentang aspek dalaman remaja yang melibatkan kecerdasan emosi dijalankan bagi melihat pembentukan sahsiah diri remaja yang unggul.

Omar Mamat (1994) dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengkaji tentang “Nilai-nilai Moral dalam Novel Remaja” dalam tesis sarjananya. Kajian beliau adalah untuk melihat aspek nilai moral positif dan nilai negatif dalam karya remaja. Hasil kajian beliau mendapati nilai positif mendominasi nilai negatif dalam novel-novel remaja. Justeru, beliau mendapati novel-novel remaja yang dipilih dalam kajian beliau ini sesuai untuk dijadikan bahan bacaan semua peringkat pembaca. Bagi membentuk sahsiah remaja ke arah positif, beliau menyarankan agar golongan pendidik dan ibu bapa harus berperanan dalam memilih bahan-bahan bacaan untuk remaja. Sesuai dengan aspirasi negara, novel-novel remaja ini didapati berupaya membentuk sahsiah dan personaliti remaja yang bermoral tinggi. Kajian yang dijalankan ini memperlihatkan bahawa novel-novel remaja kebanyakannya mengandungi unsur positif dan hal ini telah mendorong nilai positif meresap ke dalam diri remaja namun kajian ini perlu diperluaskan dengan melihat keupayaan watak remaja memikul tanggungjawab yang diberi kepada mereka. Kekuatan diri remaja dapat dilihat melalui respon atau tindak

balas yang ditunjukkan oleh remaja apabila berhadapan dengan konflik dan masalah dalam kehidupan. Analisis watak remaja dari aspek dalaman diri wajar dilakukan supaya remaja mempunyai kekuatan mental dan fizikal bagi menangani pelbagai konflik yang bakal dihadapi oleh mereka.

Berdasarkan tinjauan perpustakaan yang berkaitan dengan tajuk kecerdasan emosi, didapati banyak kajian tentang aspek ini telah dijalankan oleh sarjana-sarjana luar negara maupun di dalam negara. Kajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang berkaitan dengan kecerdasan emosi telah dilakukan oleh sarjana dari Indonesia iaitu Ary Ginanjar Agustin pada tahun 2001. Tajuk kajian beliau bertajuk *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual Berdasarkan 6 Rukun Iman dan 5 Rukun Islam*. Kajian ini menghuraikan hubungan EQ dan spiritual dalam usaha menemukan pengetahuan yang benar dan hakiki. Beliau menyatakan teori EQ hanya mementingkan hubungan manusia dengan manusia manakala aspek spiritual adalah hubungan manusia dengan Tuhan. Menurut beliau, gabungan kecerdasan emosi (EQ) dan spiritual akan melengkapkan suatu hubungan yang hakiki dan mantap antara manusia dengan Tuhan dan manusia dengan manusia. Tesis ini telah dibukukan dan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama ialah tentang penjernihan emosi, bahagian kedua berkaitan dengan membangun mental, bahagian ketiga pula berkaitan aspek peribadi dan bahagian akhir ialah tentang aspek sosial. Kajian ini memperlihatkan bahawa kecerdasan emosi yang ada dalam diri manusia tidak boleh terlepas daripada hubungan manusia dengan Maha Pencipta dan juga hubungan manusia dengan manusia bagi mencapai kehidupan yang sempurna di dunia.

Kajian-kajian tentang kecerdasan emosi juga banyak dijalankan oleh sarjana-sarjana tempatan. Antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Syed Najmuddin Syed Hassan pada tahun 2005 di Universiti Kebangsaan yang bertajuk *Hubungan Antara*

Faktor Kecerdasan Emosi, Nilai Kerja dan Prestasi Kerja di Kalangan Guru Maktab Sains Mara

bagi memperoleh Ijazah Kedoktorannya. Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kajian kes yang melibatkan seramai 369 orang guru. Beliau telah membina satu protokol soalan dan tiga instrumen soal selidik untuk mengukur kecerdasan emosi (EQ), nilai kerja, dan prestasi kerja guru-guru Maktab Sains Mara. Dalam fasa pertama kajian terdapat tiga faktor kecerdasan emosi yang paling menonjol iaitu, regulasi kendiri, kemahiran sosial dan empati. Regulasi kendiri merupakan faktor kecerdasan emosi yang paling tinggi berbanding kemahiran sosial dan empati. Faktor kesedaran kendiri dan motivasi kendiri agak kurang menonjol manakala faktor kerohanian dan kematangan berada pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian ini, beliau mendapati peribadi guru MRSM sentiasa tenang, tidak pemarah dan mudah mesra dengan sesiapa sahaja di samping ikut serta dalam aktiviti- aktiviti masyarakat setempat. Keperibadian ini terhasil daripada gabungan ketiga-tiga faktor kecerdasan emosi iaitu regulasi kendiri, kemahiran sosial dan empati. Pengkaji mengandaikan guru-guru MRSM sentiasa tenang dalam sebarang tindakan walaupun dibebankan dengan tugas yang banyak di sekolah. Guru-guru MRSM dapat mengawal emosinya, tidak mudah marah, tidak mudah kecewa dan cepat sedar apabila menghadapi cabaran. Hal ini selari dengan takrif yang diberikan oleh Goleman (1999) tentang kebolehan mengawal diri. Data kajian juga menunjukkan bahawa guru MRSM menjaga diri dan emosi daripada melakukan sesuatu tindakan yang melanggar norma budaya dan agama. Guru-guru ini akan mengelak daripada menunjukkan emosi marah yang melampau kerana mereka memahami sikap terburu-buru dan mengikut perasaan tidak dapat menyelesaikan masalah malahan akan memburukkan lagi keadaan. Guru-guru MRSM juga didapati bijak menguasai emosi mereka. Sekiranya berlaku konflik dalam tugas, guru-guru ini akan menggunakan kemahirannya dalam bersosial untuk menangani konflik di samping mengelak daripada menimbulkan kemarahan pihak yang berkenaan. Dapatan temu bual

juga mendapati bahawa peserta kajian dapat merasai atau menghayati perasaan orang lain. Untuk memahami perasaan pelajar, mereka meletakkan diri mereka dalam situasi pelajar. Guru memberi peluang kepada pelajar untuk memberi pandangan. Guru-guru MRSM juga menyatakan bahawa mereka mewujudkan hubungan terbuka dengan ibu bapa pelajar yang ingin berhubung dengan mereka dan mereka menganggap pelajar seperti anak mereka sendiri. Dapatkan ini telah membuktikan pandangan Goleman (1999) yang menyatakan bahawa individu yang memahami orang lain dapat mengesahkan perasaan dan persepsi orang lain serta menunjukkan minat terhadap masalah mereka. Faktor penyayang dalam nilai kerja menyumbang kepada prestasi kerja guru MRSM. Faktor-faktor nilai kerja seperti dedikasi, penyayang dan peribadi mulia ini memberi sumbangan kepada kecerdasan emosi guru-guru MRSM. Pengkaji menyarankan agar dapatan kajian ini digunakan dalam proses pemilihan bakal guru serta merangka program latihan guru.

Kajian yang melibatkan kecerdasan emosi banyak juga dilakukan di peringkat sarjana. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Teh Fui Khim pada tahun 2001 di Universiti Putra Malaysia. Beliau mengkaji tentang pengaruh kecerdasan emosi (EQ) dan amalan keibubapaan ibu terhadap EQ remaja. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkaitan dan sumbangan kecerdasan emosi (EQ) ibu, perapatan ibu – remaja dan caragaya keibubapaan ibu terhadap kecerdasan emosi (EQ) remaja. Kajian ini juga menentukan perkaitan antara faktor latar belakang ibu dan remaja dengan EQ remaja. Sampel kajian ialah 305 pasangan ibu – anak berbilang kaum daripada tujuh buah sekolah menengah sekitar daerah Seremban dipilih. Borang soal sedikit disediakan untuk mengumpul maklumat. Dapatkan kajian ini didapati bahawa perapatan ibu – remaja dan EQ ibu mempengaruhi tahap EQ remaja di samping itu tahap pendidikan ibu turut mempunyai perkaitan yang signifikan dengan EQ remaja. Pengkaji juga mendapati keseluruhan remaja perempuan mencatat min skor EQ yang tinggi berbanding remaja

lelaki. Manakala remaja daripada aliran sains mempunyai min skor yang tinggi berbanding remaja aliran kemanusiaan. Pengkaji mengandaikan bahawa remaja aliran sains mencatat skor yang tinggi disebabkan mereka dilatih dengan pemikiran logik untuk menyelesaikan masalah. Analisis kajian pula menunjukkan perbezaan min skor EQ yang signifikan antara remaja berpencapaian tinggi dengan remaja yang berpencapaian rendah. Pelajar berpencapaian tinggi mendapat skor min EQ yang tinggi. Manakala remaja yang berpencapaian rendah didapati menghadapi masalah emosi dan tidak tahu bagaimana hendak menangani emosi sehingga mengalami tekanan. Gangguan emosi ini akan mempengaruhi pencapaian akademiknya. Perbezaan ketara antara skor min EQ pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Pelajar perempuan mempunyai skor min EQ yang lebih tinggi kerana perempuan dianggap lebih tabah dan tenang dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan emosi berbanding lelaki. Pengkaji juga mengandaikan bahawa taraf pendidikan ibu juga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan skor EQ remaja. Pendidikan ibu amat penting dalam menentukan kualiti amalan keibubapaan dan seterusnya membantu dalam perkembangan EQ remaja. Semakin tinggi skor EQ ibu maka semakin tinggi juga skor EQ remaja. Pengkaji mengharapkan agar hasil kajian ini dapat memberi sumbangan dari segi pemahaman tentang bagaimana asuhan keibubapaan mempengaruhi perkembangan remaja.

Kajian peringkat sarjana pendidikan seterusnya dijalankan oleh Roshiza Abdul Wahab pada tahun 2002 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Tajuk kajian beliau ialah “Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran Mengikut Persepsi Guru. Beliau mengkaji tentang kecerdasan emosi dan pengaruh faktor demografi ke atas kecerdasan emosi kanak-kanak bermasalah pembelajaran di sekolah rendah. Kajian ini melibatkan empat kemahiran kecerdasan emosi iaitu, kawalan kendiri, motivasi kendiri, pengurusan emosi dan kemahiran sosial. Guru-guru diberi borang senarai semak sebagai panduan untuk menilai kecerdasan emosi kanak-kanak bermasalah tersebut. Melalui

kajian ini didapati kecerdasan emosi kanak-kanak bermasalah pembelajaran sekolah rendah adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara kecerdasan emosi dan prestasi kognitif. Beliau mengharapkan agar dapatan kajian yang beliau lakukan ini akan dapat memberi tunjuk ajar kepada guru-guru pendidikan khas bagi mempertingkatkan pendedahan kecerdasan emosi kepada kanak-kanak bermasalah pembelajaran di sekolah rendah. Sebagai kesimpulan daripada kajian yang dibuat, beliau telah menyimpulkan bahawa unsur kecerdasan emosi (EQ) memainkan peranan penting dalam mencorak kehidupan seseorang. Beliau berpendapat EQ ialah inti pati penting untuk berjaya dalam kehidupan yang telah dibentuk menerusi pembudayaan di peringkat awal kehidupan seseorang individu dan proses ini berlanjutan ke peringkat persekolahn dan seterusnya dalam dunia kerjaya.

Norhayati Haji Zakaria (2003) dari Universiti Utara Malaysia dalam tesis sarjananya yang bertajuk “Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik” telah membuat kajian untuk melihat pengaruh kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik. Beliau mengambil 224 pelajar KDPM Semester 3, Institut Perguruan Darulaman sebagai responden dalam kajian ini. Beliau menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian yang diadaptasi daripada kajian Tapia (1998) dan Moon (1996). Hasil daripada kajian yang dilakukan, beliau mendapati bahawa tahap kesedaran domain pengenalan emosi sendiri dan domain empati adalah di tahap yang tertinggi. Manakala tahap kesedaran domain pengurusan emosi sendiri, pemotivasi emosi dan kemahiran bersosial adalah pada tahap sederhana. Berdasarkan kajian ini, beliau menyatakan wujud hubungan yang positif antara domain pengenalan emosi sendiri, pengurusan emosi sendiri dan pemotivasi emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini membuktikan bahawa kecerdasan emosi akan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Kepentingan kecerdasan emosi dalam kajian ini

memperlihatkan bahawa dengan adanya kecerdasan emosi yang tinggi seseorang pelajar atau remaja itu berupaya memperoleh kejayaan dalam kehidupannya terutamanya dalam bidang akademik.

Pada tahun 2004, kajian tentang “Pengaruh kecerdasan emosi ke atas komitmen kerjaya, komitmen organisasi, kepuasan kerjaya dan tingkah laku warga organisasi” telah dijalankan oleh Mohd Azhar Haji Yahaya dalam tesis sarjana di UKM. Hasil daripada kajian yang dilakukan ini, beliau mendapati kecerdasan emosi, komitmen kerjaya, komitmen organisasi dan kepuasan kerja memberi sumbangan yang efektif ke atas tingkah laku warga organisasi. Selain itu, dapatan kajian ini juga mendapati bahawa semakin meningkat tahap kecerdasan emosi seseorang, semakin tinggi sikap individu dari segi komitmen kerjaya, komitmen organisasi, kepuasan kerja dan tingkah laku warga organisasi semakin baik. Implikasi daripada kajian yang dibuat, beliau mendapati faktor emosi dan perasaan merupakan elemen terpenting dan perlu diberikan perhatian khususnya dalam usaha meningkatkan aspek kualiti pekerja. Oleh itu majikan perlu meningkatkan tahan kecerdasan emosi (EQ) pekerjanya untuk memupuk tingkah laku yang positif dalam kalangan warga organisasi. Beliau juga menyatakan bahawa kecerdasan emosi seseorang akan meningkat apabila seseorang itu diberikan latihan yang berkaitan atau didedahkan dengan berbagai-bagai pengalaman emosi yang berguna.

Pada tahun 1994, Sohaimi Abdul Aziz telah membuat satu kajian jangka pendek yang bertajuk *Membentuk Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Melalui Kesusastraan Kanak-kanak*. Kajian ini ditaja oleh dana sumbangan geran penyelidikan IRPA jangka pendek USM. Menurut Sohaimi (1994), masyarakat Malaysia masih asing dengan kecerdasan emosi (EQ) dan telah mengabaikan potensi sastera kanak-kanak sebagai alat untuk mengajarkan kemahiran utama kecerdasan emosi. Bagi membuktikan sastera

kanak-kanak berupaya membentuk kecerdasan emosi kanak-kanak, satu kajian telah dijalankan di 61 buah taman didikan kanak-kanak (tadika) di Pulau Pinang. Perkara-perkara yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah melihat jumlah waktu belajar yang memperuntukkan penggunaan bahan sastera di tadika, mengkaji pola penggunaan bahan sastera kanak-kanak di tadika, mengkaji pengetahuan guru tadika tentang kecerdasan emosi dan mengkaji sejauh mana kemahiran utama kecerdasan emosi diajar di tadika.

Hasil kajian ini mendapati bahawa fungsi sastera kanak-kanak untuk mendidik kemahiran-kemahiran kecerdasan emosi belum mendapat perhatian penting. Sohaimi mendapati guru tadika masih kurang faham tentang kecerdasan emosi dan peranan sastera kanak-kanak dalam meningkatkan kecerdasan emosi kanak-kanak belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Guru-guru belum menerokai kemahiran-kemahiran kecerdasan emosi dengan baik. Oleh itu, guru tidak dapat mengoptimumkan penggunaan bahan sastera untuk mendidik kecerdasan emosi kanak-kanak dengan baik. Beliau berpendapat bahawa sastera kanak-kanak masih ketinggalan dalam memberi sumbangan kepada pembentukan kemahiran kecerdasan emosi. Beliau turut mencadangkan agar Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah disusun semula supaya lima kemahiran utama kecerdasan emosi dapat disuburkan dalam diri kanak-kanak supaya kanak-kanak dapat melalui asas yang kukuh dalam proses pembesaran mereka. Beliau berpendapat bahawa prasarana terpenting yang boleh menyuburkan kemahiran-kemahiran kecerdasan emosi dalam diri kanak-kanak ialah melalui sastera kanak-kanak. Pencapaian IQ yang tinggi tidak menjamin kejayaan yang cemerlang pada kanak-kanak. Pendidikan yang berteraskan kecerdasan emosi dapat merealisasikan falsafah pendidikan negara yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohaninya.

Berdasarkan kajian literatur yang dilakukan, didapati bahawa aspek kecerdasan emosi amat penting dalam bidang pendidikan terutama dalam usaha mendidik golongan remaja menjadi individu yang seimbang dari segi sahsiah dan akhlaknya. Antara matlamat dan misi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah untuk memperkembang potensi individu yang melibatkan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pendidikan yang berteraskan EQ dapat merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang ingin melahirkan insan seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohaninya.

Kebanyakan kajian lepas tentang kecerdasan emosi (EQ) banyak dilakukan dalam bidang pengurusan, pentadbiran dan pendidikan. Kajian yang melihat kecerdasan emosi dalam bidang kesusasteraan Melayu terutamanya dalam sastera remaja masih kurang. Hal ini berlaku disebabkan masih kurang pendedahan tentang kemahiran kecerdasan emosi dalam bidang kesusasteraan terutamanya dalam aspek kajian teks yang berkaitan dengan novel remaja. Kemahiran kecerdasan emosi perlu dipelajari atau dipupuk kepada remaja kerana kecerdasan emosi (EQ) bukan sahaja boleh mendidik remaja menguruskan emosi dengan baik apabila berhadapan dengan konflik malah akan membantu remaja menjadi manusia yang berhemah tinggi dengan memiliki akhlak yang terpuji.

Bahan kesusasteraan khasnya novel remaja dapat menyumbang kepada pemupukan kemahiran-kemahiran kecerdasan emosi dalam kalangan remaja kerana novel remaja mempunyai elemen-elemen emosi yang boleh dirasai oleh pelajar melalui pembacaan dan penghayatan terhadap cerita yang dipaparkan. Justeru, kajian ini harus dilakukan untuk membuktikan bahawa novel remaja dapat menjadi wahana untuk mendidik kemahiran kecerdasan emosi kepada remaja. Dengan ini akan mendorong

golongan remaja mengaplikasikan kemahiran kecerdasan emosi tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Kajian ini akan memberi fokus kepada mengenal pasti komponen-komponen kecerdasan emosi yang terdapat pada watak-watak protagonis remaja dalam novel remaja yang dikaji di samping menganalisis watak-watak protagonis remaja berdasarkan komponen-komponen kecerdasan emosi yang dibentuk dalam model kajian ini. Selain itu, kajian ini juga akan menilai pengaruh dan kepentingan komponen kecerdasan emosi terhadap pembentukan sahsiah unggul watak protagonis remaja dalam teks terpilih. Kajian ini wajar dilakukan kerana kesedaran tentang pentingnya peranan kecerdasan emosi dalam diri remaja masih kurang diberi perhatian oleh pengkaji sastera. Remaja yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan mampu mengharungi kehidupan yang sejahtera dan sempurna di dunia dan akhirat kerana mereka sentiasa berfikiran positif dan tidak membiarkan diri mereka dikuasai oleh emosi negatif.

1.8 Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif, iaitu menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menentukan komponen-komponen kecerdasan emosi yang terdapat dalam novel remaja dapat dikenal pasti. Menurut Mohd Majid Koting, kajian deskriptif merupakan kajian yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Koting, 1990: 96).

Penekanan kajian adalah tentang kandungan teks. Dalam konteks kajian ini, kaedah analisis kandungan digunakan untuk melihat komponen-komponen kecerdasan emosi yang terdapat dalam novel remaja yang dikaji. Setiap komponen kecerdasan

emosi akan dikategorikan kepada beberapa bahagian yang mendukung komponen kecerdasan emosi tersebut. Bagi setiap bahagian pula telah ditetapkan beberapa ciri yang sesuai dengan bahagian tersebut.

Dalam menentukan cara merekod dan menganalisis komponen kecerdasan emosi, kesemua novel remaja dibaca dan akan dianalisis berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan dalam setiap komponen kecerdasan emosi. Ciri-ciri yang terdapat dalam komponen kecerdasan emosi boleh dikenal pasti secara tidak langsung melalui peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh watak dan juga perlakuan watak dalam novel yang dikaji.

Kaedah kajian perpustakaan juga digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul maklumat yang sesuai bagi memantapkan kajian ini. Artikel- artikel daripada buku, majalah dan kajian ilmiah yang sesuai dirujuk untuk memperkuuh fakta atau maklumat yang digunakan dalam kajian ini.

1.9 Pendekatan Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan psikologi iaitu dengan menggabungkan pandangan psikologi Barat dan psikologi Islam untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan manusia, emosi dan juga kecerdasan emosi manusia. Emosi merupakan salah satu kajian yang telah diberi perhatian oleh pakar-pakar psikologi sejak dahulu lagi. Setelah berlaku perkembangan dalam kajian yang berkaitan dengan emosi dan kecerdasan, terdapat pula ahli psikologi yang mengkaji tentang kecerdasan emosi. Dengan ini wujud pelbagai teori tentang kecerdasan emosi namun kajian ini hanya mengambil beberapa teori ataupun pendekatan yang sesuai sahaja untuk digunakan dalam kajian ini.

Selain menggunakan pandangan psikologi Barat, kajian ini juga akan menggunakan pandangan tokoh-tokoh Islam dalam membincarakan soal akidah dan akhlak yang berkaitan dengan kecerdasan emosi manusia bagi tujuan memantapkan dapatan kajian. Konsep Islam digunakan dalam kajian ini kerana kecerdasan emosi yang ditampilkan oleh Barat tidak menyentuh soal kerohanian terutamanya soal akidah dan pegangan agama. Kajian ini memberi fokus kepada emosi dan tingkah laku watak-watak manusia yang terdapat dalam novel. Walaupun watak-watak dalam novel tidak dapat dilihat dengan mata kasar namun melalui dialog dan aksi yang digambarkan dalam cerita akan memperlihatkan sifat-sifat watak sebagai representasi manusia sebenar di dunia realiti. Pandangan ilmuan Islam yang menyampaikan ilmu berdasarkan sumber yang benar daripada al-Quran dan al-Hadis akan dijadikan panduan dalam menghuraikan model kecerdasan emosi yang dibina dalam kajian ini. Justifikasi memilih pendekatan Islam dalam membincangkan hal kecerdasan emosi ini adalah kerana teori kecerdasan emosi Barat mengabaikan aspek-aspek kerohanian terutamanya tentang kepentingan agama dalam kecerdasan emosi manusia sedangkan agama memainkan peranan penting untuk mengawal tingkah laku manusia di dunia terutamanya dalam usaha untuk mendidik generasi remaja yang bakal menjadi pewaris bangsa.

Dua teori kecerdasan emosi yang popular dan berpengaruh dalam kajian kecerdasan emosi Barat akan menjadi landasan dalam kajian ini. Teori tersebut ialah Teori Kecerdasan Emosi oleh Goleman (1995, 1999) dan teori Kecerdasan Emosi oleh Mayer dan Salovey (1990, 2007). Manakala Pendekatan Tauhid akan digunakan sebagai sandaran kepada pendekatan Islamiah yang menyentuh soal-soal kerohanian dan juga akhlak Islamiah yang sebenar-benarnya. Konsep roh, akal, hati dan nafsu mengikut pendapat Tokoh Islam akan dibincangkan bagi mengaitkannya dengan komponen kecerdasan emosi.

1.10 Organisasi Bab

Kajian ini akan dibahagikan kepada enam bab. Bab satu merupakan bab pendahuluan kajian. Dalam bab ini akan diterangkan hal-hal yang berkaitan dengan pengenalan kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi konsep, kaedah kajian dan juga pendekatan kajian. Selain itu, bab satu juga memaparkan kajian-kajian pengkaji terdahulu yang dibuat dalam bidang sastera remaja dan juga bidang kecerdasan emosi.

Bab dua memberi penerangan tentang kerangka teoritis kajian dan penjelasan tentang istilah-sitilah yang berkaitan dengan bidang kajian. Aspek lain yang juga dihuraikan dalam bab dua ini adalah tentang hubungan otak, emosi dan kecerdasan emosi dalam diri manusia. Selain itu, bab ini juga memfokuskan huraian tentang model kecerdasan emosi oleh Mayer & Salovey dan teori kecerdasan emosi Daniel Goleman. Bab ini juga akan menghuraikan Pendekatan Tauhid yang dipelopori oleh Ismail Al-Faruqi bagi memantapkan unsur Islam yang diadunkan dalam Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang dibina dalam kajian ini. Aspek-aspek kerohanian Islam seperti roh, hati, akal dan nafsu juga akan dihuraikan bagi mengaitkannya dengan kecerdasan emosi Barat. Selain itu, persoalan tentang akhlak Islam juga dimuatkan dalam bab ini. Huraian tentang kerangka konseptual dan Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang akan diguna pakai dalam menganalisis kajian ini juga turut dibincangkan pada bahagian akhir bab kedua ini.

Bab ketiga menghuraikan komponen kesedaran peribadi yang menjadi komponen pertama dalam Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang dibentuk dalam kajian ini. Komponen kesedaran peribadi ini dibahagikan kepada tiga ciri iaitu mengenal emosi, mengurus emosi dan motivasi kendiri. Komponen kesedaran peribadi ini melihat keupayaan watak mengendalikan kecerdasan emosi dalam dirinya sendiri. Ciri pertama

iaitu mengenal emosi ialah asas atau prasyarat yang perlu ada sebelum kewujudan ciri-ciri yang lain dalam kecerdasan emosi. Ciri kedua ialah mengurus emosi. Hal ini dapat dilihat berdasarkan bentuk respons atau tindak balas yang dizahirkan oleh seseorang dalam sesuatu keadaan. Untuk mengurus emosi, individu perlu menyedari keadaan emosinya terlebih dahulu. Ciri ketiga ialah motivasi kendiri. Seseorang yang mempunyai motivasi kendiri yang tinggi berkeupayaan untuk menolak dirinya ke hadapan dalam mencapai apa-apa matlamat yang dicitakan. Individu sedemikian menggunakan matlamatnya dalam sesuatu perkara sebagai panduan untuk melaksanakan tugas atau mencapai cita-cita. Dalam komponen ini, analisis akan dibuat berdasarkan perlakuan watak-watak protagonis remaja yang terdapat dalam novel-novel terpilih. Bahagian ini akan memperlihatkan sama ada watak remaja yang dipaparkan dalam novel-novel remaja itu memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi atau sebaliknya. Analisis kecerdasan emosi ini akan dibuat berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam novel yang melibatkan watak-watak protagonis remaja yang dikaji.

Bab keempat menghuraikan komponen kecerdasan emosi kedua dalam MKE iaitu komponen kesedaran sosial. Komponen ini melihat hubungan remaja dengan manusia lain. Dalam bab ini, hubungan sosial watak protagonis remaja dengan watak-watak lain dalam cerita akan dianalisis. Komponen kesedaran sosial dibahagikan kepada dua ciri iaitu, empati dan kemahiran sosial. Empati bermaksud kebolehan watak memahami emosi atau perasaan orang lain. Keupayaan menyelami hati seseorang berdasarkan perspektif individu tersebut merupakan satu kelebihan dalam sesuatu interaksi sosial. Ciri kecerdasan emosi yang seterusnya ialah kemahiran sosial seseorang dengan rakan sebaya, rakan sekerja, dalam keluarga dan masyarakat. Kemampuan bersosialisasi sangat penting dalam membentuk hubungan yang akrab dengan individu-individu lain dalam masyarakat. Goleman (1995) berpendapat seseorang itu akan

mempunyai kemahiran bersosial yang baik apabila dia memiliki perasaan empati dalam diri dan mampu berinteraksi dengan baik dengan orang-orang di sekelilingnya.

Bab kelima pula akan membincangkan dan menghuraikan komponen ketiga dalam MKE iaitu komponen kesedaran rohani yang terbahagi kepada dua iaitu, akhlak dan akidah. Bahagian awal bab ini akan menghuraikan konsep rohani dan unsur-unsur kesedaran rohani. Aspek akidah akan melihat hubungan *hablulminallah* antara watak-watak dengan penciptaNya manakala dalam aspek akhlak pula akan melihat amalan-amalan kebaikan yang dilaksanakan dalam kehidupan seseorang.

Kajian ini memberi fokus kepada watak dan perwatakan yang melibatkan watak protagonis remaja sahaja kerana setiap watak remaja yang dianalisis pasti terdapat tindakan positif dan negatif yang dilakukan dalam kehidupan sehariannya. Setiap perlakuan yang ditunjukkan ada kaitan dengan peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh seseorang dalam kehidupannya. Keupayaan seseorang menguruskan emosi dengan positif dapat membantu seseorang remaja bertindak dengan lebih waras dan mengekalkan akhlak yang mulia di dalam dirinya. Dengan ini, penampilan sahsiah yang positif dapat dilihat pada diri remaja tersebut.

Bab enam ialah bab akhir yang merupakan bab rumusan dan cadangan kajian. Dalam bab ini, dapatan kajian mengenai komponen kecerdasan emosi dalam teks dan pengaruhnya terhadap pembentukan sahsiah remaja akan dibincangkan dengan rinci. Hasil penemuan kajian akan menjelaskan pengaruh dan kepentingan kecerdasan emosi dalam membentuk sahsiah unggul diri remaja yang dikaji.

1.11 Kesimpulan

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah komponen-komponen kecerdasan emosi diterapkan dalam watak-watak protagonis remaja dalam novel-novel kajian. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat peranan kecerdasan emosi bagi membentuk sifat-sifat remaja yang positif dan melihat keupayaan setiap komponen kecerdasan emosi mempengaruhi tindakan remaja sekiranya mengalami konflik dalam kehidupan sehari-hari mereka. Bagi tujuan ini, pengkaji telah mengambil dua pendekatan Barat yang berkaitan dengan kecerdasan emosi ditambah dengan pendekatan Islam iaitu Pendekatan Tauhid bagi mengukuhkan MKE dalam kajian ini.

BAB 2

KERANGKA TEORITIS

2.1 Pengenalan

Bab ini memberi penjelasan tentang konsep penting yang berkaitan dengan kajian. Bahagian ini akan menghuraikan fisiologi emosi, ciri-ciri emosi dan hubungan emosi, otak dan kognitif. Seterusnya, bab ini juga akan menghuraikan Teori Kecerdasan emosi yang dipelopori oleh pengkaji-pengkaji Barat. Dua teori kecerdasan emosi Barat yang dipilih sebagai landasan kepada kajian ini ialah teori yang dikemukakan oleh Mayer dan Salovey (1990) dan teori kecerdasan emosi yang dikemukakan oleh Daniel Goleman (1995). Selain menjadikan teori Barat sebagai landasan, kajian ini juga mengemukakan Pendekatan Tauhid untuk menghuraikan aspek-aspek kerohanian Islam yang melibatkan persoalan akidah dan juga akhlak Islam.

Tokoh-tokoh Barat hanya melihat hubungan manusia dengan diri sendiri dan hubungan manusia dengan manusia sahaja sedangkan hakikat untuk menjadikan kehidupan manusia itu bahagia dan sejahtera adalah melalui kesepaduan aspek fizikal dan aspek kerohanian yang mengimbangi keperluan dunia dan akhirat. Kesemua kajian Barat memperlihatkan adanya kelompongan dalam soal kerohanian terutamanya dari aspek keagamaan dan keimanan. Pengkaji juga telah memilih pendekatan Islam bagi menyepadukan ciri-ciri Barat dan Islam dalam membicarakan kecerdasan emosi manusia khasnya kepada golongan remaja yang berada dalam proses mencapai kematangan dan menjadi manusia yang sempurna. Justifikasi menggabungkan pendekatan Barat dan juga pendekatan Islam adalah kerana untuk mengisi kekosongan aspek kerohanian yang tidak disentuh dalam teori kecerdasan emosi yang dipelopori oleh Barat. Berdasarkan hasil gabungan teori Barat dan pendekatan Islam, pengkaji

memperturunkan beberapa ciri baharu bagi membina satu garis panduan yang baharu yang akan diguna pakai dalam kajian ini. Model kajian baharu ini dinamakan sebagai Model Kecerdasan Emosi (MKE). Konsep tentang emosi dan kecerdasan emosi telah dihuraikan dalam bab satu namun untuk memahami tentang kerangka teoritis ini, huraian tentang fisiologi emosi, ciri-ciri emosi dan hubungan emosi dengan otak dan kognitif wajar diberikan.

2.2 Fisiologi Emosi

Bagi memahami emosi, pengenalan tentang sistem saraf adalah penting kerana saraf yang akan mengawal segala rangsangan fisiologi yang terlibat dengan emosi. Sistem saraf adalah satu rangkaian yang kompleks, terdiri daripada sel-sel saraf (neutron) yang membawa mesej atau pesanan dan mengatur fungsi tubuh badan dan tingkah laku peribadi manusia. Sistem saraf berperanan penting untuk membolehkan manusia berinteraksi dengan persekitaran melalui organ deria dan pancaindera. Sistem saraf juga berkait rapat dengan emosi, ingatan, motivasi, penyakit mental dan sebagainya. Maklumat tentang sistem saraf diketahui untuk melengkapkan pengetahuan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku dan proses mental.

Sistem saraf terbahagi kepada dua iaitu sistem saraf pusat dan sistem saraf periferi. Sistem saraf pusat adalah otak dan saraf tunjang manakala sistem saraf periferi pula terbahagi kepada sistem saraf automatik dan sistem saraf somatik. Sistem saraf somatik mengawal aktiviti otak rangka. Manakala sistem saraf automatik pula mengawal aktiviti organvisera seperti jantung, perut dan usus. Sistem saraf automatik juga mengawal pengecutan saluran darah kecil pada kulit, otot dan aktiviti kelenjar peluh. Selain itu, sistem saraf automatik juga berperanan menggabungkan hubungan antara otak dan saraf tunjang dengan organ-organ visera seperti yang dinyatakan itu.

Reaksi emosi juga dikaitkan dengan sistem saraf automatik kerana sistem saraf ini yang mengawal pelbagai reaksi emosi yang berlaku kepada perubahan-perubahan dalam tubuh badan manusia. Apabila manusia mengalami sesuatu emosi seperti sedih, gembira, kecewa dan sebagainya, seseorang itu akan mengalami satu perubahan dalam badan yang biasanya berlaku secara tidak disedari. Contohnya, ketika seseorang berada dalam ketakutan, tapak tangannya akan menjadi sejuk dan berpeluh, berasa hendak membuang air kecil atau air besar, perut tidak selesa dan rasa kecut hati. Reaksi fisiologi ini juga dikenali dengan nama bangkitan automatik kerana sistem saraf automatik telah dirangsang untuk memberi respon terhadap emosi yang dialami itu. Perubahan-perubahan fisiologi yang mengiringi pelbagai emosi adalah hampir sama kerana perubahan ini dicetuskan oleh bahagian simpatetik saraf automatik yang melibatkan perubahan pada suhu kulit, kadar degupan jantung, dan berpeluh. Kesemua perubahan yang berlaku itu akan mendorong badan untuk bertindak.

Selepas emosi dan keperluan untuk bertindak itu berkurangan, sistem saraf parasempatetik bertindak memulihkan fisiologi dalam badan iaitu dengan menenangkan keadaan badan untuk kembali seperti yang asal. Proses penenangan ini memakan masa berbanding proses pengujaan kerana sel-sel mengambil masa untuk menyerap hormon yang telah dirembeskan oleh sistem saraf simpatetik. Sistem simpatetik dan parasempatetik ini akan bertindak secara terbalik dalam badan manusia.

2.3 Ciri-ciri Emosi

Emosi biasanya agak sukar untuk dikaji kerana tanda-tanda luaran (tersurat) kadangkala tidak memberi gambaran yang jelas tentang emosi sebenar yang dialami (tersirat). Sikap manusia adalah berbeza, ada yang suka memendam emosinya dan ada manusia yang mahu berkongsi rasa dan emosi dengan orang lain. Kekeliruan dalam mentafsir emosi

juga sering berlaku kerana terdapat manusia yang tidak ikhlas menunjukkan emosinya yang sebenar. Untuk mengatasi masalah ini, ahli-ahli teori telah menetapkan ciri-ciri yang boleh mengkategorikan tingkah laku emosi manusia. Emosi mempunyai ciri-ciri berikut:

i. Emosi diuja oleh peristiwa yang khusus

Sesuatu emosi akan berlaku disebabkan sesuatu rangsangan yang khusus. Sebagai contoh, emosi sedih wujud apabila berlaku kematian ataupun perpisahan. Dengan adanya peristiwa yang merangsang sesuatu emosi itu, lebih mudah untuk menjelaskan faktor-faktor emosi dan senang untuk menyelesaikan masalah emosi.

ii. Emosi adalah tindak balas khusus yang begitu subjektif.

Emosi bersifat subjektif kepada setiap manusia. Kadangkala sesuatu peristiwa itu mampu memberi emosi sedih kepada seseorang namun ada juga manusia yang tidak bersedih dengan peristiwa tersebut. Contohnya, gagal dalam peperiksaan. Ada pelajar yang menangis dan sanggup bunuh diri kerana gagal dalam peperiksaan namun ada pelajar yang tidak kisah dengan kegagalan itu.

iii. Emosi boleh wujud daripada kesan tindak balas terhadap matlamat atau motif yang penting kepada individu.

Matlamat atau motif dalam kehidupan boleh mempengaruhi emosi seseorang. Seseorang yang bermatlamat untuk berjaya dalam pelajaran akan mempunyai emosi gembira apabila berjaya mencapai matlamat tersebut.

iv. Emosi biasanya bertahan lama.

Sesuatu emosi yang sudah ada dalam diri seseorang mampu bertahan lama walaupun rangsangannya sudah tiada. Contohnya seseorang yang pernah lemas di sungai akan tetap takut untuk mandi- manda di sungai walaupun peristiwa itu berlaku ketika dia masih kecil.

v. Emosi adalah bertimbun-tambah

Emosi marah akan menyebabkan lagi kemarahan, emosi gembira akan membawa lebih lagi kegembiraan dan begitu juga dengan emosi-emosi lain. Keadaan ini wujud kerana apabila manusia mengalami sesuatu emosi, manusia akan lebih terbuka untuk menerima rangsangan lain yang berupaya menguja emosi yang sedang dialami itu.

vi. Emosi bertindak balas kepada peristiwa yang dinilai sebagai sebenar, dan kehebatan emosi ditentukan oleh sejauh mana kebenaran sesuatu peristiwa itu.

Emosi juga disebabkan oleh persepsi terhadap sesuatu peristiwa. Contohnya, seseorang itu akan mengalami emosi sedih apabila ada orang lain memberitahuinya bahawa kawan baiknya telah mencaci dirinya di belakang. Perasaan seseorang itu bertambah sedih lagi apabila dia sendiri mendengar kawan baiknya itu mencaci dirinya kepada orang lain.

- vii. Kenikmatan akan lenyap dengan kepuasan yang berterusan; kesakitan akan terus wujud dalam masa yang lebih panjang.

Sesuatu emosi yang menggembirakan akan wujud sekejap sahaja namun emosi yang menyebabkan seseorang itu sengsara dalam kehidupannya akan kekal lama dalam ingatannya.

- viii. Sesuatu emosi akan membawa kepada emosi yang lain.


Ada juga sesetengah emosi yang dirasai akan menguja kepada bentuk emosi yang lain. Sebagai contoh, emosi simpati kepada seseorang boleh bertukar menjadi sayang akan cinta kepada seseorang itu.

2.4 Hubungan Emosi, Otak dan Kognitif.

Untuk memahami konsep kecerdasan emosi dengan lebih jelas,uraian tentang struktur otak dan fungsi otak yang mempunyai kaitan dengan kognitif dan emosi manusia harus difahami terlebih dahulu. Walaupun otak manusia hanya seberat 1.5 kilogram dan hanya dua peratus daripada keberatan badan manusia namun otak memerlukan 25 peratus daripada jumlah oksigen yang diperlukan oleh badan kerana di otak inilah semua aktiviti mental manusia berlaku. Manusia adalah makhluk Allah yang istimewa kerana dikurniakan otak yang mempunyai fungsi yang amat menakjubkan.

Otak manusia terbahagi kepada tiga susunan iaitu neokorteks (otak berfikir), otak tengah (sistem limbik/ otak perasaan) dan otak bawah (otak reptilia). Ketiga-tiga otak ini melakukan sistem komunikasi yang amat kompleks dan bertindak sekurang-kurangnya dalam tiga peringkat serentak dalam satu masa. (Abdul Fatah Hassan, 1999: 144). Bahagian otak tengah yang membentuk sistem limbik memainkan peranan penting

dalam menghasilkan emosi dan tingkah laku bermotivasi. Struktur binaan otak dapat dilihat dalam rajah di bawah:



Rajah 2.1: Struktur Otak Manusia (Sumber: *Diubah suai daripada <http://www.sofiatopia.org/index.htm>*)

Berdasarkan kajian evolusi otak manusia berjuta-juta tahun dahulu dipercayai pusat emosi bermula daripada pangkal otak dan berkembang menjadi kawasan emosi yang disebut sebagai sistem limbik yang berfungsi secara automatik mengawal persekitaran dalaman otak termasuk emosi. Sistem limbik hanya berfungsi penuh di dalam spesies manusia dan dianggap sebagai saluran terpenting untuk mengubah satu perlakuan yang tidak disengajakan kepada perlakuan yang berdasarkan pemikiran yang bijak. Kemudian dari sistem limbik ini berkembang kepada otak fikir yang dikenali sebagai korteks atau serebral korteks. Disebabkan korteks berkembang daripada kawasan limbik, hubungan antara emosi dan fikiran rasional amat rapat, bahkan emosi berkuasa untuk mempengaruhi fikiran rasional. Hubungan yang erat antara emosi dan fikiran rasional ini telah memberi kesan kepada perencanaan kehidupan manusia.

Dalam sistem limbik juga terdapat talamus, hipotalamus, amigdala dan hipokampus. Talamus yang menjadi sebahagian daripada sistem limbik adalah alat komunikasi yang penting di antara deria-deria dengan korteks kerana talamus menerima isyarat-isyarat yang mendatang, menentukan sumbernya dan menilai kepentingannya sebelum menyalurkannya kepada serebral korteks untuk tindakan lanjut. Hipokampus pula merupakan pengawal utama bagi emosi dan motif-motif yang lain dan memberi kesan kepada tingkah laku seperti marah, seksual, kawalan suhu badan, pengeluaran hormon dan emosi. Hipokampus bertindak sebagai lorong terakhir bagi banyak jenis tingkah laku yang meninggalkan otak. Sistem limbik hendaklah dikawal dan dikelola dengan baik kerana peranannya sebagai pusat emosi amat penting disebabkan sahsiah dan perlakuan manusia adalah hasil interaksi antara sistem limbik dan neokorteks. Apabila sistem limbik ini terjejas atau tercedera, tingkah laku yang berbentuk agresif dan tingkah laku yang terlalu pasif boleh berlaku kepada individu yang mengalaminya.

Dalam sistem limbik terdapat bahagian yang dikenali sebagai amigdala yang memainkan peranan penting dalam merangsang emosi manusia. Amigdala juga dikenali sebagai pusat agresif dan sekiranya amigdala ini terkena rangsangan, tindakan emosi yang agresif akan berlaku. Peranan amigdala amat penting dalam mencetuskan emosi di dalam minda manusia dan amigdala bolehlah diumpamakan seperti pusat sebuah roda kerana peranannya menerima maklum balas daripada peringkat rendah dari kawasan-kawasan deria tertentu di talamus, maklum balas peringkat tinggi dari kawasan-kawasan deria tertentu di korteks dan maklum balas peringkat yang tinggi dari hipokampus. Peranan amigdala yang menerima semua maklum balas daripada kawasan-kawasan deria yang terletak di talamus, korteks dan hipokampus ini telah menjadikan amigdala berupaya untuk memproses makna emosi sama ada daripada rangsangan tunggal maupun rangsangan yang lebih kompleks.

Pada aras sedar, talamus (pusat kawalan deria) menerima isyarat yang datang, menentukan sumbernya, menilai kepentingannya sebelum menyalurkan isyarat kepada serebral korteks untuk tindakan lanjut, dengan ini emosi dikawal oleh minda rasional. Namun begitu, di amigdala terdapat suatu laluan yang membolehkan penghantaran maklumat secara terus kepada talamus tanpa melalui korteks. Dengan adanya laluan ini, reaksi emosi boleh terjadi tanpa melibatkan sistem proses yang lebih tinggi di dalam otak manusia seperti fikiran, taakulan dan kesedaran. Menurut Goleman (1995), signal-signal indra dari mata atau telinga akan terlebih dahulu berjalan di otak menuju ke talamus kemudian terus menuju ke amigdala dan signal kedua dari talamus akan disalurkan ke neokorteks otak yang berfikir. Persimpangan yang wujud ini telah menyebabkan amigdala memberi respons sebelum neokorteks, yang mengolah maklumat melalui beberapa lapisan jaringan otak sebelum otak sepenuhnya memahaminya. Akhirnya respon yang ditunjukkan ialah respons yang telah diolah terlebih dahulu.

Amigdala mempunyai pengaruh yang lebih besar ke atas korteks berbanding dengan pengaruh korteks terhadap amigdala. Keadaan ini telah menyebabkan emosi yang dicetuskan oleh amigdala dapat menguasai fikiran. Walaupun pemikiran dapat mencetuskan emosi dengan merangsang amigdala namun pemikiran tidak berkesan untuk melumpuhkan amigdala bagi meredakan kerakusan emosi. (LeDoux, 1996: 33). Melalui jalan pintas yang ditemui itu nyata amigdala dapat bertindak lebih cepat ke atas manusia melalui cetusan emosinya berbanding tindakan korteks ke atas emosi. Emosi akan menenggelamkan fikiran dan apabila keadaan ini terjadi maka banyak pengalaman emosi yang tidak disedari akan mendapati amigdala dan akan timbul kembali apabila menerima rangsangan yang sesuai. Keadaan ini yang membimbangkan Goleman dan beliau melihat penemuan LeDoux tentang peranan amigdala telah membawa satu

perkembangan baharu yang memperlihatkan kesan emosi ke atas tindak-tanduk manusia.

Menurut LeDoux, laluan singkat talamo-amigdala mungkin menjadi faktor kepada sesuatu emosi itu menguasai seseorang tanpa disedari. Laluan pintas ini akan menyebabkan seseorang itu dikuasai emosi negatif seperti marah dan bertindak tanpa disedari kerana minda kognitif tidak sempat menganalisis rangsangan yang merangsang emosi marah dengan segera. Jika amigdala tidak dapat berfungsi secara harmoni dengan korteks, seseorang itu akan dikuasai oleh emosi ataupun mengalami rampasan emosi seperti yang dinyatakan oleh Goleman. Sekiranya hal ini berlaku, semua tindakan yang dilakukan adalah berada di bawah telunjuk emosi.

Menurut Goleman (1995:55), emosi dalam minda manusia terjadi dalam dua peringkat iaitu peringkat sedar dan peringkat tidak sedar. Pada peringkat sedar, emosi sampai ke korteks dan dikawal oleh minda rasional manakala emosi yang tidak disedari pula boleh mempunyai impak yang kuat ke atas cara seseorang yang menanggapinya dan bertindak terhadap sesuatu tanpa menyedari jenis emosi yang beroperasi di dalam dirinya. Hakikatnya cara otak manusia dibina memberi ruang yang sedikit untuk manusia menentukan bila dia dikuasai oleh emosi dan jenis emosi yang dialami namun manusia dapat mengawal atau menentukan berapa lama emosi itu dapat bertahan dalam diri mereka. Keupayaan emosi untuk bertindak mempengaruhi tubuh dan fikiran manusia. Bentuk dan kesan emosi kepada manusia akan bergantung kepada keupayaan mereka memahami dan membentuk emosi itu. Kemampuan ini menjadi sebahagian daripada kecerdasan emosi yang diperkatakan oleh Goleman. Mengikut pandangan Goleman, masyarakat harus menguasai kemahiran-kemahiran yang berhubungan dengan kecerdasan emosi ini supaya mereka kenal dan dapat mengawal serta melentur

emosi itu sebagai panduan ke arah meningkatkan darjat kecerdasan emosi mereka demi sebuah kehidupan yang harmonis.

Goleman tidak menolak semua jenis rampasan emosi cuma yang membimbangkan beliau ialah rampasan emosi yang negatif iaitu apabila emosi marah dan takut menguasai manusia. Keadaan emosi sedemikian akan bertambah parah dalam kehidupan yang semakin kompleks dan serba cepat. Pengalaman sebegini akan berulang-ulang dan akan menjadi penghalang kepada manusia menikmati hidup yang lebih bermakna. Ketidaktelitian manusia terhadap emosinya telah menyebabkan hubungan sesama manusia menjadi renggang. Keadaan ini akan dapat diatasi dengan memiliki kemahiran-kemahiran yang berhubungan dengan kecerdasan emosi.

Tidak ramai yang menerima dan mendalami emosi sebagai satu kecerdasan dan ramai ahli psikologi menganggap emosi bukan unsur psikologi manusia dan tiada kaitan langsung dengan kecerdasan. Kecerdasan hanya dikaitkan dengan kecerdasan intelek dan mental kognitif sahaja. Pandangan ini telah dijawab oleh Goleman yang menyatakan bahawa dalam keadaan yang dikuasai oleh emosi, kecerdasan kognitif atau intelek tidak berfungsi kerana IQ ataupun kecerdasan intelek tidak menyediakan manusia untuk menghadapi tekanan emosi atau stres. IQ tinggi juga tidak menjamin kejayaan apabila seseorang itu mudah dikuasai oleh emosi. IQ sahaja belum menjamin kebahagiaan. Sebaliknya, orang yang mempunyai IQ sederhana dan mampu mengurus emosinya dengan baik lebih berjaya daripada orang yang mempunyai IQ yang tinggi tetapi gagal membendung desakan emosi. Walaupun Peter Salovey pernah menggunakan istilah *Emotional Intellegence* atau EQ namun istilah ini bukan istilah yang saintifik tetapi lebih kepada usaha untuk memasarkan ilmu sahaja. Atas kesedaran bahawa manusia harus difahamkan dengan kemahiran-kemahiran kecerdasan emosi, telah mendorong Goleman untuk membentuk teori kecerdasan emosi.

2.5 Teori Kecerdasan Emosi

Sejak tahun 1995, dunia Barat mula memberi perhatian terhadap kepentingan kecerdasan emosi setelah menyedari kecerdasan intelek (IQ) bukan lagi faktor mutlak dalam menentukan kejayaan seseorang. Hal ini bertitik tolak daripada lahirnya kegagalan demi kegagalan dalam kalangan mereka yang berIQ tinggi seperti jenayah kolar putih yang semakin tinggi, kadar tekanan emosi serta kegagalan menghadapi tekanan dan rakan sekerja dan sebagainya. Manusia pada abad ini menjadi seperti robot dan terlalu tinggi nilai individualistiknya. Dengan ini, EQ mula mengambil peranan penting untuk memulihkan semula jiwa manusia yang semakin kering dan semakin rendah sifat kemanusiaannya kerana kepintaran intelektual sahaja tidak mampu melahirkan insan yang benar-benar cemerlang, sebaliknya keperluan terhadap kestabilan emosi, perwatakan serta nilai dan konsep diri adalah penting.

Rentetan sejarah perkembangan teori kecerdasan emosi ini bermula sejak tahun 1920-an lagi. Ahli psikologi yang mula mengkaji tentang kecerdasan emosi ialah E.L Thorndike. Pada ketika itu, beliau menggunakan istilah kecerdasan sosial. Kemudian pada tahun 1983, teori ini dikembangkan oleh Howard Gardner yang memperkenalkan Teori Kecerdasan Pelbagai. Dalam teori kecerdasan pelbagai ini, Gardner telah mengemukakan lapan jenis kepintaran yang berkaitan dengan emosi dan setiap kepintaran ini terpisah antara satu sama lain. Dalam hal ini, Gardner telah menggambarkan bahawa setiap individu mempunyai kepintaran yang berbeza-beza dan mereka akan menggunakan kepintaran-kepintaran yang ada itu untuk menguruskan kehidupan mereka. Selepas Gardner, teori ini terus berkembang dan diluaskan oleh Reuven Bar On pada tahun 1988 dengan menggunakan istilah “Emotional Quotient”. Bar On menyatakan bahawa individu yang mempunyai IQ (*Intelligence Quotient*) yang

tinggi tidak akan berjaya dalam hidupnya jika EQ yang dimilikinya rendah. Pada tahun 1990, Peter Salovey dan John Mayer pula telah memperkenalkan konsep ini.

Teori kecerdasan emosi ini sebenarnya bermula daripada kajian neurologi. Apabila bahagian amigdala pada otak dibuang daripada pesakit, maka individu ini tidak menunjukkan sebarang emosi dalam pelbagai keadaan. Begitu juga apabila pembedahan otak dibuat dan bahagian lobus prahadapan (*prefrontal lobes*) kiri dibuang, maka individu tersebut hilang keupayaan untuk membuat keputusan dalam hidup sehariannya walaupun IQnya tidak terjejas. Ini menunjukkan bahawa terdapat satu lagi komponen otak yang membuat keputusan selepas penaakulan intelek iaitu pertimbangan emosi (Goleman, 1995). Goleman telah mempopularkan EQ dalam bukunya “*Emotional Intelligence*” dan hal ini telah membangkitkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya peranan kecerdasan emosi dalam mendidik anak-anak dan juga mendidik individu serta masyarakat untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan emosi yang semakin membimbangkan kini kerana gejala sosial semakin berleluasa akibat rapuhnya moral masyarakat pada zaman kini.

Atas kesedaran betapa pentingnya kecerdasan emosi khususnya dalam kehidupan remaja, kajian ini telah menggunakan tiga model kecerdasan emosi Barat sebagai landasan dan panduan untuk mengkaji kecerdasan emosi dalam novel remaja. Dua model tersebut Model Kecerdasan Emosi Mayer, Caruso dan Salovey (1990) dan Model Kecerdasan Emosi Daniel Goleman (1995/1999). Kedua-dua model ini akan diuraikan dalam bahagian ini.


2.5.1 Model Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990)

Salovey dan Mayer (1990) telah membangunkan model EQ yang dikenali sebagai *Four Branch Model* bagi menjelaskan konsep kecerdasan emosi (EQ). Dalam model ini, kecerdasan emosi dipecahkan kepada empat peringkat proses yang merangkumi pembentukan emosi sehingga menguruskan emosi. Individu mula memikirkan bentuk emosinya seperti sedih, gembira atau takut pada satu-satu masa. Selain itu, dalam peringkat yang sama juga, individu turut memikirkan perkara yang berkemungkinan berlaku dalam emosi orang lain. Peringkat ini berlaku apabila wujudnya perkara yang merangsang emosi untuk menanggapinya. Mayer et al (1999) menambah bahawa tahap kecerdasan emosi akan lebih tinggi apabila umur meningkat dan pengalaman bertambah. Manakala dalam buku seterusnya, Mayer dan Salovey (2007:35), memberi takrif kecerdasan emosi seperti berikut:

“melibatkan kebolehan untuk memahami, menilai, dan memperlihatkan emosi secara tepat; kebolehan untuk mengadakan atau menghasilkan perasaan-perasaan untuk mempermudahkan pemikiran; kebolehan untuk memahami emosi-emosi dan pengetahuan tentang emosi; dan kebolehan untuk mengawal emosi-emosi untuk menggalakkan pembangunan emosi dan intelek.”

Definisi ini hanya memberi penekanan terhadap mengesan, memahami dan mengawal emosi-emosi, sedangkan yang terbaru ini juga melibatkan pemikiran tentang pelbagai perasaan. Definisi terkini Mayer & Salovey dibentangkan dalam bentuk grafik dalam rajah 2.2 yang telah menyusun kemahiran-kemahiran itu dalam susunan dari proses psikologi yang paling asas sehingga ke tahap proses integrasi psikologi tinggi. Keempat-empat cabang itu ialah peraturan refleksi emosi untuk menggalakan pertumbuhan emosi dan intelek, memahami dan menganalisa emosi;

menggunakan pengetahuan emosi, pemudahan pemikiran oleh emosi, dan persepsi, penilaian dan pernyataan emosi. (Rujuk Rajah 2.2).



Rajah 2.2: Kecerdasan Emosi – Model Mayer & Salovey

(Sumber: Salovey. P., Brackett. M.A.. & Mayer. J.D. (ed.). 2007. *Emotional Intelligence: Key readings on the Mayer and Salovey Model*. New York: Dude Publishing, halaman 37.)

2.5.1.1 Konstruk Kecerdasan emosi Mayer & Salovey

i. Persepsi, penilaian dan pernyataan emosi:

Tahap terendah cabang proses psikologi ini melibatkan kebolehan individu untuk mengenal pasti emosi dan makna emosi itu secara tepat. Bayi dan kanak-kanak belajar untuk mengenalpasti keadaan emosi diri masing-masing dan orang lain, dan membezakan antara pelbagai jenis emosi ini. Bayi belajar keadaan emosi dari mimik muka ibu bapa mereka dan bertindak balas terhadap emosi yang dilihatnya itu. Apabila dia semakin meningkat usianya, dia akan mampu mengenalpasti deria-deria lahiriah dan tindakbalas fizikalnya, dan persekitaran sosialnya (kotak 1). Seorang dewasa mampu mengawal perasaan-perasaan terpendamnya. Sekiranya seseorang dewasa yang sedang berjaga lewat malam tentang yang yang sedang dialaminya, jawapannya mungkin dia merasakan dirinya masih bertenaga, agak kelesuan, dan bimbang sama ada pemikirannya masih tajam atau tidak.

Perasaan bukan sahaja boleh dikenal pasti dalam diri sendiri, tetapi juga orang lain. Seorang kanak-kanak boleh mengesan perasaan dalam dirinya, orang lain dan juga benda-benda yang tidak bernyawa secara imaginasi. Dia akan mengaitkan pengalaman peribadinya kepada keadaan orang lain yang mengalami perasaan yang serupa dan membuat andaian akan keadaan emosi orang, binatang atau benda itu, contohnya kehadiran perasaan kebimbangan (kotak 2). Seseorang individu yang telah menjadi matang secara sesuai dan bertepatan, dia mampu menilai emosi di mana-mana sahaja emosi itu dipamerkan – di dalam diri orang lain, dalam seni bina, dalam hasil karya-karya seni halus dan sebagainya. Individu itu juga mampu untuk memperlihatkan perasaannya secara tepat di samping kehendak yang mendorong penampilan perasaan itu (kotak 3). Oleh sebab individu-individu yang mempunyai kecerdasan emosi mengetahui tentang penampilan emosi dan kesan-kesan penampilan itu, mereka juga

peka terhadap penampilan emosi yang palsu atau emosi yang dimanipulasikan. (kotak 4).

ii. Pemudahan pemikiran oleh emosi:

Cabang proses psikologi ini berkaitan dengan emosi yang mempengaruhi kecerdasan: menghuraikan peristiwa-peristiwa berkaitan emosi yang membantu dalam pemrosesan intelek. Emosi bertindak sebagai sistem pemberitahuan sejak kelahiran seseorang individu itu, contohnya, seorang bayi menangis apabila kelaparan atau dahaga dan akan tersenyum apabila dibelai. Apabila individu itu semakin matang, emosi mula membentuk dan menambahbaik pemikiran dengan mengarah perhatian individu itu kepada perubahan-perubahan penting. Seseorang itu akan mengutamakan sesuatu tugas penting yang perlu diselesaikan (walaupun membosankan) berbanding melakukan sesuatu yang sekadar untuk keseronokan sahaja (kotak 1). Sumbangan kedua emosi kepada pemikiran adalah penghasilan emosi “apabila diperlukan” supaya apa yang difikirkan itu lebih jelas untuk difahami. Terdapat suatu pentas pemerosesan dalam ruang pemikiran di mana emosi dihasilkan, dimanipulasi, dan dinilaikan agar ia lebih mudah difahami. Semakin berkesan pentas pemerosesan ini berfungsi, semakin mudah emosi membantu individu itu untuk membuat pilihan tepat terhadap pelbagai pilihan yang terdapat di dalam kehidupannya (kotak 2).

Emosi mungkin mampu membantu seseorang individu itu untuk memilih pelbagai perspektif dalam kehidupannya. Pilihan untuk mengingat kembali sesuatu kenangan lalu memerlukan penilaian kepada keadaan pemikiran yang sedia ada; kenangan yang menggembirakan memerlukan perasaan yang gembira dan akan membawa kepada pemikiran yang optimistik; sedangkan perasaan yang tidak gembira menghasilkan pemikiran yang pesimistik. Keadaan perasaan yang berubah-ubah

membawa kepada penghasilan pelbagai perspektif untuk sesuatu keadaan atau peristiwa, memberi peluang kepada individu itu untuk melihat pemasalahannya dari pelbagai perspektif (kotak 3). Kebolehan keempat yang berkaitan rapat dengan cabang proses psikologi ini ialah pekerjaan yang berbeza-beza dan pemikiran yang berbeza-beza (contohnya; deduktif berbanding induktif) mungkin dipermudahkan oleh pelbagai jenis perasaan (atau mood) yang berbeza-beza (kotak 4).

iii. Memahami dan menganalisa emosi: menggunakan pengetahuan emosi

Cabang proses psikologi yang ketiga berkaitan dengan kebolehan untuk memahami emosi-emosi dan menggunakan pengetahuan tentang emosi-emosi itu. Selepas sahaja dilahirkan seorang bayi itu mula mengenali, melabelkan dan memahami hubungan-hubungan antara pelbagai jenis emosi. Bayi mula mengenali persamaan dan perbezaan antara pelbagai jenis emosi kerana kebanyakan emosi terbentuk atas satu jalur kesinambungan tahap intensiti, contohnya, menyukai dan mencintai; jengkel dan marah; dan sebagainya (kotak 1). Apabila kanak-kanak itu semakin membesar, dia akan belajar tentang makna setiap perasaan dan hubungkaitnya terhadap hubungan dengan orang lain. Dia juga belajar membuat pertimbangan emosi dengan mengaitkan situasi-situasi dengan emosi-emosi. Pengetahuan tentang emosi bermula di zaman kanak-kanak dan berterusan sepanjang hayat (kotak 2).

Individu yang semakin matang pula mula mengetahui tentang kewujudan emosi-emosi yang lebih kompleks dan bertentangan dalam sesuatu situasi. Seseorang itu mula memahami perasaan menyayangi dan membenci seseorang itu serentak, contohnya, emosi kekaguman itu adalah gabungan emosi kegerunan dan emosi kejutan (kotak 3). Emosi sering berlaku dalam rentetan yang tertentu, seperti kemarahan boleh menjadi keberangan, ditunjukkan, kemudian menjadi suatu kepuasan atau penyesalan,

bergantung kepada keadaan. Individu itu mula mempertimbangkan tentang kesan-kesan emosi; seorang individu yang merasakan dirinya terpinggir mungkin akan menolak perhatian orang lain pada masa-masa yang akan datang kerana takut akan dilukai lagi. Pertimbangan atau penilaian terhadap kemaraan perasaan dalam hubungan-hubungan interpersonal adalah tonggak kepada kecerdasan emosi (kotak 4).

iv. Peraturan refleksi emosi untuk menggalakkan pertumbuhan emosi dan intelek:

Cabang proses psikologi tertinggi dalam Rajah 2.2 berkaitan dengan kawalan emosi secara sedar untuk pertumbuhan emosi dan intelek. Reaksi-reaksi emosi harus ditoleransi, malah dialu-alukan tanpa mengira sama ada emosi-emosi yang ditunjukkan itu menyeronokkan atau sebaliknya. Sekiranya seseorang individu itu menghadapi pelbagai jenis perasaan baharulah dia mampu belajar daripada pengalaman itu. Oleh itu, cabang tertinggi proses psikologi ini didahului oleh keterbukaan atau kebolehan untuk menerima pelbagai jenis perasaan (kotak 1). Bertambahnya kematangan individu itu membawa kepada kesedaran bahawa emosi boleh dipisahkan daripada tingkahlaku. Oleh itu, dia mampu untuk mempamerkan atau menyorokkan emosinya mengikut keadaan. Seseorang inividu yang matang emosinya mampu berfikiran tenang dan mempunyai pertimbangan yang waras walaupun dalam keadaan yang amat getir. Kemudiannya, pengajaran dan pengetahuan yang diperolehi daripada pengalaman itu membolehkannya untuk memotivasikan dirinya atau memanipulasikan keadaan kepada kehendaknya (kotak 2).

Semakin seseorang individu itu meningkat matang, semakin seseorang itu memahami bahawa terdapat emosi dan perasaan yang mencerminkan pelbagai pengalaman yang sering berulangan. Dia sering tidak memahami kenapa dia bertindak

secara tertentu dalam keadaan yang tertentu tetapi tindak balas meta-perasaan tetap akan berlaku kerana ia adalah refleksi meta-emosi secara sedar. Meta-pengalaman perasaan terbahagi kepada dua jenis iaitu meta-penilaian dan meta-kawalan. Penilaian termasuk betapa berat penekanan individu itu terhadap perasaannya, dan betapa jelas, biasa, diterima, atau berpengaruh perasaan itu (kotak 3), sedangkan kawalan melibatkan sama ada individu itu berusaha untuk membetulkan perasaannya yang tidak baik, mengurangkan tahap keriangan melampau, ataupun membiarkan perasaan itu begitu sahaja. Meta-pengalaman perasaan ini dilihat mempunyai kaitan rapat dengan peristiwa-peristiwa penting, seperti berapa lama individu itu mengenangkan sesuatu pengalaman yang amat pahit. Perihal meta-pengalaman ini masih belum banyak lagi difahami namun semakin banyak kajian telah dibuat mengenai kejadian dan ciri-cirinya. Satu perkara yang amat penting diperhatikan mengenainya ialah emosi-emosi difahami tanpa perlu membesar-besarkan atau mengecil-ngecilkan kepentingnya (kotak 4).

Weisenger (1998) dan Mayer, Salovey dan Caruso (dalam Bar-On & Parker 2000) menyatakan bahawa setiap faktor di atas mewakili keupayaan tertentu dan membentuk kecerdasan emosi apabila digabungkan. Faktor ini tersusun dalam bentuk hierikal iaitu faktor yang berada di atas adalah gabungan faktor-faktor di bawah. Mayer et al. (2000) dan Weisenger (1998) membicarakan empat faktor tersebut seperti yang berikut.

- a. Kebolehan membuat persepsi berkaitan emosi

Kebolehan ini menggambarkan bahawa keupayaan seseorang menerima, menilai dan mempamerkan emosi dengan efektif (*emotional perception*). Persepsi emosi ini adalah langkah pertama dalam kecerdasan emosi seseorang individu. Individu yang dapat melihat riak wajah seseorang

yang sedang berduka akan lebih memahami emosi dan pemikiran orang tersebut berbanding individu yang tidak melihatnya.

ii. Pemikiran bersandarkan emosi

Kebolehan ini menggambarkan bahawa keupayaan seseorang memahami diri sendiri dan orang lain serta menunjukkan perasaan memahami diri sendiri dan orang lain serta menunjukkan perasaan mengikut situasi (*emotional facilitation of thought*). Komponen kedua ini melibatkan integrasi emosi dengan kognitif dalam membentuk pemikiran. Emosi boleh mempengaruhi kognitif dalam membentuk sesuatu perkara daripada perspektif yang berbeza sama ada negatif atau positif. Ini boleh mendorong seseorang individu untuk berfikir secara lebih kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah. Pada peringkat ini, individu menggunakan emosi sebagai alasan dan sebab ke atas pemikiran berkenaan sesuatu. Kemudian, individu mula mengaitkan kesesuaian emosinya dengan situasi yang dialaminya.


iii. Memahami emosi

Kebolehan ini menggambarkan keupayaan seseorang mentafsir sesuatu emosi serta maklumat yang diterima (*understanding of emotion*). Apabila telah dikenal pasti, barulah seseorang undividu itu dapat memahami pelbagai jenis emosi (Makna-makna emosi, perkembangan emosi dan bagaimana emosi-emosi bergabung antara satu dengan yang lain) mampu memahami tabii manusia dan hubungan antara individu. Pada peringkat ini, individu mula memikirkan situasi emosinya dan orang lain yang beremosi sedemikian. Pada peringkat ini juga, tahap empati memainkan

peranan penting. Individu mula bersimulasi dengan meletakkan dirinya dalam diri orang lain bagi memahami emosi yang dialami oleh orang tersebut.

iv. Mengurus emosi

Kebolehan ini menggambarkan keupayaan seseorang mengawal emosi dalam meningkatkan perkembangan emosi dan intelek. Selepas membuat persepsi emosi tepat, mengintergrasikan emosi dan kognitif dan kemudian memahami emosi barulah emosi kendiri dapat dikawal. Kebolehan mengawal emosi ini adalah luwes bergantung kepada pandangan individu itu sendiri tentang perkara yang terbaik untuk dirinya. Hal ini bergantung kepada faktor dan situasi yang sentiasa berubah. Hal yang penting ialah memastikan keputusan dan tindakan yang dibuat sesuai dengan emosi serta logik bagi mendapatkan hasil. Gambar rajah di bawah menunjukkan Model Kecerdasan Emosi yang dihasilkan oleh Mayer dan Salovey (1990).



Rajah 2.3: Model *Four Branch* (Salovey.P,Brackett. M.A & Mayer. J.D., 2007)

Menurut Mayer dan Salovey (1990), Kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam mengaktifkan tingkah laku sama ada tingkah laku sosial ataupun di tempat kerja. Selain itu, kecerdasan emosi juga memberi motivasi, mengelola, dan mengarah kepada perubahan tingkah laku. Keadaan emosi positif dan negatif dapat mempengaruhi tingkah laku individu sama ada membawa kejayaan ataupun menghalang kejayaan dalam proses kognitif dan proses membuat keputusan.

2.5.2 Model Kecerdasan Emosi Menurut Daniel Goleman (1995/1999)

“Emotional Intelligence adds far more of the qualities that make us more fully human”.

(Goleman, 1995: 49)

Kenyataan Goleman itu menjelaskan bahawa semua manusia memiliki campuran kecerdasan intelek dan kecerdasan emosi tetapi dalam kadar yang berbeza namun bagi Goleman antara kedua-dua kecerdasan itu, kecerdasan emosional lebih penting kerana kecerdasan emosional (EQ) akan menambahkan sifat-sifat kemanusiaan kepada seseorang.

(Goleman, 1995) membahagikan kecerdasan emosi kepada lima domain. Domain pertama yang disarankan oleh Goleman ialah mengenali emosi sendiri iaitu merujuk kepada keupayaan seseorang mengenali emosi yang menguasai dirinya sama ada marah, benci atau bosan pada bila-bila masa. Kesedaran kendiri tidak bermaksud seseorang itu terbawa-bawa dengan emosinya atau berlebih-lebihan dengan emosinya tetapi dengan adanya kesedaran kendiri ini, seseorang itu akan menyedari emosi yang sedang merayap dalam mindanya dan seterusnya menguasai emosi tersebut. (Sohaimi Abdul Aziz, 1998). Peringkat ini juga merujuk kepada kesedaran hubungan antara buah

fikiran, perasaan dan tindakan. Apabila menyedari jenis emosinya, seseorang itu akan berupaya mengambil jalan yang bijak untuk membuat sesuatu keputusan. Kesedaran kendiri melibatkan kepercayaan dan keyakinan yang kuat kepada kemampuan diri sendiri. Dalam situasi ini, peranan suara hati juga amat penting kerana suara hati akan mendorong seseorang membuat keputusan yang terbaik terhadap sesuatu perkara. Menurut Goleman lagi, kesedaran kendiri merupakan asas penting kepada pembangunan kecerdasan emosi kerana dengan adanya kesedaran kendiri, seseorang itu dapat melepaskan suasana hati yang tidak menyeronokkan yang ada dalam dirinya.

Domain kedua dalam kecerdasan emosi yang dinyatakan oleh Goleman (1995) ialah mengurus emosi sendiri. Menurut Goleman (1995), apabila emosi terlampaui ditekan akan menyebabkan seseorang itu menjadi bosan dan jika emosi itu tidak dikendalikan dengan sebaik-baiknya, seseorang itu akan mengalami gangguan emosional yang berlebihan dan akan menimbulkan pelbagai jenis penyakit kepada individu tersebut. Kemampuan seseorang amat terbatas untuk menentukan emosi yang akan menguasai dirinya kerana dalam setiap kehidupan pelbagai emosi akan melanda seseorang. Ada ketika-ketikanya seseorang itu akan menghadapi kebahagian dalam kehidupannya namun pada suatu masa yang tidak dijangkakan berkemungkinan seseorang itu akan mengalami kesukaran dalam hidup dan pastinya pada saat ini emosi negatif akan menguasai dirinya. Manusia tidak dapat lari daripada merasai emosi positif dan negatif dalam kehidupannya kerana dengan adanya kedua-dua emosi inilah makna kebahagian itu tercapai oleh seseorang. Goleman (1995) berpendapat bahawa bukan hendak menjauhi perasaan yang tidak menyenangkan agar selalu bahagia tetapi seseorang itu tidak boleh membiarkan perasaan derita itu berterusan sehingga menghapuskan semua suasana hati yang menyenangkan dalam hidup mereka. Bagi Goleman (1995), orang yang mengalami depres atau tahap kemarahan yang hebat masih mampu merasai kebahagiaan jika mereka berupaya menguruskan emosi negatif itu

dengan baik. Emosi datang tanpa diundang namun seseorang itu harus mengambil tindakan yang bijak untuk mengawal emosi negatif yang datang supaya tidak memudarangkan diri sendiri. Beberapa kemahiran boleh dipraktikkan dalam mengendalikan emosi yang negatif, seperti memikir kembali rangsangan emosi tersebut, mencabar fikiran yang mencetuskan emosi itu dan mengalih tumpuan masalah kepada perkara-perkara yang boleh meredakan emosi negatif yang dialami itu. (Sohaimi Abdul Aziz, 1998).

Domain ketiga ialah memotivasi emosi negatif ataupun dikenali juga sebagai motivasi kendiri. Seseorang yang mempunyai motivasi kendiri yang tinggi berkeupayaan untuk menolak dirinya ke hadapan dalam mencapai apa-apa matlamat yang dicitakan. Mereka yang mempunyai motivasi kendiri adalah orang yang berupaya melawan dorongan hatinya yang negatif. Individu sedemikian menggunakan matlamatnya dalam sesuatu perkara sebagai panduan untuk melaksanakan tugas atau mencapai cita-cita. Emosi boleh dijadikan alat untuk meningkatkan prestasi minda kognitif dengan cara menyemaikan harapan dalam diri sendiri kerana apabila seseorang itu menaruh harapan terhadap sesuatu dia dapat menghilangkan keimbangan dan kesedihan dalam dirinya. Menurut Goleman (1995), harapan yang membuat sesuatu perkara itu berbeza kerana harapan itu akan memberi hiburan di tengah-tengah kesengsaraan. Semua pekerjaan yang yang diiringi dengan harapan akan dibantu dengan perasaan gembira dan bersemangat untuk melakukannya. (Sohaimi.Abdul.Aziz, 1998:19). Orang yang mempunyai harapan yang tinggi lazimnya akan memiliki sifat motivasi yang tinggi untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu perkara. Sudah pasti orang-orang sedemikian tidak akan menoleh ke belakang lagi dan mempunyai kepercayaan yang tinggi untuk menangani sesuatu masalah yang dihadapi. Dari sudut pandangan kecerdasan emosi menurut Goleman, mempunyai harapan bermaksud

seseorang itu tidak akan terjebak dalam kecemasan dan pasti tidak akan menghadapi tekanan dalam hidupnya.

Selain menaruh harapan, domain ini juga menekankan sikap optimistik dalam diri manusia juga amat penting. Dari sudut kecerdasan emosi, sikap ini akan membawa banyak faedah kepada seseorang kerana sikap ini dapat menghindari perasaan tertekan dalam hidup walaupun pelbagai masalah melingkari mereka. Orang yang optimis sentiasa menganggap kegagalan disebabkan oleh sesuatu hal itu dapat diubah menjadi kejayaan pada suatu ketika. Selain harapan dan sikap optimis yang bertindak sebagai penghalang daripada terjebak di dalam jaringan tekanan apabila menghadapi masalah, seseorang itu juga dikatakan berada dalam keadaan mental pada peringkat tinggi apabila mereka berupaya memasuki satu keadaan psikologi yang dikenali sebagai ‘flow’. Kecerdasan emosi berada dalam keadaan yang terbaik pada ketika ini kerana seseorang itu dapat menghayati sepenuhnya pekerjaan yang diusahakan dan menyedari perkara yang dilakukan itu. (Sohaimi Abdul Aziz, 1998: 19). Emosi berupaya menjadi alat untuk memotivasi seseorang dengan cara melawan dorongan hati yang negatif dan menghadapi kegagalan dengan positif serta terus berusaha untuk mencapai kejayaan melalui kemahiran-kemahiran tertentu.

Domain keempat ialah empati yang dimaksudkan sebagai kebolehan memahami emosi atau perasaan orang lain. Keupayaan menyelami hati seseorang berdasarkan perspektif individu tersebut merupakan satu kelebihan dalam sesuatu interaksi sosial. Sebelum seseorang itu mengenali emosi orang lain, terlebih dahulu dia hendaklah mengenali emosinya dahulu supaya lebih mudah untuk menjelajah dan memasuki emosi orang lain. (Sohaimi Abdul Aziz, 1998: 20). Kegagalan untuk memahami perasaan orang lain menurut Goleman adalah kekurangan utama dalam kecerdasan emosi manusia kerana setiap hubungan yang terjalin bermula daripada penyesuaian emosional.


Manusia tidak mengungkapkan emosi secara nyata atau langsung melalui kata-kata tetapi diucapkan melalui isyarat-isyarat tertentu melalui tindakan bukan verbal seperti mimik muka, nada suara, ekspresi wajah dan sebagainya. Sekiranya manusia itu mampu membaca isyarat bukan verbal ini maknanya seseorang itu mempunyai empati yang tinggi. Empati bukan sahaja memahami perasaan orang tetapi merasai apa yang dirasai oleh orang itu dan membantu dengan cara yang rasional dan positif. Tanpa perasaan empati seseorang itu akan membina jarak emosi dan keadaan ini akan menyebabkan seseorang itu gagal dalam menjalankan hubungan sosial dengan orang lain.

Domain kelima ialah membina hubungan sosial sangat penting dalam membentuk hubungan yang akrab dengan individu-individu lain dalam masyarakat. Goleman (1995) berpendapat seseorang itu akan mempunyai kemahiran bersosial yang baik apabila dia berupaya membentuk hubungan untuk menggerakkan orang lain, meyakinkan, mendekatkan hubungan dengan orang lain dan membuatkan orang lain selesa semasa berasa bersama mereka. Keupayaan bersosial ini juga mengizinkan seseorang itu mencorak dan membentuk pertemuan yang berlaku menjadi sesuatu yang positif seperti membantu orang lain mendapatkan kebahagiaan. Setiap kali membuat hubungan dengan orang lain, seseorang itu sebenarnya menghantar isyarat melalui mimik muka, bahasa badan dan nada suara dan isyarat-isyarat ini memberi kesan kepada orang yang ditemui itu. (Sohaimi Abdul Aziz, 1998: 21). Kecerdasan emosional adalah mencakupi penguasaan dalam hubungan sosial yang menyenangkan untuk orang-orang yang kita sukai dan mampu membantu menenangkan hati orang lain. Menurut Goleman (1995), manusia adalah sebahagian daripada perkakas perubahan emosi dalam hubungan dengan orang lain sama ada menjadikan seseorang itu lebih baik atau sebaliknya.

Pada tahun 1999, Goleman telah mengeluarkan buku baharu yang bertajuk “*Working with Emotional Intelligence*”, beliau telah mengembangkan lagi model kecerdasan emosi ini dengan mengenal pasti beberapa subfaktor yang wujud. Beliau telah mengkategorikan kecerdasan emosi ini kepada dua bahagian utama iaitu (i) kecekapan peribadi (*personal competence*) dan (ii) kecekapan sosial (*social competence*). Menurut Goleman dengan adanya kecerdasan emosi ini, seseorang itu boleh mengawal diri dan berinteraksi dengan lebih baik dalam masyarakat. Beliau menyatakan bahawa manusia berhutang amat banyak pada kekuatan emosi kerana dengan adanya emosilah manusia dapat meletakkan diri dalam masalah-masalah manusiawi yang wujud.

Komponen kecekapan peribadi menggambarkan bagaimana individu itu mampu mengurus dan mengawal dirinya dalam kehidupan peribadi dan juga dalam alam pekerjaan, manakala komponen kecekapan sosial pula menggambarkan bagaimana seseorang membentuk atau menjalin hubungan dengan mana-mana individu dan bagaimana pula seseorang itu dapat mengekalkan hubungan yang telah terjalin supaya menjadi lebih mesra lagi.

Kecekapan peribadi merangkumi tiga faktor iaitu kesedaran kendiri, kawalan kendiri dan motivasi kendiri. Manakala kecekapan sosial merangkumi dua faktor iaitu empati dan kemahiran sosial. Rajah 2.4 menunjukkan model kecerdasan emosi yang diutarakan oleh Goleman (1999).



Rajah 2.4: Model Kecerdasan Emosi oleh Goleman

Model EQ yang diutarakan oleh Goleman (1999) mempunyai dua komponen utama dan lima faktor kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri, kawalan kendiri, motivasi kendiri, empati, dan kemahiran bersosial. Kelima-lima faktor ini saling berkait dalam mewujudkan kecerdasan emosi.

2.5.2.1 Kecekapan Peribadi (*Personal Competence*)

Kecekapan kendiri ini mempunyai tiga faktor iaitu kesedaran kendiri, kawalan kendiri dan motivasi kendiri. Kecekapan peribadi ini menentukan cara seseorang mengurus diri mereka sendiri.

A. Kesedaran Kendiri (*Self-Awareness*)

Kesedaran kendiri ialah kebolehan mengetahui keadaan-keadaan dalaman, pemilihan-pemilihan, sumber-sumber dan intuisi-intuisi oleh individu tersebut. Faktor ini mempunyai tiga subfaktor iaitu:-

i. Kesedaran Emosi (*Emotional Awareness*)

Kesedaran emosi ialah keupayaan seseorang mengenal pasti emosi-emosi yang berlaku dan kesannya terhadap prestasi diri. Seseorang itu dapat merasakan perasaan yang sedang bergolak dalam dirinya (sama ada sedang sedih, kecewa, marah dan sebagainya) dan menghubungkannya dengan perkara yang difikir, dibuat dan diperkatakan. Dia juga tahu dan dapat mengagak kesan yang akan timbul akibat daripada luahan perasaannya nanti terhadap dirinya dan juga orang lain. Seseorang itu juga menyedari nilai-nilai dan matlamat diri yang dijadikan panduan dalam peringkat ini.

ii. Ketepatan Penilaian Kendiri (*Accurate self-assessment*)

Ketepatan penilaian kendiri dimaksudkan sebagai keupayaan individu mengetahui kekuatan dan kelemahan diri dalam melakukan sesuatu kerja. Individu yang tahu kekuatan dan kelemahan diri sendiri dapat menghargai kelebihan dan kekurangan seseorang. Justeru, individu ini lebih bersikap terbuka dalam membaiki kelemahan diri sendiri. Individu ini bersikap terbuka dalam mendapat maklum balas dan melihat perspektif baru. Hal ini dianggap sebagai pembelajaran sepanjang hayat untuk pengembangan potensi diri. Individu ini juga mempunyai humor dan perspektif tentang diri sendiri.

iii. Keyakinan diri (*Self-confidence*)

Keyakinan adalah keupayaan seseorang untuk menghargai diri sendiri dan percaya dengan kebolehan diri dalam membuat sesuatu tugas. Individu ini mempunyai nilai harga diri yang tinggi dan berprinsip dalam hidupnya dan tidak mudah terpengaruh dengan gaya hidup orang lain. Mereka tidak akan mengharap bantuan orang lain jika

mampu melaksanakan sendiri sebarang tugas yang diamanahkan. Individu ini juga berani mengeluarkan pendapat dan idea walaupun mungkin tidak digemari oleh orang lain. Justeru, individu yang berkeyakinan diri boleh membuat keputusan yang tepat walaupun terdapat tekanan dan kekeliruan.

B. Kawalan Kendiri (*Self-Regulation*)

Kawalan kendiri ialah kebolehan seseorang untuk mengurus keadaan dalaman, naluri dan sumber-sumber. Terdapat lima subfaktor iaitu:

i. Kawalan Diri (*Self Control*)

Kawalan diri merupakan keupayaan seseorang mengawal naluri, emosi dan tingkah laku yang langsung. Seseorang itu dapat memantau perasaan dan menghalang cetusan emosi yang negatif daripada dapat dikesan oleh orang lain. Hal ini berlaku terutamanya dalam situasi seperti pertengkar atau perdebatan yang memerlukan seseorang itu berada dalam keadaan tenang supaya dapat berfikir dengan jelas dan membina tumpuan sebelum membuat sesuatu tindak balas.

ii. Kebolehpercayaan(*Trustworthiness*)

Kebolehpercayaan dimaksudkan sebagai keupayaan individu mengekalkan kejujuran dan jati diri yang tinggi. Seseorang yang mempunyai kejujuran yang tinggi akan mudah didekati dan disenangi oleh individu-individu yang lain. Mereka juga dilihat oleh individu lain sebagai ikhlas dalam menjalin hubungan dan juga dalam melaksanakan tugas atau memegang amanah. Mereka berani mengakui kesilapan sendiri dan pada

masa yang sama juga, tidak takut untuk menegur perbuatan yang tidak beretika orang lain. Individu sebegini mempunyai pendirian yang tegas berasaskan prinsip yang dipegang walaupun tidak disukai orang lain.

iii. Ketekunan (*Conscientiousness*)

Seseorang yang mempunyai ketekunan yang tinggi ke atas pencapaian matlamat peribadi. Individu ini boleh menilai prestasi diri pada setiap masa dan berencana dalam kerja. Kebolehan ini penting dalam mengukur tahap persediaan diri terhadap sesuatu tugas. Individu ini juga seorang yang teliti dalam tugas, menyelesaikan tugas pada waktunya dan berdisiplin.

iv. Penyesuaian Diri (*Adaptability*)

Seseorang yang mempunyai keluwesan dalam menangani perubahan. Mereka cekap dalam menangani pelbagai cabaran, keutamaan yang berubah-ubah dan perubahan situasi yang drastik dengan mengubah suai respons-respons dan taktik-taktik yang selari dengan situasi yang anjal tadi. Ciri keluwesan ini penting terutamanya bagi seseorang yang perlu membuat keputusan dalam situasi yang sentiasa berubah. Jadi kebolehan menyesuaikan diri dalam suasana kerja yang pelbagai akan membantu seseorang menjadi lebih mahir menyelesaikan tugas.

v. Inovasi(*Innovation*)

Individu yang berinovasi dan senang menerima idea-idea baharu, pendekatan dan maklumat baharu daripda sesiapa sahaja tanpa perasaan negatif. Mereka juga sentiasa

mencari idea-idea baharu. Individu sebegini melihat sesuatu perkara daripada perspektif yang berbeza dan berani mengambil risiko dalam membuat sesuatu.

C. Motivasi Kendiri (*Self-Motivation*)

Motivasi kendiri ialah kecenderungan emosi dalam membimbing atau memudahkan seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat. Terdapat empat subfaktor dalam hal ini iaitu:

i. Berorientasikan Pencapaian (*Achievement Drive*)

Individu yang mempunyai dorongan pencapaian akan meneruskan usaha ke arah mencapai sesuatu matlamat yang telah mereka tetapkan. Individu sebegini, meletakkan sasaran yang mencabar dengan risiko yang tertentu. Mereka mencari maklumat untuk mendapat kepastian sesuatu perkara di samping melaksanakan sesuatu perkara dengan lebih baik. Oleh itu, mereka berusaha meningkatkan prestasi kerja ke tahap yang lebih tinggi.

ii. Komitmen(*Commitment*)

Komitmen bermaksud kebolehan individu mensejajarkan matlamat diri dengan matlamat kumpulan atau organisasi. Mereka sanggup berkorban demi mencapai matlamat yang lebih besar iaitu matlamat organisasi. Mereka juga perlu mencari makna (sense of purpose) dalam misi berkumpulan di samping menggunakan nilai utama kumpulan dalam membuat keputusan serta cepat merebut peluang dalam mencapai misi kumpulan.

iii. Inisiatif(*Initiative*)

Seseorang yang mempamerkan sikap proaktif dan sentiasa bersedia merebut peluang. Melaksanakan tugas melangkai matlamat yang ditetapkan iaitu berbuat sesuatu dengan sempurna dan lebih baik. Berupaya menggembung rakan-rakan dan orang lain untuk melaksanakan sesuatu tugas bersama-sama dengan cara yang tersendiri. Individu sebegini akan terus berusaha hingga tercapai cita-citanya.

iv. Optimis(*Optimism*)

Seseorang yang beristiqamah dalam mencapai cita-cita walaupun terdapat halangan dan masalah. Seseorang yang optimis melihat dari sudut “harapan untuk berjaya” dan bukannya dari sudut “kemungkinan untuk gagal” serta lebih melihat masalah sebagai rintangan yang boleh diatasi dan bukannya kelemahan peribadi.

2.5.2.2 Kecekapan Sosial (*Social Competence*)

Kecekapan sosial ini mempunyai dua faktor iaitu empati dan kemahiran sosial. Kecekapan sosial ini menentukan bagaimana seseorang itu menjalin hubungan dengan individu yang lain.

A. Empati (*Empathy*)

Empati ialah menyedari perasaan, keperluan dan kehendak serta masalah orang lain. Empati dibahagikan kepada lima subfaktor.

i. Memahami orang lain (*Understanding Others*)

Ialah kebolehan mengesan perasaan orang lain, perspektif mereka dan menunjukkan minat yang mendalam terhadap kehendak atau masalah mereka. Individu ini memberi perhatian terhadap tingkah laku emosi dan mendengar secara aktif tentang apa-apa yang dicurahkan oleh seseorang. Mereka juga menunjukkan sensitiviti dan memahami perspektif orang lain serta sedia membantu.

ii. Mengembangkan Potensi Orang Lain (*Developing Others*)

Subfaktor ini menunjukkan kebolehan individu dalam mengesan keperluan mengembangkan potensi dan meningkatkan kebolehan orang lain. Mereka dapat mengenal pasti ciri-ciri kekuatan dan pencapaian orang lain, menawarkan maklum balas yang berguna serta mengenal pasti keperluan orang lain untuk perkembangan diri. Mereka juga berkebolehan menjadi mentor yang membimbing dan membentuk kemahiran individu lain. Kebolehan ini adalah salah satu daripada pendekatan kepemimpinan yang efektif (Goleman, Boyatzis & McKee 2002)

iii. Berorientasikan Perkhidmatan(*Service Orientation*)

Individu yang berorientasikan perkhidmatan boleh menjangka, mengenal pasti dan memenuhi keperluan pelanggan mereka. Seseorang individu itu sama ada peniaga, pekerja komersial mahu pun penjawat awam perlu memahami keperluan pelanggan tentang perkhidmatan mahupun produk yang diniagakan. Mereka juga sanggup mencari pelbagai kaedah untuk meningkatkan kepuasan dan kesetiaan pelanggan, menghulur bantuan yang sesuai dengan rela. Mereka juga dapat memahami perspektif pelanggan dan bertindak sebagai penasihat yang boleh dipercayai.

iv. Mencungkil Kepelbagaian (*Leveraging Diversity*)

Dimaksudkan sebagai memupuk peluang melalui kepelbagaian manusia. Mereka menghormati kepelbagaian (latar belakang dan pandangan), membina hubungan yang baik serta mencipta peluang dan persekitaran yang membolehkan semua orang mengembangkan potensi masing-masing.

v. Kesedaran Organisasi (*Political Awareness*)

Individu yang mempunyai kesedaran politik mahir membaca emosi kumpulan serta dapat mengenal pasti pemegang tampuk kuasa dalam sesuatu hubungan. Mereka juga boleh mengesan rangkaian sosial yang penting di samping memahami faktor yang membentuk pandangan dan tindakan orang lain.

B. Kemahiran Sosial (*Social Skill*)

Kemahiran sosial ialah kemahiran mencetuskan respons-respons yang dikehendaki daripada orang lain. Terdapat lapan subfaktor kemahiran sosial iaitu:

i. Pengaruh (*Influence*)

Pengaruh adalah kemahiran menggunakan taktik yang efektif untuk memujuk. Seseorang yang mahir dalam mempengaruhi orang lain dengan cara membuat pembentangan idea secara halus untuk menarik minat pendengar. Mereka juga berkeupayaan menggunakan strategi yang rencam (seperti pengaruh tak langsung) untuk membina konsensus dan sokongan serta mencetus suasana yang dramatik untuk menonjolkan idea secara efektif.

ii. Komunikasi (*Communication*)

Komunikasi dimaksudkan sebagai kebolehan seseorang mendengar secara terbuka dan menyampaikan mesej secara yang meyakinkan. Individu yang mempunyai kemahiran berkomunikasi ini adalah efektif dalam bertolak ansur dan menyampaikan isyarat emosi sejajar dengan mesej yang disampaikan. Mereka juga suka berterus-terang dalam isu yang rumit, mendengar aktif, saling memahami dan mengalau-alukan perkongsian maklumat sepenuhnya. Mereka juga sentiasa menggalakkan komunikasi terbuka dan sedia mendengar berita baik dan buruk.

iii. Pengurusan Konflik (*Conflict Management*)

Kebolehan seseorang untuk berunding dan menyelesaikan sesuatu pertikaian antara beberapa pihak yang bertelagah. Seseorang yang berkemahiran dalam pengurusan konflik boleh menangani individu yang sukar dan keadaan yang tegang dengan bijaksana. Mereka juga boleh mengesan potensi konflik berlaku bagi sesuatu suasana, mengurus percanggahan pendapat secara terbuka dan membantu meredakannya, menggalakkan perbahasan dan perbincangan terbuka serta merancang penyelesaian berbentuk menang-menang.

iv. Kepemimpinan(*Leadership*)

Pemimpin berfungsi untuk memberi inspirasi dan membimbing individu dan kumpulan. Pemimpin yang baik melahir dan membangkitkan keghairahan untuk mencapai misi dan visi yang dirangka bersama. Mereka akan melangkah ke hadapan untuk memimpin apabila diperlukan tanpa mengira kedudukan, membimbing prestasi orang lain dan pada

masa yang sama mempertanggungjawabkan orang bawahan tadi atas prestasi masing-masing serta memimpin melalui teladan.

v. Pemangkin Perubahan (*Change Catalyst*)

Pemangkin perubahan akan memulakan atau menguruskan perubahan yang berlaku dalam suatu organisasi. Seseorang yang mempunyai kecekapan ini mengetahui keperluan untuk berubah dan menghapus halangan dan mencabar keadaan yang boleh mengganggu keperluan untuk berubah. Mereka juga memperjuangkan perubahan secara bersama-sama dengan rakan-rakan setugas yang lain.

vi. Membina Hubungan (*Building Bonds*)

Membina hubungan adalah menjalin hubungan yang bermakna dalam sesebuah organisasi. Seseorang perlu memupuk dan mengekalkan rangkaian informal yang luas, membina hubungan yang saling memberi faedah, membina hubungan yang baik serta membina dan mengekalkan persahabatan peribadi dalam kalangan rakan sejawat.

vii. Kolaborasi dan kerjasama (*Collaborative and Cooperative*)

Kolaborasi ialah kebolehan seseorang bermuafakat dengan orang lain demi mencapai matlamat yang sama berpandukan misi dan visi organisasi. Kebolehan ini dipamerkan dengan mengimbangkan fokus terhadap tugasan serta perhatian terhadap hubungan. Individu ini juga boleh mengesan dan memupuk peluang untuk bekerjasama antara rakan sejawat atau orang bawahan supaya matlamat organisasi dapat dicapai secara bersama-sama.

viii. Keupayaan Berpasukan (Team Capabilities)

Keupayaan berpasukan bermaksud kebolehan seseorang mewujudkan sinergi kumpulan dalam mencapai matlamat bersama. Individu ini mempunyai sifat sebagai pemimpin (informal atau formal) yang membentuk ciri kumpulan yang berasaskan hormat-menghormati, suka membantu dan bekerjasama. Individu ini juga dapat membawa semua ahli kumpulan bersama-sama aktif dan bersemangat dalam membina identiti kumpulan, semangat kekitaan dan komitmen serta memelihara kumpulan dan reputasinya di samping berkongsi penghargaan yang diterima secara bersama.

Kedua-dua model kecerdasan emosi yang dibincangkan melihat emosi daripada perspektif yang berbeza. Mayer dan Salovey (1990) melihat kecerdasan emosi sebagai satu kebolehan untuk mengawal emosi diri. Hal ini digambarkan sebagai proses menerima rangsangan dan memberi tindak balas yang bersesuaian dengan situasi semasa. Mereka berpendapat, individu yang mempunyai tahap kognitif yang tinggi belum tentu berjaya dalam kehidupannya sekiranya individu itu memiliki kecerdasan emosi yang rendah.

Teori kecerdasan emosi Goleman (1995, 1999) pula melihat emosi daripada dua sudut iaitu bagaimana untuk menguasai diri dan bagaimana membentuk hubungan yang positif dengan orang lain. Menurut Goleman, kecerdasan emosi menyumbang 80 peratus kepada faktor-faktor yang menentukan kejayaan seseorang manakala kecerdasan intelek hanya menyumbang 20 peratus sahaja kepada kejayaan tersebut. Goleman berpendapat, komponen-komponen yang dinyatakan itu mesti dibangunkan untuk memantapkan emosi seseorang. Sekiranya, seseorang itu menghadapi masalah perhubungan dengan orang lain bermakna wujudnya suatu masalah pada kecerdasan emosi individu tersebut. Seseorang dianggap berjaya dalam hidupnya apabila dia

mampu membawa diri, mampu mengawal emosi dan mampu meletakkan diri dalam hubungan dengan orang lain.

Kedua-dua model ini melihat emosi daripada konteks yang berbeza namun, secara umumnya model-model Barat ini memberi perhatian kepada cara individu meningkatkan kestabilan emosi ke tahap yang lebih tinggi bagi meningkatkan imej kendiri dan berjaya dalam melayari kehidupan dengan cemerlang. Walaupun perkara-perkara yang dihuraikan dalam kecerdasan emosi yang dipelopori oleh tokoh-tokoh Barat ini memberi panduan yang jelas dalam meningkatkan keupayaan diri melalui kemahiran-kemahiran kecerdasan emosi namun masih terdapat kekosongan yang perlu diisi dalam teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh Barat ini. Kedua-dua model Barat ini mengkaji dan menghuraikan peranan kecerdasan emosi dari segi ilmu neurologi dan psikologi iaitu yang menjurus kepada hubungan emosi dan kecerdasan emosi dengan aspek kognitif.

Selepas kajian Mayer & Solavey (1990,1999) dan juga Goleman (1995,1999), muncul banyak lagi kajian tentang kecerdasan emosi oleh tokoh-tokoh Barat. Contohnya, kajian tentang *Spiritual Intellegence* (SQ) yang dipelopori oleh Dannah Zohar yang membuat kajian kecerdasan kerohanian. Pendekatan yang digunakan oleh Dannah Zohar adalah berorientasikan pendekatan rasional natural dan sekular. Bagi Zohar dan Marshall (2000:52), aspek kerohanian tidak berkaitan dengan kedekatan seseorang dengan aspek ketuhanan kerana menurut mereka seseorang humanis ataupun ateis juga mampu mencapai tahap spiritualiti tinggi. Kecerdasan Spiritual (SQ) itu adalah kecerdasan yang berkaitan dengan hal-hal transenden, hal-hal yang “mengatas” waktu iaitu melampaui kekinian dan pengalaman manusia. (Taufiq Pasiak,2002:137). Menurut Taufiq lagi, SQ adalah meliputi bahagian yang terdalam dan terpenting dalam diri manusia namun dengan adanya kemajuan dalam bidang *neuroanatomy* dan

neurokimia membuktikan bahawa SQ itu berasaskan pada otak manusia kerana di dalam otak manusia dikatakan ada empat penanda, salah satunya ialah “*God Spot*” iaitu terdapatnya substrat penting tentang kehadiran Tuhan. Walaupun dikatakan dalam otak manusia terdapat “*God Spot*” namun SQ ini belum menjangkau ketuhanan kerana menurut Ari Ginanjar Agustian (2001) temuan “god Spot” oleh Barat ini adalah sebenarnya suara hati yang bersumber dari pusat spiritual ini. Oleh itu, aspek kerohanian yang dilihat oleh Zohar yang menyatakan bahawa kerohanian bersifat bebas-agama iaitu pengetahuan dan pengalaman kerohanian terpisah daripada paradigma agama.

Kebanyakan pengkaji Barat hanya mementingkan bukti empirikal dan fizikal dan mengabaikan soal agama dalam membincangkan aspek kecerdasan emosi kerana mereka mengehadkan peranan agama sekadar ritual semata-mata dan mereka menganggap agama tidak memainkan peranan penting dalam keseluruhan kehidupan. Walaupun teori ciptaan Barat mendapat tempat dalam kalangan pengkaji namun untuk mengkaji aspek kejiwaan manusia Islam hal ini harus diubah suai untuk memenuhi kehendak manusia Islam. Islam mengutamakan soal agama kerana agama memainkan peranan penting dalam membangunkan aspek-aspek kehidupan. Islam sentiasa mempertahankan kesepadan fizikal dan spiritual, rohani dan jasmani. Justeru, tidak timbul masalah perpisahan emosi dan intelektual, jasad dan perasaan seperti yang dianggap oleh Barat. Dalam Islam, aspek dalaman yang bersifat kerohanian diberi penekanan yang lebih kerana rohlah yang menentukan keberterusan diri seseorang itu sehingga melangkah ke alam akhirat.

Justifikasi pemilihan kedua-dua model yang dipelopori oleh tokoh ini adalah kerana aspek yang dikaji oleh mereka adalah hampir sama iaitu tentang kecerdasan emosi yang berlaku di dalam diri manusia. Ciri-ciri kecerdasan emosi yang

dikemukakan oleh tokoh-tokoh Barat ini diadun dan disepadukan dengan ciri-ciri baharu yang dibentuk dalam kajian ini. Berdasarkan hasil penelitian, didapati tokoh-tokoh Barat mengabaikan aspek spiritual yang merujuk kepada agama yang sebenarnya bukan agama sekadar amalan ritual semata-mata. Aspek keagamaan yang dimaksudkan ialah agama yang menjadi amalan dalam kehidupan dan secara tidak langsung mempengaruhi kecerdasan emosi manusia. Pengkaji melihat kelompongan teori dan model Barat dalam mengkaji kecerdasan emosi manusia. Oleh itu, kajian yang dijalankan perlu dimantapkan dengan memasukkan pendekatan Islam.

Bagi mewajarkan kajian ini dilakukan, pengkaji telah memasukkan Pendekatan Tauhid serta pandangan tokoh-tokoh Islam untuk menyepadukan ciri-ciri yang dikemukakan dalam model Barat bagi memantapkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang dibentuk dalam kajian ini. Ciri-ciri keislaman dimasukkan dalam MKE supaya model yang diguna pakai dalam kajian ini memenuhi keperluan manusia yang mempunyai nilai akhlak yang mulia dari sudut Islam berupaya diterjemahkan dengan jelas dan menepati ciri-ciri sahsiah unggul yang dikehendaki.

2.6 Pendekatan Tauhid

Tauhid berasal daripada perkataan Arab yang bererti mensatukan atau mengesakan Allah. Tauhid juga bermaksud ketunggalan Allah. Aspek tauhid amat penting dalam kehidupan umat Islam. Kepentingan Tauhid ini harus difahami dan dihayati sepenuhnya oleh umat Islam. Jawapan muktamad tentang tauhid hanya boleh diperoleh daripada Al-Quran. Tidak ada sebuah pun kitab-kitab suci sejak dunia berkembang yang dapat menerangkan pelajaran tauhid sedemikian sesempurnanya seperti yang terkandung di dalam Al-Quran.

Pendekatan Tauhid dalam Kesusasteraan Islam sudah lama berlaku. Tokoh yang bertanggungjawab memperkenalkan Pendekatan Tauhid ini ialah Ismail AL-Faruqi. Berdasarkan kumpulan kertas kerja Ismail Al-Faruqi (1988) yang telah dibukukan oleh pihak Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) dengan menggunakan tajuk *Pemikiran Islam Al-Faruqi*, didapati beliau ada menyentuh aspek tauhid dalam seni persuratan. Ismail Al-Faruqi adalah salah seorang pelopor Pendekatan Tauhid dalam kesusasteraan Islam. Beliau mengaitkan Al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah sebagai kesusasteraan yang luhur. Perbincangan beliau tertumpu kepada aspek keluhuran bentuk kesusasteraan iaitu pengkajian terhadap Al-Quran merupakan pengajian kesusasteraan. Beliau mengatakan bahawa orang Islam harus menerima dengan yakin akan kekuasaan Allah menurunkan Al-Quran dan mengakui bahawa Al-Quran itu adalah wahyu Allah, bukannya karangan manusia. Al-Quran tidak boleh disamakan dengan syair atau sajak Arab walaupun dikatakan terdapat unsur tersebut untuk menambahkan keindahan ayatnya. Al-Quran dikategorikan sebagai *al-nathar al-mutlaq* iaitu gubahan bebas yang mutlak.

Tauhid ialah keesaan atau ketunggalan Allah. Aspek tauhid amat penting dalam kehidupan umat Islam. Dari abad ke abad dunia keagamaan mencari jalan ke arah keesaan Tuhan. Perbincangan tentang Tauhid bukan hanya berlaku apabila menyentuh tentang beberapa istilah langsung dengan tauhid seperti iman, syirik, kufur dan ibadat semata-mata sebaliknya tauhid juga meliputi perkara-perkara yang lain.

Jawapan muktamad tentang tauhid hanya boleh diperoleh daripada Al-Quran. Tidak ada sebuah pun kitab-kitab suci sejak dunia berkembang yang dapat menerangkan pelajaran tauhid sedemikian sesempurnanya seperti yang terkandung di dalam Al-Quran. Dari abad ke abad dunia keagamaan mencari jalan ke arah keesaan Tuhan. Agama Islamlah yang dapat membawa manusia kepada tauhid dalam erti kata yang

sebenar-benarnya kerana Al Quran menjadi panduan kepada semua aspek kehidupan manusia. Islam membasmi semua kemosyikan, menghilangkan semua tahuyl yang mengikat kebebasan manusia berfikir. (H.Aboebakar Aceh, 1977: 40)

Keindahan seni kesusasteraan Al-Quran tidak boleh dinafikan malah Al-Quran membuktikan bahawa ia adalah firman Allah. Al-Quran adalah kalam Allah yang mengandungi kebenaran yang abadi terpancar laksana bintang menghiasi langit dan bumi, membawa obor untuk menerangi jalan keutamaan hidup. Tauhid adalah paksi yang mencirikan keislaman dan membezakannya daripada agama dan pegangan-pegangan yang lain. Dalam Islam, tauhid menduduki tempat sentral bagi setiap perlakuan dan pemikiran umat. Falsafah tauhid memenuhi kesedaran orang Islam yang obses dalam sublimasinya (al-Faruqi, 1982:1), lantaran itu falsafah tauhid hadir dalam Islam sebagai sesuatu yang realiti dan mutlak yang menjadi kerangka segala pendekatan keislaman.

Beliau juga membincangkan tentang keluhuran isi kandungan Al-Quran. Penurunan kitab suci Al-Quran memberi kesan yang banyak dalam sejarah manusia kerana Al-Quran amat tinggi nilainya baik dari sudut sastera dan keilmuan sehingga dapat memalingkan masyarakat Arab yang sebelumnya amat menyanjung sasterawan, kepada meminati dan mempelajari Al-Quran. Apabila menghayati keindahan Al-Quran, mereka sedar bahawa tidak ada satupun kitab yang dapat menandingi keindahan yang telah Allah turunkan. Pengetahuan kesusasteraan yang tinggi yang sememangnya dimiliki selama berkurun-kurun itu, memudahkan mereka menghayati keluhuran Al-Quran, baik dari segi bentuk maupun isi kandungannya. Keinsafan menguasai diri mereka apabila menghayati keluhuran isi kandungan Al-Quran lalu menyerah diri kepada kesan kebenaran yang dibawanya.

Kesan Al-Quran dalam seni persuratan dibincangkan dengan mengatakan bahawa Al-Quran merupakan satu-satunya nilai tara tertinggi di dalam ciptaan dan keunggulan seni sastera. Gaya ungkapan dan kata kiasan, simile dan metafora, peribahasa dan artifikat di dalam Al-Quran menjadi sebahagian daripada bahasa pertuturan harian dan diambil untuk menghiasi penulisan dan kesusasteraan. Unsur keindahan atau kemukjizatannya dari segi kesusasteraan telah diakui oleh semua orang Islam sebagai bukti bahawa Al-Quran adalah wahyu Allah dan bukan karangan manusia biasa kerana tiada tolok bandingnya. (Ismail Al-Faruqi, 1988:21)

Kata-kata dan ayat Al-Quran, walaupun ringkas tetapi padat dengan kekayaan dan kekuatan makna. Gaya bahasa yang terkandung dalam Al-Quran amat lunak dan halus malah ia juga amat tegas dan keras. Pembaca akan merasai kelunukan Al-Quran yang menyinap di jiwynya tetapi dalam masa yang sama pembaca juga merasai tamparannya. Hal ini disebut *husn al-iqa* iaitu keindahan seni yang menusuk ke jiwa manusia. Setiap larangan dinyatakan tanpa mengeluarkan bantahan yang keras tetapi boleh menusuk kalbu.

Kandungan Al-Quran merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Cerita-cerita di dalamnya bertujuan membimbing dan memberi panduan kepada manusia untuk memenuhi fungsinya sebagai khalifah Allah di bumi. Setiap perlakuan yang berkaitan dengan hukum moral akan diadili. Penurunan Al-Quran telah membawa perubahan dari segi keagamaan, intelektual, kebudayaan, moral, sosial, ekonomi dan sistem kehidupan manusia yang berbilang bangsa.

Demikianlah dengan perkembangan kesusasteraan dalam Islam, penulis Islam telah mengadaptasi pelbagai cerita dan unsur pemikiran yang terkandung di dalam Al-Quran iaitu nilai dan norma kehidupan, kriteria, prinsip kesalihan dan kesucian. Semua bentuk kesusasteraan Islam direka cipta bertujuan untuk menggambarkan realiti dan

untuk dihayati seperti mana manusia Islam menghayati Al-Quran. Pengetahuan tauhid tidak membenarkan sebarang objek atau makhluk berkongsi kekuasaan Tuhan. Hanya Tuhan yang berkuasa dan sebab itulah Tuhan itu satu dan Dia Yang Maha Esa.

“Katakanlah, Allah itu Maha Esa. Allah tempat meminta. Tiada beranak dan tiada diperanakkan (beribu-bapak). Dan tiada seorang pun yang menyamainya.”

(Surah Al-Ikhlas, ayat 1- 4)

Ajaran Islam menegah sebarang penyamaan kuasa Tuhan kepada apa jenis makhluk pun yang boleh diterima akal sama ada yang nyata ataupun yang dalam imaginasi. (Ismail Al-Faruqi' 1988: 47) Justeru, karya-karya sastera haruslah membawa ke arah jalan yang benar dengan berpandukan Al-Quran. Walaupun hanya segelintir sahaja umat yang membawa kebenaran namun kebenaran tetap akan dipertahankan dan Allah sentiasa meredhai sesiapa sahaja yang menegakkan kebenaran Islam. Kejayaan membawa kebenaran datangnya daripada orang-orang yang kuat pegangan tauhidnya dan berani menghadapi dugaan.

"Sesungguhnya agama ini sangat kukuh, masuklah ke dalamnya dengan lembut, sesungguhnya tidak ada di bumi tumbuh yang tidak tumbang, tidak ada harta yang kekal".

(Al-Imam Hassan Al-Banna, 1984:24)

Kepentingan persuratan (membaca, menulis dan berkarya) telah difirman oleh Allah dalam Al-Quran (Iqra'). Mutu sastera yang tinggi ialah sastera yang berpandukan kepada Al-Quran. Kearifan menguasai ayat-ayat Al-Quran, menghayatinya dan menyalurkannya dalam karya prosa atau puisi, seolah-olah sebagai satu tanda kepada keahlian seni sastera penciptanya. Daya cipta kreatif bukanlah merupakan hak seniman

itu sendiri dalam pengertian biasa, tetapi adalah satu pemberian, hidayah, rahmah dan barakah; sejenis inspirasi atau ilham yang turun daripada hidayah Allah yang membenarkan seniman melihat alam kenyataan daripada pandangan alam mithal atau alam khayal yang rasional sifatnya dan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Karya-karya sastera mengandungi nilai keindahan dan kebenaran (dengan itu kesempurnaan) walau semudah atau sependek mana pun ceritanya kerana pastinya mengandungi makna yang mendalam. Dalam al-Quran sendiri terdapat sebuah surah yang bererti cerita iaitu surah Al-Qashash. Ini menunjukkan betapa pentingnya cerita di dalam Islam. Al-Quran itu sendiri adalah sumber khazanah kesusasteraan yang unggul dan ideal sifatnya kerana Al-Quran adalah wahyu atau kalam Allah yang qadim lagi azali dan segala cerita yang dirakam adalah benar.

Menurut Djamarudin Ancok dan Fuat Nashori Suraso (1994:147), psikologi Islam disusun dengan menggunakan al-Quran sebagai acuan utamanya. Sementara al-Quran sendiri diturunkan bukan semata-mata untuk kebaikan umat Islam tetapi untuk kebaikan umat manusia seluruhnya. Oleh itu, kesederhanaan al-Quran menyatakan bahawa psikologi Islam dibangun dengan arahan untuk kesejahteraan seluruh umat manusia dengan berpandukan cerita-cerita yang terdapat dalam al-Quran.

Cerita-cerita yang terkandung dalam al-Quran ialah kisah-kisah nabi atau rasul sehingga kepada golongan hamba. Kesemua cerita yang dipaparkan itu memberi pengajaran kepada seluruh umat kerana mengandungi pelbagai hikmah, petunjuk dan menjadi hati-hati orang beriman semakin teguh. Allah menurunkan al-Quran kepada manusia, mempunyai maksud dan matlamatnya, iaitu memberi kesenangan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Quran memberi bimbingan bagi mencerdaskan manusia dalam memperoleh hidayah, kesenangan dan jaminan syurga bagi mereka yang beriman, (Muhammad D. Sensa, 2006).

Menurut Muhammad D. Sensa (2006), kecerdasan emosi yang terbentuk apabila memahami al- Quran ialah sikap mangawal nafsu dengan baik dan rasional iaitu, tidak cenderung ke arah membuat keburukan dan membahayakan diri. Seseorang yang terlalu mengikut hawa nafsu akan menghancurkan diri sendiri kerana tidak ada satu ayat pun di dalam al-Quran yang meletakkan hawa nafsu dalam perspektif positif. Selain itu, melalui pembacaan dan pemahaman al-Quran, seseorang itu akan berusaha menjaga lidah dan percakapannya kerana melalui kata-kata dan percakapan boleh membuat orang lain berkecil hati. Manfaat yang paling utama ialah hati akan sentiasa terbimbang dan menjadi tenang apabila mendekati al-Quran. Dengan ini, manusia akan menjadi tabah dengan segala dugaan kerana hati ialah wadah kepada kekuatan kehidupan manusia. Pendekatan Tauhid amat perlu dalam menghasilkan karya sastera remaja supaya dapat mengingatkan pembaca khususnya golongan remaja akan kebesaran kuasa Allah mengatasi kuasa manusia. Dengan ini pengarang mahupun pembaca tidak akan terpesong daripada akidah Islamiah. Selain menyampaikan unsur pengajaran, karya sastera juga harus berfungsi sebagai alat untuk berdakwah dan menjelaskan aspek-aspek keimanan, memastikan peraturan-peraturan akhlak, mengajak manusia kepada Islam untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka dan selalu memperingati manusia supaya jangan melakukan sesuatu yang dilarang oleh Islam.

Justifikasi memasukkan pendekatan tauhid dalam kajian ini adalah kerana dalam mengkaji manusia terutamanya dalam aspek kejiwaan emosi manusia khususnya manusia Islam harus berlandaskan pendekatan Islam. Ahli psikologi Barat tidak pernah mengambil sudut pandangan Islam tentang hal ini sedangkan Islam memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu jiwa atau psikologi. Pendekatan Islam khususnya Pendekatan Tauhid harus diberi keutamaan kerana pendekatan Barat menilai manusia tidak sama dengan pendekatan Islam dan sering berlaku percanggahan dari segi ilmu pengetahuan dan pemahaman aspek kejiwaan manusia.

2.7 Model Kecerdasan Emosi (MKE)

Berdasarkan model-model kecerdasan emosi yang telah dibincangkan, pengkaji mendapati kesemua model kecerdasan emosi yang dipelopori oleh pengkaji-pengkaji Barat mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk meningkatkan kestabilan emosi dan mengembalikan semula nilai kemanusiaan dalam kehidupan manusia kini yang dikatakan hanya mementingkan materialistik semata-mata.

Walaupun model-model kecerdasan emosi yang dihasilkan oleh pengkaji Barat menampakkan satu usaha yang baik iaitu untuk melahirkan manusia yang stabil dari segi emosi dan seterusnya mempengaruhi tingkah laku yang baik namun teori atau model kecerdasan emosi yang dihasilkan ini hanya berorientasikan kebendaan dan hubungan sesama manusia semata-mata. Pengkaji Barat telah memisahkan emosi manusia dengan unsur ketuhanan. Hal ini menampakkan satu kekosongan dalam diri manusia apabila mengabaikan unsur ketuhanan yang menjadi santapan rohani manusia selama menjalani kehidupan di dunia. Dalam Islam, peranan manusia dilihat dari aspek hubungan manusia dengan Tuhan (*Hablulminallah*) dan hubungan manusia dengan manusia lain (*Hablulminalnas*) untuk melahirkan sebuah kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat. Pengkaji telah memilih ciri-ciri yang terdapat dalam teori kecerdasan emosi Barat dan ciri-ciri dalam pendekatan tauhid bagi membentuk ciri baharu dalam MKE. MKE ini akan mengaitkan kecerdasan emosi dengan persoalan hati, akal dan nafsu kerana ketiga-tiga unsur ini memainkan peranan yang besar terhadap tindak - tanduk manusia Islam apabila melakukan sesuatu perkara.

Pengkaji mendapati adalah relevan untuk memfokuskan kajian ini kepada aspek watak dan perwatakan kerana setiap perlakuan watak akan memperlihatkan tahap kecerdasan emosi yang dialami oleh mereka. Sesuatu perlakuan itu akan muncul melalui peristiwa-peristiwa yang akan dialami oleh watak dalam cerita. Peristiwa-peristiwa yang

wujud pastinya ada kaitan dengan latar belakang watak dan konflik yang dilalui oleh watak tersebut. Seandainya seseorang itu pandai menguruskan emosi atau mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi, sudah pasti akan melakukan perkara yang baik dan mempunyai akhlak yang mulia. Sekiranya watak yang digambarkan bertindak sebaliknya maka watak ini dikategorikan sebagai individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah dan tidak akan berjaya dalam kehidupannya.

Pengkaji berpendapat untuk menjadi remaja unggul dan dicontohi adalah dengan menguasai ketiga-tiga komponen kecerdasan emosi yang dikemukakan iaitu kesedaran peribadi, kesedaran sosial dan kesedaran rohani. Ketiga-tiga komponen kecerdasan emosi ini adalah gabungan antara pendekatan Islam dan pendekatan Barat. Ciri-ciri yang dikemukakan oleh pengkaji Barat telah diubah suai dengan ciri-ciri keislaman untuk membawa remaja ke jalan kebenaran supaya mereka dapat memanfaatkannya dalam kehidupan dan secara tidak langsung membimbing mereka ke jalan yang direldai oleh Allah. Pengkaji telah membuat sedikit pengubahsuaian nama-nama komponen dan ciri-ciri yang terkandung dalam setiap komponen dalam MKE yang terdapat dalam kajian ini. Kewajaran pengubahsuaian nama-nama ciri ini adalah untuk menyesuaikan dengan istilah yang terdapat dalam pendekatan Islam yang diguna pakai dalam kajian ini.

Komponen pertama dalam MKE ialah komponen kesedaran peribadi iaitu ubah suai daripada teori kecerdasan emosi Goleman yang menamakan komponen ini sebagai kecekapan peribadi. Goleman menetapkan tiga ciri dalam komponen ini iaitu kesedaran kendiri, kawalan kendiri dan motivasi kendiri. Walau bagaimanapun dalam MKE, pengkaji menamakan tiga ciri tersebut sebagai mengenal emosi sendiri, mengurus emosi dan motivasi kendiri. Ciri pertama iaitu mengenal emosi ialah ciri asas atau prasyarat yang perlu ada sebelum kewujudan ciri lain dalam kecerdasan emosi. Seseorang yang


mempunyai kebolehan ini, menyedari emosinya dalam sesuatu keadaan sama ada marah, benci atau bosan pada bila-bila masa. Ciri kedua iaitu mengurus emosi akan melihat bentuk respons atau tindak balas yang dizahirkan oleh seseorang dalam sesuatu keadaan apabila sesuatu emosi menguasai dirinya. Untuk mengurus emosi, individu perlu menyedari keadaan emosinya terlebih dahulu. Ciri ketiga ialah motivasi kendiri. Seseorang yang mempunyai motivasi kendiri yang tinggi berkeupayaan untuk menolak dirinya ke hadapan dalam mencapai sesuatu matlamat yang dicitakan. Individu sedemikian menggunakan matlamatnya dalam sesuatu perkara sebagai panduan untuk melaksanakan tugas atau mencapai cita-cita. Kemahiran mengenal dan mengurus emosi menjadi asas kepada pembinaan motivasi kendiri yang positif. Dalam komponen ini, analisis akan dibuat berdasarkan perlakuan watak-watak protagonis remaja yang terdapat dalam novel-novel terpilih. Bahagian ini akan memperlihatkan sama ada watak remaja yang dipaparkan dalam novel-novel remaja tersebut memiliki tahap kesedaran peribadi yang membanggakan atau sebaliknya. Analisis kecerdasan emosi komponen kesedaran peribadi ini akan dibuat berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh remaja tersebut yang melibatkan konflik dalaman dirinya sendiri.

Komponen kedua dinamakan komponen kesedaran sosial iaitu, melihat hubungan watak remaja dengan manusia lain ataupun hubungan *habluluminas* iaitu melihatkan hubungan sosial watak dengan watak-watak lain yang terdapat dalam cerita. Dua ciri yang terdapat dalam komponen kesedaran sosial ialah empati dan kemahiran sosial. Ciri pertama ialah empati yang dimaksudkan sebagai kebolehan memahami emosi atau perasaan orang lain. Keupayaan menyelami hati seseorang berdasarkan perspektif individu tersebut merupakan satu kelebihan dalam sesuatu interaksi sosial. Ciri kecerdasan emosi yang seterusnya ialah kemahiran sosial seseorang dengan rakan sebaya, rakan sekerja, dalam keluarga dan masyarakat. Kemampuan bersosialisasi sangat penting dalam membentuk hubungan yang akrab dengan individu-individu lain

dalam masyarakat. Goleman (1995) berpendapat seseorang itu akan mempunyai kemahiran bersosial yang baik apabila dia memiliki perasaan empati dalam diri dan mampu berinteraksi secara baik dan berhemah dengan orang-orang di sekelilingnya.


Komponen ketiga dalam model kecerdasan emosi dalam kajian ini adalah dari aspek kesedaran rohani iaitu yang berkaitan dengan akidah dan akhlak. Akidah atau sistem kepercayaan dalam Islam dikenali sebagai iman. Dari sudut bahasa, iman bermaksud ketepatan hati atau kekuatan batin iaitu membenarkan sesuatu di hati. Dari segi syarak pula, maksud iman adalah membenarkan sesuatu kepercayaan di hati serta dilaksanakan amalan yang dituntut dengan penuh keyakinan. Dalam bahagian ini, hubungan *Hablulminallah* antara remaja dengan penciptaNya akan dilihat melalui analisis watak dan perwatakan. Aspek akhlak pula akan melihat sikap dan amalan yang dilakukan oleh remaja dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Kajian ini memfokuskan kepada analisis watak protagonis remaja dan pembentukan sahsiah diri pengaruh daripada tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh remaja tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan dan reaksi watak remaja yang dikaji apabila mereka berhadapan dengan konflik yang melanda diri mereka dan juga yang melibatkan dirinya dengan orang lain di sekelilingnya. Tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh setiap individu adalah berbeza kerana banyak faktor yang akan mempengaruhi tahap kecerdasan individu. Walau bagaimanapun, kecerdasan emosi seseorang boleh berubah melalui pengalaman yang dilalui dan juga melalui pergaulan dengan orang-orang di sekelilingnya.



Rajah 2.5: Kerangka Konseptual

Hubungan yang Sempurna sebagai Khalifah Allah



Rajah 2.6: **Model Kecerdasan Emosi Kajian Ini** (Model Kecerdasan Emosi yang telah diubah suai daripada Teori Kecerdasan Emosi Barat dan Pendekatan Tauhid)

2.7.1 Keterangan Mengenai Model Kecerdasan Emosi (MKE)

Model kajian ini diguna pakai untuk melihat peranan kecerdasan emosi dalam kehidupan remaja yang melibatkan tiga hubungan iaitu hubungan remaja dengan dirinya, hubungan remaja dengan orang lain yang juga dikenali sebagai hubungan *hablulminnana* dan yang paling utama hubungan remaja dengan pencipta iaitu hubungan *hablulminallah* yang akan mempengaruhi akidah dan juga akhlak yang dibawa dalam kehidupan sehariannya dalam menuju jalan kebenaran dan mendapat keredaan Allah dalam setiap tindak-tanduknya di dunia.

Faktor kerohanian seperti **akal, hati, dan nafsu** akan mempengaruhi kecerdasan emosi remaja dalam menangani sesuatu konflik yang dihadapi oleh mereka. Qalb atau hati ialah seketul darah beku yang terletak di sebelah kiri dada ataupun secara lahiriahnya ialah seketul daging yang berfungsi untuk pengedaran darah serta mengawal seluruh perjalanan darah yang menjadi sumber nyawa. Apa-apa juga tindakan manusia akan lahir daripada bisikan hatinya. Hati merupakan tempat menerima makna tentang sesuatu objek pengetahuan daripada Allah Taala.(Nik Azis Nik Pa, 1999: 198) Beliau juga menjelaskan bahawa hati juga merupakan pusat kesedaran diri kerana melaluinya manusia mendapat keimanan, keinsafan dan kesedaran tentang kebesaran Allah Taala. Segala perbuatan yang dilakukan oleh anggota badan merupakan manifestasi daripada hati.

Akal fikiran pula merupakan anugerah Allah s.w.t yang paling utama kepada manusia, kriteria terpenting yang membezakan manusia daripada makhluk-makhluk lain di dunia. Akal adalah neraca dalam menentukan kebaikan dan keburukan. Menurut T.M Usman El Muhammady, akal merupakan ikatan daripada tiga unsur iaitu fikiran, perasaan dan kemahuan. Apabila ikatan itu tidak ada, maka tidak ada lah akal itu.

Keistimewaan inilah yang menyebabkan manusia dipertanggungjawabkan untuk memikul amanah Allah s.w.t yang tidak mampu dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang. Dengan panduan wahyu daripada Allah s.w.t, manusia diamanahkan untuk menjadi khalifah di muka bumi ini. Menurut Imam al-Ghazali (1988), Allah Taala menamakan akal sebagai “nur” yang membolehkan manusia berfikir dan mempertimbangkan antara yang baik dengan yang buruk. Akal sangat penting untuk membezakan antara manusia dengan binatang. Dengan menggunakan akal, manusia membentuk konsep, generalisasi, dan bertindak rasional.

Allah kurniakan akal kepada manusia supaya manusia boleh berfikir, memahami, mengenali, membuat pertimbangan yang wajar antara kebaikan dan keburukan serta mengawal tingkah laku dengan menggunakan akal dengan bijaksana. Akal manusia terbatas dan relatif malahan tidak mampu membuat ramalan yang tepat atau menentukan peristiwa yang akan berlaku. Manusia tidak mampu meramal dan menyingkap peristiwa sama ada di depan mata atau di belakang mata. Akal manusia hanya mampu membina undang-undang dunia tetapi tidak mampu menghubungkaitkan dunia dengan akhirat. Oleh itu, Allah selalu memerintahkan manusia untuk menggunakan akalnya agar memahami fenomena alam semesta ini. Walau bagaimanapun, tanpa disedari akal manusia mempunyai keterbatasannya. Menurut ibnu Khaldun, akal adalah sebuah timbangan yang cermat, yang hasilnya adalah pasti dan boleh dipercayai tetapi mempergunakan akal untuk menimbang soal-soal yang berhubungan dengan keesaan Allah atau hidup di akhirat kelak. (Djamaludin Ancok dan Fuat Nashori Suraso, 1994: 158 -159)

Nafs meliputi nafsu, diri, hati nurani dan kemanusiaan. Nafs adalah tabii keinginan yang ada pada manusia. Nafsu adalah perkara yang paling sukar dikendalikan kerana nafs meliputi dua kekuatan yang bertentangan iaitu kebaikan dan keburukan.

Sekiranya seseorang itu membiarkan dirinya dikuasai oleh hawa nafsu yang jahat maka hidupnya akan menjadi bertambah sukar. Islam tidak menafikan kepentingan nafsu dan keperluan manusia. Nafsu wujud dengan kehadiran roh.

Nafsu menjadi penggalak manusia mengejar kemajuan, kesenangan dan pembangunan. Walau bagaimanapun, Islam menggesa umatnya mengawal dan menyalurkan kehendak nafsu kepada jalan-jalan yang direldai-Nya dan peraturan yang dituntut syarak. Nafsu juga mempunyai manfataatnya sekiranya dikendalikan dengan baik. Dengan menggunakan panduan akal yang dibekalkan Allah, Islam melarang manusia menjadi hamba kepada nafsu yang akhirnya menjerumuskan manusia kepada taraf kehaiwanan yang hanya tahu memikirkan perutnya. (Muhammad Baihaqi, 1995). Selalunya nafsu menarik seseorang itu menjauhi diri daripada Tuhan kerana syaitan sentiasa ingin melalaikan manusia. Oleh itu, nafsu harus dikendalikan dengan kebijaksanaan akal fikiran.

Model kajian ini akan memperturunkan tiga komponen utama yang akan membentuk sahsiah remaja menjadi cemerlang atau remaja unggul iaitu komponen kesedaran peribadi, komponen kesedaran sosial dan komponen kesedaran rohani. Komponen kesedaran rohani akan melibatkan hubungan remaja dengan Tuhan (*habluminallah*) dan nilai akhlak yang dibawa dalam kehidupan remaja. Komponen kesedaran peribadi pula memaparkan kecerdasan emosi yang terdapat dalam diri remaja itu sendiri dan komponen kecerdasan sosial pula melihat hubungan *habluminannas* iaitu hubungan remaja dengan orang lain seperti hubungan dengan ibu bapa, kawan dan ahli masyarakat yang lain. Remaja akan menjadi cemerlang sekiranya dia dapat mengendalikan kesemua hubungan ini dengan baik. Hal ini berkaitan dengan tahap kecerdasan emosi yang dimiliki olehnya dalam ketiga-tiga komponen kecerdasan emosi yang dibentuk dalam model kajian ini. Akal, hati dan nafsu pula memainkan peranan

penting dalam mempengaruhi tahap kecerdasan bagi ketiga-tiga komponen kecerdasan emosi ini. Kecerdasan yang tidak dibimbing oleh hati akan menjadikan seseorang itu mengagung-agungkan emosi yang dialami sehingga boleh mendatangkan masalah dan bencana kepada dirinya dan orang lain. Melalui teks yang dipilih, watak dan perwatakan remaja akan dianalisis berdasarkan pengaruh ketiga-tiga komponen kecerdasan emosi tersebut.

2.8 Kesimpulan

Dalam bab ini telah dibincangkan konsep kecerdasan emosi, konsep novel dan beberapa model terdahulu sebagai panduan pengkaji. Model-model yang telah dibincangkan mempunyai kekuatan dan kekurangannya yang tersendiri. Atas dasar inilah pengkaji telah menggabungkan ciri-ciri model tersebut untuk membentuk satu model baharu bagi kajian ini. Keterangan tentang model baharu iaitu MKE juga diperjelaskan secara rinci dalam bab ini.

BAB 3

ANALISIS KOMPONEN KESEDARAN PERIBADI

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan dan menganalisis komponen pertama dalam Model Kecerdasan Emosi (MKE) iaitu Komponen Kesedaran Peribadi. Dalam komponen kesedaran peribadi, pengkaji telah memperturunkan tiga ciri untuk memantapkan kandungan komponen ini dan akan dibincangkan dalam bahagian ciri-ciri komponen kesedaran peribadi. Bahagian ini akan menghuraikan konsep kesedaran peribadi dan membuat analisis kehadiran komponen ini pada watak-watak yang dianalisis. Selain itu, watak-watak protagonis remaja dalam novel kajian akan dianalisis berdasarkan ciri-ciri yang telah ditentukan dalam komponen ini dan seterusnya diuraikan pengaruh komponen kesedaran peribadi kepada sahsiah watak tersebut.

Kewajaran pemilihan watak-watak protagonis dalam teks adalah kerana sebagai manusia biasa sudah pasti seseorang itu mempunyai sisi baik dan sisi buruknya. Watak protagonis yang dipilih akan dianalisis berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan dalam MKE. Bab ini juga akan membuat huraian sama ada watak protagonis remaja yang dipaparkan dalam novel-novel terpilih itu memiliki tahap kesedaran peribadi yang tinggi atau sebaliknya. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan-tindakan yang diambil apabila melalui sesuatu peristiwa yang menimbulkan konflik di dalam dirinya dan secara tidak langsung mempengaruhi komponen kesedaran peribadinya.

3.2 Definisi Kesedaran Peribadi

Komponen Kesedaran Peribadi merujuk kepada keupayaan individu mengenal, mengurus dan memotivaskan diri sendiri. Perkara yang paling penting dalam membentuk kesedaran peribadi ialah keupayaan memberi perhatian kepada gerak hati dan emosi yang dialami. Jika seseorang itu dapat mengenali gerak hatinya, individu tersebut akan mampu mengurus emosinya dan mampu bertindak untuk kebaikan dirinya. Dengan memiliki komponen kesedaran peribadi seseorang itu dapat memperkaya paradigma pemikiran dan mampu terdidik dengan sifat-sifat manusiawi yang tinggi. Hal ini juga diakui oleh Goleman (1999) yang menyatakan bahawa kecerdasan emosional adalah lebih baik berbanding kecerdasan intelek kerana kecerdasan emosional akan menambah banyak unsur-unsur manusiawi dalam diri seseorang.

Jeanne Segal (1997) dalam bukunya yang bertajuk “*Raising Your Emotional Intelligence*” menjelaskan bahawa apabila seseorang itu menyedari tentang emosi yang hadir dalam dirinya maka orang itu perlu bersungguh-sungguh merasai emosi tersebut supaya dapat merangsang bahagian-bahagian otak yang selama ini tidak digunakan sepenuhnya oleh mereka. Dengan ini, potensi diri dapat dikenali dan nilai kecerdasan dapat diteruskan sepanjang hayat. Kesedaran peribadi amat penting dalam kehidupan manusia khususnya golongan remaja kerana seseorang yang memiliki kesedaran peribadi yang tinggi akan menyedari keadaan emosi yang dialaminya dan akan mengawal emosi negatif yang hadir dengan baik. Seseorang yang memiliki kesedaran peribadi tidak mudah dikuasai oleh rampasan emosi yang melanda sebaliknya akan menapis setiap emosi yang hadir dengan hati dan jiwa yang jernih.

Komponen Kesedaran Peribadi juga berkaitan dengan penjagaan diri iaitu kebolehan untuk sedar, faham, menerima dan menghormati diri sendiri. Hal ini merujuk kepada kebolehan mengenal pasti dan memahami emosi sendiri. Apabila menguasai

komponen ini, seseorang itu memiliki kebolehan menyatakan perasaan, kepercayaan, pemikiran dan mempertahankan hak diri secara aman. Berdikari juga termasuk dalam komponen kesedaran peribadi iaitu merujuk kepada kebolehan berbuat sesuatu tanpa terpengaruh dengan emosi. Selain itu, kesedaran peribadi juga ialah memberi ruang kepada peningkatan diri iaitu kebolehan mengetahui potensi diri dan melakukan perkara yang disukai. Komponen kesedaran peribadi ini ada hubungan dengan kejernihan hati seseorang kerana sesuatu tindakan yang diambil datangnya daripada kecerdasan emosi yang berpusat di hati.

Dalam Islam, piawaian kualiti seorang insan terletak pada kualiti hatinya. Oleh itu, usaha untuk memiliki kesejahteraan hati hendaklah diletak di tempat yang teratas dalam kehidupan seseorang. Hati ialah elemen yang paling kuat dalam diri manusia dan hati ialah pemerintah kepada seluruh anggota badan kerana pada hati juga terletak kemahuan dan dorongan sama ada positif maupun negatif. (Pahrol, 2013:3). Oleh itu, kualiti hati adalah sangat berharga berbanding dengan kuantiti harta. Kemuliaan manusia di sisi Allah adalah takwa. Rasa takwa terletak di hati. Justeru, Allah menilai manusia pada kualiti hatinya seperti firmanNya yang bermaksud;

“Sesungguhnya yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu.”

(*Surah al-Hujurat 49: 13*)

Orang bertakwa yang dimaksudkan ialah orang yang mempunyai hati yang sejahtera dan memiliki hati yang ikhlas mengingati Allah serta meninggalkan segala kemungkaran dengan menunaikan semua perkara yang wajib yang Allah kehendaki. Hati menjadi pusat keimanan dan kerohanian dan perlu digunakan untuk mendekati Allah. Hati


hendaklah dijaga dengan sebaik-baiknya kerana setiap tindak-tanduk manusia sama ada baik atau buruk datangnya daripada kecerdasan emosi yang terletak di hati. Hal ini akan mempengaruhi kesedaran peribadi seseorang.

Goleman (1999) juga mempunyai pendapat yang hampir sama iaitu, kesedaran peribadi mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan hati kerana yang menjadi tunjang kepada perasaan dan emosi ialah hati. Menurut Goleman (1999), peranan hati kepada kesedaran peribadi sangat besar kerana hati mempunyai pertalian erat dengan kejayaan manusia dalam melayari kehidupan sehari-hari. Hati juga adalah elemen yang paling kuat dalam diri manusia. Semua kehendak yang dirasai oleh manusia terletak di hati. Hal ini menunjukkan bahawa nilai seseorang manusia bukan pada rupa parasnya secara fizikal tetapi nilai yang tinggi dilihat pada batinnya iaitu kuasa hati.

Menurut Goleman (1999) lagi, kompetensi personal ialah pemerhatian terus-menerus terhadap keadaan batin seseorang iaitu dengan membuat pengamatan terhadap keadaan emosinya. Hal yang sama juga wujud dalam komponen kesedaran peribadi dalam MKE yang dibentuk dalam kajian ini. Seseorang individu khususnya golongan remaja yang memiliki kesedaran peribadi yang tinggi akan peka tentang keadaan emosinya dan akan bertindak secara bijaksana supaya tidak menimbulkan konflik dalam kehidupan sehariannya. Bagi Mayer dan Salovey (1990), kesedaran peribadi merupakan kecerdasan emosi yang paling asas iaitu keupayaan individu menyedari perasaan dan memberikan identifikasi tertentu kepada perasaan yang dialami. Kedua-dua tokoh ini berpendapat, apabila seseorang itu menyedari emosi yang dialami, mereka harus mencari langkah-langkah tertentu untuk membantu mereka membuat keputusan yang tepat dan bijaksana sesuai dengan keadaan emosi yang sedang melanda. Kesedaran peribadi melibatkan kepercayaan dan keyakinan pada diri.

3.3 Ciri-Ciri Komponen Kesedaran Peribadi

Pengkaji membahagikan komponen kesedaran peribadi kepada tiga ciri iaitu mengenal emosi, mengawal emosi dan motivasi kendiri seperti yang terdapat dalam gambar rajah di bawah.



Rajah 3.1 : Ciri-ciri Komponen Kesedaran Peribadi

Bagi menghuraikan Komponen Kesedaran Peribadi, pengkaji telah memilih lima buah novel remaja yang dominan mengandungi ciri-ciri komponen tersebut berbanding novel-novel kajian yang lain. Antara watak-watak protagonis remaja yang akan dianalisis dari segi komponen kesedaran peribadi ialah watak remaja dalam novel *Bukan Legasi Lalang* (BLL), karya Sri Rahayu Mohd Yusop, (2000), *Trilogi Cinta* (TC) karya Siti Jamina Ibrahim (2001), *Warisnya Kalbu* (WNK) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, (2007), *Impuls/Roh* (IMP) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, (2009) dan *Kasih Nan Agung*, (KNA) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, (2008). Kewajaran pengkaji hanya memilih lima buah novel sahaja daripada 10 buah novel yang menjadi batasan kajian adalah kerana hasil daripada pembacaan dan analisis teks terhadap novel-novel kajian, dapat dikenal pasti komponen kesedaran peribadi banyak terdapat dalam lima buah novel yang disebut di atas.

3.3.1 Mengenali Emosi

Ciri pertama dalam Komponen Kesedaran peribadi ialah mengenali emosi. Ciri ini merupakan ciri yang paling asas kepada setiap individu kerana dengan adanya ciri ini seseorang individu itu dapat mengenali emosinya sendiri pada bila-bila masa. Ciri ini merujuk kepada keupayaan seseorang mengenali emosi yang menguasai dirinya sama ada marah, benci atau bosan pada bila-bila masa. Kemahiran mengenali emosi sendiri sangat penting dikuasai oleh setiap individu kerana emosi ialah satu bangkitan yang akan mengganggu garis dasar homeostatis dan akan berlaku perubahan pada proses fisiologi, diri dan psikologi seseorang. (Bruno,1984). Apabila seseorang itu mengalami emosi, hampir keseluruhan keadaan homeostatisnya terganggu dengan pelbagai perubahan fisiologi akan berlaku dalam tubuhnya. Walaupun manusia memiliki emosi yang pelbagai emosi negatif dan positif dalam diri manusia namun jika dapat dikenali dengan awal emosi tersebut akan diuruskan dengan baik dan sewajarnya.

Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998), mengenal emosi juga bermaksud keupayaan seseorang itu menyedari emosi yang sedang merayap dalam mindanya dan seterusnya menguasai emosi tersebut. Hal ini tidak bermaksud seseorang itu terbawa-bawa dengan emosinya atau berlebih-lebihan dengan emosinya tetapi dengan adanya kesedaran kendiri ini, seseorang itu akan menyedari emosi yang sedang dialaminya. Peringkat ini juga merujuk kepada kesedaran hubungan antara buah fikiran, perasaan dan tindakan. Apabila menyedari jenis emosinya, seseorang itu akan berupaya mengambil jalan yang bijak untuk membuat sesuatu keputusan. Kesedaran tentang emosi melibatkan kepercayaan dan keyakinan yang kuat kepada kemampuan diri sendiri. Dalam situasi ini, peranan suara hati juga amat penting kerana suara hati akan mendorong seseorang membuat keputusan yang terbaik terhadap sesuatu perkara.

Goleman (1999), berpendapat kesedaran tentang emosi sendiri merupakan asas penting kepada pembangunan kecerdasan emosi kerana dengan adanya kesedaran tentang emosi, seseorang itu dapat melepaskan suasana hati yang tidak menyeronokkan yang ada dalam dirinya. Ciri ini adalah asas atau prasyarat yang perlu ada sebelum kewujudan faktor yang lain dalam kecerdasan emosi. Seseorang yang mempunyai kebolehan ini, menyedari emosinya dalam sesuatu keadaan sama ada marah, benci atau bosan pada bila-bila masa. Ciri ini juga berkaitan dengan kebolehan mengenal pasti dan memahami emosi sendiri sama ada positif atau negatif. Selain itu, kebolehan untuk sedar, faham, menerima dan menghormati diri sendiri berupaya menyatakan perasaan, kepercayaan, pemikiran dan mempertahankan hak diri secara aman.

Analisis komponen kesedaran peribadi melihat tiga perkara iaitu, kebolehan watak remaja mengenali emosi yang sedang dialami, sebab-sebab wujudnya emosi dan tindakan yang akan diambil kesan daripada emosi yang dialami. Seterusnya, melihat sejauh manakah watak remaja mengetahui kekuatan dan kelemahan dirinya dan yang terakhir ialah tahap keyakinan diri remaja tersebut menilai potensi dirinya, keberaniannya menyuarakan pandangan dan membuat keputusan. Seseorang yang mengenali emosinya akan menghargai setiap emosi yang hadir dalam dirinya dan mengalaminya dengan ikhlas.

Novel *Bukan Legasi Lalang* (BLL) menampilkan watak remaja bernama Che Hassan Muda seorang penglipur lara jalanan yang sentiasa merawikan hikayat pahlawan Melayu Hang Tuah dan Hang Jebat di sekitar pasar. Kisah yang diceritakan oleh Che Hassan Muda mempunyai kaitan atau persamaan dengan kisah kehidupan yang sebenar iaitu kepahlawanan Hang Tuah dan penderhakaan Hang Jebat. Keupayaan Che Hassan mempunyai ciri mengenali emosinya dapat dilihat apabila Hassan berasa terlalu rendah

diri berbanding dengan perawi-perawi lain yang datang ke rumah Orang Kaya Ariff dengan berpakaian segak. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut;

“Buat seketika Hassan terasa dirinya kecil. Tidak mungkin dia dapat membawa dirinya setaraf dengan tuan muda itu. Kalau lauh kalam-kalam dan kertas-kertas itu miliknya, tidaklah kisah yang dirawikan begitu banyak hilang begitu saja bagaikan siulan mergastua dibawa angin lalu.

(*BLL*, 2000 :18)

Walaupun Hassan berasa dirinya sangat kecil berbanding perawi-perawi lain yang datang ke rumah Orang Kaya Ariff namun Hassan sedar dia tidak boleh terus melayan perasaan yang sebegini sekiranya dia hendak berjaya dapat perancangannya. Keupayaan Hassan mengenali emosinya dapat menyelamatkan diri Hassan daripada tindakan yang negatif yang berkemungkinan Hassan boleh meninggalkan majlis tersebut jika berterusan berasa dirinya kecil dan tidak mampu menandingi perawi-perawi yang lain. Sebaliknya Hassan telah menunjukkan keupayaan dirinya petah menyampaikan hafalan-hafalan dan menyatakan idea-ideanya yang bernas.

Kebolehan mengenali emosi terdapat dalam diri remaja yang bernama Cempaka iaitu watak utama Novel *Trilogi Cinta* (TC) karya Siti Jasmina (2001). Cempaka, gadis berusia 19 tahun ini menuntut di sebuah Kolej Seni di Kuala Lumpur. Cempaka yang sebelum ini dianggap ‘bunga emas’ dalam keluarga telah hilang arah setelah kematian datuk dan neneknya. Deritanya bertambah parah apabila ibu dan ayahnya mengambil keputusan untuk bercerai secara damai setelah ibunya terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa pulang ke Kampung Ledang. Kesan daripada kemalangan itu, ibu Cempaka lumpuh dan hilang ingatan. Keceriaan hidup Cempaka apabila dia kehilangan semua orang yang disayanginya. Walau bagaimanapun, Cempaka bukan lah seorang gadis yang mudah berputus asa dan bersikap pesimis terhadap kehidupannya malah dia cekal dan tabah mengharungi segala konflik dalaman yang dihadapinya. Cempaka memenuhi ciri-

ciri komponen kesedaran peribadi yang terdapat dalam MKE terutamanya kebolehan dia mengenali emosi, menguruskan emosi dan memotivasiikan emosi negatif dalam dirinya. Kebolehan Cempaka mengenali emosinya amat jelas apabila dia dengan penuh yakin dan berani memberi pendapatnya semasa di dalam kuliah walaupun pada ketika itu Dr. Solehah memerlukan pandangan pelajar lelaki tentang keindahan arca wanita yang ditunjukkan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“ Dr. Solehah, lelaki pada zaman sekarang memang agak payah menyampaikan pendapat mereka berkaitan perbezaan peranan lelaki zaman dulu. Lebih-lebih lagi tamadun yang tidak sama dengan budaya kita masa ini. Ini kerana semuanya sama. Letak mereka di mana saja tetap sama. Perempuan adalah sebaliknya. Mereka golongan yang sentiasa disebut dan berada di tangga kedua. Maka, tugas berusaha dan berusaha dalam apa faktor pun tetap berlaku. Dari zaman ke zaman. Maka, tentunya Neferiti dianggap terlalu berani, menentang adat pada zaman itu sebab dia ingin naik setaraf dan sama kedudukan dengan lelaki.”

(*Trilogi Cinta*, 2001: 6)

Cempaka mempunyai kemampuan mengenali emosi dengan baik menyebabkan dia berani bersuara dan dapat melontarkan pandangan dengan bernas dan meyakinkan sehingga menimbulkan perasaan kagum raka-rakan sekuliahnya. Hal ini selaras dengan teori kecerdasan emosi yang kemukakan oleh Goleman (1999) dan Mayer & Salovey (1990) bahawa kesedaran peribadi melibatkan kepercayaan dan keyakinan yang kuat kepada kemampuan diri sendiri.

Cempaka juga seorang gadis remaja yang sangat cekal mempunyai banyak masalah dalam jiwanya namun banyak dipendamnya sendirian kerana dia tidak mahu menyusahkan hidup orang lain terutama ayahnya. Walaupun pelbagai masalah yang datang dalam fikirannya namun dia berjaya mengusir perasaan itu tanpa meninggalkan kesan negatif dalam dirinya sebaliknya azam di dalam dirinya semakin kukuh dan utuh untuk menggapai impiannya. Kecekapan Cempaka mengenali emosi dan mengawal

emosinya sendiri menyebabkan dia mampu bertahan dan tidak mudah putus semangat dalam merealisasikan impiannya. Dia juga menjadi remaja yang sentiasa tabah dengan ujian. Hal ini dapat dilihat melalui petikan ini,

Dia memicit-micit telapak tangan. Terasa kesat kulit yang lama tidak dibelainya. Telapak tangan ini antara sumber mata pencariannya. Sumber bakat istimewanya, warisan gemalai jemari ibunya.

Dia menekup muka lalu menarik nafas panjang, cuba mengawal getar dalam diri. Dia tidak mahu terus melayan letih. Dia enggan mengulit masalah yang sebenarnya kusut dalam hati dan fikirannya. Kenangan manis di Kampung Ledang. Cempaka bosan mengenang sendirian, sedang setiap insan dalam keluarganya tidak ada yang bersungguh-sungguh untuk mengembalikan hidup dan cahaya di kampungnya itu. Gelanggang atuk dan nenek tinggal usang. Terbiar.

(TC, 2001: 33)

Kebolehan mengenali emosi ini menggambarkan bahawa keupayaan seseorang remaja menerima, menilai dan mempamerkan emosi dengan efektif (*emotional perception*). Persepsi emosi ini adalah langkah pertama dalam kecerdasan emosi seseorang individu. Cempaka berasa sangat sedih dan kesal dengan hari-hari yang dilaluinya namun Cempaka tidak terus melayan perasaannya benci atau kecewanya itu supaya tidak memudaratkan hidupnya. Seseorang yang dapat mengenal emosinya sendiri harus mempercayai atau mendengar isi hatinya sendiri iaitu indera yang paling dalam yang menghantar informasi penting yang tidak boleh diabaikan kerana berkemungkinan akan menyebabkan seseorang itu menyesal pada kemudian hari. Dari segi psikologi, golongan remaja selalunya menerima keputusan emosi namun Cempaka dipaparkan sebagai remaja yang berjaya mengawal emosinya dan bertindak mengikut rasional. Hal ini yang mendorong Cempaka membuat tindakan yang betul dan berjaya mengatur hidupnya dengan baik.

Kebolehan mengenali emosi sendiri juga dipaparkan dalam watak Ahmad Fahim dalam Novel *Impuls/Roh* (IMP) karya Sri Rahayu Mohd Yusop (2009). Ahmad Fahim, lepasan Maktab Perisikan Diraja Malaysia juga menghadapi konflik dalaman dan juga konflik dengan ayahnya Datuk Laksamana Dr. Faruqi bin Ilyas, pakar sains neuro yang telah mencipta program IMPULS (*Integrated Machines Providing the Ultimate Life Simulation/Stimulation*) yang kononnya untuk membangkitkan roh isterinya yang koma di alam virtual. Kekecewaan Ahmad Fahim semakin bertambah dengan sikap ayahnya yang membelakangkan takdir. Hal ini menampakkan kelemahan iman di dalam diri ayahnya. Hubungan antara Ahmad Fahim dan ayahnya semakin tegang apabila beliau menentang pendirian ayahnya yang menidakkannya kuasa Allah. Walaupun Ahmad Fahim mengalami konflik dalaman yang besar namun dia masih dapat mengenali keadaan emosinya dengan baik. Sebagai bukti Ahmad Fahami memenuhi komponen kesedaran peribadi ini apabila dia bersetuju mengetuai misi untuk menyelamatkan ayah dan ibunya yang sudah dibeli oleh kuasa Barat. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Ahmad Fahim, kamu lah yang akan menyelamatkan bapa kamu sendiri. Kami akan memberi jalan dan bantuan dalam misi ini...

Ahmad Fahim mengangguk tanpa sepathah kata, dan riak di wajahnya menggambarkan sepenuh keyakinannya akan kebolehan dirinya untuk melaksanakan misi tersebut.”

(IMP, 2009: 17)

Hal ini menepati ciri-ciri kecerdasan emosi yang dinyatakan oleh Goleman (1999), bahawa seseorang yang memiliki kesedaran peribadi yang tinggi mempunyai keupayaan untuk membuat penilaian kendiri dengan tepat. Ahmad Fahim digambarkan memiliki ciri ini dan dia mengetahui potensi dirinya yang berkemampuan untuk melakukan sesuatu kerja yang diamanahkan kepadanya dengan baik. Pada pandangan

Goleman, individu yang mengenali kekuatan dan kelemahan diri sendiri akan dapat menghargai kelebihan dan kekurangan orang lain juga. Seseorang yang memiliki ciri ini selalunya akan bersikap terbuka dan bersedia menerima teguran. Situasi ini berlaku dalam kehidupan Ahmad Fahim semasa dia membuat latihan dengan KASATRIA. Ahmad Fahim sentiasa menerima sindiran dan teguran daripada kawan-kawan sepasukan namun Ahmad Fahim mengharunginya dengan tenang dan mengabaikan emosi negatif yang melanda dirinya.

“Ahmad Fahim tahu yang jika dia menurut nalurinya yang mudah terusik, dia akan naik angin dan akan berlaku pergaduhan di dewan itu. Ahmad Fahim letakkan sudu dan garpu. Lantas mengangkat pinggannya dan bangun dari meja itu.”

(IMP, 2009:45)

Petikan ini dengan jelas menggambarkan Ahmad Fahim seorang remaja yang bijak kerana dia dapat mengenali emosi yang sedang melanda dirinya dan mengabaikan emosi itu supaya tidak berlaku sesuatu yang negatif. Perkara ini selaras dengan pandangan teori kecerdasan emosi Barat yang menjelaskan bahawa seseorang yang bersifat terbuka dan bersedia menerima teguran merupakan individu yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Hal ini dianggap sebagai pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan potensi diri.

Hassan Basri dalam novel *Warisnya Kalbu* (WNK) karya Sri Rahayu Mohd Yusop (2007) turut memiliki kebolehan mengenali emosinya sendiri apabila dia berani menyahut cabaran abang-abangnya supaya dia mencari keistimewaan dirinya sendiri. Hassan mengambil keputusan untuk menyertai pasukan pantun sekolah dan muhul membuktikan bahawa dia mampu berjaya seperti abang-abangnya yang lain yang menjadi jaguh dalam beberapa bidang tertentu. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Dan kerana bahan-bahan dalam jurnal itulah Hassan Basri berlari. Berlari menyahut cabaran catatan tersebut dan cabaran saudara-saudara tuanya yang menyatakan bahawa sudah sampai masanya dia menjadi seseorang, melakukan sesuatu agar usia remajanya tidak sia-sia tanpa kemenangan.”

(WNK, 2007:5)

Menurut Goleman (1999), keyakinan adalah keupayaan seseorang untuk menghargai diri sendiri dan percaya dengan kebolehan diri dalam membuat sesuatu tugas. Hassan Basri memiliki ciri-ciri keyakinan diri yang dijelaskan oleh Goleman dan dia dipaparkan mempunyai harga diri yang tinggi dan berprinsip dalam kehidupan dan tidak mudah terpengaruh dengan gaya hidup yang dibawa oleh abang-abangnya. Selain itu, Hassan Basri juga memiliki kebolehan untuk menilai kekuatan dan kelemahan dirinya. Keputusannya untuk memasuki pertandingan pantun dan merebut tempat sebagai pemantun sekolah membuktikan bahawa dia menyedari kelebihan dirinya dalam bidang tersebut.

3.3.2 Mengurus Emosi

Ciri kedua ialah mengurus emosi. Faktor ini dapat menentukan bentuk respons atau tindak balas yang dizahirkan oleh seseorang dalam sesuatu keadaan. Untuk mengawal emosi seseorang, individu perlu menyedari keadaan emosinya terlebih dahulu. Ciri kedua ini berkaitan dengan kebolehan untuk memahami emosi dan menggunakan pengetahuan tentang emosi yang dihadapi. Kebolehan Mengurus emosi ini menggambarkan keupayaan seseorang mengawal emosi dalam meningkatkan perkembangan emosi dan intelek. Selepas membuat persepsi emosi tepat, mengintegrasikan emosi dengan kognitif dan kemudian memahami emosi barulah emosi kendiri dapat dikawal. Kebolehan mengawal emosi ini adalah luwes bergantung kepada pandangan individu itu sendiri tentang perkara

yang terbaik untuk dirinya. Hal ini bergantung kepada faktor dan situasi yang sentiasa berubah. Hal yang penting ialah memastikan keputusan dan tindakan yang dibuat sesuai dengan emosi serta logik bagi mendapatkan hasil.

Individu yang semakin matang mula mengetahui tentang kewujudan emosi-emosi yang lebih kompleks dan bertentangan dalam sesuatu situasi. Seseorang itu mula memahami perasaan menyayangi dan membenci seseorang itu serentak, contohnya, emosi kekaguman itu adalah gabungan emosi kegerunan dan emosi kejutan. Emosi sering berlaku dalam rentetan yang tertentu, seperti kemarahan boleh menjadi keberangan, ditunjukkan, kemudian menjadi suatu kepuasan atau penyesalan, bergantung kepada keadaan. Individu itu mula mempertimbangkan tentang kesan-kesan emosi; seorang individu yang merasakan dirinya terpinggir mungkin akan menolak perhatian orang lain pada masa-masa yang akan datang kerana takut akan dilukai lagi. Pertimbangan atau penilaian terhadap kemaraan perasaan dalam hubungan-hubungan interpersonal adalah tonggak kepada kecerdasan emosi.

Kebolehan ini menggambarkan bahawa keupayaan seseorang memahami diri sendiri dan orang lain serta menunjukkan perasaan memahami diri sendiri dan orang lain serta menunjukkan perasaan mengikut situasi (*emotional facilitation of thought*). Ciri kedua ini melibatkan integrasi emosi dengan kognitif dalam membentuk pemikiran. Emosi boleh mempengaruhi kognitif dalam membentuk sesuatu perkara daripada perspektif yang berbeza sama ada negatif atau positif. Hal ini boleh mendorong seseorang individu untuk berfikir secara lebih kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah. Pada peringkat ini, individu menggunakan emosi sebagai alasan dan sebab ke atas pemikiran berkenaan sesuatu. Kemudian, individu mula mengaitkan kesesuaian emosinya dengan situasi yang dialaminya.

Watak Cempaka dalam novel *TL* (2002) digambarkan bijak mengurus emosinya.

Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Cempaka memeluk bingkai gambar. Erat. Dalam esakan rindu. Dia duduk sendirian di ruang tamu. Terasa lemah apabila kembali ke realiti sembilan belas tahun, bukannya ketika usianya masih dua belas tahun.

“Cempaka rindukan ibu.”

Dia mengesat air mata yang berlinangan. Pandangannya terlontar polos. Hari masih petang. Dia bangun, naik ke bilik lantas menyalin pakaian sukan. Setelah mengunci pintu rumah, dia membuka kunci basikal lumba.”

(*TC*, 2001:89)

Petikan di atas menjelaskan ingatan Cempaka kepada ibu yang sudah lama tidak ditemuinya. Kerinduannya sudah memuncak dan dia tidak dapat menahan air matanya daripada keluar. Apabila menyedari sesuatu emosi menghimpit dirinya, Cempaka tidak akan melayan emosi tersebut sebaliknya dia akan mengalih emosi tersebut kepada suatu perkara yang lain yang boleh menghindari dirinya daripada mengalami perasaan sedih hasil daripada emosi yang dialaminya itu. Keadaan ini berlaku selaras dengan teori kecerdasan emosi Goleman (1995) yang menyatakan bahawa apabila emosi terlampau ditekan akan menyebabkan seseorang itu menjadi bosan dan jika emosi itu tidak dikendalikan dengan sebaik-baiknya, seseorang itu akan mengalami gangguan emosional yang berlebihan. Dengan ini akan menimbulkan pelbagai jenis penyakit kepada individu tersebut. Walaupun masih dalam usia remaja namun Cempaka sudah bijak menguruskan emosinya. Emosi rindu yang dialaminya itu jika dilayan akan menimbulkan perasaan rindu yang berlebihan. Jika tidak diurus dengan baik perasaan rindu tersebut akan membawa kesedihan yang berpanjangan kepada dirinya dan semua perkara tidak dapat dilakukan dengan baik sekiranya perasaan sedih itu berpanjangan. Keputusan Cempaka

untuk berbasikal ke taman telah berjaya mengusir perasaan rindu kepada ibunya apabila dia melihat ketenangan dan kedamaian di taman rekreasi tersebut.

Novel *Kasih Nan Agung* (2008) juga memaparkan watak remaja bernama Jaka Sulaiman dapat menguruskan emosinya dengan rasional walaupun pelbagai konflik melanda dirinya. Antara peristiwa yang menunjukkan Jaka Sulaiman dapat mengawal emosi marahnya adalah apabila beliau diduga dengan hukuman penggantungan kuliah kerana beliau didapati bersalah menyerang staf universiti dan Jaka juga dituduh telah mengganggu ketenteraman awam. Jaka menerima hukuman yang dikenakan ke atas dirinya dengan reda dan hanya mampu berdoa dan berserah kepada Yang Maha Esa. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut;

“ ... Jaka hanya dapat berdoa dan berserah. Dia keluar setelah berada di bilik panel disiplin itu selama setengah jam. “
“Janganlah risau tentang aku, Wazir. Kita hanya berusaha, mogamoga hati mereka dibukakan untuk menerima kebenaran.”

(KNA, 2008: 64)

Cara Jaka mengurus emosi marahnya dengan cara meningkatkan tahap kesabaran dalam dirinya supaya dia tidak bertindak negatif terhadap emosi negatif yang sedang dihadapi. Sifat sabar mempunyai banyak manfaatnya kepada seseorang hamba Allah yang berjaya mengurus emosinya dengan baik. Sifat sabar dapat harus dipupuk kepada remaja kerana golongan ini sering dikaitkan dengan sifat panas baran dan suka bertindak melulu apabila menghadapi konflik dalam kehidupan mereka. Dengan adanya kemahiran mengurus emosi, seseorang itu sentiasa dipelihara oleh Allah dan tidak akan melakukan tindakan yang memudaratkan dirinya.

Kebolehan menguruskan emosi juga dapat dilihat dalam watak Ahmad Fahim remaja yang berusia 19 tahun dalam novel *Impuls/Roh* karya Sri Rahayu Mohd Yusop (2009). Ahmad Fahim, yang telah lulus sebagai Perwira Muda berasa bangga dan menyimpan cita-cita untuk menyambung pengajian dalam bidang perisikan tentera demi agama, bangsa dan negara. Walaupun pelajar lepasan Maktab Perisikan Diraja Malaysia ini nampak gagah dan bersemangat waja namun beliau mengalami pelbagai emosi kerana berhadapan dengan konflik yang besar dalam keluarganya. Keadaan ibunya yang koma banyak mengganggu emosinya namun beliau tetap tabah dan menerima keadaan itu dengan reda kerana itu sudah ketentuan Allah. Kemahiran mengurus emosi jelas dipaparkan melalui watak Ahmad Fahmi apabila beliau tidak bertindak secara terburu-buru apabila dilanda sesuatu emosi. Hal ini dapat dilihat melalui petikan yang berikut;

“Maafkan saya, Encik Fahim. Ibu anda tidak lagi berada dalam penjagaan pusat pemulihan ini.”

Mendengar ayat itu, Ahmad Fahim disergap pelbagai perasaan serentak. Dia terkejut, tersentak dan hampir-hampir tidak percaya. Perasaan itu bercampur-baur sehingga dia berasa tubuhnya terhuyung-hayang seketika, Ah, alangkah lemahnya diri ini! Hati nya berdetik kesal.”

(IMP,2009:5)

Setelah mendapat tahu ibunya tiada lagi di hospital yang dilawatinya itu, perasaan Ahmad Fahim menjadi tidak tenteram dan pelbagai emosi bermain-main di kepalanya. Beliau juga sedar sebagai penuntut Maktab Perisikan Diraja Malaysia (MPDM) yang dilatih dengan lasak tidak seharusnya dia berkelakuan sedemikian apabila berhadapan dengan sesuatu khabar yang mengejutkan berkaitan dengan ibunya. Hal ini menunjukkan bahawa Ahmad Fahim sedar yang beliau seharusnya mengawal dan menguruskan emosinya dengan baik. Tidak boleh membuat anggapan yang negatif dan terburu-buru

terhadap berita yang didengarnya itu. Kesedaran tentang perlunya beliau mengawal emosi dan mengurus emosi yang sedang dialaminya dapat dilihat dalam petikan berikut;

“Apa? Bila?” Ahmad Fahim bertanya bertalu-talu. Ke mana telah mereka bawa ibunya? Apa yang telah terjadi kepada ibunya? Begitu banyak persoalan dalam mindanya. Sejurus kemudian terdetik pula dalam benaknya sesuatu yang begitu lama Ahmad Fahim telah pohonkan kepada Allah Subhanahuwataala dalam doa selepas bersolat. Setiap kali, tidak pernah lupa dan tidak pernah putus. Ya Allah Ya Tuhan! Mungkinkah ibuku telah sedar daripada koma, batinnya berkata-kata.”

(IMP, 2009:7)

Golongan remaja sering dilabelkan sebagai terlalu mengikut perasaan atau *moodiness*. Sekiranya remaja gagal menangani gangguan emosi yang melanda, ini akan membawa kepada masalah remaja seperti mengalami depresi, penyalahgunaan dadah, memberontak dan sebagainya. Hal ini tidak wujud di dalam diri Ahmad Fahim, walaupun dalam usia yang masih remaja, beliau dapat menguruskan emosinya dengan baik kerana selalu mengingati Allah SWT dengan berdoa memohon pertolongan Allah supaya dapat menyedarkan ibunya daripada keadaan koma yang berpanjangan. Dengan membuat muhasabah diri dan sentiasa mengingati Allah Ahmad Fahim mendapat ketenangan dan tidak lagi mengalami tekanan emosi malah keadaan dirinya menjadi lebih tenang.

Individu khususnya golongan remaja yang berupaya menguruskan emosinya dengan baik akan sentiasa berada dalam keadaan yakin diri dan optimis terhadap kehidupan yang dilaluinya. Harapan dan sikap optimis merupakan elemen yang sangat berguna untuk menjana kejayaan. Keupayaan menguruskan emosi akan memberi kelebihan kepada individu tersebut untuk mengawal keinginan dan kemahuan yang tidak sepatutnya. Selain itu, individu tersebut juga dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri serta bertanggungjawab terhadap tindakan yang diambil. Individu yang

mahir mengurus emosinya akan memiliki sikap toleransi yang tinggi, bersikap sabar dan mampu mengawal diri daripada berselisih faham dengan orang lain.

Kebolehan mengurus emosi dalam novel *Warisnya Kalbu* (2008) turut dipaparkan dengan jelas pada watak Hassan Basri. Tanpa menghiraukan sindiran Khadija dan Xian Rong, Hassan Basri terus maju ke depan. Akhirnya dia terpilih menjadi pemantun sekolah dan seterusnya membawa pasukan sekolahnya menjadi juara pertandingan pantun peringkat daerah. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Bukan bergaya sangat kalau menyertai sayembara pantun pun,” tambah Khadija lagi, seumpama mencabar dan mengumpam. Hassan Basri termakan umpan tersebut kerana darah panasnya seperti menyerbu ke ubun-ubun.
... Eh, saya hendak tunjukkan sesuatu.”
Tiba-tiba Hassan Basri mengubah mauduk.”

(*Warisnya Kalbu*, 2008: 12)

Kebijaksanaan Hassan Basri mengurus emosi marahnya terserlah apabila dia mengubah tajuk perbualan setelah dia menyedari emosi marah yang hadir dalam dirinya pada ketika jika dilayan akan berlaku perbalahan antara dia dan kawan-kawan perempuannya. Bagi melawan emosi marah, seseorang itu harus sabar sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Barang siapa sabar pasti memperoleh (tujuannya)”

Menurut Mayer dan Salovey (1990), kebolehan memahami emosi menggambarkan keupayaan seseorang mentafsir sesuatu emosi serta maklumat yang diterima. Setelah dikenal pasti barulah seseorang individu itu dapat memahami pelbagai jenis emosi yang hadir dalam dirinya. Jelaslah, kebolehan mengenali emosi sendiri amat

penting dikuasai oleh seseorang khususnya golongan remaja untuk mengelak berlakunya perkara negatif sekiranya yang hadir itu ialah emosi negatif. Kebijaksanaan mengurus emosi dapat membantu seseorang itu mengawal naluri yang tidak baik sekiranya menurut emosi negatif. Dengan adanya kemahiran mengawal naluri, seseorang remaja itu akan mampu mengawal atau menunda dorongan negatif sekiranya dikuasai oleh emosi negatif.

3.3.3 Motivasi Kendiri

Ciri ketiga ialah motivasi kendiri. Seseorang yang mempunyai motivasi kendiri yang tinggi berkeupayaan untuk menolak dirinya ke hadapan dalam mencapai apa-apa matlamat yang dicitakan. Individu sedemikian menggunakan matlamatnya dalam sesuatu perkara sebagai panduan untuk melaksanakan tugas atau mencapai cita-cita. Kawalan kendiri dan kesedaran kendiri menjadi asas kepada pembinaan motivasi kendiri. Reaksi-reaksi emosi harus ditoleransi, malah dialu-alukan tanpa mengira sama ada emosi-emosi yang ditunjukkan itu menyeronokkan atau sebaliknya. Sekiranya seseorang individu itu menghadapi pelbagai jenis perasaan baharulah dia mampu belajar daripada pengalaman itu. Oleh itu, proses psikologi didahului oleh keterbukaan atau kebolehan untuk menerima pelbagai jenis perasaan. Bertambahnya kematangan individu itu membawa kepada kesedaran bahawa emosi boleh dipisahkan daripada tingkah laku. Seseorang yang berfikiran matang mampu untuk mempamerkan atau menyorokkan emosinya mengikut keadaan. Remaja yang matang emosinya mampu berfikiran tenang dan mempunyai pertimbangan yang waras walaupun dalam keadaan yang amat getir. Seterusnya, pengajaran dan pengetahuan yang diperoleh daripada pengalaman itu membolehkannya untuk memotivaskan dirinya atau memanipulasikan keadaan kepada kehendaknya.

Kecerdasan emosi dapat ditingkatkan dengan mendorong diri sendiri membina emosi yang stabil dan seimbang. Emosi boleh dijadikan alat untuk meningkatkan

keupayaan diri untuk berfikir, merancang dan menyelesaikan masalah dan juga untuk meningkatkan prestasi minda kognitif dengan menyemai harapan dalam diri sendiri. Menurut Sohaimi (1998), apabila seseorang itu menaruh harapan maka segala kebimbangan, keputusan dan kesedihan yang dialami dapat diredakan kerana segala rintangan atau masalah sudah diatasi. Dorongan dan semangat yang diberikan kepada seseorang yang sudah lemah akan mampu mengubah pemikiran orang tersebut. Sesuatu pekerjaan yang diiringi dengan harapan akan melahirkan perasaan gembira dan akan dilakukan dengan penuh bersemangat. Manakala Ary Ginanjar Agustin (2001) pula berpendapat, dalam diri manusia sebenarnya Allah telah kurniakan sebuah jiwa yang bebas yang boleh dibentuk mengikut acuan individu tersebut. Sekiranya individu itu memilih untuk bersikap positif, dia boleh berbuat demikian dengan mempertahankan prinsip-prinsip diri yang dibentuk olehnya begitulah sebaliknya.

Bagi Goleman (1999), motivasi kendiri merujuk kepada kecenderungan emosi dalam membimbing atau memudahkan seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat. Seseorang yang ingin mencapai matlamat akan mendorong dirinya berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai perkara yang dihajati. Individu sebegini akan sanggup menghadapi risiko demi mencapai sasaran yang diinginkan dan komited dengan komitmen yang diberi kepadanya. Selain itu, individu tersebut juga tidak akan melepaskan peluang yang ada di hadapannya dan akan melakukan tugas dengan sempurna. Orang yang memiliki motivasi kendiri yang tinggi akan sentiasa bersikap yakin diri dan optimis terhadap kehidupan dan tidak mudah berputus asa dengan halangan-halangan yang dihadapi.

Dalam novel *Trilogi Cinta* (2001), Cempaka, remaja berusia 19 tahun menghadapi konflik dalaman yang sangat hebat apabila dalam usia yang muda, dia mengalami masalah penceraian ibu bapanya dan dalam masa yang sama Cempaka kehilangan atuk

dan nenek yang disayanginya. Cempaka berasa hidupnya kosong tanpa orang-orang yang disayangi di sisinya. Perkara paling sedih yang dialami oleh Cempaka adalah apabila dia terpaksa berpisah dengan ibunya yang sedang sakit dan dia diminta tinggal bersama bapanya di Kuala Lumpur. Menurut Goleman, manusia tidak dapat lari daripada merasai emosi positif dan negatif dalam kehidupannya kerana dengan adanya kedua-dua emosi inilah makna kebahagiaan itu tercapai oleh seseorang. Hal ini terjadi kepada Cempaka namun Cempaka tidak pernah kesal malah dia berusaha untuk mengembalikan semula zaman kegemilangan ibunya di pentas tarian. Emosi sedih yang melingkari hidupnya tidak pernah mematikan semangatnya malah emosi tersebut menjadi motivasi kepada dirinya untuk terus berusaha mencapai matlamatnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Dalam ketenangan itu hatinya terasa sunyi. Terasa sunyi dalam damai, namun dia tahu ada hutang yang masih belum dilunas. Ada hasrat yang masih belum dicapai. Yang sedang cuba dicapainya demi mengubat rindu dan hati yang sepi ini.”

(Trilogi Cinta, 2001:90)

Tindakan yang dilakukan oleh Cempaka selaras dengan prinsip yang dianjurkan dalam teori kecerdasan emosi yang dikemukakan oleh Goleman iaitu seseorang yang mempunyai motivasi kendiri yang tinggi berkeupayaan untuk menolak dirinya ke hadapan bagi mencapai apa-apa matlamat yang dicitakan.

Ahmad Fahim watak remaja dalam novel *Impuls/Roh* (2009), sentiasa berada dalam kegelisahan dan beliau mengalami pelbagai emosi kerana lebih dua tahun ibunya berada dalam keadaan koma. Selama ibunya koma, hubungan beliau dan ayahnya Datuk Laksamana Dr. Faruqi bin Ilyas juga menjadi renggang akibat perselisihan faham tentang mesin IMPULS. Dr. Faruqi bin Ilyas ialah pakar sains berstatus elit dalam pasukan tentera telah mencipta mesin IMPULS (*Integrated Machines Providing the Ultimate Life*

Simulation/Stimulation) yang mengaplikasi kepintaran buatan yang kononnya akan berintegrasi membekalkan simulasi/ stimulasi hidup yang mutakhir. Ahmad Fahim tidak dapat menerima cadangan ayahnya yang mahu meletakkan dan 'membangkitkan' ibunya di alam virtual iaitu dalam satu ruang realiti maya. Aplikasi 'kehidupan' di dunia virtual ini ditunjangi hipotesis sains bahawa tindak balas otak manusia didukung oleh cas-cas elektrik semata-mata. Ahmad Fahim menolak tanggapan ini, kerana bagi beliau, ada unsur lain yang menggerakkan jiwa dan pemikiran manusia, iaitu roh. Roh ini pula sifatnya datang dari Maha Pencipta dan hal ini tidak boleh diduplikasi oleh sebarang proses sains. Hal ini menjadi punca pertelingkahan antara Dr Faruqi dan Ahmad Fahim. Mesin IMPULS dilihat sebagai suatu perkara yang menyalahi hukum Allah. Ahmad Fahim semakin kecewa dengan sikap ayahnya yang membelakangkan takdir yang menampakkan kelemahan iman di dalam diri ayahnya. Hubungan antara Ahmad Fahim dan ayahnya semakin tegang apabila beliau menentang pendirian ayahnya yang menidakkan kuasa Allah.

Kekecewaan Ahmad Fahim memuncak apabila mengetahui ibunya sudah dibawa keluar daripada hospital dan tidak diketahui keberadaan ayahnya kerana sudah lama terputus hubungan. Akibat kekalutan emosi pada ketika itu, tanpa disedari Ahmad Fahim bertindak agak kasar dengan menerjah masuk ke bilik pakar perubatan iaitu bilik pemilik fasiliti pemulihan tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut;

“... Ahmad Fahim melangkaui anak-anak tangga dengan pantas dan sampai ke ruang pejabat Dr. Tok Zhen Yu. Tanpa membuat inkuiri di meja setiausaha Dr.Tok, Ahmad fahim terus menerjah untuk masuk ke dalam bilik pakar perubatan yang juga pemilik fasiliti pemulihan tersebut. Ahmad fahim menerjah sekutu tenaga, namun pintu kayu metalik yang tebal itu tidak berganjak. Ahmad Fahim mengalihkan perhatiannya kepada setiausaha yang sedang terpegun di meja.

“Di mana ibu saya?”.....”

(*Impuls/Roh*, 2009: 10)

Menurut Goleman (1999), gangguan emosi akan mempengaruhi kehidupan mental seseorang. Emosi negatif yang kuat telah menguasai diri Ahmad Fahim sehingga menarik perhatian beliau untuk bertindak selaras dengan emosi negatif yang dialami menyebabkan beliau telah bertindak liar tanpa disedari. Ahmad Fahim terasa dirinya sangat lemah dan beliau kehilangan daya tahan diri pada ketika itu menyebabkan dia bertindak di luar kawalan yang beliau sendiri tidak menyangka akan bertindak sedemikian. Menurut Goleman (1999) lagi, seseorang yang berasa dirinya lemah akan bersemangat apabila diberi dorongan dan harapan tentang kejayaan pada masa hadapan. Pertemuan Ahmad Fahim dengan Laksamana Muda Musaid Budiman dari KASTRIA memberi semangat baharu kepada dirinya. Melalui latihan KASTRIA, Ahmad Fahim telah dipertanggungjawabkan membawa pulang ayahnya menerusi satu misi menyelamat.

Motivasi kendiri Ahmad Fahim semakin meningkat dan beliau bersyukur kerana diberi peluang untuk menyelamatkan ibu dan ayahnya. Keyakinan dirinya bertambah dan beliau bersikap optimis terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut;

“Adakah anda menerima misi ini, Fahim?” Laksamana Muda Musaid berpaling menghadap Ahmad Fahim. Ahmad Fahim tahu ini bukan masanya untuk lari lagi. Inilah masa untuk dia menerima tanggungjawabnya dengan berani.”

(*Impuls/Roh*, 2009 : 23)

Ahmad Fahim berfikiran positif apabila menerima tawaran skuad KASTRIA itu. Dengan sokongan dan dorongan kawan-kawan dalam skuad KASTRIA, motivasi kendiri Ahmad Fahim berada pada tahap yang tinggi. Akhirnya berkat sabar dan semangat yang tinggi, Ahmad Fahim mencapai matlamat beliau untuk membawa ayah dan ibunya pulang dengan selamat. Dengan memiliki motivasi kendiri yang tinggi seseorang itu khususnya

golongan remaja akan mampu melaksanakan sesuatu tugas yang diberi dengan hati yang gembira dan melakukannya dengan perasaan yang seronok. Keadaan minda emosi yang sebegini akan menyebabkan seseorang itu berkeyakinan untuk melakukannya dan tidak berasa terbeban dengan tugas yang dilaluinya. Dengan ini, emosi negatif yang hadir dalam diri dapat diatasi dengan mudah apabila motivasi kendiri berada pada tahap yang tinggi.

Ciri yang sama juga terdapat dalam novel *Warisnya Kalbu* (2008) yang menampilkan Hassan Basri sebagai watak protagonisnya. Kehidupan Hassan Basri tidak serumit kehidupan yang dialami oleh Cempaka (Trilogi Cinta) dan Ahmad Fahim (Impuls/Roh). Hassan Basri hidup bahagia bersama ibu bapa dan abang-abangnya yang cemerlang dalam pelajaran dan bidang-bidang tertentu yang diceburi. Hanya terdapat satu konflik dalaman yang sentiasa bermain di fikiran Hassan Basri iaitu hendak menyahut cabaran keluarga terutama abang sulungnya supaya dia mencari satu bidang yang boleh menjulang kehebatan namanya dalam bidang tersebut. Hassan Basri akhirnya terdorong untuk terlibat dengan pertandingan pantun yang dianjurkan di sekolahnya dan berhasrat untuk menjadi pemantun sekolah. Apabila hasrat ini disuarakan kepada ahli keluarganya, pelbagai reaksi yang diterima dan tidak mendapat sokongan yang diharapkan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan emel yang dihantar oleh abangnya:

“Ayah beritahu yang Hassan akan mewakili sekolah dalam sayembara pantun. Sungguh ganjal pilihanmu. Cukup mencabarkah bagi kamu, duduk-duduk dan berbalas pantun, macam dalam majlis kawin sepupu kita di Melaka tak lama dulu? Abang long sangka kamu lebih berminat pada sukan bola keranjang.

Belum terlambat untuk mengubah fikiran, Hassan. Carilah sesuatu yang lebih berpotensi.”

(*Warisnya Kalbu*, 2007:83)

Nasihat dan teguran abang longnya walaupun mencalar hatinya, namun teguran ini bukan menjadi penghalang kepada Hassan Basri. Dia semakin bersemangat untuk terlibat dalam pertandingan pantun malah motivasinya melonjak tinggi untuk meneruskan hasratnya. Dia mahu buktikan kepada ahli keluarganya yang pilihannya tepat dan mempunyai kehebatan yang tersendiri. Situasi ini selaras dengan prinsip yang terdapat dalam teori kecerdasan emosi oleh Mayer & Salovey (1990) dan Goleman (1999). Pada pandangan tokoh Barat ini, seseorang yang memiliki motivasi kendiri akan berupaya melawan dorongan hatinya yang negatif dan akan menggunakan matlamatnya dalam sesuatu perkara sebagai panduan untuk melaksanakan cita-citanya. Emosi boleh dijadikan alat untuk meningkatkan prestasi minda kognitif dengan cara menyemai harapan dalam diri sendiri. Apabila seseorang itu menaruh harapan terhadap sesuatu perkara, dia akan dapat menghilangkan kebimbangan dan kesedihan dalam dirinya. Individu yang sedemikian tidak akan menoleh ke belakang lagi dan mempunyai kepercayaan yang tinggi dia mampu meraih kejayaan. Perkara ini dibuktikan oleh Hassan Basri melalui petikan berikut:

“Maaf abang long.” Terlukis riak kekagetan di wajah Sulaiman. Sama sekali tidak disangka adiknya itu benar-benar tergores oleh tindakannya.

“Saya tak tahu nasib saya dalam sayembara ini. Tapi saya mesti lakukan sesuatu dan inilah pilihan saya. Saya harap bang long hormati pilihan saya.”

(*Warisnya Kalbu*, 2007:132)

Menurut Goleman, selain menaruh harapan, sikap optimistik dalam diri manusia juga amat penting. Hassan Basri bersikap optimistik walaupun emosinya terganggu dengan teguran abang longnya. Dalam situasi sebegini, emosi berupaya menjadi alat untuk memotivaskan seseorang dengan cara melawan dorongan hati yang negatif dan menghadapi kegagalan dengan positif serta terus berusaha untuk mencapai kejayaan melalui kemahiran-kemahiran tertentu. Akhirnya, Hassan Basri dapat membuktikan

usaha yang dilakukannya selama ini membawa hasil apabila pasukannya menjadi juara pertandingan pantun peringkat daerah. Kejayaan Hassan Basri dalam pertandingan ini sangat menggembirakan hatinya dan kejayaan ini telah disaksikan oleh abang longnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Terima kasih kerana datang, bang long.”
“Sungguh menakjubkan, berputar otak dibuatnya! Barulah bang long faham sekarang.”

(*Warisnya Kalbu*, 2007: 166)

Jelaslah, kebolehan memotivasi emosi negatif sangat dituntut dalam diri remaja supaya mereka sentiasa menyimpan harapan untuk berjaya walaupun sering didatangi dengan emosi negatif. Orang yang mempunyai harapan yang tinggi secara tidak langsung akan meningkatkan motivasi kendiri ke tahap yang terbaik dan mampu melonjak dirinya untuk mencapai kejayaan.

3.4 Kesimpulan

Berdasarkan analisis, dapat dibuktikan bahawa komponen kesedaran peribadi hadir dalam setiap novel remaja yang dikaji. Penghasilan karya seumpama ini amat digalakkan dan memang sewajarnya teks untuk remaja dimasukkan komponen kesedaran peribadi sebagai usaha untuk mentarbiah generasi muda. Mesej penting yang terdapat dalam novel-novel kajian ini adalah tentang peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Mesej ini mampu memberi kesedaran kepada remaja bahawa setiap manusia yang ada di muka bumi ini mempunyai peranan dan kelebihan masing-masing serta saling bergantungan antara satu sama lain.

Seterusnya, hasil analisis watak-watak protagonis remaja di dalam teks kajian menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang melahirkan emosi dalam diri remaja yang dikaji. Antaranya ialah keadaan keluarga yang mengalami masalah, kekurangan kasih sayang keluarga, nilai motivasi kendiri rendah dan kekecewaan dalam hidup. Hal ini ditemui melalui analisis watak-watak remaja berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dialami dalam kehidupan sehari-hari mereka. Walaupun banyak menempuh emosi negatif namun penampilan watak remaja yang berakhhlak mulia ditampilkan dengan berkesan apabila setiap konflik dapat diselesaikan secara berhemah dan harmoni. Keseluruhan watak remaja yang dianalisis memiliki personaliti unggul, dan dapat mendepani kehidupan dengan berani dan optimistik khususnya dalam menempuh cabaran globalisasi yang kian menghimpit masyarakat pada masa kini. Watak remaja dalam novel kajian dipaparkan memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang masing-masing. Selain itu, mereka juga memiliki iman yang kental dan mampu mengekalkan jati dirinya sebagai remaja Muslim, seterusnya dapat memainkan peranan sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Walaupun watak-watak remaja yang dianalisis menghadapi konflik dalam kehidupan mereka sehingga menimbulkan pelbagai emosi dalam diri mereka namun mereka dapat menanganinya dengan baik. Hal ini dapat dibuktikan melalui analisis watak-watak remaja berdasarkan ciri-ciri yang terdapat dalam komponen kesedaran peribadi. Watak-watak remaja yang dikaji mempunyai kebolehan mengenal emosi sendiri. Walaupun emosi remaja mudah tersentuh apabila ditegur namun apabila menyedari emosi tersebut hadir, mereka akan mengawalnya daripada merebak. Dengan ini, setiap tindakan dapat dikawal dengan baik dan dapat mengelakkan perbalahan dengan pihak lain. Selain itu, melalui peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh watak-watak remaja dalam novel kajian didapati remaja dapat menguruskan emosi dengan rasional dan tidak mengikut emosi negatif yang melanda. Sekiranya mereka dilanda emosi negatif, mereka

akan mengurusnya dengan mengambil jalan yang tidak memudaratkan diri sendiri dan orang lain seperti mendekatkan diri dengan Allah dan memohon pertolongan Allah.

Watak remaja dalam novel kajian mempunyai tahap motivasi kendiri yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui analisis yang dijalankan dalam novel kajian. Motivasi kendiri yang tinggi didorong oleh sikap sayang akan keluarga dan mahu menyatukan semula keluarga yang berpecah belah selama ini. Seterusnya, melalui analisis watak-watak remaja dalam novel kajian dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sikap remaja yang unggul dapat dibentuk apabila mereka menguasai ciri-ciri yang terdapat dalam komponen kecerdasan emosi dalam model kajian ini.

Keseluruhan watak-watak remaja yang dianalisis dengan menggunakan komponen kesedaran peribadi dalam MKE sarat dengan prinsip keunggulan peribadi dengan saranan bahawa remaja perlu memiliki keseimbangan antara jasmani dan rohani. Oleh itu, amal ibadah, nilai akhlak dan batas pergaulan diperteguh. Kesemua nilai ini diperoleh melalui mesej agama dan budaya luhur. Watak remaja dalam novel ini memilih sari pati nilai kebijaksanaan, amal, iman, dan akliah, seterusnya menyuburkan semangat patriotisme dan membentuk integriti peribadi. Karya sastera diperlihatkan sebagai wahana dan wacana yang membangunkan fikrah serta sahsiah.

Kesemua watak remaja dalam novel meninggalkan kesan emotif dan menyentuh sukma pembaca. Perwatakan unggul dalam novel dapat merangsang pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan remaja. Keunggulan watak dapat dilihat melalui pemikiran yang matang dan tindakan yang bijak walaupun terpaksa menghadapi pelbagai halangan dan rintangan. Keunggulan sahsiah watak remaja juga dilihat kepada kekentalan pegangan agamanya iaitu tidak sekali-kali mengabaikan ibadahnya. Watak remaja unggul juga dilihat kepada sikap watak yang harmonis dan mesra disampaikan melalui gambaran tindakan dan perilaku yang sesuai.

Kesimpulannya, dapatlah dirangkumkan bahawa keperluan menguasai ciri-ciri yang terdapat dalam komponen kesedaran peribadi sangat penting kepada remaja yang sedang meniti usia dewasa. Dengan menguasai kebolehan dan ciri-ciri yang terdapat dalam komponen kesedaran peribadi, remaja tersebut akan mampu mengharungi apa-apa sahaja rintangan yang datang dalam kehidupan mereka dan mereka pasti dapat mengurus masa depan dengan cemerlang.

BAB 4

ANALISIS KOMPONEN KESEDARAN SOSIAL

4.1 Pengenalan

Bab kelima akan membincangkan komponen kesedaran sosial dalam MKE yang telah memperturunkan dua ciri iaitu, empati dan kemahiran sosial. Dalam bab ini, watak-watak protagonis remaja akan dianalisis berdasarkan komponen kesedaran sosial yang melibatkan dua ciri yang telah dinyatakan di atas. Komponen kesedaran sosial dibentuk dalam MKE adalah untuk memenuhi keperluan fizikal, mental, emosi dan rohani bagi mencapai hasrat dan matlamat kepada orang lain di samping menghasilkan satu bentuk perhubungan yang positif dan harmonis antara watak remaja dengan masyarakat di sekelilingnya.

4.2 Definisi Kesedaran Sosial

Kesedaran sosial merujuk kepada hubungan interpersonal dalam diri individu iaitu kebolehan menyedari, memahami dan menghargai perasaan orang lain. Kemahiran sosial juga ialah kebolehan menonjolkan diri sebagai seorang yang kooperatif dan memberi sumbangan kepada kumpulan. Selain itu, komponen ini merujuk kepada kebolehan membina dan menjaga hubungan mesra berdasarkan keintiman dan berkasih sayang. Kesedaran tentang pentingnya bersosial harus ada dalam diri setiap individu kerana sebagai individu yang dihidupkan di muka bumi ini perlu memiliki kaedah dan tatacara tertentu untuk berkomunikasi dengan individu lain. Tanpa hubungan sosial, manusia tidak akan dapat hidup dalam keadaan yang harmoni yang selamat. Allah melengkapkan ciptaan manusia dengan menyediakan pelbagai keperluan, baik secara

peribadi mahupun dalam hidup bermasyarakat. Kesedaran sosial adalah sebahagian daripada kepintaran dan kecerdikan akal seseorang individu. Seseorang yang memiliki ciri-ciri dalam komponen kesedaran sosial mampu hidup sejahtera dan dapat menempuh aktiviti kehidupan bersosial dalam masyarakat dengan berkesan.

Individu yang mempunyai kesemua ciri dalam komponen sosial dapat mengelakkan suasana tegang dan cemas dalam interaksi, dan mampu menerima perbezaan pendapat tanpa mementingkan diri sendiri. Selain itu, tidak mencari keburukan dan kesalahan orang lain dan menerima orang lain sebaik-baiknya. Kesedaran sosial adalah tatacara yang perlu dimiliki oleh semua orang, sama ada pelajar dan remaja, pemimpin, ulama dan pendakwah, suami dan isteri, ibu bapa dan sebagainya. Dengan tatacara ini, mereka mempunyai peluang lebih baik untuk diterima masyarakat dan seterusnya menjadi golongan yang mampu bertahan dalam pelbagai situasi.

Remaja yang memiliki kesedaran sosial yang tinggi mempunyai peluang lebih cerah untuk dilantik sebagai pemimpin berbanding individu yang tidak berupaya menunjukkan tahap keyakinan diri yang baik atau tidak berani membuatkan pendapat dan idea kreatif. Untuk menjadi matang seseorang remaja itu perlu meningkatkan tahap kesedaran sosialnya. Pada usia remaja, mereka akan mencari sahabat yang sesuai dengan keperluan diri mereka dan pada peringkat usia remaja, mereka mula membina kelompoknya sendiri.


Individu yang memiliki kesedaran sosial yang tinggi akan sentiasa memperkaya khazanah kehidupannya dengan menjalin hubungan silatulrahim dengan orang lain kerana manusia tidak mungkin hidup menyendirи dan melepaskan tanggungjawab terhadap sesama manusia. Hal ini yang wajar diterapkan kepada golongan remaja supaya mereka menyedari bahawa seseorang yang memiliki kesedaran sosial yang

tinggi mampu membina semangat kekitaan yang sejati dan dapat meningkatkan semangat silaturahim dengan sesiapa sahaja yang didampinginya.

Kesedaran sosial juga melibatkan keupayaan seseorang itu mengenali dan memahami emosi orang lain dengan jelas dan baik. Keupayaan ini akan membentuk kuasa interpersonal yang berkesan. Keupayaan interpersonal yang berkesan ini seterusnya memberi kemampuan kepada seseorang itu untuk mencorak dan membentuk hubungan yang akrab dengan orang lain. Dengan menguasai komponen kesedaran sosial, kecerdasan emosi seseorang itu berada pada tahap yang tinggi dan mampu membentuk perhubungan yang positif dengan semua orang. Walau bagaimanapun untuk mengenali dan memahami emosi orang lain, seseorang itu harus mengenali dan mengendali emosinya dengan baik terlebih dahulu.

4.3 Ciri-ciri Komponen Kesedaran Sosial

Komponen kesedaran sosial terbahagi kepada dua iaitu empati dan kemahiran sosial seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah berikut.



Rajah 4.1 : Ciri-ciri Komponen Kesedaran Sosial

Bagi mengurai dan menganalisis komponen kesedaran sosial, pengkaji telah memilih empat buah novel remaja untuk dianalisis. Justifikasi pemilihan empat novel tersebut adalah kerana novel-novel tersebut memiliki ciri-ciri yang menepati komponen kesedaran sosial yang banyak berbanding novel-novel yang lain. Antara novel yang akan dibincangkan dalam Komponen Kesedaran Sosial ialah novel *Bukan Legasi Lalang* (BLL) karya Sri Rahayu Mohd Yusop (2000), *1515* karya Faisal Tehrani (2002), dan *Kembara Amira* (KA) karya Amer Hmzah L.Kadir, (2005) dan *Odisi Tanah Kencana* (OTK) karya Sri Rahayu Mohd. Yusop (2009). Keempat-empat buah novel ini memaparkan watak protagonis remaja yang berdepan dengan pelbagai jenis manusia di sekeliling mereka. Mereka juga melalui pelbagai peristiwa pahit dan manis semasa menjalin hubungan dengan orang lain namun semua pengalaman itu dilalui dengan harmoni dan berkesan. Pengalaman menjalin hubungan sosial dengan orang lain akan dianalisis berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada watak protagonis remaja hasil daripada hubungan sosial dengan orang lain.

4.3.1 Empati

Ciri pertama ialah empati yang dimaksudkan sebagai kebolehan memahami emosi atau perasaan orang lain. Keupayaan menyelami hati seseorang berdasarkan perspektif individu tersebut merupakan satu kelebihan dalam sesuatu interaksi sosial. Sebelum seseorang itu memahami emosi orang lain, terlebih dahulu individu tersebut hendaklah mengenali emosinya supaya lebih mudah untuk menjelajah dan memasuki emosi orang lain. (Sohaimi Abdul Aziz,1998). Lebih tinggi keupayaan seseorang itu menyelami emosinya, maka lebih mudah baginya untuk menyelami emosi orang lain ataupun empati kepada orang lain. Kegagalan untuk memahami perasaan orang lain menurut Goleman (1999) adalah kekurangan utama dalam kecerdasan emosi manusia kerana setiap hubungan yang terjalin bermula daripada penyesuaian emosional.

Empati bukan sahaja memahami masalah orang tetapi merasai perasaan yang dialami oleh orang lain atau meletakkan diri dalam perasaan orang tersebut. Seseorang yang mempunyai ciri empati yang tinggi akan menjadi pendengar yang setia, memahami dan merasai perasaan yang dialami oleh orang lain. Apabila sudah memiliki rasa empati barulah seseorang itu dapat membantu dengan cara yang lebih rasional dan positif. Dalam ciri empati akan menghurai dan menganalisis watak berkaitan dengan kebolehan mengesan perasaan orang lain, memahami perspektif orang lain dan sejauh mana individu tersebut berminat untuk membantu memenuhi keperluan orang lain.

Pada Goleman (1999), empati ialah kebolehan seseorang itu memahami orang lain dan bersedia mendengar masalah serta membantu individu yang memerlukan bantuan. Perasaan empati juga mampu menjadikan seseorang itu mengenal pasti potensi diri orang lain dan bersedia menjadi mentor untuk mengembangkan potensi diri orang tersebut. Menurut Goleman (1999) lagi, perasaan empati akan mendorong seseorang itu menghormati kepelbagaian dari segi latar belakang dan pandangan orang lain. Dengan ini, dapat membina hubungan yang baik dan membolehkan semua orang mengembangkan potensi diri masing-masing. Selain itu, Goleman juga menyatakan bahawa empati ialah kemampuan seseorang untuk mengenali orang lain atau peduli bagi menunjukkan kemampuan empati seseorang. Individu yang memiliki kemampuan empati berupaya menanggapi isyarat-isyarat sosial yang tersembunyi yang diperlukan oleh orang lain dan bersedia membantu orang yang memerlukan bantuan dengan hati yang ikhlas.

Islam juga mengajar kita supaya memiliki sikap empati iaitu, harus bersikap pemurah, dermawan, saling membantu dan bersedia memberi pertolongan kepada sesiapa yang memerlukan. Manusia yang berjiwa empati akan lebih peka dan peduli akan hal orang lain dengan niat ikhlas ingin membantu. Seseorang yang memiliki jiwa

empati sentiasa ringan tulang untuk membantu tanpa mengharapkan ganjaran. Hal ini disebut dalam firman Allah yang bermaksud:

"Dan apabila sewaktu pembahagian itu hadir beberapa kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin, maka berilah mereka dari harta itu (sekadarnya) dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang baik.

(Surah al-Nisaa ,ayat 8)

Allah berfirman supaya setiap orang memberi sedekah kepada orang lain yang memerlukan walaupun mereka bukan ahli keluarga. Seseorang yang memiliki perasaan empati pasti menghulurkan sedikit hartanya untuk bersedekah kepada orang lain yang betul-betul susah dan memerlukan bantuan.

Empati merupakan ciri penting dalam komponen kesedaran sosial yang terdapat dalam model kecerdasan emosi dalam kajian ini. Empati dibangunkan berdasarkan kesedaran diri seseorang itu. Semakin terbuka seseorang terhadap emosinya, maka semakin terampil juga seseorang membaca perasaan orang lain. Kelebihan orang yang memiliki sikap empati ialah kebolehannya mendengar masalah orang lain dan bersedia untuk menerima perbezaan pendapat dan berupaya membangkitkan penerimaan terhadap kekurangan orang lain.

Novel *Kembara Amira* karya Amer Hmzah Kadir (2005) memaparkan kisah remaja bernama Amira yang mempunyai kawan baik bernama Jacinta. Amira sering mengikuti ibunya membuat kajian di kawasan yang terpencil dari bandar dan dia berasa seronok melalui pengalaman membuat kajian bersama-sama ibunya. Amira mempunyai kawan baik bernama Jacinta. Hidup Amira bahagia bersama keluarganya namun kehidupan Jacinta kawan baiknya agak berbeza daripada Amira kerana Jacinta tinggal

dengan bapanya. Hal ini disedari oleh Amira dan dia berusaha untuk menggembirakan hati Jacinta.

Amira digambarkan memiliki sifat empati yang tinggi terhadap kawan baiknya Jacinta. Hubungan rapat Amira dan Jacinta sudah diketahui oleh kedua-dua belah pihak keluarga malah ibu bapa Amira sentiasa membenarkan Amira membawa Jacinta bersama-sama ketika ibu Amira menjalankan penyelidikan di merata-rata tempat. Perasaan empati Amira terhadap Jacinta dapat dilihat melalui petikan yang berikut;

“Amira tahu kawannya sedang resah memikirkan tindakan yang dia ambil. Tiba-tiba rasa ragu dalam benaknya. Adakah tindakan mengajak kawannya datang ke tengah-tengah belantara itu merupakan tindakan yang betul.

“Tentu tiket itu dah sampai.” Amira bersuara antara dengar dengan tidak. Sejak bermulanya perjalanan mereka, dia ingin mengemukakan soalan itu, tetapi khuatir Jacinta akan tersinggung. Sekarang mungkin waktu yang sesuai untuk menyuarakannya, fikir Amira. Dia sudah bersedia menghadapi risiko.”

(KA,2005: 25)

Konflik antara Jacinta dan ayahnya sudah Amira ketahui sejak dia mula mengenali Jacinta dahulu lagi. Amira dapat menyelami perasaan Jacinta yang tidak dapat menerima kehadiran isteri baharu ayahnya. Setiap kali cuti persekolahan, Jacinta akan mengelak untuk balik menemui ayahnya kerana dia tidak mahu berjumpa dengan ibu tirinya. Atas dasar simpati dan juga empati terhadap Jacinta, Amira menawarkan percutian yang bermakna kepada Jacinta iaitu membantu ibu Amira membuat penyelidikan. Sekiranya Amira tidak membawa Jacinta bersama-samanya semasa cuti persekolahan itu, Amira dapat mengagak Jacinta pasti akan kesunyian dan akan tinggal di asrama sekolah mereka sepanjang percutian. Amira memahami sebab-sebab Jacinta merajuk dengan ayahnya kerana tidak dapat menerima kehadiran orang baharu

menggantikan ibunya. Sebagai sahabat baik, Amira memahami perasaan yang dialami oleh Jacinta dan meletakkan dirinya dalam diri Jacinta. Hal ini menjadikan hubungan mereka berdua rapat . Amira tidak mahu menyalahkan Jacinta sepenuhnya sebaliknya sebagai sahabat dia cuba menasihati Jacinta dan memberi ruang kepada Jacinta untuk berfikir tentang sikapnya selama ini.

Walaupun masih dalam usia remaja namun Amira merupakan seorang remaja yang bijak dan matang kerana memiliki nilai empati yang tinggi terhadap orang lain. Dengan memiliki sikap empati ini, Amira berkebolehan menguasai keadaan dan bertindak dengan bijak dengan melayan karenah Jacinta dengan baik dan sabar. Dalam situasi ini, Amira memahami keadaan Jacinta yang memerlukan seseorang pada saat-saat Jacinta berasa kehilangan kasih sayang ayahnya. Amira juga mempunyai sikap keprihatinan yang tinggi pada perasaan orang lain. Dia mampu membaca isyarat-isyarat yang ditunjukkan oleh Jacinta dan Amira juga dapat merasai perasaan yang dialami oleh Jacinta lalu membantu kawannya yang berada dalam kegelisahan. Seseorang yang memiliki nilai empati yang tinggi juga akan memiliki nilai timbang rasa yang tinggi kerana sanggup mendengar pandangan orang lain tanpa bersikap emosional malah berusaha untuk merasionalkan keadaan.

Amira bersedia membantu Jacinta kerana sikap empati Amira telah meletakkan dirinya dalam kedudukan orang lain iaitu, Jacinta. Apabila melihat orang lain berada dalam keadaaan kesusahan, empati bertindak sebagai pendorong seseorang untuk menolong orang lain yang ditimpa kesusahan. Hal inilah yang berlaku pada Amira yang tidak sanggup melihat kawan baiknya berada dalam kemurungan. Empati juga dikaitkan dengan pertolongan yang diberi untuk mengurangkan tekanan diri dan emosi orang lain, dalam bentuk ganjaran dan perkhidmatan.

Perasaan empati juga wujud dalam diri Raden Inu Kartapati anak Raja Kuripan dalam novel *Odisi Tanah Kencana*, karya Sri Rahayu Mohd, Yusop (2006). Semasa dalam pengembaraannya mencari kebenaran agama, Raden Inu Kartapati menyamar diri dengan memakai nama Si Capik dan bekerja sebagai pengangkut barang bagi Nakhoda Sulung Setia yang menjaga dua orang anak saudaranya yang bernama Guruh dan Seroja yang tidak mempunyai ibu dan ayahnya pergi meninggalkan mereka. Raden Inu sanggup berhadapan dengan pelbagai rintangan demi mencari tuhannya. Raden Inu sanggup bersusah payah sehingga sanggup menjadi orang suruhan bapa saudara Saroja melakukan pelbagai kerja berat walaupun pada hakikatnya dia seorang anak raja yang boleh hidup dalam suasana mewah. Namun, demi mencari penciptanya Raden Inu bersabar dan tabah dalam menghadapi segala dugaan. Walaupun Raden Inu sering di dera oleh Guruh namun dia tetap sabar malah Raden Inu digambarkan mempunyai sifat empati yang tinggi kerana dia memahami perasaan Guruh yang berkelakuan biadap dan ganas adalah disebabkan jiwanya yang bergelora sejak ditinggalkan oleh bapanya. Raden Inu dapat merasakan kekecewaan yang dihadapi oleh Guruh kerana ditinggalkan oleh ayah. Perbuatan Guruh yang menyakiti dirinya tidak menyebabkan dia berasa marah sebaliknya memberi jawapan yang mengejutkan Seroja. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut:

“Oh Capik, bagaimana kamu?”

Si Capik tidak memandang Saroja. Dia hanya menggeleng-geleng.

“Saya tak apa-apa cik.

“Maafkan saya.”

“Bukan salah cik.”

“ Guruh bukan begitu asalnya. Semenjak ayah pergi, dia jadi begitu. Saya sepatutnya memberitahu kamu”.

“Hatinya bergelora”.

Kata-kata SI Capik tidak disangka-sangka itu membuatkan Saroja terpempan.

(OTK, 2006 : 92)

Kemampuan Raden Inu membaca perasaan Guruh adalah kerana sikap empati yang tinggi yang ada dalam diri Raden Inu sehingga dia boleh menerima kekasaran yang dilakukan oleh Guruh kepadanya. Dengan cara melayan kasar Raden Inu, Guruh dapat melepaskan perasaan kecewanya. Raden Inu akur dengan tindakan Guruh kerana sikap empatinya kepada Guruh dan itu sahaja cara yang dia boleh bantu Guruh untuk menenangkan hatinya.

Sikap empati juga dapat dilihat dalam watak Famiyun dalam novel 1515. Walaupun novel ini memaparkan kisah sejarah tentang perjuangan Nyemah Mulia yang berani menentang pihak Portugis semasa zaman penjajahan Melaka dahulu namun watak protagonis remaja yang difokuskan dalam kajian ini ialah Famiyun. Fimiyun, seorang pengkaji sejarah yang berada pada zaman kini mengkaji tentang lagenda Nyemah Mulya. Famiyun diminta oleh dua wanita yang berkawan rapat dengan dirinya iaitu Frida dan Maude. Walau bagaimanapun Famiyun lebih berminat kepada Frida. Ketika proses menjelaki jejak Nyemah Mulya, Fimiyun mengalami masalah hilang ingatan akibat kemalangan di laut. Famiyun juga tidak mengingati kisah hidupnya bersama Maude yang mengaku sebagai isterinya. Famiyun banyak memberi fokus kepada kajian tentang Nyemah Mulia yang sedang dikajinya itu. Walau bagaimanapun, akhirnya timbul juga perasaan kasihan kepada Maude yang terlalu setia dan sabar melayannya. Daripada rasa kasihan, timbul perasaan empati dalam diri Famiyun terhadap Maude kerana kesabaran Maude menantinya. Akhirnya Famiyun berusaha untuk menerima Maude dalam hidupnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut;

“Maude. Dia juga baik anggun, tetapi hatinya... hati yang terpaut sukar untuk dibalikkan. Tuhan saja yang akan melakukan. Tuhan Yang Maha Kaya mungkin Tuhan akan mengasihani Maude dan membantu dia mencintai gadis berambut keemasan dengan tulang pipi menonjol itu”.

(1515, 2002: 283)

Apabila ada perasaan empati, seseorang itu akan mengubah tindak tanduknya. Jika sebelum itu tidak dapat menerima sesuatu dengan ikhlas namun setelah perasaan empati meresap dalam dirinya kerana sangat memahami kesabaran Maude menanti dia dengan sabar, akhirnya Famiyun dapat menerima Maude dengan sepenuh hati. Konsep Empati juga berkait rapat dengan perasaan kasih sayang. Empati merupakan kemampuan mental untuk memahami dan berempati dengan orang lain serta memiliki niat untuk membantu. Empati sangat penting untuk hubungan yang sihat dan kesejahteraan secara keseluruhan.

Novel *Bukan Legasi Lalang*, (2000) yang memaparkan kisah Cik Hasan Muda seorang penglipur lara keturunan pahlawan Seorang penglipur lara berketurunan perwira. Merupakan seorang perawi dan dari keturunan Hang Jebat yang ketiga. Cik Hasan sering bercerita tentang kisah pahlawan Hang Tuah dan Hang Jebat serta yang bersangkutan dengannya termasuk Hang Kadim bagi memberi gambaran yang sebenar kepada sultan dan masyarakat sekelilingnya. Pada suatu malam, semasa Cik Hasan dalam perjalanan pulang ke rumahnya dari rumah Orang Kaya, dia diekori oleh dua orang pemuda yang tidak dikenalinya tetapi lenyap seketika apabila menoleh ke belakang. Kemudian, Cik Hasan terdengar suara orang mengerang kesakitan. Dia melihat orang yang sedang kesakitan itu dan membantu pemuda tersebut. Rupa-rupanya kedua-dua pemuda yang cedera dipukul mengaku mereka sebenarnya berniat untuk merompak Cik Hasan tetapi dia telah dipukul oleh orang lain. Lalu kedua-dua lelaki itu memohon maaf daripada Cik Hasan dan tidak mahu merompak lagi. Atas dasar rasa empati, Cik Hasan menghadiahkan sebungkus beras dan dua ekor ikan kering kepada perompak tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Cik Hasan Muda membuka bungkusannya yang berat itu lantas mengeluarkan sebungkus beras dua ekor ikan kering.
“Nah ambillah. Janganlah kamu merompak lagi. Bukankah

bumi ini luas? Sekurang-kurangnya jadilah penglipur lara seperti hamba ini”.

(*BLL*, 2000 :29 -30)

Cik Hasan tidak memarahi kedua-dua pemuda yang merompaknya itu, sebaliknya timbul perasaan empati kepada mereka lalu menasihati pemuda-pemuda tersebut dan telah memberi sedekah beras dan ikan kering. Sikap yang ditunjukkan oleh Cik Hasan menimbul keinsafan kepada perompak tersebut lalu mereka meminta maaf daripada Cik Hasan.

Dapatlah dibuat kesimpulan bahawa empati adalah suatu kemampuan sikap seseorang dari kesedaran diri dalam memahami orang lain ataupun suatu kelompok, baik yang berbentuk respon kognitif mahupun afektif dengan ikut merasakan apa yang dirasakan oleh orang lain. Hal ini selaras dengan pandangan Goleman (1999) yang menyatakan empati ialah memiliki kepekaan terhadap perasaan orang lain. Seseorang yang mempunyai sifat empati mampu mengidentifikasi perasaan-perasaan orang lain dan peka terhadap hadirnya emosi dalam diri orang lain melalui pesan nonverbal yang dinampakkan, misalnya nada bicara, gerak-gerik dan ekspresi wajah. Kepekaan yang sering diasah akan dapat membangkitkan reaksi spontan terhadap keadaan orang lain.

4.3.2 Kemahiran Sosial

Ciri kedua dalam komponen kesedaran sosial ialah kemahiran sosial. Kemahiran sosial melibatkan hubungan watak remaja dengan rakan sebaya, rakan sekerja, dalam keluarga dan masyarakat. Kemampuan bersosialisasi sangat penting dalam membentuk hubungan yang akrab dengan individu-individu lain dalam masyarakat. Goleman (1995) berpendapat seseorang itu akan mempunyai kemahiran bersosial yang baik apabila dia

memiliki perasaan empati dalam diri dan mampu berinteraksi dengan baik dengan orang-orang di sekelilingnya.

Bahagian kemahiran sosial akan menghurai dan menganalisis tentang kemampuan seseorang itu mengenal pasti cara-cara yang sesuai untuk mengurus semua bentuk hubungan dengan orang lain. Selain itu, ciri kedua ini diguna pakai untuk analisis sikap remaja terhadap hubungannya dengan orang lain dan sejauh mana watak tersebut menyedari dan mengambil berat tentang perasaan orang lain dan kehendak orang lain daripada dirinya.

Ciri kemahiran bersosial juga terdapat dalam diri Amira (KA ,2005). Amira seorang remaja yang ceria dan periang senang mendapat kawan. Sikap ramah Amira membuat orang lain mudah mendekatinya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan yang memulakan perkenalannya dengan Malique;

“ Saya...Amira Amir. Kami sedang bekerja di tapak cari gali di atas bukit sana. Saudara pula? Amira berusaha melenyapkan perasaan resahnya.”

(KA,2005 : 35)

Hubungan Amira dan Malique bertambah rapat kerana umur mereka hampir sebaya dan mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu membuat penyelidikan di dalam hutan yang sama. Dalam menjalin hubungan sosial, peringkat usia remaja merupakan peringkat mewujudkan hubungan sosial dengan rakan-rakan sebaya yang berlainan jantina kerana sudah ada daya tarikan antara mereka. Persahabatan Amira dan Malique wujud disebabkan mereka mempunyai tujuan yang sama datang ke tempat cari gali tersebut. Keramahan Malique merupakan satu daya penarik kepada Amira untuk terus mengenali Malique dengan lebih rapat. Keramahan tutur kata juga merupakan

faktor yang penting dalam kemahiran sosial supaya hubungan boleh berkembang dengan lebih cepat.

Selain mempunyai hubungan baik dengan Malique, Amira juga berkawan baik dengan Itai yang baru dikenalinya di dalam hutan semasa mengikut ibunya membuat penyelidikan di dalam hutan tersebut. Amira memiliki kemahiran bersosial yang tinggi kerana dia sebaik mungkin akan menjaga hati rakannya. Sebagai bukti lihat petikan berikut :

“ Kau marah Itai? Aku minta maaf. Bukan maksud aku berkata begitu .” Amira memujuk apabila menyedari Itai marah dengan kata-katanya.

Itai berhenti melangkah lalu memalingkan wajahnya ke arah Amira. Dia tahu Amira tidak berniat untuk berkata demikian. Dia rasa bersalah kerana dia seharusnya tidak melayan Amira begitu.”

(KA, 2005 : 155)

Apabila menyedari Itai marah dengan kata-katanya, Amira segera memohon maaf dengan Itai dan menjelaskan dia tidak bermaksud untuk melukakan hati Itai. Kesedaran sosial Amira pada tahap yang tinggi apabila dia segera memohon maaf setelah menyedari dia telah menyakiti hati orang lain. Hal ini dapat mengelak konflik dengan orang lain. Amira merupakan remaja yang bijak dalam menjalinkan hubungan sosial dengan orang lain kerana cepat menyedari kesilapan yang dilakukan dan tidak pula malu untuk mengaku kesilapan yang dilakukan. Amira memiliki hati budi yang baik dan berhemah tinggi walaupun dengan bangsa dan keturunan yang berbeza. Amira tidak memilih status atau keturunan untuk menjadi kawannya. Inilah antara ciri-ciri keperibadian unggul yang perlu ada pada watak remaja.

Novel *Odisi Tanah Kencana* karya Sri Rahayu Mohd. Yusop (2009) yang mengisahkan watak Raden Inu Kartapati, iaitu seorang raja dari sebuah negara Kuripan yang menyamar dan mengembara dengan menjadi Si Capik yang bertugas mengangkat barang untuk ayah saudara Saroja. Pengembaraan Raden Inu Kartapati adalah untuk mencari cahaya keagamaan yang sebenarnya. Raden Inu sentiasa tentang pencipta alam yang sebenarnya. Sepanjang pengembaraannya Raden Inu Kartapati bertemu dengan banyak orang dan banyak ragam manusia yang dijumpainya.

Sebagai bakal pemimpin negara, Raden Inu Kartapati sentiasa memikirkan hal rakyatnya dan dia meletakkan kebijakan rakyat di tempat yang tertinggi dan harus diberi keutamaan. Ini jelas menunjukkan bahawa Raden Inu Kartapati sangat mementingkan hubungan sosial dengan orang lain. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut :

“Sememangnya, kerana setelah beratus tahun orang begini, baru kita fikir. Ya barangkali saja ada orang lain yang terfikir seperti ini, tetapi mungkin kerana mereka hanya petani dan nelayan, jadi mereka tidak boleh berbuat apa-apa. tapi kita bakal menjadi seorang raja. Tentu dapat berbuat sesuatu.”

(OTK,2006: 5)

Perkara yang difikirkan oleh Raden Inu Kartapati ini selaras dengan pandangan teori kecerdasan emosi Goleman(1999) yang menyatakan bahawa keupayaan sosial akan mengizinkan seseorang itu mencorak dan membentuk pertemuan yang berlaku menjadi positif seperti membantu orang lain mendapatkan kebahagiaan. Raden Inu Kartapati berasa bertanggungjawab untuk mencari kebenaran dalam soal agama dan dia ingin menyebarkan kepada rakyatnya yang sudah lama hidup sesat tanpa arah tuju yang jelas. Raden Inu percaya ada dalam kalangan rakyatnya yang menyedari tentang hal tersebut namun sebagai rakyat yang miskin, mereka pasti tidak mampu melakukannya.

Hai ini telah mendorong Raden Inu untuk mengembara mencari cahaya agama yang sebenarnya.

Che Hassan Muda dalam novel *Bukan Legasi Lalang* karya Sri Rahayu Mohd Yusof (2000) memaparkan kisah seorang penglipur lara jalanan yang sentiasa merawikan hikayatnya di sekitar pasar-pasar termasuklah kisah pahlawan Melayu Hang Tuah dan Hang Jebat. Kisah yang diceritakan oleh Che Hassan Muda mempunyai kaitan atau persamaan dengan kisah kehidupan yang sebenar iaitu kepahlawanan Hang Tuah dan penderhakaan Hang Jebat. Hal ini telah menarik perhatian anak gadis orang kaya Tun Ariff, Tun Teja sehingga menimbulkan dendam kepada Tun Hakim yang lebih dahulu menjadi perawi istana. Watak Che Hassan Muda digambarkan memiliki kemahiran sosial yang tinggi kerana dia sentiasa mendapat sambutan orang ramai dan peribadinya sangat disenangi. Antara sifat mulia yang dimiliki oleh Che Hassan ialah menghormati orang tua dan sentiasa merendah diri. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut :

“ ... Isi perut Hasan bergelodak melihat hidangan itu, tetapi ditahannya rasa lapar, dibiarkan orang-orang yang lebih tua menjamah dahulu. Sudah diamat-amatinya bahawa di kalangan perawi-perawi yang ada, dia antara yang paling muda.

... Buat seketika Hasan terasa dirinya kecil. Tidak mungkin dia dapat membawa dirinya setaraf dengan tuan muda itu. Kalau kalam-kalam dan kertas-kertas itu miliknya, tidaklah kisah yang dirawikan begitu banyak hilang begitu saja bagaikan siulan mergastua dibawa angin lalu.

(BLL,2000 :18)

Sikap menghormati orang tua dan mendahulukan orang tua yang ditunjukkan oleh Che Hasan memperlihatkan Che Hasan sedang membina hubungan. Hal ini selaras dengan pandangan Goleman (1999) yang menjelaskan tentang kemahiran sosial

meliputi kemahiran membina hubungan ataupun *Building Bonds*. Sebagai orang muda, Che Hasan menyedari bahawa dia tidak perlu gelojo dan berebut untuk mengambil makanan dan lebih sopan dia memberi orang-orang tua yang ada di majlis itu memulakan aktiviti makan terlebih dahulu. Membina hubungan adalah menjalin hubungan yang bermakna dalam sesbuah organisasi bagi mengekalkan hubungan silatulrahim. Kecerdasan emosional adalah mencakupi penguasaan dalam hubungan sosial yang menyenangkan untuk orang-orang yang disukai dan mampu membantu menenangkan hati orang lain. Hal ini wujud dalam diri Che Hassan kerana setiap kali dia merawi, dia akan disenangi oleh penonton yang datang menyaksikan persembahannya. Che Hassan dapat menguasai orang lain untuk mendengar cerita yang disampaikan.

Watak Fimiyun dalam novel 1515 (2002) turut dipaparkan sebagai watak remaja yang mampu mengadakan hubungan sosial dengan orang di sekelilingnya dengan baik dan berkesan. Hal ini dapat dilihat semasa Fimiyun ingin menyiapkan kajiannya tentang tokoh wanita yang cemerlang di zaman pemerintahan Portugis iaitu, Nyemah Mulia. Bagi mendapatkan penjelasan yang jitu tentang hal ini, Fimiyun telah berjumpa dengan Profesor Nyemah Mulia untuk bertanyakan sejarah tentang Nyemah Mulia yang menjadi pejuang masa zaman penjajahan Portugis. Hal ini dilihat dalam petikan berikut;

“Bila Fimiyun telefon, cepat-cepat saya menyelongkar perpustakaan, dan ya, memang saya membaca Comentarios sejak dua hari lalu”.

Matanya dari raja udang beralih ke wajah profesor.
“Saya mahu tahu lebih lagi tentang Albuquerque...”

(1515, 2002 :9)

Dalam hal ini Fimiyun sedang menjalin hubungan kerjasama dengan pakar sejarah yang banyak pengalaman iaitu, Profesor Nyemah Mulia bagi mendapatkan maklumat lengkap tentang pejuang wanita semasa zaman penjajahan Melaka yang benama Nyemah Mulia. Menurut Goleman (1999), kerjasama Kolaborasi ialah kebolehan seseorang bermuafakat dengan orang lain demi mencapai matlamat yang sama berpandukan misi dan visi organisasi. Kebolehan ini dipamerkan dengan mengimbangkan fokus terhadap tugas serta perhatian terhadap hubungan. Hubungan yang dijalankan antara Fimiyun dan Profesor Nyemah Mulia adalah hubungan kerjasama yang mempunyai misi yang sama bagi mengumpul bahan-bahan sejarah sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

4.4 Kesimpulan

Hasil analisis mendapati watak remaja dalam novel kajian memiliki sifat empati dan memiliki kemahiran sosial yang tinggi. Hal ini menampakkan watak remaja di dalam novel kajian memiliki pemikiran yang matang dan tidak mempersia-siakan kehidupan remaja mereka dengan perkara yang tidak berfaedah. Mereka berupaya membentuk komuniti dalam kalangan remaja kerana sifat mudah mesra, dan memahami keperluan orang lain.

Selain itu dapat kajian juga membuktikan bahawa novel-novel remaja yang dikaji dalam komponen kesedaran sosial ini telah menyerapkan komponen kesedaran sosial dalam cerita mereka. Hal ini secara tidak langsung telah melahirkan watak-watak remaja yang unggul yang memiliki sifat kemanusiaan yang mulia dan cemerlang seperti mempunyai perasaan empati dan bertindak untuk membantu rakan atau orang lain yang berada dalam kesusahan. Seterusnya, dapat kajian juga telah membuktikan bahawa seseorang yang memiliki kesedaran sosial sudah pasti akan disenangi oleh semua orang

dan menjadi pujaan orang lain kerana remaja tersebut memiliki sifat unggul seperti berhemah tinggi, menghormati orang tua, mempunyai sifat pemaaf dan tidak malu untuk mengaku kesilapan yang dilakukan.

BAB 5

ANALISIS KOMPONEN KESEDARAN ROHANI

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan aspek kerohanian dan kesedaran rohani yang terkandung dalam model kajian yang dibentuk. Dalam bab ini, pengkaji akan mengenal pasti komponen kesedaran rohani yang terdapat pada watak dan menganalisis watak-watak protagonis remaja yang terdapat dalam teks kajian yang terpilih. Melalui analisis yang dijalankan ini, pengkaji akan mengaitkan peranan dan kepentingan komponen kesedaran rohani dalam melahirkan watak-watak remaja yang mempunyai akidah yang teguh dan akhlak yang cemerlang dalam kehidupan.

5.2 Definisi Rohani dan Kerohanian

Dari segi bahasa, rohani bermaksud roh iaitu sesuatu yang dihembuskan oleh Allah SWT ke dalam badan manusia. Dengan roh yang dimiliki ini, manusia akan menjalani kehidupan di atas muka bumi. Dalam kitab ‘*Ihya Ulumiddin*’, Imam al-Ghazali mendefinisikan roh sebagai suatu zat yang sangat halus bersumber pada ruangan jantung manusia. Jantung menjadi pusat kepada semua pembuluh darah dan terserak ke seluruh badan sehingga manusia boleh hidup dan bergerak serta dapat menimbulkan pelbagai perasaan dalam diri manusia seperti pahit, manis, susah, senang dan sebagainya. Beliau juga menyatakan bahawa roh berbentuk halus dan ghaib. Dengan roh, manusia dapat mengenal diri dan mengenal Tuhannya, berakhhlak mulia tidak seperti haiwan, berperikemanusiaan dan menuntut ilmu. Semua roh adalah suci dan baik namun apabila ditiupkan ke dalam jasad manusia, roh yang baik dan suci itu akan

berubah apabila jasad berbuat maksiat yang bertentangan dengan asal kejadian roh itu sendiri.

Roh manusia berbeza daripada roh haiwan dan roh tumbuh-tumbuhan kerana roh manusia mempunyai unsur-unsur dalaman seperti *Al-Qalb* (hati), *Al-Nafs* (nafsu) dan *Al-Aql* (akal). Roh yang ada pada manusia kekal dan abadi manakala roh pada haiwan dan tumbuh-tumbuhan akan musnah. Walaupun ketiga-tiga unsur ini adalah aspek dalaman manusia yang penting namun al-Ghazali lebih menitikberatkan soal hati kerana hati adalah pengantara kepada unsur-unsur yang lain. Hati diumpamakan sebagai raja dan memberi kesan kepada diri manusia kerana hati mempunyai tentera yang ‘bertugas’ melayani kehendaknya. Pembantu yang dimaksudkan melayani kehendak hati ialah seluruh anggota badan seperti tangan, kaki, mata, telinga dan sebagainya akan patuh kepada suruhan hati. Hal ini pernah disebut oleh al-Ghazali bahawa “Sesungguhnya kenderaan hati itu ialah tubuh manakala perbekalannya ialah ilmu. Dan sesungguhnya sebab-sebab yang menyampaikannya kepada perbekalan dan yang menetapkan perbekalan itu ialah amal soleh.”

Kerohanian pula bermaksud sifat-sifat rohani yang merujuk kepada jiwa, semangat atau batin yang terdapat dalam diri manusia atau perasaan dalaman manusia yang berkaitan dengan jiwa. Aspek kerohanian juga berkaitan dengan hati, kalbu, jiwa, mental dan fikiran manusia. Dalam Islam, aspek kerohanian berpusat kepada manusia itu sendiri kerana yang menjadi pelaksana kepada unsur-unsur kerohanian itu adalah manusia. (Mohamed Asin Dollah, 1998). Hal ini sesuai dengan pandangan Islam bahawa hakikat kejadian manusia terdiri daripada dua unsur iaitu unsur jasad (kebendaan) dan unsur roh (kerohanian). Setelah manusia dijadikan, ia disempurnakan kejadiannya oleh Allah dengan meniup roh ciptaan-Nya ke dalam tubuh manusia. Unsur jasad bagi tubuh manusia itu adalah unsur yang boleh diperhati secara empirikal.

Sifatnya boleh bergerak, boleh membesar dan melakukan aktiviti empirikal yang lain. Unsur roh tidak boleh diperhatikan melalui pengamatan pancaindera, namun roh tetap wujud dan berfungsi dalam diri manusia.

Antara fungsi roh dalam diri manusia ialah mempunyai keinginan tertentu seperti keinginan untuk mempunyai akhlak mulia, berilmu tinggi, ikhlas kepada Allah S.W.T, bertaubat, melakukan pembersihan jiwa bagi mencapai keredaan Allah dan sebagainya. Pada roh bersandarnya perasaan, jiwa, nafsu, emosi dan pemikiran. Kesemua entiti ini terputus apabila hilangnya roh daripada jasad. Tanpa roh manusia akan mati. Jasad hanya merupakan kelonsong kepada kewujudan roh, sementara roh akan meneruskan kehidupan di alam – alam akan datang sehingga hari kebangkitan selepas hari kiamat.

Al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* menghuraikan sifat-sifat manusia berdasarkan kenyataan al-Quran dan hadis serta pemerhatian beliau semasa dalam pengembalaan sufinya. Pada pandangan beliau, walaupun manusia terdiri daripada komponen fizikal dan spiritual, namun tumpuan al-Ghazali lebih kepada aspek spiritual atau rohani. Pada pandangan beliau, aspek rohani iaitu unsur dalaman manusia akan mempengaruhi kehidupan manusia secara keseluruhannya. Sesuatu tingkah laku yang ditunjukkan oleh manusia akan dipengaruhi oleh dorongan yang datangnya daripada sifat rohani atau sifat dalaman manusia itu sendiri.

Hakikat kejadian manusia adalah berbeza dengan kejadian haiwan kerana Allah mewajibkan manusia menggunakan akal untuk berfikir dengan bijaksana dan bertindak dengan rasional tanpa melukakan hati orang lain demi kehidupan yang sejahtera. Allah juga telah menganugerahkan *qalb* ataupun qalbu iaitu sumber pancaran iman dan takwa serta tempat Allah anugerahkan ilmu. *Qalb* akan menapis segala sesuatu yang ditanggapi oleh pancaindera dalaman dan luaran sebelum membenarkan anggota badan

yang lain bertindak. Selain itu, manusia akan dikuasai nafsu atau keinginan apabila bertindak. Dalam hidup ini, ada dua nilai yang menentukan perbuatan manusia iaitu nilai baik dan nilai buruk, nilai betul dan nilai salah. Bagi melengkapkan diri menjadi individu yang baik akhlak dan tingkah lakunya khususnya kepada individu yang beragama Islam mestilah memberi tumpuan kepada soal-soal kerohanian yang bersangkutan dengan soal keagamaan. Kewujudan manusia di dunia ini bukan secara kebetulan tetapi mereka dicipta untuk dijadikan khalifah Allah atas muka bumi ini. Hal ini dijelaskan melalui maksud ayat yang berikut;

Adakah kamu mengira, bahawa Kami menciptakan kamu bermain-main, dan bahwa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?

(Surah al-Mukmin 23: 115)

Ayat ini menegaskan bahawa kewujudan manusia di dunia ini mempunyai tujuan dan matlamat yang mesti dilaksanakan sama ada bagi tujuan kehidupan di dunia ini ataupun kehidupan selepas ini. Allah tidak menjadikan manusia dan jin melainkan untuk berbakti dan beribadat kepada-Nya iaitu dengan menyembah Allah. Menyembah Allah SWT bermaksud memusatkan penyembahan semata-mata kepada-Nya iaitu dengan cara menjalankan dan mengatur seluruh aspek kehidupan dunia ini zahir dan batin sesuai dengan kehendak Ilahi, sama ada sebagai hamba dengan khalik atau sesama manusia. Dalam Islam, tuntutan jasad dan tuntutan roh sama-sama diberi perhatian. Manusia Muslim tidak disuruh meninggalkan kenikmatan atau kemewahan kebendaan serta keperluan jasmani asalkan perkara-perkara tersebut tidak dinikmati secara melampau sehingga mengabaikan tuntutan kerohanian.

Pandangan tentang unsur kerohanian ini juga turut diperkatakan oleh ahli-ahli falsafah Yunani pada zaman keemasan Greek. Rene Descartes iaitu “Bapa Psikologi

Saintifik” (1596 – 1650, berpendapat bahawa manusia boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu jiwa dan jasad atau tubuh badan yang terpisah tetapi berinteraksi sesama sendiri. Menurut Descartes, jasad manusia ialah satu sistem fizikal dan pergerakannya ialah pergerakan automatik yang hanya bergerak balas terhadap rangsangan-rangsangan luaran. Konsep yang dikemukakan oleh Descartes ini dikenali sebagai pecahan dualisme. Beliau juga mengakui bahawa manusia mempunyai jiwa dan akal fikiran. Hal inilah yang membezakan sifat manusia dan haiwan. Namun jiwa manusia kosong, tidak mempunyai apa-apa bahan hanya berfungsi sebagai tempat menyimpan buah fikiran di samping pengetahuan tentang ruang, masa, ketuhanan dan lain-lain. Pandangan beliau dikukuhkan oleh Aristotle yang juga menyebut tentang kewujudan rohani manusia yang dikatakan terletak di hati manusia. Menurut Aristotle, akal fikiran manusia yang kosong semasa dilahirkan itu akan diisi apabila usia semakin meningkat dengan pengetahuan-pengetahuan yang diperoleh daripada interaksi manusia dengan alam sekitar dan jiwa serta perasaan manusia boleh difahami melalui hubungannya dengan sistem-sistem lain di dalam badan. Pandangan Plato agak berbeza daripada Descartes dan Aristotle, beliau menyatakan rohani manusia berinteraksi melalui otaknya. Walaupun terdapat perbezaan pendapat namun ketiga-tiga tokoh pemikir Yunani ini tetap mengakui pentingnya unsur rohani dalam diri manusia.

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, unsur rohani dikaitkan dengan sifat menyedari dan menginsafi adanya pencipta, menghargai serta mensyukuri pemberian-Nya. Unsur rohani ini juga merujuk kepada sikap menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin kendiri untuk membentuk akhlak yang mulia. Kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan jelas menegaskan bahawa pendidikan di Malaysia adalah bertujuan untuk membangunkan insan berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Hasrat ini selaras dengan prinsip hidup rakyat Malaysia iaitu percaya kepada Tuhan yang terkandung dalam

Rukun Negara Malaysia. Kepatuhan dan kepercayaan kepada Tuhan bagi warganegara beragama Islam adalah Rukun Iman yang pertama dalam Islam. Beriman kepada Allah SWT merupakan perkara pokok yang wajib dilakukan oleh umat Islam. Tuntutan utama beriman kepada Allah SWT ialah mentauhidkanNya iaitu tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu apa-apa pun selain daripadaNya.

Jelaslah bahawa aspek rohani dan kerohanian amat penting dalam diri manusia kerana unsur kerohanian inilah yang menjadi inti sari kepada nilai kemanusiaan. Sahsiah dan peri laku manusia sama ada baik atau buruk akan terpancar melalui kesedaran rohani yang dimiliki oleh seseorang itu.

5.3 Komponen Kesedaran Rohani

Kecerdasan dalam perspektif Islam lebih bersifat spiritual ataupun lebih menekankan kepada aspek rohani. Dalam Islam, kesedaran rohani merupakan kecerdasan yang berpusat kepada rasa cinta yang mendalam terhadap Allah SWT dan seluruh ciptaan-Nya. Komponen ini adalah tahap kecerdasan emosi yang tertinggi yang lahir daripada rasa cinta yang mendalam terhadap nilai-nilai keimanan dan ketaqwaan kepada Ilahi. Pendekatan utama yang digunakan untuk mengembangkan aspek kecerdasan emosi dalam kajian ini ialah melalui kesedaran rohani. Komponen Kesedaran Rohani dijadikan salah satu komponen penting dalam MKE kerana aspek kesedaran rohani merupakan asas penting bagi menyedarkan manusia tentang peranan agama dalam kehidupan. Bagi mengembalikan fungsi sosial agama yang semakin terhakis dalam diri manusia khususnya golongan remaja, maka pengkaji telah membentuk komponen kesedaran rohani sebagai komponen penting dalam MKE yang mesti ada pada seseorang remaja untuk membentuk sahsiah menjadi unggul.

Berdasarkan komponen utama ini, sesebuah karya yang dipersembahkan kepada khalayak khususnya remaja hendaklah memaparkan watak-watak protagonis remaja yang memiliki ciri-ciri ketauhidan yang tinggi iaitu mengutamakan hubungan dengan Allah SWT seperti yang telah dihuraikan dalam Bab Dua iaitu yang berkaitan dengan Pendekatan Tauhid. Berlandaskan Pendekatan Tauhid, sesebuah karya itu mesti menyampaikan amanat kebaikan melalui watak-watak yang dipaparkan dalam cerita sebagaimana yang dianjurkan oleh ajaran Islam serta dapat berdakwah untuk meningkatkan kesedaran rohani. Selain itu, watak-watak remaja yang ditampilkan harus sentiasa mengabdikan diri kepada Allah SWT bagi tujuan kehidupan yang harmoni.

Islam adalah agama Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW yang bersendikan iman. Iman merujuk kepada akidah atau keyakinan dan sesuatu yang perlu diamalkan (melalui perbuatan). Amalan merupakan kesinambungan dan pelaksanaan daripada akidah tersebut. Bagi membentuk sahsiah dan keperibadian manusia, akidah dan akhlak saling berkait antara satu sama lain. Sekiranya seseorang itu yang mempunyai akidah yang teguh terhadap agamanya, sudah pasti akan mempamerkan akhlak yang mulia dan disenangi oleh orang lain. Semua agama di dunia mengajar manusia berakhlak mulia apalagi agama suci yang datangnya dari Allah SWT. Akidah dan akhlak diletakkan dalam komponen kesedaran rohani kerana kedua-dua aspek ini datangnya daripada sifat dalaman manusia dan boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui pengalaman dan pembelajaran yang dilalui.

Dalam kajian ini, komponen kesedaran rohani telah kategorikan kepada dua bahagian iaitu akidah dan akhlak. Justifikasi pemilihan aspek akidah dan akhlak dalam komponen kesedaran rohani adalah berpandukan kepada kandungan kitab Ihya' Ulumuddin yang menjelaskan tentang kesempurnaan hidup manusia bergantung kepada akidah dan akhlaknya. Pembahagian ciri-ciri dalam aspek akhlak adalah berpandukan

kepada akhlak Rasulullah sebagaimana yang disebut oleh Imam Al-Ghazali dalam kitab Ihya' Ulumuddin.


Komponen Kesedaran Rohani adalah dituntut dalam diri seseorang khususnya bagi golongan remaja yang masih muda. Dengan memiliki akidah yang teguh dan akhlak yang terpuji, remaja akan mampu menangani segala dugaan dan rintangan dengan tenang dan seterusnya dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai manusia Islam dengan cemerlang. Kedua-dua aspek ini penting untuk meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan manusia kepada Allah SWT. Akidah dan akhlak akan diperincikan mengikut ciri-ciri tertentu bagi menggambarkan kedua-dua aspek tersebut. Keteguhan akidah seseorang itu akan dibincangkan melalui ciri-ciri yang berikut iaitu;

- i. menghapuskan perbuatan syirik kepada Allah SWT
- ii. Berjihad ke jalan Allah
- iii. Melakukan ibadah dengan bersungguh-sungguh

Bagi menggambarkan akhlak yang mulia pula, seseorang itu akan dinilai berdasarkan ciri-ciri yang berikut;

- i. berhemah tinggi dalam pergaulan
- ii. bersabar menghadapi dugaan
- iii. berani dan optimis

Ciri-ciri yang dimiliki oleh kedua-dua unsur ini digambarkan seperti gambar rajah yang berikut:



Rajah 5.1: Komponen Kesedaran Rohani

5.3.1 Akidah dalam Komponen Kesedaran Rohani

Akidah bermaksud kepercayaan, keyakinan dan keimanan terhadap Allah SWT tanpa sebarang syak dan keraguan. Menurut perspektif Islam, akidah atau iman yang tulen bukan sahaja tertumpu kepada amalan peringkat lidah, anggota badan dan mental seseorang sebaliknya pelaksanaan akidah ini harus berlangsung sehingga ke peringkat spiritual atau dalaman diri seseorang manusia. Dengan ini, kepercayaan dan keyakinan seseorang itu akan teguh dan tidak mungkin dapat digugat lagi sehingga menimbulkan ketaatan dan kepatuhan hati untuk mempraktikkan segala hukum dan suruhan yang terkandung dalam akidah dengan perasaan yang rela hati.

Hubungan antara akidah dan kerohanian sangat erat kerana akidah adalah asas atau tunjang kepada keimanan atau keyakinan seseorang manakala kerohanian ialah aspek kesediaan seseorang itu melakukan apresiasi terhadap akidahnya. (Zakaria Stapa, 1998). Tokoh ini berpendapat, sekiranya seseorang itu enggan menghayati dan melaksanakan tuntutan akidahnya, maka aspek kerohanian di dalam diri seseorang itu tidak berperanan. Hal yang amat penting dalam akidah ialah iman. Iman adalah sumber kekuatan, sumber keindahan alam pada penglihatan mata. Tidak ada hati yang boleh

tergugat apabila tunjang berpaut kukuh pada iman. Dalam buku *Akidah Islam* karya Sayid Sabiq (2012), iman didefinisikan sebagai suatu akidah atau kepercayaan iaitu atas tempat berdiri tegak di atasnya syariah Islamiah. Akidah tauhid ialah setinggi-tingginya akidah yang dapat dicapai oleh manusia. Ia memerlukan satu iktikad bahawa Allah yang tunggal sahaja yang berhak disembah.

Sesungguhnya keimanan itu ialah darjah keyakinan yang teguh lagi kuat dan tidak boleh digoncangkan oleh kebimbangan dan keraguan sebagaimana ditegaskan oleh Allah dalam firmanNya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang beriman (percaya) kepada Allah dan Rasul-Nya. Kemudian itu mereka tidak ragu-ragu.”


(*Surah al-Hujurat- ayat 15*)

Ayat ini membawa maksud bahawa iman itu bukan sekadar amalan lisan, amalan anggota badan dan amalan perasaan semata-mata, sebaliknya iman ialah amalan yang menembusi hingga ke hati sanubari serta menguasai pancaindera, keinginan dan perasaan seseorang. Hal ini berkaitan dengan kesedaran akal yang boleh menyingkap hakikat pencipta daripada makhluk dalam bentuk yang sebenarnya. Kesedaran akal mestilah sampai ke tahap yang mutlak dan tidak dapat digoncang oleh rasa syak dan keraguan. Pengetahuan yang jitu dan mutlak ini mesti disertai dengan kesedaran hati yang terpapar dalam bentuk ketaatan dan tunduk kepada orang yang diimaminya dengan perasaan lapang dada dan reda. Pengetahuan dan kepatuhan ini pula hendaklah diikuti dengan kesungguhan cita rasa hati yang membawa kepada beramal dengan tuntutan akidah.

Allah SWT menjadikan akidah secara umum dan merata untuk seluruh umat manusia, kekal sepanjang masa kerana telah nyata kesan-kesan manfaat dan

keperluannya sama ada secara kehidupan individu maupun perkembangan masyarakat. Tujuan utama pembinaan akidah adalah untuk mendidik manusia secara baik dalam menempuh kehidupan, menyucikan jiwa bagi mencapai puncak darjat keimanan yang tertinggi. Pendekatan Islam ke arah kehidupan itu bersepada dan akhirnya bertitik pada satu titik yang muktamad iaitu titik kematian yang nantinya akan dinilai setakat mana kita mengabdikan diri kepada Allah SWT. Konsep kesepadan ini juga menunjukkan bahawa Islam tidak mengambil jalan yang berasingan dalam menangani masalah manusia dalam apa-apa bentuk sekali pun. Islam sebagai *ad-din* menuntut umatnya mengamati dan mempraktikkan keseluruhan ajaran Islam tanpa kekecualian dalam kehidupan seharian. Manusia Islam harus berpegang kepada Quran, sunah, ijma' ulama dan qias.

Berdasarkan takrif dan penerangan yang telah diberikan tentang akidah, pengkaji telah membahagikan unsur akidah kepada tiga ciri seperti yang terdapat dalam gambar rajah yang diberi. Dengan memiliki ciri-ciri yang dinyatakan ini, seseorang itu akan dinilai mempunyai akidah yang teguh di dalam dirinya.



Rajah 5.2: *Ciri-ciri Akidah dalam Komponen Kesedaran Rohani*

Bagi menghuraikan Komponen Kesedaran Rohani, justifikasi pengkaji memilih tiga buah novel remaja ini adalah kerana ketiga-tiga novel ini dominan mengandungi ciri-ciri tersebut berbanding novel-novel kajian yang lain. Antara novel yang akan dibincangkan dalam Komponen Kesedaran Rohani ialah novel *1511H [Kombat]* (KOMBAT) karya Faizal Tehrani (2003), *Advencer Si Peniup Ney* (ASPN) karya Faizal Tehrani, (2004), dan *Kasih Nan Agung* (KNA) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, (2008). Ketiga-tiga buah novel remaja ini membawa amanat keagamaan yang menuntut keteguhan akidah dan kemuliaan akhlak bagi menangani dugaan dan cabaran yang dilalui sebagai usaha untuk menegakkan kesucian agama Islam. Ketiga-tiga teks ini meletakkan amanat keagamaan sebagai unsur penting untuk menghidupkan cerita. Dengan ini, secara tidak langsung dapat mendidik kesedaran rohani dalam diri remaja. Komponen Kesedaran Rohani bukan sahaja memperlihatkan pentingnya peranan agama dalam kehidupan manusia dan tanggungjawab manusia mempertahankan kesucian agama malah dengan memiliki tahap kesedaran rohani yang tinggi, seseorang itu pasti memiliki akhlak yang mulia.

5.3.1.1 Menjauhi Perbuatan Syirik Terhadap Allah SWT

Seseorang yang memiliki akidah yang teguh akan sentiasa memperhambakan dirinya kepada Allah sebagai bukti cintanya yang mendalam terhadap Allah SWT. Dalam konteks menghambakan diri ini, manusia yang beriman dan mencintai Allah SWT tidak akan melakukan perkara syirik iaitu tidak akan menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain kerana seseorang yang syirik akan terkeluar daripada Islam. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah dalam surah *al-Baqarah*, ayat 165 yang bermaksud;

“Dan di antara manusia ada golongan yang menyembah sekutu-sekutu selain daripada Allah dan mereka mencintainya

sebagaimana mereka mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman amat kuat kecintaan mereka terhadap Allah”.

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia Islam yang kuat imannya hanya menyembah Allah Yang Maha Esa dan tidak ada sesuatu yang dapat menyekutukan sifat Allah. Seluruh jiwa dan raga hanya diserahkan kepada pencipta atau al-Khalid dengan perasaan yang terlalu merendah diri sehingga menimbulkan perasaan takut kepada Allah SWT.

Dalam soal membuktikan cinta yang mendalam terhadap Allah SWT, ketiga-tiga karya ini menampilkan perjuangan masyarakat Islam untuk menegakkan kesucian agama Islam dan menghapuskan perbuatan syirik terhadap Allah SWT. Hal ini dengan jelas dapat dilihat dalam *novel 1511H [Kombat]*, karya Faizal Tehrani (2003). Novel yang mempunyai ketebalan 432 halaman dengan 17 bab ini telah mengetengahkan tema patriotisme iaitu tentang perjuangan masyarakat Islam menentang pihak Amerika demi mempertahankan kesucian agama Islam. Dengan menggunakan kepakaran pemikiran, futuwwah orang-orang muda dan kecanggihan teknologi moden serta kepakaran sebelas orang komander dari pelbagai negara Islam, termasuk seorang dari Malaysia, mereka telah berjuang berhabis-habisan melawan pihak Amerika.

Dalam novel ini, Barat bukan sahaja cuba memesongkan akidah orang Islam malah mereka bertindak lebih kejam lagi iaitu ingin memusnahkan Kota Mekah dan Kota Madinah. Atas kesedaran untuk menegakkan kesucian Islam dan mengembalikan akidah umat Islam ke jalan yang benar, teks ini telah menampilkan watak Jeneral Hajah Syarifah Nusaybah Syed Abdullah yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan satu misi besar untuk menghapuskan kuasa Barat yang telah sekian lama

memusuhi Islam. Beliau mahu membangunkan Islam menjadi suatu ummah yang besar di dunia seperti yang dinyatakan dalam petikan yang berikut:

“Ana lihat Islam sebagai satu ummah. 1.3 billion jiwa, 11 397 jenis bahasa, 1511 Hijrah, 114 surah, 72 jemaah, 47 wilayah, 3 tempat suci, 10 komander dan diperlukan seorang lagi. Namanya Muhammad Ameen. Komander Mohammad Ameen.”

(*1511H [Kombat]*, 2003: xiv)

Akidah dan keimanan yang tinggi yang dipamerkan oleh Jeneral Nusaybah ini menjadi motivasi kepada golongan remaja untuk sama-sama berjuang mempertahankan kesucian agama Islam. Novel *1511H [Kombat]* menampilkan banyak watak remaja. Antaranya ialah sebelas remaja yang dipilih dan dilantik memegang jawatan komander oleh Jeneral Syarifah Nusaybah. Kesemua remaja ini direkrut menjadi tentera dan diberi pendedahan dalam semua aspek ketenteraan dan strategi peperangan menggunakan senjata-senjata berteknologi tinggi yang telah diubahsuai. Pemilihan komander daripada golongan remaja ini berdasarkan kelebihan mereka dalam bidang keagamaan dan diyakini mempunyai keimanan yang teguh kepada Allah SWT. Sebagai contohnya, pemilihan Muhammad Ameen sebagai komander terakhir dalam misi kombat ini adalah berdasarkan kelebihannya dalam aspek akidah dan akhlaknya. Perkara ini dibuktikan melalui kata-kata Jeneral Nusaybah dan tuan guru Muhammad Ameen seperti di bawah;

“Ya, dia remaja Melayu. Hafal al-Quran, pengagum syair-syair Hamzah Fansuri, tinggi kembaranya ke langit...”

(*1511H [Kombat]*, 2003: xv)

“Ana memilih enta kerana entalah ahli futuwwah sebenar, anak muda penuh etika. Ana tidak akan memilih orang yang salah, mutafatti, mereka yang kononnya sampai ke makam futuwwah tetapi tidak melaksanakan prinsipfutuwwah sebenarnya.”

(*1511H [Kombat]*, 2003:3)

Karya ini juga mengangkat watak Muhammad Ameen, seorang pemuda berbangsa Melayu yang berasal dari Malaysia, baru berusia 19 tahun sebagai ketua yang menerajui Gerakan Pemuda Islam untuk menghalang rancangan jahat Amerika yang mahu menghapuskan akidah orang-orang Islam. Keteguhan iman yang dimiliki oleh Muhammad Ameen telah menyebabkan ketua misi gerakan ini percaya dan yakin dengan izin Allah SWT, Muhammad Ameen dapat mengembalikan kegemilangan Islam. Hal ini disebut dalam petikan yang berikut;

“Sungguh-sungguh entalah yang terpilih! Punya semangat seperti Nabi Allah Ibrahim, di hati melimpah cinta sedang di tangan tergenggam erat kapak untuk memberontak. Berhala terlalu banyak zaman ini, Komander, untuk enta hancurkan. Seluruh dunia sudah menjadi seperti rumah pembuat berhala Azar kerana Amerika ini. Anakku Muhammad Ameen, beritahu kembali, kisah Ikrimah di medan Yarmuk itu. Satu contoh yang sebenar-benarnya mengapa kita mesti menghantar remaja-remaja kita yang berani untuk menggempur musuh Islam”.

(1511H [Kombat], 2003: 20)

Kata-kata dalam petikan ini menggambarkan bahawa Jeneral wanita yang berusia 63 tahun ini mempunyai keimanan yang tinggi dan cintanya kepada Allah SWT amat mendalam. Beliau amat bimbang akan akidah masyarakat Islam pada masa kini yang semakin lemah disebabkan terpengaruh dengan cara hidup Barat. Perasaan cinta dan kasih kepada Allah yang mendalam telah mendorong Jeneral Syarifah Nusaybah berjuang bersungguh-sungguh untuk menghapuskan berhala dalam bentuk moden yang boleh mendatangkan perasaan syirik dalam kalangan orang Islam. Hasrat Jeneral Syarifah Nusaybah yang mahu melancarkan kombat kepada Barat menunjukkan bahawa beliau memiliki kesedaran rohani yang tinggi untuk menjaga kesucian agama Islam. Keimanan yang tinggi yang ditunjukkan oleh Jeneral Syarifah Nusaybah telah berjaya membuka pintu hati Muhammad Ameen dan pemuda-pemuda Islam yang lain untuk

sama-sama berjuang menegakkan agama Islam dan berperang melawan pihak Barat. Novel ini bukan sahaja berjaya merangsang kesedaran rohani Muhammad Ameen, malah berupaya menjentik kesedaran rohani dalam kalangan pembaca remaja yang membaca novel ini.

Hal yang sama terdapat dalam Novel *Advencer Si Peniup Ney* (ASPN), karya Faizal Tehrani (2004). Novel ini juga mengemukakan tema tentang perjuangan masyarakat Islam di sebuah negara yang mahu memerangi budaya Barat dan falsafah hendonisme yang telah memesongkan akidah masyarakat jin Islam di negeri Fantasia. Akidah masyarakat Islam di negeri ini lebih parah apabila pemerintah mereka telah mengasaskan bentuk hiburan yang bermoral rendah dan bertunjangkan syahwat semata-mata. Beliau juga telah menukuhkan sebuah akademi muzik bagi mengasuh pelajar-pelajarnya untuk menjadi penghibur bernaafsu rendah.

Hal ini amat membimbangkan sekumpulan remaja yang masih kuat mengamalkan ajaran Islam. Mereka berasa bertanggungjawab untuk mengembalikan kesucian Islam di negeri mereka. Setelah bermesyuarat dengan masyarakat Islam di negerinya, sekumpulan remaja telah berjumpa dengan Sulaiman Hilmi bin Kamal iaitu seorang ustaz muda yang sangat berpengaruh di negerinya. Tujuan mereka berjumpa Ustaz Sulaiman adalah untuk membawa remaja tersebut ke negeri Fantasia bagi mengembalikan semula akidah masyarakat Islam di situ. Kumpulan remaja dari negeri Fantasia ini telah merayu kepada ayah Sulaiman supaya membenarkan Sulaiman mengikuti mereka seperti yang terdapat dalam petikan di bawah;

“Andai Ustaz tidak mahu menolong, tidak tahu lah apa daya kami lagi. Sungguh kami diilhamkan Tuhan untuk datang dari jauh menemui ustaz.” Harun bersuara perlahan sekali. Hampir-hampir seperti berbisik. “Hajat kami ini telah diputuskan oleh majlis syura bahawa kami memerlukan Ustaz Sulaiman untuk memimpin kami.”

(ASPN, 2004:5)

Kerosakan akhlak remaja Islam sangat meruncing di negeri Fantasia sehingga golongan remaja di negeri itu terus hanyut dalam dunia hiburan dan keseronokkan dan terus melupakan ajaran agama. Tidak ada perkara yang boleh membezakan dosa dan pahala lagi kepada mereka. Banyak berlaku kemungkaran dan maksiat di negeri tersebut kerana anak-anak muda terlalu asyik dengan muzik dan sangat taksub dengan dunia hiburan seperti yang dijelaskan dalam petikan ini;

“Apakah kedudukan sebenar di negeri Fantasia ini untuk pengetahuanku?”

Harun menghela nafas, “Teruk. Remajanya demamkan hiburan sahaja, demamkan muzik sahaja hingga kan apa sahaja yang berlaku di keliling mereka sudah terabai. Kalaupun negeri nanti ditempur jin Israel dan digempur jin kafir, tetap mereka itu tidak berubah, mereka akan demamkan muzik sahaja sehari-harian. Itulah keadaan di negeri Fantasia.

(ASPN, 2004: 31)

Demi cinta dan kasih yang mendalam terhadap Allah SWT dan demi mengembalikan akidah masyarakat Fantasia yang sudah terpesong jauh itu, akhirnya Sulaiman Hilmi yang masih remaja bersetuju untuk pergi ke negeri Fantasia. Masyarakat Islam di dalam novel ini khususnya penduduk negeri Fantasia digambarkan memiliki iman yang sangat rapuh dan mudah tergoda dengan budaya hedonisme yang diperkenalkan oleh pihak Barat. Bagi mengembalikan semula akidah Islam ke dalam diri manusia Islam yang rapuh imannya itu, sekumpulan remaja telah merancang satu strategi untuk mendekati golongan remaja di negara tersebut supaya berpaling semula kepada ajaran Islam. Kelemahan dari segi akidah ini terjadi disebabkan tahap kesedaran rohani dalam kalangan penduduk Fantasia amat lemah dan mereka tidak menganggap agama sebagai perkara penting dalam mengisi keperluan rohani mereka.

Antara dakwah yang mula-mula disebarluaskan oleh Ustaz Sulaiman Hilmi kepada masyarakat di negara itu ialah dengan membawa mereka kembali mengingati Allah seperti yang terdapat dalam petikan yang berikut;

“Tuan-tuan, perkataan idola itu berasal daripada bahasa Inggeris yang akar katanyaialah *idol*, yang bermaksud berhala. Usahlah saya yang merupakan hamba Allah ini diberhalakan, walau dengan gelar kata, kerana bimbang-bimbang nanti gelar itu lekat menjadi kasad, nauzubillah. Maha Suci Allah yang melindungi kita daripada kesesatan!”

(ASPN, 2004:66)

Sulaiman telah menyedarkan remaja masyarakat tersebut yang terlalu mengagung-agungkan penyanyi yang digemari dan akan memanggil penyanyi pujaan mereka sebagai ‘idola’. Selepas Sulaiman mengeluarkan kata-kata ini, ada dalam kalangan remaja di negara itu yang sudah terkesan dan tidak lagi memanggil Sulaiman ‘idola’ sebaliknya memanggil nama sahaja. Sulaiman berusaha untuk membawa remaja Islam ke jalan yang benar supaya mereka dijauhi daripada perbuatan syirik kepada Allah.

Ciri menjauhi perbuatan syirik kepada Allah juga dipaparkan dalam novel *Kasih Nan Agung*, (KNA) karya Sri Rahayu Mohd Yusop (2008). Novel ini juga mengangkat kisah perjuangan orang Islam menentang perkara yang boleh mendatangkan kekufuran kepada Allah SWT. Jaka Sulaiman, seorang penuntut tahun akhir jurusan paleoantropologi di Universiti California, berasa amat marah apabila pensyarah-pensyarah dalam jurusan paleoantropologi masih menegakkan Teori Evolusi Darwis apabila membincangkan hal asal-usul kejadian manusia. Beliau dengan lantang menentang pandangan sekumpulan tokoh akademik Barat yang sedang membentangkan isu tersebut di simposium yang bertajuk “*Kebangkitan Semula Neo-Darwinisme: Bukti*

Baharu, Kebenaran Lama" yang diadakan di universiti tempat beliau belajar. Teori yang bersandarkan falsafah materialisme ini boleh menggugat akidah orang Islam jika mereka bersetuju tentang pandangan yang menyatakan bahawa semua benda majud di dalam dunia ini berasal daripada jirim termasuklah kejadian manusia.

Falsafah ini dengan jelas telah menolak kewujudan roh bagi manusia. Hal ini secara tidak langsung menolak kewujudan Allah SWT sebagai Pencipta Yang Maha Bijaksana. Sekiranya teori kejadian manusia yang diangkat oleh Barat ini dianggap benar oleh masyarakat Islam maka mereka akan terjerumus ke arah perbuatan yang menyekutukan Allah dan harus bertaubat. Jaka Sulaiman, watak utama dalam novel ini telah berusaha dengan gigih untuk memperbetulkan fakta yang dianggap mengarut dan sengaja direka-reka sebagai propaganda falsafah materialisme. Berbekalkan keimanan yang kuat terhadap Allah SWT, Jaka Sulaiman tidak dapat mendiamkan dirinya daripada membetulkan fakta tentang asal-usul kejadian manusia dan kewujudan Tuhan yang mencipta seluruh alam. Kemarahan Jaka dapat dilihat melalui petikan berikut:

Mata Jaka Sulaiman berair, rahangnya terasa kaku oleh kemarahan. Dia tidak pernah berasa begitu dihina. Reaksi kalangan peserta simposium tidak kurang menunjukkan yang mereka juga amat terusik oleh pembentangan Maximillian. Ada yang bertepuk sorak, ada yang menggeleng-geleng dan ada yang termenung jauh.

(KNA, 2008 : 19)

Kejadian ini berlaku semasa pembentangan Profesor Maximillian Blake iaitu pensyarah Paleoantropologi dari Universiti California yang mengemukakan hujah bahawa manusia dan mawas dari keturunan yang sama. Jaka Sulaiman menjadi bertambah marah dan menganggap Blake berusaha menipu audien dengan teori yang

palsu dan cuba mempengaruhi pandangan masyarakat Islam yang boleh membawa kepada kekufturan.

Berdasarkan contoh-contoh yang telah dipetik daripada beberapa novel remaja tersebut, didapati bahawa masyarakat Islam berusaha menentang strategi-strategi Barat yang mahu memesongkan akidah umat Islam. Barat telah memperkenalkan perkara-perkara yang boleh melalaikan manusia Islam dan seterusnya umat Islam akan syirik kepada Allah SWT. Cara hidup yang mengagung-agungkan budaya hidup Barat akan menyebabkan orang Islam mengabaikan larangan agama. Perbuatan syirik merupakan satu dosa besar dan akan menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada agama Islam.

Hal ini dijelaskan dalam maksud ayat di bawah;

“Sesungguhnya, Allah tidak akan mengampuni dosa menyekutukan sesuatu dengannya, dan dia mengampuni dosa yang selain daripada syirik itu bagi sesiapa yang dikehendakinya. Sesiapa yang menyekutukan sesuatu dengan Allah, sesungguhnya dia sesat dengan kesesatan yang jauh.”

(Surah *an-Nisak*, ayat 116)

Antara budaya Barat yang boleh melalaikan orang Islam adalah melalui media hiburan seperti muzik, filem, lagu-lagu, cara berpakaian dan cara hidup yang boleh menjurus kepada perbuatan maksiat. Hal ini dibimbangi akan mempengaruhi golongan remaja yang masih belum matang untuk memilih perkara yang baik atau yang tidak baik kepada diri mereka. Melalui novel-novel yang dibincangkan ini, remaja akan dapat menilai dan memahami punca-punca yang boleh mengugat akidah. Jelaslah bahawa perbuatan syirik akan mempengaruhi kesedaran rohani seseorang itu ke tahap yang rendah. Apabila tahap kesedaran rohani rendah, seseorang itu terdorong untuk melakukan perkara yang mungkar tanpa berasa malu terhadap Allah SWT. Hanya remaja yang memiliki kesedaran rohani yang tinggi sahaja dapat menepis segala

kemungkaran dan akan berusaha untuk mempertahankan kesucian agama dan mengukuhkan pegangan akidah mereka.

5.3.1.2 Berjihad ke Jalan Allah

Perkataan jihad berasal daripada perkataan Arab “*Al Juhdu*” yang bermaksud berjuang dengan segala kemampuan dan kekuasaan. Berjihad ialah berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi mempertahankan kesucian agama Islam. Jihad merupakan suatu kewajipan yang diperintah Allah SWT sebagaimana firman Allah yang bermaksud;

“Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan), sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci, dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu pada hal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semua itu), sedang kamu tidak mengetahuinya”.

(Surah *al-Baqarah*: ayat 216)

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia diwajibkan berjihad atau berperang bagi mempertahankan sesuatu pencerobohan yang berlaku ke atas diri manusia terutama dalam hal menjaga kesucian agama Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa kecemerlangan umat Islam pada zaman lampau adalah bermula dengan semangat jihad. Dalam erti kata yang lebih luas, jihad juga bermaksud perjuangan yang sungguh-sungguh untuk menegakkan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Allah dan membasi perkara-perkara larangan-Nya sekalipun dengan mengorbankan hak-hak kepentingan diri sendiri.

Dalam konsep Islam, jihad bermaksud kesanggupan melakukan pengorbanan kerana apabila seseorang berjihad, dengan sendirinya bermaksud mengorbankan

kepentingannya dan membawa dirinya hampir kepada Allah seperti maksud ayat dibawah;

"Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami. Sesungguhnya kami akan memimpin mereka ke jalan kami, dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

(Surah *al-Ankabut* ayat 69)

Seseorang yang memiliki jiwa yang mantap dengan keimanan dan kecintaan kepada Allah dan Rasul, pasti akan sanggup berjihad untuk meninggikan Kalimah Allah dan bersedia mencerahkan daya dan tenaga serta kekuatan bagi mencapai satu matlamat atau cita-cita Islam, keampunan Allah, keredhaanNya dan rahmatNya.

Berjihad ke jalan Allah dipaparkan dengan jelas dalam novel *1511H (Kombat)*. Penubuhan Gerakan Pemuda Islam yang diasaskan oleh Jeneral Sharifah Nusaybah Syed Abdullah adalah satu strategi yang sudah lama diatur untuk tujuan melancarkan perang terhadap Amerika. Beliau digambarkan mempunyai tahap kesedaran rohani yang tinggi kerana sanggup berkorban segala-gala yang dimiliki sama ada harta maupun seluruh jiwa raganya diserahkan kepada Allah SWT demi mempertahankan kesucian agama Allah. Jeneral Syarifah Nusaybah dengan ikhlas sanggup membelanjakan semua hartanya ke jalan kebaikan demi menegakkan syiar Islam.

Walaupun digelar ketua teroris oleh Barat namun tuduhan ini tidak pernah menghalang Jeneral Syarifah Nusaybah untuk terus berjihad demi menegakkan kesucian Islam. Sikap yang dimiliki oleh wanita ini jelas membuktikan bahawa beliau menghambakan diri sepenuhnya kepada Allah SWT dengan menyerahkan seluruh jiwa dan raganya serta hartanya yang banyak untuk tujuan *jihad fi sabilillah*. Seseorang yang

mempunyai keimanan yang kental dan ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT sanggup berjihad di jalan Allah walaupun terpaksa mengharungi pelbagai dugaan dan rintangan. Allah berfirman di dalam Al-Quran yang mulia yang mafhumnya:

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman dengan Allah dan Hari Kemudian, yang tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan rasulNya dan tidak pula beragama dengan agama yang benar (iaitu) di antara ahli kitab kecuali mereka membayar jizyah dengan kepatuhan yang rela dan merasa diri mereka ditawan."

(At-Taubah: 29)

Ayat ini menjelaskan bahawa menjadi kewajipan daripada golongan yang terkemuka dan pemimpin untuk tidak membiarkan rakyat umum daripada melakukan kejahatan dan dosa, yang akibatnya sudah nyata mendatangkan bencana. Bukan hanya untuk orang-orang yang melakukan kesalahan itu saja, melainkan membahayakan seluruh masyarakat. Hal ini digambarkan ada pada watak Jeneral Syarifah Nusaybah. Sebagai hamba Allah yang mempunyai kemampuan dari segi harta dan kekayaan, beliau sedar bahawa menjadi tanggungjawabnya untuk membela masyarakat Islam yang semakin ditindas oleh Amerika. Beliau sentiasa berusaha untuk meningkatkan ketakwaan dan keimanan dalam dirinya seperti firman Allah melalui Surah *Al-Taubah*, ayat 41, yang bermaksud;

"Dan berjihadlah dengan harta dan diri kamu ke jalan Allah."

Menurut Shamsudin Othman (2012), dengan peningkatan rasa takwa dan rasa cinta yang tinggi terhadap Allah, seseorang itu akan berada dalam kedudukan ‘kerohanian insan’ di sisi Allah. Sikap menghambakan diri kepada Allah datangnya daripada kekuatan kesedaran rohani yang berpusat pada hati, akal dan kalbu sehingga

dapat menimbulkan keinsafan kepada diri seseorang untuk terus berjihad ke jalan yang benar. Bukti Jeneral Nusaybah telah menghambakan diri sepenuhnya kepada Allah dan akan berjihad dapat dilihat pada petikan berikut;

“Anakku Komander Muhammad Ameen, inilah yang telah ana bina untuk menguatkan Islam. Sejak ibu bapa ana dibunuh CIA, sejak Islam dan dunia Timur diperkotak-katik, ana anggap mereka ialah musuh yang perlu dibasmi.”

(*Kombat*, hal. 52)

Semangat jihad dalam kalangan komander remaja di dalam novel ini digambarkan sangat tinggi. Mereka sanggup turun ke medan perang dan bersedia untuk mati syahid demi menyelamatkan kesucian Mekah dan Madinah daripada dikuasai oleh orang-orang kafir. Walaupun Muhammad Ameen baru berusia 19 tahun namun, dia tidak gentar sedikit pun untuk berjihad dan beliau juga pernah bermimpi bahawa beliau dilantik menjadi panglima perang yang akan berjuang menegakkan Islam. Kecintaan Muhammad Ameen kepada Allah SWT dan kesanggupannya berjihad digambarkan dalam petikan ini;

“Sungguh-sungguh itulah yang dikhabarkan kepada ana dalam mimpi. Dan apabila ditanya apakah yang ana akan sediakan untuk berjihad, ana jawab sendiri dengan yakin. Cinta dan kepatuhan kepada Rasulullah SAW dan senjata yang canggih untuk dimanfaatkan.”

(*Kombat*, hal. 61-62)

Semasa bercerita tentang mimpinya, Muhammad Ameen tidak dapat menahan perasaan terharunya kerana perkara yang dilalui di dalam mimpinya itu menjadi kenyataan. Dia diberi kepercayaan oleh Jeneral Syarifah Nusaybah untuk menjadi komander dalam kombat yang akan dilancarkan bagi menyelamatkan Kota Mekah dan

Kota Madinah daripada serangan Amerika. Walaupun usianya masih remaja, namun Muhammad Ameen memiliki keimanan yang tinggi kepada Allah dan berpegang kepada ajaran yang terdapat dalam al-Quran dan sirah Rasulullah. Beliau juga remaja yang bijak menangani soal akidah di dalam dirinya. Apabila beliau ditanya tentang kesediaannya untuk berjihad, ini jawapan beliau kepada Jeneral Syarifah Nusaybah;

“Ana berpegang kepada al-Quran dan Sirah Rasulullah SAW. Bukankan Habib al-Najjar dalam ayat 20 – 27 Surah Yassin dibunuh kerana mempertahankan akidahnya? Bukankan remaja dalam surah al-Buruj pada kisah Ashabul Uhud sanggup mati untuk mengembangkan akidah sucinya? Ana berpegang pada kisah Sayidina Umair bin al-Hammam yang menyerbu ke dalam barisan dalam Perang Badar dan mati syahid lalu diresmui Rasulullah SAW.”

(1511H [Kombat], hal.19)

Dalam kitab *Ihya Ulumuddin*, Imam Ghazali menyebut bahawa “Allah menetapkan perjuangan di atas landasan agamanya sebagai salah satu syarat kecintaan padanya. Berjihad *fi sabilillah* dan mencintai mati syahid merupakan satu manifestasi cinta agung manusia kepada Allah SWT. Hal ini diulas oleh Imam Ghazali berdasarkan ayat yang terdapat dalam surah *as-Saff* yang bermaksud;

“Sesungguhnya Allah mencintai golongan yang berperang di atas jalan Allah dalam satu barisan yang tersusun.”

(Surah *as-Saff*, ayat 4)

Novel 1511H [Kombat] memperlihatkan perjuangan umat Islam yang sebenarnya demi mempertahankan maruah dan kesucian agama Allah. Perpaduan ummah yang dipamerkan dalam menjayakan misi kombat ini menunjukkan betapa tinggi kesedaran rohani dalam kalangan umat Islam di dunia tanpa mengira bangsa dan

keturunan namun mereka bersatu demi menyelamatkan maruah umat Islam sedunia dan demi mempertahankan kota suci Islam diceroboh oleh Barat.

Ciri berjihad ke jalan Allah juga terdapat dalam novel *Advencer Si Peniup Ney*. Sulaiman Hilmi, seorang ustaz yang masih remaja telah bersetuju untuk menerima jemputan remaja dari negara Fantasia yang memohon beliau membimbing akidah penduduk di situ. Walaupun baru berusia 18 tahun namun ilmu agama yang dimiliki oleh Sulaiman Hilmi amat tinggi dan dikagumi oleh sekumpulan jin Islam yang datang menemuinya. Apabila diberitahu tentang kemerosotan akidah Islam di negeri tersebut, beliau bertekad untuk menghapuskan segala kemungkaran demi kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk negeri Fantasia. Jihad yang dilakukan oleh Sulaiman dan dibantu oleh kawan-kawan jinnya itu bukan setakat sanggup berkorban tenaga malah Sulaiman sanggup mengadai nyawanya demi menegakkan kesucian agama Islam. Kesanggupan Sulaiman berjihad mengembalikan akidah penduduk negeri Fantasia dilihat dalam petikan ini;

“Aku menerima undangan ini kerana kalian saudaraku dan kalian telah meminta pertolongan, maka aku wajar membantu. Mudah-mudahan kembaraku bersama kalian kelak akan menguatkan keimananku kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW.”

(*Advencer Si Peniup Ney*, hal. 21)

Sulaiman Hilmi dan sahabat-sahabatnya berjihad untuk menegakkan kebenaran Islam dan menghapuskan segala kemungkaran yang dilakukan oleh golongan remaja di negeri Fantasia. Atas dasar tanggungjawab dan perjuangan menegakkan akidah Islam, Sulaiman akan memastikan segala kemungkaran yang berlaku akan diselesaikan dengan berhemah. Walau bagaimanapun sebagai seorang remaja yang bijak, Sulaiman ingin mengetahui masalah-masalah yang ditimbulkan oleh golongan remaja di negeri

Fantasia. Setelah diketahui kemungkaran yang berlaku, barulah Sulaiman dapat merancang strategi untuk mendekati remaja di negeri tersebut. Jawapan pada persoalan yang dikemukakan oleh Sulaiman telah dijawab oleh remaja negara Fantasia yang datang berjumpanya seperti yang terdapat dalam petikan ini;

“Remaja kami tidak lagi mendengar kata. Semuanya leka.Syaitan telah merasuk mereka.Kami di ambang keruntuhan. Ajaran agama jauh sekali dan hanya segelintir yang masih mahu memikirkan soal akhirat.Soal hak dan batil telah bercampur-baur.Remaja kami keliru.Ada yang berhijrah menutup aurat, tetapi berzina.Pemerintah kami lebih ramai munafik daripada yang bertakwa. Ada remaja kami yang murtad dan menganut agama lain. Pusat kehidupan ialah kesenangan, kelazatan dan kenikmatan. Apa yang menimpa manusia, menimpa kami juga tuan.”

(ASPN, hal. 21)

Dalam skala yang lebih luas, jihad juga bermaksud memerangi sesuatu yang bertentangan dengan ajaran agama sama ada penyelewengan akidah, perbuatan maksiat, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya demi menegakkan kesucian Islam. Walaupun bukan dalam bentuk melancarkan perang yang menggunakan senjata namun jihad boleh dilakukan dengan cara menyampaikan dakwah. Melalui dakwah, hal-hal kebaikan akan disampaikan untuk menyedarkan orang lain supaya kembali ke jalan kebenaran dan mencintai agama Islam dengan mendalam. Jihad seumpama ini juga menuntut keimanan yang tinggi serta mananam niat yang bersungguh-sungguh untuk mengajak orang lain ke arah kebaikan. Bukan mudah untuk mengajak manusia lain kembali ke jalan kebenaran sekiranya mereka tegar dengan penyelewengan yang telah dilakukan. Walau bagaimanapun Allah akan sentiasa bersama-sama dengan orang yang berjihad ke jalan kebenaran. Sulaiman Hilmi tetap meneruskan jihad untuk menghapuskan kemungkaran yang berlaku di negeri Fantasia walaupun pelbagai rintangan yang terpaksa dihadapinya. Halangan utama ialah daripada Jin Bertindik Satu, pemerintah di

negeri tersebut yang menggalakkan remaja di negeri tersebut berhibur dan berseronok seperti yang terdapat dalam petikan di bawah;

“...jika niat kalian ini buruk maka kami hukum yang berat-berat, tetapi jika niatnya kalian adalah untuk berseronok-seronok, maka kami alu-alukan kerana itulah yang kami amalkan dalam hidup kami sehari-hari di negeri Fantasia yang seronok-seronok ini. Negeri ini untuk remaja yang mahu melupakan apa sahaja yang menimpa umat manusia dan jin di luar sana, lupa kepada Tuhan pun tak apa asal dapat berseronok.”

(*Advencer Si Peniup Ney*, hal.40)

Kata-kata yang diluahkan oleh Raja Negara Fantasia ini tidak mematahkan semangat Sulaiman. Dengan keimanan yang tinggi dan kebijaksaan yang dimiliki, Sulaiman berdakwah menyebarkan Islam dengan cara yang halus dan berhati-hati. Menyedari golongan remaja di negeri Fantasia terlalu menggilai muzik dan hiburan, maka Sulaiman Hilmi juga menggunakan muzik untuk mendekati golongan remaja di situ. Hal ini dapat dilihat dalam petikan ini;

“Oleh *alkasyaf* kami datang untuk membawa secebis pengalaman kerana kami ini semua pemuzik yang allamah belaka. Justeru kerana kami dan hidupnya sehari-hari tidak ada tuju kecuali menyanyi sahaja, maka kami ingin menawarkan sesuatu.”

(*Advencer Si Peniup Ney*, hal.41)

Strategi Sulaiman Hilmi dan rakan-rakannya berjaya menarik perhatian Raja negara Fantasia. Justeru, mereka dibenarkan berada di negeri Fantasia untuk mengajarkan muzik yang dimaksudkan itu. Dengan ini, bermulakan misi jihad Ustaz Sulaiman dan rakan-rakannya di negeri Fantasia. Mereka memperkenalkan irama muzik

“*Souti sarmad*” iaitu muzik untuk mengingati Allah melalui zikir yang terletak antara ucapan dan nyanyian. Melalui alunan ney (seruling) dan gerak ibadah *semairama* muzik ini akan dimainkan. “*Souti sarmad*” merujuk kepada ikrar manusia (segala makhluk yang bernyawa) dengan Tuhan yang Maha Pencipta untuk tidak menyekutukan-Nya.

(Nor Azah Abd. Aziz, 2005)

Dalam novel *Kasih Nan Agung*, ciri berjihad ke jalan Allah juga dipaparkan dengan jelas melalui perjuangan Jaka Sulaiman. Jaka, penuntut tahun akhir bidang paleoantropologi dari Universiti California. Beliau gigih berjuang untuk menghapuskan tanggapan Barat tentang teori asal-usul kejadian manusia. Atas kesedaran mempertahankan kewujudan Allah SWT, Maha Pencipta terhadap segala kejadian di alam ini, Jaka Sulaiman akan menentang sesiapa sahaja yang mempermain-mainkan asal-usul kejadian manusia. Pandangan Barat yang kononnya manusia berasal daripada jirim dan berketurunan mawas telah menyemarakkan kemarahan Jaka. Beliau dengan lantang menentang fakta yang dibentangkan oleh salah seorang profesor dalam simposium di universitinya. Hal ini dijelaskan dalam petikan berikut;

“Anda telah menghina lebih enam bilion manusia yang percaya akan kewujudan Tuhan yang Maha Mencipta. Anda berdua sepatutnya diheret keluar dari dewan ini,”

“... Profesor Ackerley, saya mahu membuat penegasan. Satu fosil di tengah-tengah gurun di Kenya tidak boleh mewakili masa lampau dan masa depan 6.7 bilion umat manusia,”

(Kasih Nan Agung, hal. 25)

Perjuangan Jaka Sulaiman dalam menegakkan kebenaran tentang asal-usul kejadian manusia yang dicipta oleh Allah SWT adalah satu jihad yang dituntut dalam Islam. Sekiranya agama Islam diperlekehkan oleh masyarakat lain maka sebagai manusia Islam, seseorang itu harus berjuang menegakkan kebenaran walaupun terpaksa

menghadapi dugaan yang lebih besar. Ketegasan sikap Jaka dapat dibuktikan dalam kata-kata yang diucapkan oleh Profesor Chris Ackerley seperti petikan berikut;

“Saya dah agak pun. Anda sanggup dikenakan tindakan kerana mempertahankan agama dan keimanan anda.”

(*Kasih Nan Agung*, hal. 30)

Keimanan yang tinggi pada diri Jaka Sulaiman telah menyebabkan beliau tidak gentar untuk meneruskan jihad memperjuangkan kebenaran agama Allah. Semasa beliau dipanggil dalam sesi pengadilan ke atas kesalahan yang dilakukan, beliau masih bertegas mempertahankan bahawa dia tidak melakukan sebarang kesalahan. Beliau masih menyatakan kebenaran tentang kesucian agama Islam tanpa mempedulikan panel yang ada di dalam sidang pengadilan itu. Jihad perlu diteruskan supaya masyarakat Barat tidak memperlekehkan agama Islam. Walaupun Jaka menyedari dia bakal menerima hukuman namun dia masih cuba mempertahankan dirinya tidak bersalah seperti dalam petikan yang berikut;

“Semuanya disebabkan oleh provokasi yang dilakukan oleh panel simposium terhadap agama saya. Agama saya, iaitu Islam ialah satu-satunya agama yang mengangkat kedudukan manusia sebagai makhluk yang paling mulia antara segala makhluk di atas muka bumi ini. Allah Subhanahuwa Taala telah berfirman dalam kitab suci-Nya, iaitu al-Quran ...”

(*Kasih Nan Agung*, hal.54)

Perjuangan Jaka Sulaiman diakui oleh bapanya dan berasa bangga kerana anaknya berjihad demi menegakkan kebenaran dan kesucian agama Islam. Terbuktilah bahawa Jaka Sulaiman dan bapanya mempunyai keimanan yang tinggi terhadap Allah SWT dan tidak rela kuasa Barat merendah-rendahkan martabat agama Islam. Kebanggaan bapa Jaka dapat dilihat dalam petikan berikut;

“... Jaka Sulaiman dididik dengan keperibadian Melayu –Islam yang kukuh. Dengan izin Allah Subhanahu wa Taala jua, anak itu tumbuh sebagai mujahid kecil dengan penentangan yang dilakukannya di UC Berkerley. Rahmah bakal berbangga dengan tindakan anaknya itu yang bangkit menentang penghinaan atas Islam di simposium tersebut.”

(*Kasih Nan Agung*, hal.36)

Berdasarkan konsep umum Islam sebagai rahmat bagi seluruh alam, maka jihad bukan hanya untuk membela Islam dan umatnya, atau untuk menjaga kepentingan mereka sahaja malah jihad dilakukan untuk membela keadilan bagi manusia sejagat. Tugas manusia Islam adalah untuk menegakkan agama Allah, hukum, keadilan dan kebenaran dalam Islam seperti firman Allah yang bermaksud:

“... dan sekiranya Allah tidak mempertahankan serangan sebahagian manusia terhadap sebahagian yang lain, nescaya runtuhan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti akan menolong orang yang menolong (agama)Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa.”

(Surah *Al-Hajj*: ayat 40)

5.3.1.3 Melaksanakan Ibadah Secara Bersungguh-sungguh

Ibadah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud bakti, atau khidmat kepada Tuhan. Perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada Tuhan atau dilakukan kerana Tuhan ialah sembahyang, berdoa, bersedekah, berbuat baik sesama manusia dan sebagainya. (Kamus Dewan, 2005). Dari segi istilah agama, ibadah bererti tindakan menurut dan mengikat diri dengan sepenuhnya kepada segala perkara yang disyariatkan oleh Allah dan diseru oleh para Rasul, sama ada perkara itu berbentuk suruhan atau larangan.

Kecintaan kepada Allah juga diterjemahkan dalam bentuk kesungguhan melakukan ibadah. Seseorang yang rajin dan bersungguh-sungguh melakukan ibadah akan berasa nikmat seandainya masa yang ada padanya dipenuhi dengan membuat ibadah kepada Allah SWT. Tanda seseorang itu mempunyai keimanan yang tinggi adalah apabila hatinya jinak untuk beribadat. Golongan yang mencintai Allah tidak bersedih hati apabila sesuatu dari dunia luput daripada mereka, sebaliknya mereka akan bersedih apabila setiap saat dalam hidup mereka tidak diisi dengan zikir dan taat kepada Allah. (Danial Zainal Abidin, 2008)

Keteguhan akidah seseorang juga dilihat pada kesungguhan seseorang itu melakukan ibadah terutamanya ibadah wajib dan disusuli dengan ibadah sunat. Akidah Islam merupakan akidah yang merangkumi kerohanian dan kebendaan, kebenaran dan kekuatan, agama dan ilmu serta dunia dan akhirat. Sesungguhnya akidah ini adalah akidah tauhid yang menanam ke dalam diri rasa mulia atau kebebasan dan menjadikan patuh dan tunduk kepada keesaan Allah S.W.T dan kelayakan-Nya untuk disembah. Bukti seseorang itu mempunyai akidah dan keimanan yang kukuh adalah apabila dia sentiasa menghambakan dirinya kepada Allah dengan melakukan amalan soleh. Hal ini dimanifestasikan dalam bentuk kerajinan dan kesungguhan melaksanakan ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah. Sesungguhnya manusia dicipta oleh Allah SWT mempunyai dua peranan yang utama di muka bumi iaitu, sebagai khalifah Allah dan sebagai hamba Allah yang sentiasa tunduk kepada-Nya seperti firman Allah yang bermaksud:

“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku”.

(Surah *az-Zariyat*: ayat 56)

Peranan manusia sebagai khalifah, mestilah melaksanakan sunnah Allah dan menegakkan undang-undang serta peraturan yang diredati oleh Allah manakala sebagai hamba Allah, manusia harus taat dan patuh hanya kepada Allah SWT. Kedua-dua peranan ini mestilah dilaksanakan oleh manusia dengan hati yang ikhlas dan keimanan yang tinggi kepada Allah. Apabila manusia akur dengan perintah yang diberikan oleh Allah maka perbuatan dan amalan yang dilakukan itu dinamakan ibadah. Ibadah dalam Islam adalah merupakan kemuncak daripada perasaan tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Hanya kepada Allah tempat mengabdikan diri. Ibadah mempunyai kesan-kesan yang mendalam dari sudut hubungan makhluk dan pencipta-Nya. Seseorang Islam dianggap benar-benar beragama apabila segala pekerjaannya disandarkan pada agama Allah seperti maksud firman Allah;

“Wahai sekalian manusia beribadahlah kepada Tuhan kau yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah: ayat 21)

Ruang lingkup ibadah dalam Islam amat luas, dan merangkumi semua jenis amalan fardhu, atau syiar Islam yang wajib seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji, juga termasuk di dalamnya perkara-perkara sunat sebagai amalan tambahan. Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada beberapa amalan soleh yang dilakukan dalam novel-novel yang dikaji untuk membincangkan ciri ketiga akidah iaitu melaksanakan ibadah dengan bersungguh-sungguh sebagai bukti keteguhan akidah dalam diri seseorang. Amalan soleh yang dilakukan adalah untuk mengukuhkan akidah dalam konteks menghambakan diri yang sebenar-benarnya kepada Allah SWT demi kehidupan yang sejahtera di dunia.

Dalam novel *1511H [Kombat]*, ciri melaksanakan ibadah secara bersungguh-sungguh bagi membuktikan kecintaan yang teguh kepada Allah SWT memang jelas dipaparkan. Antara amalan yang dilakukan ialah ibadah solat, membaca al-Quran, berzikir dan berdoa kepada Allah SWT. Kesemua amalan yang dilakukan ini adalah bukti bahawa akidah atau tahap keimanan dan ketakwaan watak-watak dalam novel tersebut adalah kukuh kepada agama Allah SWT. Mereka sangat patuh kepada ajaran Islam dan memiliki ilmu agama yang tinggi walaupun mereka masih dalam usia remaja.

Anak-anak muda dalam novel ini bukan sekadar melakukan ibadah yang diwajibkan sahaja malah mereka turut melaksanakan ibadah sunat seperti melakukan sembahyang hajat apabila mereka menghadapi masalah untuk membuat sesuatu keputusan. Hal ini membuktikan bahawa kesedaran rohani yang berfokus kepada agama berada pada tahap yang tinggi dalam diri watak-watak remaja yang ditampilkan dalam novel ini. Selain itu, remaja dalam novel ini juga digambarkan menghayati kehidupan sebagai seorang Islam yang sebenar-benarnya kerana telah mengabdikan seluruh jiwa kepada Allah SWT. Sebagai contohnya, dalam novel Kombat [1511], Muhammad Ameen, remaja yang berasal dari Malaysia ini menjadi anak yatim piatu sejak kecil lagi. Beliau dibesarkan oleh bapa saudaranya sehingga apabila usianya baligh, dia dihantar berguru dengan seorang guru agama yang dipanggil tuan guru. Walaupun Muhammad Ameen masih muda namun hasil didikan bapa saudara dan tuan gurunya, dia belajar mendekati Allah, beliau bertaubat, meneroka potensi dirinya dan memenuhi masanya dengan berzikir untuk mendekatkan dirinya dengan Allah. Ibadah yang dilakukan ini bukanlah secara main-main atau sekadar ucapan di bibir tetapi dilakukannya bersungguh-sungguh dan dengan penuh keinsafan. Akhirnya beliau dibai'ah menjadi ahli futuwwah (ahli sufi).

Muhammad Ameen rajin dan bersungguh-sungguh melaksanakan ibadah. Begitu juga dengan watak-watak remaja yang lain, mereka sentiasa melaksanakan amalan-amalan yang boleh mendekatkan diri dengan Allah seperti al-Quran, berzikir, sentiasa berdoa dan bertaubat secara bersungguh-sungguh supaya dapat menghindari penyakit-penyakit yang dapat menghancurkan futuwwah seperti bangga diri dan menjaga hawa nafsu. Pada usia Muhammad Ameen 16 tahun, beliau sudah boleh menghafaz al-Quran sepenuhnya. Inilah berkat kesungguhan melakukan setiap amalan yang akan menjadi ibadah apabila direndai oleh Allah SWT. Salah satu amalan yang sentiasa dibuat oleh Muhammad Ameen ialah melakukan solat sunat hajat apabila beliau sudah membuat sesuatu keputusan. Sebagai contohnya, apabila beliau bermimpi berjumpa seseorang yang meminta beliau menyertai ahli futuwwah. Pada mulanya, beliau tidak dapat memberi kata putus kepada tuan gurunya tetapi apabila beliau sudah membuat keputusan, beliau akan menunaikan solat sunat dan berdoa kepada Allah. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut;

“Ya Rabbi, jika dia benar-benar datang, maka benar-benarlah dia yang datang. Syaitan sama sekali tidak dapat menyerupai baginda. Mengapa enta masih tidak dapat memutuskan, Ameen?”

Bingkas. Muhammad Ameen meratakan air ke seluruh muka dan melengkapkan wuduk. Dia mahu menunaikan solat sunat. dia sudah membulatkan hati. Akan ikut petunjuk mimpi. Dia akan menuruti permintaan tuan gurunya.”

(1511[Kombat], hal. 11)

Sesungguhnya ibadah yang paling penting bagi orang Islam ialah solat. Dengan bersolat, seseorang itu akan membina komunikasi dengan Allah SWT, berasa semakin dekat dengan Allah dan berasa rendah diri di hadapan Allah. Dengan bersolat, seseorang itu dapat meningkatkan keimanan untuk sentiasa mengingati Allah seperti firman Allah SWT dalam surah *Toha*, ayat:14 yang bermaksud;

“Sesungguhnya Akulah Allah, tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu, sembahlah akan daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati daku.

Ayat ini telah menjelaskan bahawa sembahyang adalah jalan sebagaimana untuk kita sentiasa mengingati Allah SWT dan sembahyang juga merupakan tanda pengabdian dan syukur seseorang hamba kepada Maha Pencipta-Nya atas segala nikmat dan rahmat yang telah Allah kurniakan kepada manusia. Selain itu, dengan bersolat juga dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar seperti perkara-perkara maksiat sekiranya dikerjakan dengan khusyuk dan menepati rukun-rukunnya. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Ankabut, ayat: 45 yang bermaksud;

“...sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar faedahnya dan kesannya dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

(Surah al-Ankabut, ayat 45)

Urusan solat ini bukan sahaja dilakukan pada waktu senang dan tiada halangan malah wajib dilakukan di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat apabila sudah tiba waktunya. Sementara ibadah sunat dilakukan sebagai mengukuhkan rasa keimanan kepada Allah dan juga untuk menambahkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Dalam novel ini juga dipaparkan bagaimana para mujahid yang terdiri daripada anak-anak remaja yang dilatih oleh Jeneral Nusaybah ini taat melakukan ibadah solat dan tidak putus-putus berdoa memohon pertolongan Allah semasa di medan perang ketika melawan Presiden Nosirname iaitu pihak Amerika. Dalam keadaan getir semasa peluru sedang menuju ke arah mereka sekalipun, tidak sekali-kali mereka melupakan solat malah masih mampu melakukan solat sunat hajat dan berdoa kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut;

“Muhammad Ameen bingkas, bersungguh menunaikan solat hajat, dikawal rapi tentera *cyborg*. Duduk di dalam Hijir Ismail lagi. Berteleku lagi.

“Ya Allah, apakah manusia yang ramai ini akan Kau biarkan disembelih oleh tentera pimpinan Abrahah Amerika yang gila itu?” Dia menarik nafas. Mungkinkah akan disaksikannya di hadapan mata peristiwa seperti Genghiz Khan melatam umat Islam selamat-lumatnya?

(1511H[Kombat], hal 187)

Amalan solat tidak boleh diabaikan dan wajib dilakukan lima kali sehari oleh umat Islam apabila sudah masuk waktunya. Kewajipan melakukan solat telah disabda oleh Rasulullah SAW seperti berikut;

“Solat lima waktu diwajibkan Allah atas hamba-hamba-Nya. Siapa melakukannya dan tidak mensia-siakan sesuatu darinya kerana meremehkan haknya, maka untuknya di sisi Allah ada janji bahawa akan memasukkan dia ke Syurga.”

Selain melakukan ibadah solat, ibadah-ibadah lain seperti sentiasa membaca al-Quran, berdoa dan berzikir kepada Allah tidak mereka lupakan. Inilah antara kekuatan yang ada pada Gerakan Pemuda Islam yang terdiri daripada golongan remaja yang dibentuk oleh Jeneral Nusaybah yang sentiasa mendapat keredaan Allah kerana sentiasa melaksanakan ibadah kerana Allah. Melalui solat, keperibadian unggul dapat dibentuk. Secara dasarnya latihan berbentuk kewajipan seperti yang terdapat dalam Rukun Islam mengandungi ramuan yang mampu melahirkan satu umat yang super. (Danial Zainal Abidin, 2008).

Novel *Advencer Si Peniup Ney* (2005) juga turut memiliki ciri melaksanakan ibadah secara bersungguh-sungguh. Watak utama dalam novel ini iaitu Sulaiman Hilmi digambarkan seorang remaja yang warak dan mempunyai pengetahuan agama yang sangat luas kerana bapanya adalah seorang ustaz yang tinggi ilmu agamanya. Walaupun

dalam usia yang masih muda, Sulaiman Hilmi sudah menjadi hafiz dan telah mengamalkan ajaran-ajaran Allah berpandukan al-Quran. Ketinggian ilmu agama yang dimiliki oleh Sulaiman Hilmi telah menarik perhatian kaum jin yang sudah lama memerhati sikap dan keperibadiannya. Dengan ini, Sulaiman Hilmi telah dipilih untuk menjadi pendakwah di negeri Fantasia yang sedang mengalami masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja mereka. Sulaiman dipilih sebagai pendakwah di negeri Fantasia kerana masyarakat di negara tersebut memandang Sulaiman Hilmi dan menganggap dia lebih mulia akidahnya berbanding masyarakat di negara Fantasia. Ketua kumpulan remaja dari negara Fantasia merayu kepada Ustaz Kamal agar hasrat mereka ditunaikan kerana soal akidah perlu dipulihkan segera oleh orang yang kuat akidahnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut;

“Sungguh, kami memandang bangsa manusia lebih mulia berbanding kami. Kami memerlukan bantuan, jangan la ustaz mengabaikan permintaan kami berempat puluh ini.”

(*Advencer Peniup Ney*, hal 5)

Kata-kata Harun iaitu ketua rombongan dari negara Fantasia itu jelas menunjukkan bahawa Sulaiman Hilmi mempunyai pegangan akidah yang teguh dan mampu memimpin remaja di Fantasia yang telah mengabaikan soal akidah kerana memuja kehidupan berseronok semata-mata. Landasan hidup dan akidah masyarakat di negeri Fantasia telah terpesong kerana mengagung-agungkan muzik dan budaya hendonisme. Soal dosa dan pahala tidak dipedulikan, banyak kemungkaran berlaku. Dalam usaha berdakwah untuk melawan segala kemungkaran, teks ini dipadatkan dengan unsur-unsur kesedaran rohani yang melibatkan kesedaran tentang kewujudan Allah SWT. Justeru sebagai pendakwah, Sulaiman Hilmi digambarkan seorang remaja yang kuat beribadat kepada Allah.

Atas kesedaran inilah, Sulaiman Hilmi digambarkan rajin dan bersungguh-sungguh melakukan ibadah bagi mendekatkan dirinya dengan Allah. Sulaiman tidak pernah lalai dalam melaksanakan solat malah beliau juga sering melakukan solat sunat seperti watak-watak dalam novel 1511H [Kombat]. Beliau juga tidak pernah mengabaikan al-Quran dan sentiasa membaca al-Quran dan segala isi al -Quran dijadikan panduan dalam hidupnya. Selalu berzikir dan selalu berdoa kepada Allah SWT sebagai tanda beliau sentiasa memohon petunjuk Allah sebelum membuat sesuatu keputusan. Selain itu, kesungguhan dalam melaksanakan ibadah adalah sebagai bukti seseorang itu tidak melupakan Allah dalam hidupnya dan sentiasa rindu untuk bertemu dengan Allah. Kesungguhan Sulaiman Hilmi dalam melakukan ibadah terdapat dalam petikan yang berikut;

“Izinkan aku menunaikan solat empat rakaat satu salam dan memohon petunjuk daripada Allah Taala,” Sulaiman membalias.

(ASPN,2004: 19)

Kata-kata ini dilafazkan oleh Sulaiman semasa beliau diminta membuat keputusan sama ada mahu menerima ataupun tidak jemputan dari negara Fantasia. Sulaiman tidak terus memberi jawapan sebaliknya dia bertemu dengan Allah dahulu dan mohon petunjuk Allah dalam membuat keputusan. Jelaslah bahawa, beliau tidak mementing nama atau kemasyhuran sebaliknya akan melakukan sesuatu pekerjaan sekiranya diizinkan oleh Allah supaya ibadah yang dilakukan itu tidak sia-sia.

Selain rajin mengerjakan solat, Sulaiman Hilmi juga sentiasa berzikir bagi mendekatkan dirinya dengan Allah. Situasi ini wujud semasa Ustaz Sulaiman berada di dalam penjara. Akibat fitnah daripada Puteri Simone, Ustaz Sulaiman dipenjarakan atas

kesalahan yang beliau tidak lakukan tetapi beliau tetap reda dan sentiasa berzikir kepada Allah untuk mententeramkan hatinya. Hal ini digambarkan dalam petikan yang berikut;

“Dalam zikir dan solatnya, Ustaz Sulaiman menemui keheningan hinggakan kelihatan bermacam-macam cahaya melingkungi dirinya.”

(*Advencer Si Peniup Ney*, hal. 165)

Kelebihan berzikir ada dijelaskan dalam Surah *Ali Imran*, ayat 119 yang bermaksud;

“Orang-orang yang berzikir memuji Allah ketika berdiri dan duduk, ketika berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (menyatakan): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, peliharalah kami dari azab api neraka.”

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah memuji orang-orang yang sentiasa mengingati-Nya, pada setiap waktu dan orang-orang yang sering memikirkan kejadian langit dan bumi sama ada tentang keindahan dan keteraturan yang berlaku di bumi dan kepentingan bumi kepada kegunaan manusia seluruhnya. Apabila manusia memikirkan hal ini, bermakna manusia menyedari bahawa adanya Penguasa yang Maha Kuasa dari alam ini iaitu Allah SWT.

Amalan soleh lain yang tidak dilupakan oleh Sulaiman ialah membaca dan mentafsir kandungan Al-Quran sebagai panduan hidup yang sebenar-benarnya. Dalam menyebarkan dakwahnya kepada masyarakat negeri Fantasia, Sulaiman tetap menggunakan muzik sebagai saluran untuk menarik perhatian golongan remaja supaya mengikuti kuliahnya yang diadakan. Sebagai seorang yang bijaksana, beliau mengenakan syarat kepada sesiapa yang ingin mengikuti kuliahnya dengan

mengemukakan maksud ayat yang terdapat dalam al-Quran untuk menjelaskan syarat-syarat yang diperlukan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut;

“Syarat itu bukannya sesuatu yang sukar sangat untuk dipenuhi. Tuan-tuan, Allah berfirman dalam surah *al-Muzammil*, ayat 8 yang bermaksud: ‘Sebutlah nama Tuhanmu, dan beribadatlah kepada-Nya dengan penuh ketekunan’. Inilah syarat saaya, iaitu tuan-tuan sentiasa mengingati Allah dan patuh serta menghambakan diri kepada-Nya. Hatta dalam bermuzik atau menyanyi sekalipun... ia adalah zikir.”

(ASPN,2004 : 61)

Beriman kepada kitab-kitab suci Allah SWT adalah Rukun Iman dan wajib dilakukan untuk meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. Beriman kepada al-Quran akan dapat memandu manusia ke arah jalan yang lurus, bijaksana dan diredayai oleh Allah sebagaimana yang telah digariskan oleh Allah agar semua manusia mentaatinya. Hanya dengan memahami kandungan kitab suci ini manusia dapat mencapai kesempurnaan yang hakiki, sama ada dari segi materi, rohani dan juga akhlak.

Dalam novel *Kasih Nan Agung*, ciri yang berkaitan dengan melaksanakan ibadah secara bersungguh-sungguh juga dimuatkan dalam novel ini. Antara ibadah yang sering dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah dalam novel ini ialah sentiasa berdoa memohon pertolongan dan petunjuk daripada Allah. Dalam novel ini, Jaka Sulaiman percaya bahawa doa amat penting dalam kehidupan manusia Islam dan yakin dengan doa, Allah akan membantu hambanya yang berada dalam kesusahan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut;

“Terima kasih, Wazir. Doakan semuanya berjalan dengan baik.”

(Kasih Nan Agung, hal.50)

“Jaka Sulaiman hanya dapat berdoa dan berserah. Dia keluar setelah berada di dalam bilik panel disiplin selama setengah jam.”

(KNA, 2008 : 64)

Umat Islam diminta selalu berdoa kepada Allah kerana doa merupakan tanda pergantungan, pengharapan dan permohonan seorang hamba kepada Allah SWT. (Zahazan Mohamed, 2010). Doa merupakan salah satu ibadah yang dilakukan oleh orang Islam bagi membuktikan bahawa Allah Maha Mendengar dan sentiasa akan memberi pertolongan kepada hambanya seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah Ghafir ayat ke 60 yang bermaksud;

“Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombang takbur daripada beribadah dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”

Selain itu, Allah SWT juga berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 186 yang bermaksud:

“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka) sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka): Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran.”

Berdasarkan firman-firman Allah SWT dalam al-Quran, jelaslah bahawa doa merupakan satu ibadah kerana melalui amalan berdoa, seseorang itu akan dapat mendekatkan dirinya dengan Allah SWT dan mampu meraih rahmat Allah agar dikurniakan kepadanya.

Selain melakukan ibadah doa, novel ini juga memaparkan watak-watak menggunakan al-Quran sebagai panduan dalam hidup mereka. Semua perkara yang berlaku akan dirujuk dalam al-Quran. Hal ini dapat dilihat apabila ayah Jaka Sulaiman iaitu Awang Safar menggunakan maksud ayat dalam al-Quran bagi menyedarkan Encik Yazed yang masih mengagung-agungkan teori Barat dalam ilmu paleoantropologi. Encik Yazed masih berpegang kepada teori Batar tentang asal-usul kejadian manusia, dia masih percaya bahawa manusia berasal daripada mawas. Penyataan ini disangkal oleh Awang Safar seperti petikan berikut;

“Encik Yazed sebagai Muslim, kita wajib percaya bahawa kita ni dicipta oleh Allah Subhanahu wa Taala. Jurai keturunan kita daripada datuk nenek kita, Adam dan Hawa. Kita tak berevolusi daripada rupa haiwan menjadi rupa manusia. Sukalah saya hendak mengingatkan, sebagai menunaikan tanggungjawab kita sesama Islam. Walaupun setelah menuntut ilmu di merata-rata tempat, kita mesti pulang kepada al-Quran. Dalam surah al-Mukminun, ayat 12 dan 13, Allah Subhanahu wa Taala berfirman,”

(KNA, 2008: 46)

Begitu juga dengan Jaka Sulaiman, asas agama yang kukuh ditanam oleh kedua-dua ibu bapanya sejak kecil menyebabkan beliau tidak pernah mengabaikan ajaran agama supaya beriman kepada kitab suci Allah. Walaupun beliau masih muda dan belajar di luar negara namun Jaka Sulaiman tidak pernah mengabaikan al-Quran, beliau sentiasa menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam hidupnya. Sebagai contoh, lihat petikan ini;

“Janganlah kau risau tentang aku Wazir. Kita hanya berusaha, moga-moga hati mereka dibukakan untuk menerima kebenaran.

Tentang golongan ni, Allah dah sebut dalam surah al-An'aam ayat 39; “Orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, mereka itu tuli dan bisu, dalam gelap gelita. Barang siapa dikehendaki Allah, nescaya ditunjuk-Nya ke atas jalan yang lurus.”

(KNA, 2008: 64-65)

Quran adalah kalam Allah berbentuk mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad dan ditulis secara langsung daripada Nabi Muhammad SAW dan manuskrip yang asal dijadikan sebagai bahan rujukan bagi membukukan Quran kemudiannya. Membaca al-Quran adalah satu ibadah justeru kesucian al-Quran dipelihara oleh Allah dan hal ini telah difirmankan oleh Allah dalam al-Quran yang bermaksud;

“Sesungguhnya kamilah yang menurunkan Quran dan kami yang memeliharanya.”

(Surah al-Hijr, ayat 9)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah lah yang menjaga kesucian al-Quran daripada sebarang tokok tambah dan perubahan oleh manusia. Al-Quran adalah kalam Allah yang terpelihara dan tidak terdapat sebarang percanggahan di dalamnya sebaliknya al-Quran diturunkan adalah bertujuan untuk memberi petunjuk terbaik kepada manusia seperti yang terdapat dalam firman Allah SWT yang bermaksud;

“Segala puji bagi Allah yang menurunkan kepada hambanya al-Kitab (Quran) dan dia tidak mengadakan sesuatu yang lengkok di dalamnya.”

(Surah *al-Kahfi*,ayat 1)

Mengasihi al-Quran bererti membacanya, beramal dengannya, memahaminya, menjunjung suruhan dan meninggalkan larangannya. Al-Quran adalah salah satu medium yang boleh membongkar kecerdasan pada diri manusia sama ada dari segi intelek mahupun emosi kerana al-Quran berupaya mengembangkan tahap kecerdasan seseorang manusia. Al-Quran mengandung pelbagai manfaat yang boleh digunakan oleh manusia untuk melayari kehidupan di atas muka bumi ini. Allah SWT telah

memperturunkan segala panduan dan petunjuk di dalam al-Quran untuk membantu dan memberi petunjuk kepada manusia menjalani kehidupan yang bahagia dan sempurna di dunia. Oleh itu menjadi tanggungjawab yang besar dan suci bagi umat Islam untuk memahami kandungan al-Quran supaya dapat menyampaikan maklumat yang ada kepada orang lain. (Muhammad D.Sensa, 2006). Justeru, manusia Islam wajib beriman dengan al-Quran kerana semua perkara yang terkandung di dalam al-Quran adalah benar lagi baik.

Jika kesemua ibadah yang telah dihuraikan ini dilakukan dapat secara konsisten akan dapat menyedarkan umat Islam tentang kepentingan memelihara hati daripada serangan anasir yang dapat merosakkannya. Antara perkara yang ditekankan dalam Islam ialah keikhlasan. Apabila melakukan ibadah, seseorang itu harus ikhlas dan khusyuk supaya ibadah yang dilakukan mendapat rahmat daripada Allah dan akan mendatangkan produk amal yang berkualiti. Imam Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumuddin* menegaskan, seseorang yang melakukan ibadah tanpa rasa khusyuk khususnya dalam solat, tidak akan mendapat sebarang faedah kecuali penat dan letih sahaja. Amalan yang dilakukan itu tidak sampai kepada Allah. Keimanan kepada Allah dengan cara yang betul menyebabkan seseorang itu memiliki kompas yang betul di hatinya. Kompas ini menjadikan nilai hidup, keutamaan serta tindak tanduk seseorang sentiasa berada di atas landasan yang betul berpandukan syariat.

Jelaslah bahawa ibadah itu merangkumi segala perkara yang disukai Allah dan diredaya-Nya, sama ada keyakinan, sikap, perkataan, amal perbuatan, zahir atau batin. Dalam kata lain ibadah ialah segala aktiviti manusia yang zahir dan batin dalam mengerjakan sesuatu perkara atau meninggalkannya semata-mata dengan niat mencari keredaan Allah. Apa-apa sahaja kegiatan dan perbuatan yang dilakukan oleh seorang muslim dengan penuh ikhlas untuk mendapatkan keredaan Allah serta dikerjakan

menurut ketetapan-ketetapan syara' maka semuanya dianggap sebagai 'ibadah yang dikumpulkan sebagai 'amal saleh.

5.3.2 Akhlak dalam Komponen Kesedaran Rohani

Akhvak berasal daripada perkataan Arab dan merupakan jamak kepada perkataan *khuluq* yang bererti tabiat, kelakuan, perangai, tingkah laku, adat kebiasaan dan juga gaya hidup individu atau sekumpulan individu. Akhlak atau tabiat semula jadi ini termasuklah tabiat yang dimiliki oleh seseorang secara fitrah seperti perasaan cepat marah, cepat ketawa, mudah tersinggung dan sebagainya. Tabiat yang dimiliki melalui latihan, pendidikan, disiplin diri dan riyadah sehingga sesuatu sifat kebaikan menjadi darah daging atau adat kebiasaan kepada seseorang. (Mohd.Nasir Omar, 2005: 13). Al Ghazali dalam kitab *Ihya Ulummidin*, telah mengemukakan falsafah akhlak yang menyarankan sifat-sifat terpuji bagi mencapai kehidupan yang sempurna. Beliau mendefinisikan akhlak sebagai keadaan jiwa yang mantap serta boleh melahirkan tindakan dengan spontan tanpa memerlukan fikiran. Jika tingkah laku itu lahir dari keadaan jiwa yang baik menurut akal dan syariat, bermakna keadaan itu disebut akhlak yang baik. Sebaliknya jika tingkah laku buruk disebut akhlak yang buruk. Segala tingkah laku manusia adalah hasil pencernaan aspek dalaman atau aspek rohani yang merangkumi perasaan atau emosi dan daya intelek.


Pembentukan manusia Islam diasaskan oleh dua faktor utama iaitu akhlak sebagai asas keimanan yang kukuh kepada Allah SWT dan yang kedua ialah pembentukan peribadi muslim. Menurut Rasulullah SAW, untuk membentuk seseorang harus dimulakan dengan membina asasnya terlebih dahulu iaitu membina akhlak terlebih dahulu. Asas yang paling utama dalam pembentukan manusia Islam ialah membentuk seseorang itu mempunyai akhlak yang mulia. Akhlak yang mulia adalah

asas yang paling kuat untuk melahirkan manusia yang bersih hati, ikhlas dalam hidup, amanah dalam tugas, dan cinta akan kebaikan. Rasulullah SAW pernah bersabda yang berbunyi;

“Allah memurnikan agama ini untuk-Nya namun tidak ada yang mengelokkan agamanya melainkan watak pemurah dan akhlak yang mulia. Maka hiasilah agamamu dengan keduanya.”

Sabda Rasulullah SAW ini bermaksud bahawa Allah amat mementingkan akhlak yang mulia kerana dengan memiliki akhlak yang mulia, iman seseorang itu akan menjadi sempurna dan perangai yang baik adalah akhlak Allah yang Maha Agung. Akhlak yang mulia juga ditakrifkan kepada seseorang yang memiliki tutur kata yang lembut, mempunyai keceriaan dan sentiasa memberikan senyuman serta melayan orang lain dengan baik. Seseorang yang memiliki akhlak yang mulia akan dipuji dan dihormati oleh orang lain.

Akhlik yang mulia boleh dibentuk daripada latihan melalui kerajinan membuat ibadah. Seseorang yang ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam melakukan ibadah akan melahirkan peribadi yang teguh dan lurus imannya. Apabila sudah memiliki peribadi yang teguh, akan lahirlah manusia yang hanya tunduk kepada Allah dan tidak akan mudah terpedaya dengan keseronokan di dunia. Hal ini dengan jelas telah dihuraikan dalam bahagian pertama iaitu akidah dalam komponen kesedaran rohani. Bagi membincangkan aspek akhlak dalam Komponen Kesedaran Rohani, pengkaji membahagikan ciri-ciri akhlak kepada tiga seperti yang terdapat dalam gambar rajah di bawah;



Rajah 5.3: Ciri-ciri Akhlak dalam Komponen Kesedaran Rohani

5.3.2.1 Berhemah Tinggi dalam Pergaulan

Berhemah tinggi ialah berbudi pekerti mulia serta prihatin terhadap keperluan orang lain. Dalam kajian ini, berhemah tinggi akan dilihat dari dua sudut iaitu berhemah dari segi pengucapan dan juga dari segi perilaku. Seseorang yang mempunyai akidah yang teguh terhadap agama pasti akan menjaga tutur kata dan tingkah laku mereka sesuai dengan ajaran agama yang mementingkan adab sopan dalam semua urusan kehidupan. Elemen yang penting dalam komunikasi ialah bahasa. Manusia menggunakan bahasa sebagai medium menjalankan perhubungan, sama ada secara lisan ataupun bertulis. Percakapan atau tulisan yang menggunakan bahasa yang baik dan teratur akan memberi makna mendalam dan juga mampu menyentuh perasaan. Justeru, Islam menggalakkan umatnya menggunakan bahasa yang indah dan baik-baik apabila bertutur. Rasulullah SAW sendiri berdakwah menggunakan bahasa yang paling baik dan halus dan tidak pernah menggunakan bahasa yang kesat dan kasar dalam pengucapan baginda. Sifat ini seharusnya dicontohi terutama sekali oleh para remaja supaya dapat menggunakan bahasa yang baik dan teratur dalam percakapan sehari-hari. Rasulullah SAW sentiasa mencerminkan kesucian dalam tutur kata dan sentiasa menjunjung tinggi nama Allah setiap kali bercakap.

Ciri berhemah tinggi dalam pertuturan dan peri laku dapat dilihat dalam novel *1511H [Kombat]*. Sebagai contohnya, watak-watak dalam novel ini akan memulakan pertemuan dengan memberi salam dan mereka juga tidak lupa untuk mengungkapkan kalimah kesyukuran apabila memperoleh kejayaan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut;

“Dengan dada yang berdebar kencang, dia memberi salam. Hajah Nusaybah menjawab sambil melambai-lambai lemah supaya dia mara. Habib tersenyum di sisi katil, mendapatkan sebuah bangku untuk dia duduk.”

(Kombat [1511], 2003:14)

“*Alhamdulillah* dengan kejayaan baru ini jumlah sebenarnya tidak penting, Allah memang bersama kita.” Muhammad Ameen turut serta kongsi girang.

(Kombat [1511], 2003:135)

Petikan di atas menggambarkan sifat Muhammad Ameen yang berhemah tinggi iaitu memberi salam dan bercakap dengan sopan semasa pertama kali berjumpa dengan Jeneral Nusaybah. Selain itu, pada masa yang sama juga dapat dilihat perlakuan Habib iaitu cucu kepada Nusaybah menerima tetamu dengan senyuman manis dan melayan tetamu dengan baik. Kedua-dua perlakuan yang ditunjukkan ini merupakan sikap berhemah tinggi yang sepatutnya dimiliki oleh golongan remaja. Begitu juga dengan ucapan kesyukuran yang dilafazkan oleh Muhammad Ameen ketika sahabat-sahabatnya berjaya merampas Kapal Perang USS Lincoln. Walaupun kejayaan itu bukan datang daripadanya namun Muhammad Ameen amat menghargai kejayaan sahabat-sahabatnya dan bersama-sama berkongsi perasaan gembira itu. Sikap yang ditunjukkan oleh remaja dalam novel ini dapat dijadikan contoh yang baik kerana mereka menunjukkan sikap berhemah tinggi dalam percakapan dan peri laku mereka.

Ciri berhemah tinggi juga dapat dilihat dalam novel *Advencer Si Peniup Ney*.

Antara ciri berhemah tinggi yang dipaparkan dalam novel tersebut adalah sama seperti yang terdapat dalam novel Kombat. Watak-watak dalam novel ini juga memulakan pertemuan dengan memberi salam dan juga melafazkan ucapan syukur apabila berjaya melakukan sesuatu. Pada bahagian permulaan cerita, novel ini memaparkan kedatangan sekumpulan remaja jin ke Masjid Fatih. Semasa remaja jin ini bertemu dengan Ustaz Kamal iaitu ayah kepada Sulaiman Hilmi, mereka memberi salam terlebih dahulu. Hal ini dapat dilihat dalam peritiwa yang berikut;

“Salah seorang yang lebat janggutnya, lebih sepet matanya, tetapi lebih jernih air mukanya mendekati Ustaz Kamal dan memberi salam. Barangkali pemuda ini ialah ketua kepada tiga puluh sembilan pemuda yang lain. Dia memperkenalkan dirinya sebagai Harun. Harun menyalami dan mengucup tangan Ustaz Kamal sebagai tanda hormat”

(ASPN, 2004: 3)

Berdasarkan petikan yang diberikan, remaja yang dipaparkan dalam petikan tersebut bukan sahaja berhemah dari segi tutur kata malah mereka juga berhemah dari segi tingkah laku. Harun telah bersalam dan mengucup tangan Ustaz Kamal sebagai tanda menghormati orang tua. Tingkah laku seumpama inilah yang hendak dididik dalam diri remaja supaya mereka dapat mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kalimah kesyukuran juga tidak lupa diucapkan apabila berjaya mendapatkan sesuatu kejayaan seperti dalam petikan berikut;

“Alhamdulillah. Saya sudah pulang.”
Ustaz Kamal angguk, senyum tenang

(ASPN, 2004: 228)

Petikan di atas menggambarkan sikap Sulaiman Hilmi yang berhemah tinggi apabila beliau tidak lupa untuk melafazkan tanda kesyukuran kepada Allah SWT apabila misi dakwah beliau berjaya. Hasil daripada pengembaraannya yang jauh dan lama iaitu selama tiga tahun lamanya, beliau telah berjaya mengembalikan akidah Islam kepada masyarakat jin. Tiada sedikitpun perasaan riak di hati Sulaiman Hilmi dengan kejayaan yang dikecapinya itu malah beliau tidak lupa untuk berterima kasih kepada Allah.

Dalam Novel *Kasih Nan Agung*, sikap berhemah tinggi ini dapat dilihat melalui watak Jaka Sulaiman. Setiap kali memulakan percakapan, beliau akan mulakan dengan kalimah ‘*bismillahirrahmanirrahim*’ iaitu memuji kebesaran Allah SWT terlebih dahulu. Dengan membaca kalimah ini, Jaka Sulaiman berasa lebih berani untuk melawan kemungkaran yang sedang dihadapinya itu. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut;

“Jaka Sulaiman tidak dapat menunggu lagi. Umpama seorang kesateria yang akan ke medan perang, dia bangun dan menarik nafas panjang.

Bismillahirrahmannirrahim.

Maafkan saya, Encik Troglodytes...”

(KNA, 2008: 22 – 23)

Sikap berhemah tinggi Jaka Sulaiman juga dapat dilihat melalui tingkah lakunya yang bersopan apabila beliau menyuarakan perasaan kesal dan mengakui kesilapan yang dilakukan. Petikan berikut menggambarkan sikap kesal Jaka kepada pensyarahnya:

“Chris”, Jaka Sulaiman membuka bicara.

“Hari yang amat mengujakan bagi anda?”

“Saya hanya kesal terpaksa merosakkan majlis anda. Tetapi jika saya terpaksa mengulanginya lagi, saya akan lakukannya.”

(KNA, 2008: 28)

Jaka Sulaiman juga seorang yang sangat menghormati pensyarahnya. Beliau sangat menghormati pensyarah yang mengajarnya iaitu Profesor Chris Ackerley. Profesor Chris sentiasa menyokong tindakan Jaka Sulaiman kerana beliau tahu Jaka seorang yang terlalu mementingkan keagungan agama Islam dan berani menentang sesiapa sahaja yang mempermain-mainkan agama Islam. Rasa hormat Jaka Sulaiman digambarkan melalui petikan yang berikut;

“Profesor Chris Ackerley berketurunan Irish, berusia hampir enam puluh tahun dan berafiliasi dengan gereja Katolik. Jaka Sulaiman tidak dapat mengelak daripada rasa hormat kepada orang tua itu kerana keterbukaannya terhadap falsafah hidup daripada pelbagai anutan.”

(KNA, 2008: 30)

Terdapat banyak lagi ciri berhemah tinggi dalam novel kajian yang berupaya mendidik golongan remaja apabila membaca novel-novel tersebut. Sikap berhemah tinggi ini bukan sahaja merujuk kepada amalan memberi salam, melafazkan syukur dan membaca *bismillahirrahmanirrahim* sahaja malah banyak lagi yang dipaparkan seperti adat pergaulan antara lelaki dan perempuan, sikap menghormati kawan-kawan, berbaik sangka dengan orang lain, menghormati ibu bapa, menjaga maruah diri, bersopan dalam pertuturan dan sebagainya.

5.3.2.2 Bersabar Menghadapi Dugaan

Sabar bermaksud menahan diri daripada marah atas sesuatu yang tidak disukai dan menahan lidah daripada mengadu kepada yang lain selain daripada Allah SWT atau tabahkan hati apabila menghadapi dugaan. Menurut Al-Iman Al-Ghazali, sabar adalah ketabahan melawan dorongan hawa nafsu dan berjaya mengatasinya dengan cara yang direhdai Allah. Sabar adalah fardu ain atas tiap-tiap mukallaf, sama ada sabar

mengerjakan yang wajib atau sabar meninggalkan maksiat dan sabar menghadapi mala petaka.

Sifat sabar juga bermaksud mempunyai ketetapan hati dan kemantapan jiwa menghadapi pelbagai kesulitan. Tiada perasaan resah dan gelisah apabila musibah dan kesusahan dalam hidupnya. Orang yang sabar akan sentiasa berlapang dada, berfikiran tenang dan iman tidak akan goyah walau sebesar manapun musibah yang datang malah akan mencari jalan penyelesaian secara bijaksana tanpa menggadai maruah diri dan mengugat iman dalam diri.

Menurut Ibnu Abbas r.a, sabar dalam Al-Quran ada tiga peringkat iaitu sabar mengerjakan yang fardu, sabar dalam menjauhi larangan Allah dan sabar dalam menghadapi malapetaka. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

"Iman itu ada dua bahagian, sebahagiannya pada sabar dan sebahagian lagi pada syukur."

Watak-watak remaja dalam novel 1511[Kombat] ini juga digambarkan memiliki sifat sabar yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui watak remaja yang memegang jawatan komander dalam pasukan perang yang dibentuk oleh Jeneral Nusaybah. Kesemua remaja yang dipilih sebagai komander diuji dengan pelbagai dugaan dan rintangan semasa berjihad menentang pihak Amerika. Hal ini dapat dilihat melalui watak Muhammad Ameen. Sifat sabar dan tabah watak Muhammad Ameen menghadapi suasana yang genting semasa perang dapat dilihat melalui petikan berikut;

“Ya Allah, kami berdepan dengan musuh yang paling nyata, iaitu Yahudi Zionis dan kafir yang bercita-cita melakukan kerosakan di muka bumi ini. Janganlah Kau biarkan kami tewas hari ini, Ya Allah. Ini beban besar, bahawa tanggungjawab memimpin tentera Islam ini satu, satu kerja besar. Ya Allah, kalau dibiarkan Islam tewas di Tanah Haram ini, yang penuh mukjizat ini, pastilah Islam akan permainan dan persendaan di hari depan kelak. Sungguh-

sungguh terdesak kami hari ini. Mohonlah kiranya, Ya Allah, kami diberikan pertolongan.”

(Kombat [1511], hal. 189)

Walaupun Muhammad Ameen masih remaja namun beliau telah diberi tanggungjawab yang sangat besar untuk memimpin tentera perang. Dengan memiliki sifat sabar yang tinggi beliau mampu menangani semua masalah yang dihadapinya. Beliau tidak terus menyerah kalah walaupun dalam keadaan yang genting malah tetap berusaha dan berdoa memohon pertolongan Allah agar membantu beliau dan rakan-rakannya. Dugaan dan rintangan yang dihadapi ini telah meningkatkan tahap kesabaran watak-watak remaja dalam novel tersebut sehingga mereka berjaya menyelamatkan Kota Mekah dan dapat mengalahkan Amerika.

Novel *Kasih Nan Agung* juga memaparkan watak Jaka Sulaiman sebagai remaja yang memiliki sifat sabar yang tinggi semasa mengharungi dugaan dalam hidup mereka. Antara peristiwa yang menunjukkan sifat sabar Jaka Sulaiman adalah apabila beliau diduga dengan hukuman penggantungan kuliah kerana beliau didapati bersalah menyerang staf universiti dan beliau juga dituduh telah mengganggu ketenteraman awam. Jaka menerima hukuman yang dikenakan ke atas dirinya dengan reda dan hanya mampu berdoa dan berserah kepada Yang Maha Esa. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut;

“ ... Jaka hanya dapat berdoa dan berserah. Dia keluar setelah berada di bilik panel disiplin itu selama setengah jam. “
“Janganlah risau tentang aku, Wazir. Kita hanya berusaha, moga-moga hati mereka dibukakan untuk menerima kebenaran.”

(*Kasih Nan Agung*, hal 64)

Sifat sabar mempunyai banyak manfaatnya kepada seseorang hamba Allah. Sifat ini harus dipupuk kepada remaja kerana golongan sering dikaitkan dengan sifat panas baran dan suka bertindak melulu apabila menghadapi konflik dalam kehidupan mereka. Dengan memiliki sifat sabar yang tinggi seseorang itu sentiasa dipelihara oleh Allah dan mendapat kurniaan pahala yang berganda seperti maksud ayat di bawah;

Mereka itu akan beroleh pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka.

(Surah al-Qasas: 54)

Dalam novel kajian, watak-watak remaja yang dipaparkan memiliki sifat sabar yang tinggi sehingga mereka mampu mengharungi konflik yang dihadapi dengan baik dan tidak mudah berputus asa malah menerima sesuatu dugaan itu dengan tabah dan reda. Seseorang yang sabar tidak akan menyerah diri dengan mudah dan tidak akan membiarkan orang lain berbuat sesuka hati kepada dirinya. Sabar juga membawa maksud tetap tabah mempertahankan kebenaran dan membela yang hak. Orang yang menghadapi ujian dengan tabah dan teguh hatinya akan membawa kemenangan dan kebahagiaan hakiki dalam kehidupannya. Sifat sabar membawa kepada keimanan yang tinggi seperti maksud ayat yang berikut;

“Dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa”.

(Surah al-Baqarah: Ayat 177)

5.3.2.3 Berani dan Optimistik

Asy-syaja'ah atau keberanian adalah salah satu ciri yang harus dimiliki oleh semua orang khususnya golongan remaja. Berani dan optimistik ialah satu sifat semula jadi yang dikurniakan oleh Allah kepada setiap manusia yang dijadikanNya. Berani ialah satu kekuatan tersembunyi yang wujud dalam diri setiap manusia untuk menghadapi cabaran dan masalah dalam kehidupan. Kekuatan tersebut mungkin ditonjolkan melalui pemikiran dan tindakan seseorang. Berani juga diibaratkan sebagai pedang sakti manusia untuk menangkis segala rintangan dan halangan yang akan menyekat seseorang untuk terus mara ke arah mencapai cita-cita atau hajatnya.

Orang yang memiliki sikap berani ini ialah orang yang sentiasa beristiqamah di jalan Allah dan akan senantiasa tenang dan optimis kerana yakin berada di jalan yang benar serta yakin Allah sentiasa dekat dengan pertolongan Allah. Dalam mengejar matlamat hidup, seseorang itu memerlukan keberanian. Tanpa mengira apa juar rintangan yang datang, seseorang itu harus berani mengejar matlamat itu. Menurut Profesor Dr. Hamka, "Sifat berani itu adalah modal yang paling besar yang ada dalam diri setiap anda, sekiranya ingin maju dan berjaya serta ingin mengembalikan maruah yang telah hilang dalam diri anda". Beliau juga menyatakan bahawa antara sifat yang perlu ada dalam diri setiap Muslim ialah semangat berani. Jika seseorang Muslim ingin mengembalikan maruah bangsanya, ia harus berani. Kerana sifat berani itu dianggap sangat mulia dalam Islam dan sifat penakut adalah yang paling hina.

Watak-watak remaja dalam novel kajian dipaparkan mempunyai sifat berani dan optimistik terhadap perjuangan mempertahankan kesucian agama dan mengangkat maruah bangsa. Didikan dan asuhan sejak kecil mempengaruhi sikap berani dan optimistik watak remaja dalam novel kajian. Pemilihan Muhammad Ameen sebagai ketua pemimpin perang dalam Novel Kombat [1511] sesuai dengan keperibadian watak

remaja tersebut yang berani dan sentiasa bersikap optimistik dalam kehidupan. Keberanian dan sikap optimistik Ameen dapat dilihat apabila beliau memberi pengertian terhadap penyerang berani mati dan mati syahid kepada Jeneral Hajah Nusaybah.

“Ana berpegang kepada al-Quran dan sirah Rasulullah S.A.W. Bukan Habib al-Najjar dalam ayat 20 hingga 27 Surah Yasin dibunuh kerana mempertahankan akidahnya? Bukankah remaja dalam surah al-Buruj pada kisah Ashabul Ukhud sanggup mati untuk mengembangkan akidah sucinya? ...

“... Ana juga menerima kisah Saidina Ikrimah Abi Hisham dan 400 tentera Islam menyerbu musuh seramai 100 ribu orang. Mereka gugur syahid dan hasil daripada tindakan mereka itu membolehkan tentera Islam membuka pintu kota musuh yang akhirnya membawa kepada kemenangan tentera Islam.”

(Kombat [1511], 2003: 19 – 20)

Kepetahan dan keberanian serta sikap optimistik yang ditunjukkan oleh Muhammad Ameen yang masih remaja itu memberi kegembiraan kepada Jeneral Hajah Nusaybah. Keberanian Muhammad Ameen akan menjadikan misi Hajah Nusaybah untuk menggempur musuh Islam akan tercapai dan Ameen adalah penyelamat kepada maruah agama Islam. Sikap berani dan optimistik Ameen bukan setakat itu sahaja malah semasa peperangan Muhammad Ameen dan panglima perang yang lain menunjukkan kewibawaannya sebagai pahlawan yang berani dan sanggup mati demi mempertahankan agama.

“Muhammad Ameen galas mortar di bahu kiri dan pelancar roket di bahu kanan, terasa berat tetapi dia tak kan mengalah awal. Al-Haj Saiful mulai membaling bom asap menghala ke simpang. Bom itu ternyata tidak meletus. Muhammad Ameen lambai lagi, buat isyarat lain. Usahakan sesuatu.”

“Bommm! Trak bersepai, bumbungnya terbakar, melantun ke udara. Muhammad Ameen berlari sungguh-sungguh dengan bahu yang membeban berat...”

(Kombat [1511], 2003: 368)

Sifat berani watak-watak remaja dalam novel kajian bukan sahaja berani dalam peperangan malah golongan remaja juga digambarkan berani dalam mempertahankan hujah dan bersikap optimistik serta yakin diri untuk mempertahankan kebenaran dan kesucian tentang agama Islam. Jaka Sulaiman dalam Novel Kasih Nan Agung dengan berani dan tegas telah mempertahankan asal-usul kejadian manusia. Jaka menjadi marah apabila sarjana Barat memberi hujah tentang kejadian manusia berasal daripada spesies mawas apabila fosil manusia ditemui dalam kajian mereka. Jaka dengan berani berhujah demi menegakkan kebenaran tentang kejadian manusia yang sebenar bukannya daripada keturunan mawas seperti yang dinyatakan oleh pengkaji barat itu.

“ Anda telah menghina lebih enam bilion manusia yang percaya akan kewujudan Tuhan yang Maha Mencipta...”

“... Profesor Ackerley, saya mahu membuat penegasan. Satu fosil di tengah-tengah gurun di Kenya tidak boleh mewakili masa lampau dan masa depan 6.7 bilion manusia. Ini satu penghinaan terhadap seluruh umat manusia.”

(KNA, 2008: 25)

Seseorang yang memiliki sifat berani ini ialah seseorang yang mempunyai daya tahan yang besar untuk menghadapi kesusahan, penderitaan dan apa-apa sahaja bencana dan penyiksaan kerana seseorang itu berada di jalan Allah. Berterus terang dalam kebenaran "*Qulil haq walau kaana muuran*" (katakan yang benar meskipun itu pahit) dan berani berkata benar juga adalah salah satu bentuk jihad lisan.

Jaka Sulaiman berani bersuara kerana beliau ingin menegakkan kebenaran dan rasa sayangnya akan agama melebihi daripada segala-galanya. Hal ini diakui oleh pensyarah yang mengajarnya iaitu Profesor Chris.

“Saya dah agak pun. Anda sanggup dikenakan tindakan kerana mempertahankan agama dan keimanan anda. Walaupun nanti anda dikenakan tindakan, anda dah pun kenakan Le Frost dan Blake. Anda dah pijak-pijak Darwin dan Marx, dan mungkin juga si pengobses kaum, Hitler. Tahniah!”

(KNA, 2008: 30)

Selain itu, Jaka juga berani mempertahankan haknya semasa perbicaraan kes disiplin yang dikenakan ke atasnya demi menuntut keadilan terhadap dirinya.

“...Ahli panel telah membuat kenyataan menghina, cuba memperaibkan agama saya dengan mengatakan Tuhan tidak wujud, dan manusia dan mawas berasal daripada keturunan yang sama, Kenyataan sedemikian sepatutnya tiada tempat dalam dunia paleoantropologi. Jika saya dugantung pengajian, sepatutnya Maximillian Blake dan Richard Le Frost juga perlu digantung daripada melaksanakan tugas-tugas akademik”

(KNA, 2008: 55)

Novel Advencer Si Peniup Ney mengetengahkan watak remaja bernama Sulaiman Hilmi yang juga dipaparkan memiliki sifat berani dan optimistik demi menegakkan kebenaran agama dan mempertahankan keadilan. Keberanian Sulaiman Hilmi dapat dilihat apabila beliau sanggup menerima tanggungjawab untuk menjadi ketua pendakwah kepada remaja-remaja jin yang datang menemuinya di bumi bagi mengembalikan syiar Islam di negara jin di Fantasia. Hal ini dapat dilihat melalui petikan yang berikut:

“Masya Allah, masya Allah. Maha Besar Allah yang meletakkan aku di sini bersamamu. Kebolehan yang besar bermakna tanggungjawab dan sumbangan yang diberi untuk Islam juga harus besar.”

(ASPN, 2004: 29)

Apabila Sulaiman Himi sudah menerima jawatan yang ditawarkan itu, pertama sekali beliau terpaksa berhadapan dengan Raja negara Fantasia yang dikenali yang memang terkenal sebagai pengasas fahaman hedonisme yang tegas dan zalim. Dengan semangat dakwah yang berkobar-kobar dalam diri Sulaiman, beliau dengan berani menghadap raja tersebut dan menerangkan tujuan kedatangan beliau dan rakan-rakan ke negara Fantasia. Pada awalnya raja negera Fantasia sukar menerima cadangan Ustaz Sulaiman dan diugut dengan pelbagai hukuman namun Ustaz Sulaiman tidak putus asa dan tetap optimis dengan tugas yang diberikan kepadanya sehingga akhirnya cadangan beliau diterima.

“ Beta izinkan majlis ini bub...”

“... Beta titahkan kamu wahai jin berkopiah biru, harus membuat persembahan pada konsert bulanan kami.”

Harun memandang muka Sulaiman. Ustaz Sulaiman akur,
“Titah paduka tuanku kami sambut!”

(ASPN, 2004: 51)

Secara keseluruhannya, sikap berani dan optimistik terserlah melalui watak-watak protagonis remaja dalam novel kajian apabila mereka memiliki daya tahan yang besar untuk melalui segala kesulitan, penderitaan dan halangan dalam mengharungi kehidupan dan tugas yang diberikan kepada mereka. Dengan adanya sikap berani dan optimistik, remaja tersebut berjaya melaksanakan misi atau tugas yang diberikan dengan cemerlang.

5.4 Kesimpulan

Komponen Kesedaran Rohani dalam model kajian ini adalah untuk memberi kesedaran kepada golongan remaja tentang kepentingan agama dalam kehidupan manusia. Dengan memberi huraihan tentang kesedaran rohani ini berupaya membuka mata golongan

remaja untuk mempraktikkan ajaran agama dan menghayati dengan sebenar-benarnya amalan yang boleh meningkatkan keimanan diri seseorang. Apabila sudah memiliki kesedaran rohani, golongan remaja akan menjalani kehidupan dengan tenang dan dapat menangani segala dugaan dengan tabah dan sabar. Kesedaran rohani yang tinggi sangat dituntut dalam diri seseorang kerana dengan memiliki kesedaran ini, seseorang itu akan reda dengan ketentuan yang Allah telah ditetapkan. Dalam situasi susah atau senang, seseorang itu akan sedar bahawa Allah sentiasa bersama-sama dengan orang yang kuat imannya.

Untuk membuktikan dan memperkuatkan amanat keagamaan dan untuk memberi kesedaran rohani kepada khalayak, novel-novel ini telah menyelitkan pelbagai unsur lain seperti firman-firman Allah, kisah-kisah perjuangan Rasulullah dalam menegakkan Islam , zikir-zikir, nama kitab-kitab, sifat rububbiyah dan uluhiiyah dan pelbagai lagi unsur agama yang dimasukkan demi meningkatkan kesedaran rohani. Islam merupakan satu agama iaitu kepercayaan dan pegangan hidup yang menjamin keselamatan fikiran dan perasaan serta mengawal keselamatan dan kesejahteraan umatnya, diri, keluarga, masyarakat dan negara di dunia dan akhirat dengan cara menyerah diri kepada Allah, tunduk, patuh dan sabar melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan. Manusia muslim berkewajipan memelihara hubungannya dengan Allah demi mendapatkan kesejahteraan hidup di atas dunia dan di akhirat. Antara ciri-ciri yang dilihat dalam aspek keagamaan ialah tahap keimanan watak remaja itu kepada Allah melalui amalan-amalan keagamaan yang dilakukan untuk mendekatkan dirinya dengan Allah.

Perasaan cinta terhadap Allah Beriman kepada Allah SWT adalah iman yang paling utama dan mulia kerana hal ini merupakan asas untuk didirikan segala kehidupan rohani. Dengan beriman kepada Allah dapat memancarkan perasaan yang baik dan

dapat membina semangat untuk menuju ke arah kebaikan. Hal keimanan ini juga ada kaitannya dengan hati manusia kerana keimanan dapat mendidik hati untuk sentiasa menyelidik dan meneliti mana-mana yang salah dan tercela, malah dapat menimbulkan keinginan untuk mencari keluhuran, kemuliaan dan ketinggian budi serta akhlak. Walau bagaimanapun, manusia muslim tidak disuruh meninggalkan kenikmatan atau kemewahan kebendaan serta keperluan jasmani asalkan perkara-perkara tersebut tidak dinikmati secara melampau sehingga mengabaikan tuntutan kerohanian.

Melalui analisis watak remaja dalam novel kajian, didapati watak-watak remaja yang dianalisis mempunyai semangat sayang akan agama dan negara yang tinggi. Dengan pegangan agama yang teguh seseorang itu akan sentiasa berasa selamat kerana dilindungi Allah. Dengan adanya agama, seseorang itu berani berjuang kerana mereka mempunyai matlamat yang kukuh untuk berjuang. Semangat berjuang itu datangnya daripada kekuatan pegangan agama seseorang. Remaja adalah masa depan negara dan pewaris bangsa sesebuah negara. Remaja yang teguh dengan pegangan agama akan berpegang kepada amanah yang diberikan dan berjuang bersungguh-sungguh apabila diberikan amanah kepada mereka. Golongan remaja yang berjiwa merdeka yang kukuh agamanya akan mempunyai satu matlamat dalam kehidupan mereka iaitu matlamat akhirat. Sanggup mati syahid demi agama dan jiwa akan sentiasa berasa tenang dan bersedia menghadapi kematian dengan penuh keredaan. Jiwa yang benar-benar merdeka akan mencari reda Allah. Hasil analisis juga mendapati bahawa remaja yang memiliki keimanan yang tinggi akan bertindak secara berhemah dan sentiasa menjaga akhlak mereka mengikut lunas-lunas yang dibenarkan oleh agama. Watak-watak remaja dalam novel kajian dipaparkan memiliki jiwa yang merdeka kerana sentiasa berfikiran optimistik walaupun terpaksa melalui pelbagai halangan dan rintangan dalam mengharungi perjuangan yang diamanahkan kepada mereka.

Seterusnya, hasil analisis juga membuktikan bahawa novel-novel kajian mampu mendidik diri remaja dengan asas keimanan yang kukuh untuk memilih jalan hidup ke arah ketenangan dan keharmonian yang abadi melalui watak-watak remaja yang dipaparkan. Sifat semula jadi remaja yang suka mencari sesuatu yang mencabar harus dipandu ke jalan yang benar supaya jiwa muda mereka tidak terpesong ke arah kesesatan. Pencarian ke arah kebenaran dan pemahaman tentang Islam akan menemukan diri remaja dengan kecemerlangan dalam hidup. Apabila keimanan dipancarkan ke dalam hati remaja, sudah pasti remaja dapat memilih dan membezakan sesuatu perbuatan itu baik atau tidak.

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

Rumusan

Berdasarkan kajian dan analisis yang menggunakan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam kajian ini telah diperoleh beberapa dapatan penting. Antaranya ialah keseluruhan kandungan novel-novel remaja yang dikaji menyerapkan tiga komponen kecerdasan emosi yang terdapat dalam MKE yang dibentuk dalam kajian ini. Kesemua novel remaja yang dikaji memaparkan jalan cerita yang mempunyai kebaikan dan membawa remaja ke arah ketauhidan yang tinggi. Hal ini menepati model kecerdasan emosi yang diguna pakai dalam kajian ini. Mesej disampaikan dengan pelbagai cara namun banyak pengajaran yang dipaparkan untuk memberi didikan dan asuhan kepada golongan remaja.

Hasil analisis juga telah menepati objektif yang ingin dicapai iaitu novel-novel remaja yang dikaji memenuhi keperluan MKE yang dibentuk dalam kajian ini. Kesemua teks kajian telah memasukkan komponen kecerdasan emosi di dalam cerita yang dipaparkan. Komponen-komponen kecerdasan emosi tersebut ialah komponen kesedaran peribadi, komponen kesedaran sosial dan komponen kesedaran rohani. Ketiga-tiga komponen ini diserap secara tidak langsung melalui peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh watak protagonis remaja dalam novel kajian. Walau bagaimanapun dalam bab huraihan analisis, pengkaji hanya mengemukakan novel-novel kajian yang mempunyai ciri-ciri komponen kecerdasan emosi yang dominan sahaja dipaparkan analisisnya secara terperinci. Selain itu, pengkaji hanya menganalisis watak protagonis remaja namun hasil penemuan mendapati bahawa watak remaja yang dikaji bukan hanya mengalami emosi yang positif sahaja malah mereka juga mengalami emosi yang

negatif apabila berhadapan dengan konflik. Hasil daripada analisis watak tersebut, didapati watak bijak mengurus emosi negatif mereka dan berjaya mengatasi emosi negatif tersebut dengan perkara-perkara yang bermakna dalam kehidupan mereka.

Seterusnya, dapatan analisis juga menemukan beberapa faktor yang mempengaruhi kecerdasan emosi remaja. Antaranya ialah remaja yang mengalami masalah dalam keluarga, kekurangan kasih sayang ibu bapa, tiada kepuasan dalam diri, mencari hakikat kehidupan yang sebenar dan mengalami kekecewaan dalam hidup. Kekurangan dan kelemahan dalam faktor-faktor tersebut telah menyebabkan remaja yang terlibat mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah. Walau bagaimanapun terdapat pula faktor-faktor lain yang melonjakkan tahap kecerdasan emosi mereka ke tahap yang terbaik dan dapat membentuk sahsiah yang cemerlang dan unggul. Antara faktor yang menyumbang ke arah meningkatnya tahap emosi adalah apabila remaja itu memahami dan menguasai tiga komponen yang terdapat dalam Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang dibentuk dalam kajian ini.

Hasil dapat kajian juga mendapati walaupun watak protagonis remaja yang dianalisis itu menempuh banyak emosi negatif namun mereka mampu mengawal keadaan emosi tersebut dengan berkesan apabila mereka telah menguasai komponen pertama dalam MKE iaitu komponen kesedaran peribadi. Komponen kesedaran peribadi telah membantu remaja untuk memahami keadaan dirinya sendiri dan membuat muhasabah tentang dirinya. Dalam keadaan ini peranan unsur kerohanian seperti akal, hati dan kalbu memainkan peranan penting. Segala tindakan hasil daripada pengaruh emosi dalam diri akan dikawal oleh tiga unsur rohani tersebut. Keseluruhan watak remaja yang dianalisis memiliki kebolehan mengenali emosi mereka dengan baik dan seterusnya menguruskan emosi itu dengan sewajarnya tanpa melibatkan tindakan agresif ataupun negatif yang memudaratkan diri mereka. Watak-watak remaja yang

dianalisis bijak menjuruskan emosi mereka ke arah positif malah menjadikan emosi negatif yang dirasai itu sebagai pemangkin atau sebagai motivasi untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka. Dapatkan analisis bagi komponen kesedaran peribadi juga mendapati bahawa watak-watak remaja yang dikaji tidak mengabaikan suruhan agama dan mereka sentiasa mendekatkan diri dengan Allah. Apabila mereka menghadapi dugaan atau didatangi emosi negatif, mereka terus memohon doa dan berzikir kepada Allah mohon petunjuk dan supaya dipermudahkan jalan penyelesaiannya.

Seterusnya dapatkan analisis dalam komponen kesedaran peribadi juga telah menyerlahkan potensi diri remaja yang positif. Mereka memiliki motivasi kendiri yang tinggi dan tidak pernah menganggap masalah yang dihadapi itu sebagai satu musibah sebaliknya berusaha untuk menghindari daripada lingkaran paradigma yang negatif tersebut. Tahap motivasi kendiri juga didorong oleh sikap sayang akan keluarga dan mahu menyatukan semula keluarga yang berpecah belah selama ini. Selain itu, motivasi kendiri meningkat juga disebabkan kesedaran berjihad untuk menegakkan agama Islam dan hendak menghapuskan maksiat yang berlaku.

Hasil analisis juga telah membuktikan bahawa faktor lain yang menaikkan motivasi kendiri remaja ialah keinginan remaja untuk mendaulatkan semula seni warisan budaya yang menjadi tinggalan nenek moyang dahulu. Pengkaji mendapati hal ini telah membuktikan bahawa remaja yang mempunyai semangat sebegini adalah remaja yang memiliki jati diri yang utuh yang semangat sayang akan warisan bangsa sangat menebal di hati mereka. Antara seni warisan yang mahu dipertahankan oleh remaja dalam teks kajian ialah seni tari Melayu dan pantun Melayu.

Keseluruhan watak remaja yang dianalisis berdasarkan MKE sarat dengan prinsip keunggulan peribadi dan memiliki keseimbangan antara jasmani dan rohani.

Watak remaja dalam novel ini memilih sari pati nilai kebijaksanaan, amal, iman, dan akliah, seterusnya menyuburkan semangat patriotisme dan membentuk integriti peribadi. Seterusnya, melalui analisis watak-watak remaja dalam novel kajian dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sikap remaja yang unggul dapat dibentuk apabila mereka menguasai ciri-ciri yang terdapat dalam komponen kecerdasan emosi dalam model kajian ini. Keseluruhan watak remaja yang dianalisis memiliki personaliti unggul, dan dapat mendepani kehidupan dengan berani dan optimistik khususnya dalam menempuh cabaran globalisasi yang kian menghimpit masyarakat pada masa kini. Watak remaja dalam novel kajian dipaparkan memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang masing-masing. Selain itu, mereka juga memiliki iman yang kental dan mampu mengekalkan jati dirinya sebagai remaja Muslim, seterusnya dapat memainkan peranan sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Analisis dalam komponen kesedaran sosial, didapati watak-watak protagonis remaja yang dikaji memiliki perasaan empati dan berupaya menjalin hubungan dengan orang-orang di sekeliling dengan baik. Atas rasa empati yang tinggi, ada watak remaja membantu dan memberi dorongan kepada kawan baik yang berada dalam kemurungan kerana kekurangan kasih sayang keluarga. Dengan semangat dan dorongan yang diberi, rakan yang mengalami kemurungan kembali ceria dan dapat menerima situasi yang dihadapi dengan positif. Selain itu, dalam menjalin hubungan yang baik dengan orang lain, watak-watak remaja yang dikaji mampu berinteraksi dan berurus dengan baik dengan orang yang lebih tua daripada dirinya. Walaupun dalam usia yang masih muda namun hasil pergaularan dengan orang yang lebih dewasa akan menjadikan remaja lebih matang daripada usia mereka.

Remaja adalah masa depan negara dan pewaris bangsa sesebuah negara. Remaja yang teguh dengan pegangan agama akan berpegang kepada amanah yang diberikan dan

berjuang bersungguh-sungguh apabila diberikan amanah kepada mereka. Golongan remaja yang berjiwa merdeka yang kukuh agamanya akan mempunyai satu matlamat dalam kehidupan mereka iaitu matlamat akhirat. Kajian juga mendapati remaja yang memiliki keimanan yang tinggi akan bertindak secara berhemah dan sentiasa menjaga akhlak mereka mengikut lunas-lunas yang dibenarkan oleh agama. Watak-watak remaja dalam novel kajian dipaparkan memiliki jiwa yang merdeka kerana sentiasa berfikiran optimistik walaupun terpaksa melalui pelbagai halangan dan rintangan dalam mengharungi perjuangan yang diamanahkan kepada mereka.

Watak-watak protagonis remaja dalam novel memberi pengajaran kepada pembaca melalui pengalaman-pengalaman yang dilalui dan cara penyelesaian konflik yang mereka lakukan. Perwatakan unggul dalam novel dapat merangsang pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan remaja. Keunggulan watak dapat dilihat melalui pemikiran yang matang dan tindakan yang bijak walaupun terpaksa menghadapi pelbagai halangan dan rintangan. Keunggulan sahsiah watak remaja juga dilihat kepada kekentalan pegangan agamanya iaitu tidak sekali-kali mengabaikan ibadahnya walaupun pelbagai konflik melanda dirinya. Watak remaja unggul juga dilihat kepada sikap watak yang harmonis dan mesra disampaikan melalui gambaran tindakan dan perilaku yang sesuai.

Mengawal emosi merupakan suatu tugas yang sukar bagi manusia khususnya remaja yang masih dalam usia yang muda namun melalui pengalaman dan pergaulan, komponen-komponen kecerdasan emosi dapat dipupuk dalam diri remaja. Salah satu cara untuk memupuk kecerdasan emosi dalam diri remaja adalah melalui pembacaan novel-novel remaja yang memaparkan watak-watak remaja yang memenuhi keperluan komponen kecerdasan emosi seperti yang dikehendaki dalam MKE yang dibentuk dalam kajian ini. Sesebuah karya atau novel remaja yang menerapkan komponen

kecerdasan emosi kepada watak-watak dalam cerita berupaya menjadikan nilai tersebut sebagai karya yang bernilai tinggi dan berupaya mendidik sahsiah remaja sebagai khalayak pembacanya.

Cadangan Kajian

Dengan adanya kajian ini, pengkaji mengharapkan supaya kajian ini boleh dijadikan panduan kepada penulis karya remaja untuk menerapkan komponen-komponen kecerdasan emosi seperti yang terdapat dalam MKE di dalam karya yang ditulis. Kepentingan menerapkan komponen kecerdasan emosi memberi kesan yang besar kepada proses kedewasaan dan kematangan remaja. Karya kesusasteraan sangat berpengaruh bagi membentuk sahsiah dan jati diri remaja kerana elemen-elemen yang terdapat dalam karya sastera seperti ilmu dan kemahiran serta nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi mampu mendidik remaja.

Pengkaji juga mengharapkan supaya kajian yang dijalankan ini memberi manfaat kepada guru khasnya guru yang mengajarkan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu tentang pentingnya komponen kecerdasan emosi dikupas dengan mendalam dalam teks sastera yang dikaji. Para pelajar perlu menghayati jalan cerita dan menghayati setiap peristiwa yang berlaku dan kaitkan dengan kecerdasan emosi watak dalam karya dan seterusnya kecerdasan emosi para pelajar setelah membaca karya tersebut. Karya sastera adalah agen pembentuk akhlak yang sangat bermakna. Harapan pengkaji supaya kajian teks sastera tidak diajar sekadar untuk menjawab soalan peperiksaan semata-mata kerana yang penting dalam karya sastera ialah unsur pemupukan kecerdasan emosi dan seterusnya membentuk remaja unggul melalui penghayatan nilai-nilai kemanusiaan dalam karya sastera. Kajian ini juga diharapkan

dapat membantu guru untuk mencapai objektif pendidikan dalam domain afektif yang merangkumi proses fisiologi, serta perlakuan yang berkait rapat dengan emosi.

Seterusnya, diharapkan dapatan kajian mampu membantu ibu bapa dan ahli masyarakat untuk memilih buku-buku yang bermutu dan memiliki kecerdasan emosi yang tinggi untuk dibaca oleh anak-anak mereka. Ibu bapa dan ahli masyarakat harus sedar bahawa komponen kecerdasan emosi harus dikuasai kerana dengan memiliki kecerdasan emosi yang tinggi seseorang itu akan menjadi lebih cemerlang dalam kehidupan peribadi dan kehidupan sosial mereka. Ibu bapa harus menggalakkan anak-anak membaca novel-novel remaja yang bermutu tinggi yang boleh meningkatkan kemahiran kecerdasan emosi. Dengan ini ibu bapa tidak perlu bimbang tentang akhlak anak-anak mereka kerana anak remaja yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi dapat mengawal diri daripada perkara-perkara yang tidak bermoral.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada *Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Sekolah Menengah dan Rendah* untuk memasukkan komponen-komponen kecerdasan emosi sebagai landasan penting di samping menekankan aspek Ketuhanan yang menjadi tonggak utama dalam sistem pendidikan di negara ini. Adunan kedua-dua aspek ini akan dapat melahirkan insan yang seimbang dan holistik seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan menepati keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPPM) 2013 - 2025 yang mementingkan kualiti pelajar yang akan dilahirkan melalui sistem pendidikan negara terutamanya dari segi etika dan kerohanian bagi mendepani cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan dewasa. Dengan adanya tahap kecerdasan emosi yang tinggi, remaja akan dapat menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak serta berani melakukan sesuatu yang betul.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (1995). Industri Buku di Malaysia: Dari Mana ke Mana. Ucap utama yang dibentangkan dalam *Konvensyen Penerbitan Kebangsaan* di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 4 – 6 Disember 1995. Hal. 1 – 15.
- A. Aziz Deraman. (2000). Kesusastraan Kebangsaan dalam Sistem Pendidikan: Membentuk Masyarakat Madani Malaysia. *Dewan Sastera*. Februari : hal. 13 -17.
- A. Bakar Hamid. (1980). *Konsep Seni Sastera - Cerpen Dan Novel dalam Penulisan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- A. Ghafar Ibrahim. (2002). Menggenerasikan Sastera dalam Kalangan Pelajar. *Dewan Sastera*. Mei: hal. 24 – 26.
- A. Hamid Jemain. (1994). Kepentingan Bahan Sastera dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Pelita Bahasa*. Februari: hal. 20 – 21.
- A. Karim Abdullah. (Peny). (2000). *Peranan Sastera dan Kesusastraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Teeuw. (1992). *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. (2003). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ahmad. (1987). Perbicaraan Struktur Penulisan Cerpen Kanak-kanak dan Remaja. *Dewan Sastera*. Julai: hal. 23 – 27.
- Abdul Ahmad. (1991a). Remaja dan Sasteranya. *Dewan Sastera*. Ogos: hal. 2 – 3.
- Abdul Ahmad. (1991b). Sastera Remaja: Antara Ciri dan Fungsi. *Dewan Sastera*. Julai: hal. 10 – 13.
- Abdul Fatah Hasan. (1999). *Pemikiran Keseluruhan Otak; dalam pengurusan pendidikan dan kaitannya dengan kecerdasan emosi (Emotional Intelligence/ EQ)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam Al-Ghazali: Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Wahab Ali. (1989). *Imej Manusia dalam Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Tahir. (1989). *Proses Penciptaan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abu Ali Ahmad Ibn. Miskawaih. (1994). *Menuju Kesempurnaan Akhlak*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Ahmad Amin. (1988). *Islam Sepanjang Zaman*. (Terj. Hj. Dusuki Hj. Ahmad). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah et al. (1988). *Unsur-Unsur Islam Dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah et al. (1994a). *Sempana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah et al. (1994b). *Kesusasteraan Bandingan dalam Perbincangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad. (1994). Pengantar Pengajian Kesusasteraan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali. (2008). *Minhajul Abidin*. Jakarta: Khatulistiwa Press.
- Al-Ghazali. (1972). Keajaiban hati (Terj.). Jakarta: Darul Nu'man.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi. (2010). *Mutiara Ihya' Ulumuddin Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali*. Terj. Panel Penterjemah. Selangor: Penerbit Illusion Network.
- Amer Hmzah. (2006). *Kembara Amira*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ary Ginanjar Agustian. (2002). *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual: ESQ Berdasarkan 6 Rukun Iman dan 5 Rukun Islam*. Jakarta, Indonesia: Penerbit Arga.
- Awang Sariyan. (2005). Peranan Bahasa dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Masyarakat Hadhari. Seminar Kebangsaan Pemikiran Kebudayaan dan Islam. Anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dengan Kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan GAPENA, pada 18 – 20 November.
- Barry, P. (Ed.) (1987). *Issues In Contemporary Critical Thinking*. London: Macmillan Education Ltd.
- Bayley, N. (1979). *Development of Mental Abilities*, dalam, Munsen P. (Ed.), *Manual of Child Psychology*, Vol. I. New York: Wiley Books Britain: Basil Blackwell Publisher Limited.
- Borhan Md. Zain. (2000) Kesusasteraan Melayu sebagai Komponen Bahasa Melayu: Menanggani Kekeliruan dan Teknik Pengajaran. *Dewan Sastera*. Februari: hal. 18 – 21.
- Braginsky, V. I. (1991). Sastera sebagai Penawar Jiwa. *Dewan Sastera*. Mac: 74 – 76.

- Bruno, F. J. (1984). *Behaviour and Life: An Introduction to Psychology*. New York: John Wiley and Sons.
- Chan, D. W. (2007). Leadership and Intelligence. *Roepers Review*. Spring 2007, Vol. 29, 3; ProQuest Education Journals.
- Chaplin, J. D. (1985). *Dictionary of Psychology 2th Edition*. New York: Dell Publishing Company.
- Cherniss, C. (2005). *Emotional Intelligence: What it is and why it Matters*. www.eiconsortium.org, dilayari pada 30 September.
- Curaso, D. R. & Salovey, P. (2004). *Then Emotionally Intelligent Manager: How to Develop and Use the Four Key Emotional Skills of Leadership*. San Fransisco: Jossey - Bass
- Danial Zainal Abidin. (2008). *Minda Muslim Super*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Dawam Rohardjo M. (1996). *Ensiklopedia Al-Quran: Tafsir Berdasarkan Konsep-Konsep Kunci*. Jakarta: Paramadina.
- Djamaludin Ancok F. N. (1994). *Psikologi Islamisasi: Salusi Islam Alas Problem Problem Psikologi*. yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Douglas, C., Frink, D. D., dan Ferris, G. R. (2004). Emotional Intelligence as a Moderator of Relationship between Conscientiousness and Performance. *Journal of Leadership & Organizational Studies: ProQuest Educational Journals*. Winter 2004: Vol. 10.
- Faisal Tehrani. (2001). Bacaan Sastera Popular : Satu Pencemaran? *Dewan Sastera*. Ogos: hal. 44 – 45.
- Faisal Tehrani. (2003). *1515*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2004). *1511[KOMBAT]*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2005). *Advencer Si Peniup Ney*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Fauzee, A. F. (2002). *Pembentukan Mental dan Fizikal Kanak-kanak melalui Sukan. Kokurikulum: Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Fauzi, I. M. (2002). *Gejala Sosial Mampu Dibanteras Melalui Kegiatan Kokurikulum. Kokurikulum: Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Fischer, C. T. (1985). *Individualized Psychological Assessment*, Monterey, Ca.: brooks/ Cole Publishing Company.

- Forster, E. (1979). *Aspek-aspek Novel*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa Dan Pustaka.
- Gardner, H. 1993. *Multiple Intelligence: The Theory in Practise*. New York: Basic Books.
- Gaya Dewan. (1995). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gazalba, S. (1983). *Islam dan Perubahan Sosiobudaya: Kajian Islam tentang Perubahan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence : Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1999). *Working With Emotional Intelligence*. New York : Batam Books.
- Halis Azahan Mohd. Hanafiah. (2014). *Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Hamdan Hassan (Ed). (1980). *Sastera Melayu dan Islam Dalam Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Hamka. (1995). *Falsafah Hidup*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Hamzah Hamdani. (2003). *Kesusasteraan Islam: konsep, prinsip dan pengembangannya*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- Harun Din. (1990). *Manusia Dalam Islam*. Bangi: Penerbit Darulshifa.
- Hashim Awang. (1984). *Kesusasteraan Melayu Dalam Kritikan dan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1997). *Kritikan Kesusasteraan : Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan. (1998). *Pengajian Sastera Dan Sosio Budaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akadei Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hashim Awang, Zahir Ahmad, Noor Hasnoor Mohamad Nor, Nor Hisham Osman & Md. Erman Md. Yassin. (2005). *Emosi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hashim Ismail. (2000). *Sastera Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Hashim Musa. (1980). *Islam Dan Pengucapan Seni Dalam Kesusasteraan Melayu Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hassan Baseri Budiman. (2007). Mata Pelajaran Kesusasteraan Tidak Relevan Lagi. *Dewan Sastera*. Julai: hal. 33 -35.
- Hassan Langgulung. (1991). *Kreativiti dan Pendidikan: Suatu Kajian Psikologi dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahsa dan Pustaka.

- Hassan Langgulung. (1997). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hayashi, A. (2005). Emotional Intelligence and Outdoor Leadership. *The Journal of Experiential Education*. ProQuest Education Journals. Vol. 27.
- Hayek, F. (1993). *Keangkuhan yang Membinasakan: Kesilapan dalam Sosialisme*. Abdullah Mad Noor (Terj). Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Imam Al-Ghazali. (1988). *Ihya Ulumuddin Jiwa Agama*, Terj. Prof.TK. H. Ismail Yakub SH; MA. (Jilid 1 – 8). Kuala Lumpur: Penerbitan Victory Ajensi.
- Irwan Abu Bakar. (2007). Novel Popular dan Pembangunan Minda. *Dewan Sastera*. Februari: hal. 36 -37.
- Ishak Ramly. (1996). Menggarapi Dunia Faedah dan Keilmuan Sastera Melalui Penstrukturran Kurikulum dan Pemantapan Kaedah Pengajaran. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusastraan Melayu Kedua*. Universiti Sains Malaysia, pada 28 -29 Disember.
- Ismail Al-Faruqi & Lois Lamya Al-Faruqi. (1988). *Pemikiran Islam Al-Faruqi (Terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1974). *Sastera Dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Pustaka Bunga Raya.
- Ja'afar Hamdan. (2009). Memaknakan Konsep Novel Popular. *Dewan Sastera*. Mei: hal. 66 – 67.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2007). *Profil Statistik 2006*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2009). *Laporan Statistik 2009*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jumali Haji Selamat. (1997a). *Novel-novel Remaja di Malaysia: Satu Analisis Aspek Sosial*. Tesis Sarjana Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jumali Haji Selamat. (1997b). *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel Remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Jeanne Segal. (1977). *Raising Your Emotional Intelligence*. New York : Owl Books.
- Kamariah Kamaruddin. (2011). *Takmillah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kunنانatt, J.T. (2004). Emotional Intelligence: The New Science of Interpersonal Effectiveness. *Human Resources Development Quarterly*. Vol. 15: 4. Winter 2004.
- Lutfi Abas. (1995). *Kritikan karya sastera sebagai karya seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (1982). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majzub, R. M. (1998). *Memahami Jiwa Dan Minda Remaja*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (Peny.) (1977). *Pembangunan Seni & Sastera*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (1988). *Sastera Islam dalam pembinaan*. Bangi: Penerbit Karyawan.
- Mana Sikana. (1996). *Falsafah dan seni kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, (Peny.). (1997). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2005). *Sastera Junjungan*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Matlob. (1964). *Sastera Alam Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mayer, J. D., Caruso, R., & Salovey. P. (1993). The Intellegence of Emotional Intellegence. *Intellegence*. 17. 433 – 442.
- Mayer, J. D & Salovey, P. (1997). What Is Emotional Intellegence? P.Salovey & D. Sluyter (Eds.), *Emotional Development and Emotional Intellegence: Implication for Educator*. New York: Basic Books.
- Mayer, J. D., Caruso, R., & Salovey. P. (1999). Emotional Intellegence Meets Traditional Students for an Intellegence. *Intellegence*. 27: 267.
- Mayer, J. D., Salovey, P., & Curaso, D. (2000). *Model of Emotional Intellegence*. In R.J. Sternberg (Ed.), *The Handbook of Intellegence* 2nd Edition. New York: Cambridge University Press.

- Md.Salleh Yaapar. (1992). *Kesusasteraan Islam dan Penghayatannya di Malaysia pada Masa Kini*. Baharuddin Ahmad. (Ed.). *Sastera Sufi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mhd. Shokkeri Hj. Ismail. (1997/1998). *Citra Remaja dalam Novel-novel Pilihan 1990 – 1995: Satu Kajian Psikologi*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamad Saleeh Rahmat. (1997). Novel Sejarah Remaja di Malaysia – Perkembangan dan Permasalahan. *Seminar Perkembangan Novel Remaja di Malaysia* di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 12 -13 November : hal. 1 – 15.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid. (Ed) (2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Selangor: PTS Publications & Distributors.
- Mohd. Azhar Yahaya. (2004). *Pengaruh Kecerdasan Emosi ke Atas Komitmen Kerjaya, Komitmen Organisasi, Kepuasan Kerjaya dan Tingkah laku Warga Organisasi*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd. Salleh Lebar. (1994). *Asas Perkembangan Psikologi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Mohd. Yazid Kassim. (2005). *Genre Drama dalam Teks Sastera: Kajian Kandungan Nilai*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- McGann, J. J. (1989). *Mengkritik Kritikan Teks Moden*. Ten. Suffian Sahuri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Md. Dzul Fahmi. (1995). *Bimbingan Kecantikan Akhlak Dan Keluhuran Budi*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Michael O. Tunnell, J. S. (2000). *Children's Literature, Briefly: Second Editon*.
- Misran, R. (2001). Sastera kanak-kanak dan Remaja : Dalam Era Globalisasi Cabaran dan Masa Depan. *Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Misran, R. (2006). Novel Popular Lebih Nilai Komersial Daripada Nilai Intelektual: Kajian Teks Novel Pasrah Kasih Karya Mazia Harris. *Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur pada 14 – 15 Disember.
- Mohd. Kasim Ismail. (1999a). Cerpen Melayu Mutakhir: Analisis Pemikiran dan Teknik Naratif. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, (pp. 107 - 129).

- Mohd. Kasim Ismail. (1999b) Cerita Fantasi: Kesesuaianya sebagai Bahan Bacaan Kanak-kanak dan Remaja. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi , November: 159-170.
- Mohd. Kasim Ismail. (1999c). Sastera Kanak-kanak dan Remaja: Pentafsiran dan Penilaian Cerpen dan Novel Pilihan. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi , Mei: 90 - 106.
- Mohd. Kasim Ismail. (2000). Pendidikan Kesusasteraan ke Arah Membina Pemikiran. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi , Mei: 167 - 185.
- Mohd. Nasir Omar. (1986). *Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Selangor: Penerbitan Universiti Malaya.
- Muhammad Abu Bakar. (1987). *Penghayatan Sebuah Ideal- Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad D. Sensa. (2006). *Membentuk Kecerdasan Daripada Quran* (Edisi Malaysia). Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Muhamad Fauzi Othman. (2004). *Menghayati Islam Dapat Meningkatkan EQ* dalam buku Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi. Kuala Lumpur. PTS.
- Muhammad Khair Fatimah. (1996). *Adab Dan Sopan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Hj. Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslih Muhammad. (2010). *Kecerdasan Emosi Menurut Al-Quran*. Jakarta: Akbar Media Eka Sarana.
- Mustafa Fahmi, D. (1976). *Saikologi Kanak Kanak dan Remaja*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Mustafa Daud. (1994). *Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2008). *Takwa*. Kuala Lumpur: Anbakri Publik Sdn. Bhd.
- Nik Abdul Kadir (Hj.) Haji Nik Muhammad. (1985). *20 Sifat Hati yang Keji dan Terpuji*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2005). *Pemikiran dan Teknik Penceritaan dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nor Azah Abd Aziz. (Peny.) (2003). *Laporan Panel Hakim* dalam Cinta Ahmad Mutawakkil. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Nor Azah Abd Aziz. (Peny.) (2004). *Laporan Panel Hakim dalam Inikah Sejarah Esok*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Azah Abd Aziz. (Peny.) (2005). *Laporan Panel Hakim dalam Segala yang Tercinta Ada di Sana*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Azah Abd Aziz. & Rozlan Mohammed Noor (Peny.) (2006). *Laporan Panel Hakim dalam Pelangi, Kami Ingin ke Sana*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Azah Abd Aziz. & Rozlan Mohammed Noor (Peny.) (2007). *Laporan Panel Hakim dalam Pusaka Cendana*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Azah Abd Aziz. & Rozlan Mohammed Noor (Peny.) (2008). *Laporan Panel Hakim dalam Wira Mandala Hijau*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Azah Abd Aziz. & Rozlan Mohammed Noor (Peny.) (2009). *Laporan Panel Hakim dalam Batu-batu di Jalanan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Azah Abd Aziz. & Rozlan Mohammed Noor (Peny.) (2010). *Laporan Panel Hakim dalam Fort Margherita*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Raudah Hj. Siren. (2005). *Emosi Remaja Melayu dalam Novel Remaja Melayu. Emosi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Nor Raudah Haji Siren. (1997). *Diri: Satu Analisis Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu Terpilih*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nordin Mohamad. (1997). *Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Novel Pilihan Shahnon Ahmad*. Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Haji Zakaria. (2003). *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Nur Azmi Kuntum. (1991). *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nye, R. D. (1992). *Tiga Pemikiran Psikologi: Perspektif Dari Freud, Skinner dan Rogers*. Terj. Mahmood Nazar Mohamed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Omar Mamat. (1995). *Nilai-nilai Moral dalam Novel Remaja*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Omar Mamat. (2000). Nilai dalam Teks Komponen Sastera. *Seminar Kebangsaan: Teks Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu: Pendidikan Sastera Wahana Pembinaan Negara Bangsa*. Institut Bahasa Melayu Malaysia, pada 12 - 14 Julai.
- Othman Puteh (Peny.). (1994). *Teks Cerminan Nilai Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1998). *Tanggapan Terhadap Kesusasteraan Remaja*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pahrol Mohamad Juoi. (2013). *Semuanya Soal Hati*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Ramli Sidin. (1998). *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Razali Ismail. (2003). *Menjentik Minda – Siri Memperkasa Profesionalisme Keguruan*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Roshiza Abdul Wahab. (2002). *Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran Mengikut Persepsi Guru*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial – Pendekatan Pragmatik*. Kuala Lumpur: EDU
- Sahlan Mohd Saman (Peny.), 1994. *Pengarang Dan Kepengarangan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Salleh, A. H. (1994). Beberapa Persoalan Penting dalam Pengajaran Sastera. *Kolokium Pengajaran Sastera; Tema: Ke Arab Mendaulatkan dan Memasyarakatkan Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 14 - 15 November.
- Salovey, P., & Mayer, J.D. (1990). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition, and Personality*. Baywood Publishing Company, 9(3).
- Salovey. P., Brackett. M.A., & Mayer. J. D. (Eds.). (2004). *Emotional Intelligence Key Readings about the Mayer and Salovey Model*. Port Chester, New York: Dude Publishing.
- Salovey. P., Brackett. M. A., & Mayer. J.D. (Eds.). (2007). *Emotional Intelligence: Key Readings on the Mayer and Salovey Model*. New York: Dude Publishing.
- Saroja Theavy a/p Balakrishnan. (2001). *Citra Watak Remaja dalam Novel-novel Othman Puteh*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sauberg, L. O. (1991). *Fact Into Fiction: Documentary Realism in the Contemporary Novel*. London: Macmillan Academic and Professional Ltd.

- Shafei Abu Bakar. (1995). Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid. S. Jaafar Husin (Ed), *Penelitian Sastera Metodologi Dalam Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Shahabuddin, Hashim, Rohizani, Yaakub. (2004). *Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- Shahizan Hassan, Tsai C. C., & Saw T. C. (2005). *Intrapersonal & Interpersonal untuk Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Shamsuddin Othman. (2012). *Model Rasa Insaniah dalam Puisi Islam Tiga Penyair Nusantara*. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Kesusastraan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Short, G. N. (1933). *Gaya dalam Cereka: Penerapan Linguistik dalam Prosa Cereka Inggeris Terj. Umar Junus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siddiq Fadil. (1998). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Sidi al-Gazalba. (1977). *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Siti Hawa Majid & Ma'rof Redzuan. (1990). Pengantar Psikologi. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Siti Jasmina Ibrahim. (2002). *Trilogi Cinta*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siu, L. C. (1966). *Drs. Ikhtisar Kesusastraan Melayu Baru 1830-1945*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1992). *Mobiliti Sosial Perspektif Barat dan Islam dalam Novel Terpilih Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1998a). *Membentuk Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Melalui Kesusastraan Kanak-kanak*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1998b). *Rasa Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A.Samad Said*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. (2001). *Bukan Legasi Lalang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. (2007). *Odisi Tanah Kencana*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. (2008). *Warisnya Kalbu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. (2009). *Kasih Nan Agung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Sri Rahayu Mohd Yusop. (2010). *Impuls/Roh*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sternberg, R. J. (2003). Our Research Program Validating the Triarchic Theory of Successful Intelligence: Reply to Gottfredson. *Intelligence*. 31, 399 – 413.
- Suinn, R. M. (1980). *Psychology in Sport : Methods and applications*. Calorado State University, Minnesota : Buegess Publishing Company.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1977). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Syed Najmuddin Syed Hassan. (2005). *Hubungan Antara Faktor Kecerdasan Emosi, Nilai Kerja dan Prestasi Kerja di Kalangan Guru Maktab Sains Mara*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Othman Kelantan. (1985). *Teknik Mengkaji Novel: Dalaman dan Luaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Othman Kelantan. (1987). *Sastera Melayu Dan Islam Dalam Kesusasteraan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tafsir Al- Qur'an AL- Muhammin. (2012). Selangor: Penerbit Dar Hakamah.
- Tahir, A. (1898). *Proses Penciptaan Novel : Ishak Haji Muhammad, A. Samad Said dan Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Taufiq, P. (2002). *Revolusi IQ/ EQ/ SQ: Antara Neurosains dan Al-Quran*. Bandung: Pustaka Miza.
- Teh, F. K. (2001). *Pengaruh Kecerdasan Emosi (EQ) dan Amalan Keibubapaan Terhadap EQ Remaja*. Tesis Sarjana. Universiti Pertanian Malaysia, Selangor.
- Tyson, L. (1999). *Critical Theory Today: A Userfriendly Guide*. New York and London: Gerland Publishing, Inc.
- Walkomir, R. (1997). *Bagaimana Membuat Pilihan yang Bijak*. Anton Adiwiyito (Terj.) Selangor: Thinkers Library.
- Walter Sawyer, D. E. (1997). *Membesar Bersama Kesusasteraan*. Shamsuddin Jaafar (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Norlidza Wan Mohd Zain. (1999/2000). *Kekuatan Nilai Islam: Satu Kajian dalam Novel Halangan dan Rintangan*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Norlidza Wan Mohd Zain & Hashim Ismail. (2015a). Sumbangan V. I Braginsky: Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik. *Monograf Sastera*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Wan Norlidza Wan Mohd Zain & Hashim Ismail. (2015b). Komponen Kesedaran Peribadi dalam Novel Remaja Terpilih. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Warren, R. W. (1988). *Teori Kesusteraan*. Wong Seng Tong (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Waugh, P. R. (1996). *Moderm Literary Theory: A Reader 3th Edition..* London: Arnold.
- Webster, R. (1990). *Studying Literary Theory: And Introduction*. London: Arnold.
- Webster, R. (1996). *Studying Literary Theory: An Introduction 2nd Edition.* London: Arnold
- Yusof, C. A. (2002). Perlunya Kokurikulum dalam Sistem Pendidikan Sekolah". *Kokurikulum: Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yusof, S. D. (2002). Matlamat dan Implikasi Kikurikulum terhadap Pelajar. *Kokurikulum: Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. pp. 15-24.
- Yusoff, M. T. (Peny.) (1983). *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zaiton Buyong. (1999). Peranan Sastera dalam Dunia IT. *Berita Harian*. 24 Julai: hal. 7.
- Zakaria Stapa. (2001). *Akidah & Akhlak dalam Kehidupan Muslim* (Cetakan Kedua). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

Kriteria Umum Penilaian

Laporan Panel Penilai Hadiah Sastera Kumpulan Utusan menurunkan (a) ukuran penilaian bagi setiap kategori, secara umum, dan (b) skop dan ukuran penilaian sesuatu kategori, secara lebih khusus. Ukuran yang berikut menjadi panduan umum dan rujukan Panel Penilai dalam proses menyaring dan memilih karya yang layak menerima hadiah:

- **Nilai kognitif:** Karya mampu menjana daya taakulan pembaca dan menawarkan pengalaman estetik.
- **Nilai pemikiran:** Karya mengemukakan pemikiran positif, bervariasi atau sebaiknya bervisi besar dan garda depan. Persoalannya boleh berlatar tempatan, malah karya berupaya berdialog di peringkat antarabangsa juga.
- **Nilai akhlak:** Karya dapat menyumbang kepada pembinaan sahsiah khalayak.
- **Nilai keprihatinan:** Karya peka terhadap aspirasi nasional, dinamika sosial dan isu kemanusiaan sejagat.
- **Nilai bahasa:** Bahasanya indah, kreatif, imaginatif, berkesan; kuat menunjang tema; bukan sahaja membawa makna cerita, bahkan bahasa itu sendiri merupakan idea, pemikiran dan ideologi.
- **Nilai kreativiti:** Karya mengungkapkan idealisme dan pemikiran yang asli secara anjal serta berupaya membawa makna berlapis dan tafsiran yang pelbagai.
- **Nilai keseimbangan:** Karya terbina secara harmonis antara subjek dengan teknik pengolahan.

***Catatan**

*Sekiranya wujud keadaan yang memerlukan pemilihan antara dua karya, maka kriteria **Nilai Bahasa** diberi keutamaan dalam menentukan pilihan.*

Skop dan Ukuran Penilaian

Bagi menilai karya yang dikategorikan sebagai cerpen remaja dan novel remaja, Panel Penilai telah merangka ukuran yang berikut sebagai panduan:

- Karya menggunakan pandangan dunia remaja, daripada aspek pengolahan dan pemikiran.
- Karya menggunakan pendekatan serta gaya bahasa yang komunikatif.
- Karya mengemukakan nilai motivasi yang dapat membangkitkan semangat dan memupuk jiwa remaja yang berkualiti dari sudut penyempurnaan akal budi, penampilan sahsiah yang berhemah tinggi dan berjati diri.
- Karya menampilkan unsur eksploratif, iaitu penerokaan bagi melahirkan paradigma baharu dalam aspek tema, persoalan, pemikiran, dan bentuk.
- Karya mengangkat nilai insani dalam memacu kecemerlangan dan memperkasakan keutuhan manusiawi untuk menangani masalah kehidupan.
- Karya mengandungi mesej berseni tentang harapan, motivasi serta kegigihan mencipta kejayaan masa depan.
- Sebaik-baiknya, watak remaja berperanan sebagai penggerak cerita, tetapi karya yang menampilkan watak dewasa dengan matlamat memberi pengajaran kepada remaja juga diterima.